

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>ISI KANDUNGAN PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI SIDANG PENGARANG VISI, MISI DAN OBJEKTIF CARTA ORGANISASI</b>	<b>i ii iii iv v</b>
<b>1</b>	<b>STATISTIK KESIHATAN</b>	<b>1–13</b>
<b>2</b>	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>	<b>14–76</b>
<b>3</b>	<b>BAHAGIAN PERUBATAN</b>	<b>77–117</b>
<b>4</b>	<b>BAHAGIAN KESIHATAN AWAM</b>	<b>118–327</b>
<b>5</b>	<b>BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN</b>	<b>328–361</b>
<b>6</b>	<b>BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI</b>	<b>362–398</b>
<b>7</b>	<b>BAHAGIAN KESELAMATAN &amp; KUALITI MAKANAN</b>	<b>399–467</b>
<b>8</b>	<b>UNIT KEJURURAWATAN</b>	<b>468–476</b>
<b>9</b>	<b>UNIT PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN</b>	<b>477–503</b>

## **PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**

Assalamualaikum/Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinya, Buku Laporan Tahunan bagi tahun 2019 dapat diterbitkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Pengarang Laporan Tahunan 2019 yang telah bertungkus lumus dalam usaha untuk menerbitkan laporan ini. Laporan tahunan adalah satu-satunya penerbitan yang amat penting kepada jabatan dan merupakan dokumen yang memaparkan bahawa kita telah berjaya melalui tahun 2019 dengan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada setiap warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang demi mencapai visi dan misi jabatan bagi memastikan rakyat negeri Pulau Pinang terus mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti selaras dengan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sepanjang tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan semua aktiviti yang telah dirancang dan prestasi yang dicapai adalah selaras dengan sasaran Kementerian Kesihatan Malaysia. Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di atas kegigihan yang ditunjukkan dalam melaksanakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2018. Selaras dengan transformasi ke arah pencapaian kecemerlangan perkhidmatan, pelbagai usaha dan inovasi telah dilakukan. Budaya kerja "Kami Sedia Membantu" tanpa mengira situasi perlu sentiasa dipraktikkan oleh semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan bagi memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negeri Pulau Pinang. Segala data statistik yang dimuatkan dalam laporan ini harus dijadikan rujukan serta sumber penting bagi membuat perancangan berdasarkan fakta (*evidence based planning*) agar perkhidmatan yang disediakan akan terus dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga jabatan JKN yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan laporan tahunan ini. Semangat kerja berpasukan serta komited hendaklah dikekalkan sepanjang masa. Semoga segala usaha kita dalam memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat akan diberkati bagi membolehkan kita memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**DR. ASMAYANI BINTI KHALIB**  
**PENGARAH KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**

**SIDANG PENGARANG  
LAPORAN TAHUNAN 2019**

**PENGERUSI**

Dr. Asmayani binti Khalib  
Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

**PENYELARAS PENGARANG**

Dr. Elizabeth Anthony  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Dr. Marina binti Kamaruddin  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Dr. Maznah Mohd Nor  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

Puan Zubaidah Che Embee  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

En. Velan Supramaniam  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

Puan Hajah Ku Nafishah Ku Ariffin  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan & Kualiti Makanan)

**URUSETIA**

Unit Rekod Perubatan  
Bahagian Perubatan  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

**VISI**  
**JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**

Pulau Pinang akan wujud sebagai sebuah negeri terdiri daripada individu, keluarga dan masyarakat yang sihat melalui sistem kesihatan yang adil dan saksama, cekap, mampu disedia dan diperolehi, berteknologi sesuai, serasi pelanggan dan bersesuaian dengan persekitaran.

Sistem ini juga akan mengutamakan kualiti, inovasi, promosi kesihatan, hormat kepada kemuliaan insan serta menggalakkan tanggungjawab individu dan penyertaan masyarakat kearah peningkatan mutu kehidupan.

**MISI**  
**JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**

Mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat negeri Pulau Pinang untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk:

- Mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan mereka
- Menghargai kesihatan sebagai aset yang bernilai
- Mengambil langkah positif meningkatkan lagi dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang lebih bermutu

**OBJEKTIF**  
**JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**


Membantu seseorang individu mencapai dan mengekalkan suatu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, meliputi aspek penggalakan, pencegahan dan rawatan yang cekap serta pemulihan.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# CARTA ORGANISASI JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

PENGARAH KESIHATAN NEGERI  
DATO' DR. ASMAYANI BINTI KHALIB  
(JUSA B)



## STATUS KESIHATAN

### Penduduk

Anggaran penduduk negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 adalah seramai 1,774,600 orang. Taburan penduduk mengikut bangsa dan umur adalah seperti di Jadual 1.1

Jadual 1.1:  
Taburan Penduduk Mengikut Bangsa Dan Umur, 2019

Kumpulan Umur	Jumlah	Warganegara Malaysia				Bukan Warganegara Malaysia
		Bumiputera	Cina	Indian	Lain-lain	
Jumlah	1774.60	759.50	693.90	166.80	5.10	149.40
0 - 4	108.80	63.80	31.80	9.10	0.40	3.60
5 - 9	111.70	62.50	36.00	10.90	0.40	1.80
10 - 14	115.10	62.20	39.40	12.40	0.50	0.60
15 - 19	130.50	62.90	46.80	14.00	0.40	6.40
20 - 24	171.80	70.70	51.20	14.30	0.60	35.10
25 - 29	181.00	71.60	53.20	14.20	0.50	41.60
30 - 34	158.70	72.90	48.30	12.90	0.20	24.40
35 - 39	144.90	63.70	52.90	13.50	0.30	14.60
40 - 44	118.30	47.50	50.80	11.30	0.40	8.40
45 - 49	112.10	44.10	52.00	11.50	0.30	4.10
50 - 54	102.50	37.30	51.30	10.70	0.30	2.90
55 - 59	88.80	30.80	45.80	10.00	0.20	2.00
60 - 64	77.30	25.50	41.50	8.50	0.20	1.60
65 - 69	59.70	18.40	34.20	6.10	0.20	0.80
70 - 74	44.30	12.40	27.30	3.90	0.10	0.60
75 - 79	25.10	7.00	16.00	1.70	0.10	0.30
80 - 84	15.70	3.60	10.70	1.00	0.00	0.30
85+	8.50	2.50	4.80	0.80	0.00	0.30

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Taraf Kesihatan

Berikut adalah kadar-kadar penting di Pulau Pinang bagi tempoh 2015 hingga 2019.

Jadual 1.2:

Kadar-Kadar Penting Di Pulau Pinang Bagi Tahun 2015-2019

<b>Kadar-Kadar/Tahun</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
Kadar Kasar Kelahiran	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4
Kadar Kasar Kematian	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2
Kadar Lahir Mati*	7.8	7.3	6.8	6.9	7.2
Kadar Kematian Perinatal*	12.5	11.9	10.6	11.1	10.6
Kadar Kematian Neonatal*	5.7	5.6	4.3	5.4	4.7
Kadar Kematian Bayi*	8.1	7.7	6.8	7.5	6.6
Kadar Kematian Ibu Bersalin**	31.5	31.4	44.9	27.5	32.6
Kadar Kematian Kanak-Kanak (bawah 5 tahun)	9.4	9.2	7.9	8.8	7.6

\*Kadar kematian per 1,000 kelahiran hidup

\*\*Kadar per 100,000 penduduk

## Kemudahan Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan primer di Malaysia adalah antara yang terbaik di negara-negara membangun. Klinik-klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan yang komprehensif iaitu perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan bagi ibu dan anak, remaja, warga tua, kesihatan mental, pemakanan dan perkhidmatan rehabilitasi untuk kanak-kanak istimewa. Perkhidmatan kecemasan, rawatan pesakit luar dan pesakit dalam disediakan di enam buah hospital kerajaan dan juga di hospital-hospital swasta, di samping perkhidmatan sokongan rehabilitasi seperti fisioterapi dan carakerja. Empat buah hospital daripadanya iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau menyediakan rawatan pesakit luar di Jabatan Pesakit Luar Am. Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Kepala Batas merupakan hospital berpakar.

Jadual 1.3:

Kemudahan Kesihatan Dan Hospital Kerajaan Di Negeri Pulau Pinang, Tahun 2019

Jenis Kemudahan/Daerah	Timur Laut	Barat Daya	Seberang Perai Utara	Seberang Perai Tengah	Seberang Perai Selatan	Jumlah
Hospital	1	1	1	2	1	6
Klinik Kesihatan (KK)	10	3	7	8	5	33
Klinik Kesihatan Ibu & Anak	3	1	0	1	1	6
Klinik Desa (KD)	3	12	20	11	10	56
Klinik Pergigian	7	4	6	6	5	28
Klinik Pakar Pergigian	6	1	4	5	0	16
Klinik 1 Malaysia	1	1	3	3	2	10
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>23</b>	<b>41</b>	<b>36</b>	<b>24</b>	<b>155</b>

## Pencapaian Statistik

### Perkhidmatan Pesakit Luar

Jadual 1.4:

Kedatangan Pesakit Luar Ke Hospital Kerajaan Di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2019

Hospital	Klinik Pakar	Jabatan Kecemasan	Jabatan Pesakit Luar	Jumlah Pesakit Luar
Hospital Pulau Pinang	445,244	147,297	147,860	740,401
Hospital Seberang Jaya	137,549	97,356	-	234,905
Hospital Bukit Mertajam	114,421	85,476	115,772	322,824
Hospital Kepala Batas	40,452	60,539	-	100,991
Hospital Sungai Bakap	7,757	59,858	104,032	197,082
Hospital Balik Pulau	993	44,532	69,398	114,923
<b>JUMLAH</b>	<b>746,416</b>	<b>495,058</b>	<b>437,062</b>	<b>1,678,536</b>

Nota: Tiada Jabatan Pesakit Luar di Hospital Seberang Jaya dan Hospital Kepala Batas.

Jadual 1.5:

Kedatangan Pesakit Luar di Klinik Kesihatan Awam Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2019

<b>Pejabat Kesihatan Daerah</b>	<b>Klinik Kesihatan</b>	<b>Klinik 1 Malaysia</b>	<b>Klinik Desa</b>	<b>Klinik Kesihatan Ibu &amp; Anak</b>	<b>Jumlah Pesakit Luar</b>
PKD Timur Laut	1,166,150	24,771	9,011	34,761	1,234,693
PKD Barat Daya	403,422	32,406	72,383	14,299	522,510
PKD Seberang Perai Utara	881,917	67,857	98,820	Tiada servis	1,048,594
PKD Seberang Perai Tengah	650,791	60,798	107,833	20,851	840,273
PKD Seberang Perai Selatan	301,485	51,382	61,056	11,352	425,275
<b>JUMLAH</b>	<b>3,403,765</b>	<b>237,214</b>	<b>349,103</b>	<b>81,263</b>	<b>4,071,345</b>

### Jabatan Pesakit Luar

Perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar disediakan di empat buah hospital di Pulau Pinang iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau sahaja. Hospital Seberang Jaya dan Hospital Kepala Batas merupakan hospital nuklear dan tidak menyediakan perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar.

Jadual 1.6:

10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit Luar (Baru) Ke Jabatan Pesakit Luar Bagi Tahun 2019

	<b>Sebab-Sebab Utama</b>	<b>Bilangan Kedatangan</b>	<b>%</b>
1	Disease of the respiratory system	89,315	37.59
2	Symptoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified	47,924	20.17
3	Factors influencing health status and contact with health services	19,532	8.22
4	Disease of the Skin and Subcutaneous Tissue	16,137	5.04
5	Disease of The Musculoskeletal System And Connective Tissue	11,985	4.86
6	Disease of digestive system	11,558	4.86
7	Disease Of Eye And Adnexa	7,366	3.10
8	Certain infectious and parasitic disease	7,035	2.96
9	Disease of the genitourinary system	6,745	2.84
10	Disease of the ear and mastoid process	5,564	2.34
	<b>Jumlah (10 Sebab Utama)</b>	<b>223,161</b>	<b>93.91</b>
	<b>Lain-Lain Sebab</b>	<b>14,471</b>	<b>6.09</b>
	<b>Jumlah Kedatangan Baru</b>	<b>237,632</b>	<b>100.00</b>

## Perkhidmatan Kecemasan

Kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dikategorikan mengikut kod. Kod merah bermaksud kritikal, kod kuning semi kritikal dan hijau bermaksud akut tetapi tidak kritikal. Sebahagian besar dari jumlah kedatangan ke Jabatan Kecemasan adalah kes kategori kod hijau.

Jadual 1.7:

Kedatangan Pesakit Ke Jabatan Kecemasan Mengikut Kod Bagi Tahun 2019

Hospital	Merah		Kuning		Hijau		Bukan Kecemasan		Jumlah	Purata Harian
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
Hospital Pulau Pinang	8,530	5.79	29,840	20.26	52,418	35.59	56,509	38.36	147,297	404
Hospital Seberang Jaya	2,421	2.49	15,577	16.00	63,593	65.32	15,765	16.19	97,356	2267
Hospital Bukit	2,142	2.51	20,933	24.49	40,904	47.85	21,497	25.15	85,476	234
Hospital Kepala Batas	1,999	3.30	13,925	23.00	22,174	36.63	22,441	37.07	60,539	166
Hospital Sungai Bakap	862	1.44	7,834	13.09	28,644	47.85	22,518	37.62	59,858	164
Hospital Balik Pulau	167	0.38	6,725	15.10	37,640	84.52	0	0.00	44,532	122
<b>JUMLAH</b>	<b>16,121</b>	<b>3.26</b>	<b>95,034</b>	<b>19.16</b>	<b>245,163</b>	<b>49.56</b>	<b>138,730</b>	<b>28.02</b>	<b>495,058</b>	<b>1,356</b>

Jadual 1.8: 10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit (Baru) Ke Jabatan Kecemasan Bagi Tahun 2019

	<b>Sebab – Sebab Utama</b>	<b>Bilangan Kedatangan</b>	<b>%</b>
1	Disease of the respiratory system	135,231	29.60
2	Symptoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified	120,872	26.46
3	Injury, poisoning and certain other consequences of external causes	60,060	13.15
4	Certain infectious and parasitic disease	29,619	6.48
5	Disease of digestive system	26,255	5.75
6	Disease of the circulatory system	19,912	4.36
7	Disease of the skin and subcutaneous tissue	16,104	3.52
8	Disease of genitourinary system	10,228	2.24
9	Disease of the eye and adnexa	8,554	1.87
10	Endocrine, nutritional and metabolic disease	8,165	1.79
	<b>Jumlah (10 Sebab Utama)</b>	<b>435,000</b>	<b>95.21</b>
	<b>Lain-Lain Sebab</b>	<b>21,875</b>	<b>4.79</b>
	<b>Jumlah Kedatangan Baru</b>	<b>456,875</b>	<b>100.00</b>

### Perkhidmatan Klinik Pakar

Jadual 1.9: 10 Sebab Utama Kedatangan Baru Ke Klinik Pakar Bagi Tahun 2019

	<b>Sebab – Sebab Utama</b>	<b>Bilangan Kedatangan</b>	<b>%</b>
1	Disease of the eye and adnexa	29,197	19.48
2	Injury, poisoning and certain other consequences of external causes	16,523	11.02
3	Disease of the ear and mastoid process	13,129	8.76
4	Disease of digestive system	11,258	7.51
5	Factor influencing health status and contact with health services	11,199	7.47
6	Disease of genitourinary system	10,613	7.08
7	Disease of the circulatory system	7,606	5.07
8	Disease of the skin and subcutaneous tissue	7,074	4.72
9	Disease of the respiratory system	5,982	3.99
10	Neoplasms	5,716	3.81
	<b>Jumlah (10 Sebab Utama)</b>	<b>118,297</b>	<b>78.93</b>
	<b>Lain-Lain Sebab</b>	<b>31,581</b>	<b>21.07</b>
	<b>Jumlah Kedatangan Baru</b>	<b>149,878</b>	<b>100</b>

## Perkhidmatan Pesakit Dalam

### Kemasukan Hospital


Jadual 1.10:

Kemasukan Ke Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang Mengikut Disiplin, Tahun 2015-2019

Hospital/Tahun	2015	2016	2017	2018	2019
Perubatan Am	30,278	32,434	28,442	29,606	29,288
Pembedahan Am	12,636	12,570	12,078	12,545	11,359
Ortopedik	9,962	9,325	10,109	10,027	9,855
O&G	28,244	29,132	29,610	28,752	27,353
Paediatrik	14,840	25,503	22,406	27,345	27,355
Lain-Lain	32,833	24,131	29,547	33,140	33,612
<b>Negeri</b>	<b>128,793</b>	<b>133,095</b>	<b>132,192</b>	<b>141,415</b>	<b>138,822</b>

Rajah 1.1:

Kemasukan Ke Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tahun 2015-2019



## Kadar Penggunaan Katil (BOR)

Jadual 1.11:

Kadar Penggunaan Katil (BOR) bagi Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tahun 2014 – 2019

Hospital/Tahun	Kadar Penggunaan Katil (%)					
	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Pulau Pinang	75.53	74.36	72.40	68.70	69.93	71.03
Hospital Seberang Jaya	108.08	105.32	82.42	84.94	96.28	96.08
Hospital Bukit Mertajam	64.56	65.22	70.91	69.64	71.98	67.12
Hospital Kepala Batas	66.76	65.95	90.23	88.06	72.38	73.20
Hospital Sungai Bakap	45.71	48.70	51.29	49.95	50.00	50.84
Hospital Balik Pulau	60.94	62.60	52.66	50.45	53.97	52.84
<b>NEGERI</b>	<b>70.26</b>	<b>76.04</b>	<b>73.22</b>	<b>71.24</b>	<b>73.61</b>	<b>73.68</b>

Jadual 1.12:

Statistik Pesakit Dalam Di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2019

Hospital	Katil	Jumlah Kemasukan	Purata Kemasukan Harian	Jumlah Discaj	Jumlah Hari Pesakit	Jumlah Kematian	ALOS (Hari)
Hospital Pulau Pinang	1,158	60,254	165.07	60,826	300,242	2,505	4.94
Hospital Seberang Jaya	393	37,488	102.70	37,466	137,817	931	3.68
Hospital Bukit Mertajam	242	17,454	47.82	17,489	59,290	621	3.39
Hospital Kepala Batas	134	13,923	38.14	13,948	35,800	303	2.57
Hospital Sungai Bakap	105	5,301	14.52	5,300	19,485	167	3.68
Hospital Balik Pulau	81	4,402	12.06	4,399	15,621	47	3.55
<b>NEGERI</b>	<b>2,113</b>	<b>138,822</b>	<b>380.33</b>	<b>139,428</b>	<b>568,255</b>	<b>4,574</b>	<b>4.08</b>

*ALOS - Average Length Of Stay (Purata harian tinggal)*

## Kelahiran

Jadual 1.13:  
Kelahiran Di Unit Bersalin Hospital Kerajaan Bagi Tahun 2014–2019

<b>Hospital/Tahun</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
Hospital Pulau Pinang	5,254	3,649	4,515	4,574	4,457	4,519
Hospital Seberang Jaya	7,240	6,929	5,650	5,814	5,732	5,807
Hospital Bukit Mertajam	1,060	1,358	1,465	1,562	1,305	1,253
Hospital Kepala Batas	343	522	1,732	2,013	2,121	2,097
Hospital Sungai Bakap	218	211	260	183	124	99
Hospital Balik Pulau	180	338	266	230	203	201
<b>NEGERI</b>	<b>14,295</b>	<b>13,007</b>	<b>13,888</b>	<b>14,376</b>	<b>13,942</b>	<b>13,976</b>

## Perkhidmatan Makmal

Jadual 1.14:

Ujian Makmal Yang Dijalankan Mengikut Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tahun 2019

Jenis Pemeriksaan	Biochemistri	Microbiologi	Haematologi	Histopathologi	Cytologi	Forensic	Jumlah
<b>BEBAN KERJA PESAKIT LUAR</b>							
Hospital Pulau	2,025,742	103,780	558,978	0	16,496	0	<b>2,704,996</b>
Hospital Seberang	1,082,043	139,326	217,916	9,544	9,511	509	<b>1,458,849</b>
Hospital Bukit	472,989	9,492	57,116	0	56	0	<b>539,653</b>
Hospital Kepala	318,880	3,318	42,607	0	0	0	<b>364,805</b>
Hospital Sungai	285,240	2,217	24,966	0	15	0	<b>312,438</b>
Hospital Balik	210,281	3,105	22,107	0	0	0	<b>235,493</b>
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>4,395,175</b>	<b>261,238</b>	<b>923,690</b>	<b>9,544</b>	<b>26,078</b>	<b>509</b>	<b>5,616,234</b>
<b>BEBAN KERJA PESAKIT DALAM</b>							
Hospital Pulau	1,296,523	173,105	478,069	147,235	12,426	0	<b>2,107,358</b>
Hospital Seberang	1,083,875	148,336	243,447	21,179	7,498	222	<b>1,504,557</b>
Hospital Bukit	239,001	14,362	43,818	0	0	0	<b>297,187</b>
Hospital Kepala	118,015	8,899	23,706	0	0	0	<b>150,620</b>
Hospital Sungai	82,852	901	9,514	0	0	0	<b>93,267</b>
Hospital Balik	43,399	1,152	8,783	0	0	0	<b>53,334</b>
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>2,863,665</b>	<b>346,755</b>	<b>807,337</b>	<b>168,414</b>	<b>19,930</b>	<b>222</b>	<b>4,206,323</b>
<b>JUMLAH BEBAN KERJA</b>							
Hospital Pulau	3,322,265	276,885	1,037,047	147,235	28,922	0	<b>4,812,354</b>
Hospital Seberang	2,165,918	287,662	461,363	30,723	17,009	731	<b>2,963,406</b>
Hospital Bukit	711,990	23,854	100,934	0	56	0	<b>836,840</b>
Hospital Kepala	436,895	12,217	66,313	0	0	0	<b>515,425</b>
Hospital Sungai	368,092	3,118	34,480	0	15	0	<b>405,705</b>
Hospital Balik	253,680	4,257	30,890	0	0	0	<b>288,827</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>7,258,840</b>	<b>607,993</b>	<b>1,731,027</b>	<b>177,958</b>	<b>46,008</b>	<b>731</b>	<b>9,822,557</b>

## Perkhidmatan Tabung Darah Dan Pemindahan Darah

Jadual 1.15:

Pendermaan Dan Penggunaan Darah Di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tahun 2018 dan 2019

<b>Aktiviti</b>	<b>Jumlah 2018</b>	<b>Jumlah 2019</b>
Penderma Baru Sukarela	<b>19,406</b>	<b>17,017</b>
Penderma Tetap Sukarela	<b>28,498</b>	<b>31,825</b>
<b>Jumlah Penderma</b>	<b>47,904</b>	<b>48,842</b>
<b>Jumlah Penerima</b>	<b>18,006</b>	<b>22,831</b>
Bil. Unit Darah Digunakan	<b>36,857</b>	<b>39,745</b>
Bil. Unit Darah Tidak Sesuai	<b>968</b>	<b>1,021</b>
Bil. Unit Darah Habis Tempoh	<b>1060</b>	<b>672</b>
Bil. Unit Darah hantar ke lain hospital	<b>6,293</b>	<b>12,886</b>
<b>Jumlah Penggunaan Unit Darah</b>	<b>45,178</b>	<b>54,324</b>

Sebanyak lima buah hospital menyediakan komponen darah "*Whole Blood*" manakala empat buah hospital menyediakan komponen darah yang lain kecuali komponen darah "*Apheresis Plasma dan Platelet*" yang hanya disediakan di Hospital Pulau Pinang.

Jadual 1.16:

Penyediaan Dan Penggunaan Komponen Darah Di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2018–2019

Aktiviti	Jumlah 2018	Jumlah 2019
<b>Jumlah komponen darah :-</b>		
Disediakan	<b>120,571</b>	<b>90,758</b>
Digunakan	<b>64,234</b>	<b>65,681</b>
<b>Jenis Pemeriksaan Darah:</b>		
Penderma Darah	<b>1,109,316</b>	<b>1,245,379</b>
Penerima Darah	<b>1,140,260</b>	<b>1,212,975</b>
Ante-natal	<b>9,485</b>	<b>6,036</b>
Lain-lain	<b>24,623</b>	<b>10,085</b>
<b>Jumlah Pemeriksaan Darah</b>	<b>2,283,684</b>	<b>2,474,475</b>

## Pengimejan Diagnostik

Jadual 1.17:

Perkhidmatan Pengimejan Diagnostik yang dijalankan di Hospital Kerajaan dan Fasiliti Kesihatan di Negeri Pulau Pinang Tahun 2019

Fasiliti	Pemeriksaan Am	Sistem Alimentari	Sistem Billari	Sistem Urinari	Sistem Vaskular	Sistem Reproduktif	Ujian Jantung	Tomografi Berkomputer	Ultra Sono Graphy	Pengimejan Mr	Pemeriksaan Tambahan	Jumlah
HPP	202,372	170	199	1,032	1,559	166	0	22,243	16,500	2,650	9,188	256,079
HSJ	202,086	122	154	39	0	108	137	26,544	40,132	4,528	6,502	280,431
HBM	62,303	0	0	0	0	0	0	0	4,253	0	0	66,556
HKB	40,584	0	0	0	0	0	0	0	1,581	0	0	42,165
HSB	28,949	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	28,949
HBP	23,176	0	0	0	0	0	0	0	447	0	0	23,623
PKD TL	15,025	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	15,025
PKD BD	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PKD SPU	16,623	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	16,623
PKD SPT	10,143	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	10,413
PKD SPS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>NEGERI</b>	<b>601,261</b>	<b>292</b>	<b>353</b>	<b>1,071</b>	<b>1,559</b>	<b>274</b>	<b>137</b>	<b>48,787</b>	<b>62,913</b>	<b>7,178</b>	<b>15,690</b>	<b>739,864</b>

## Sokongan Klinikal

Jadual 1.18:  
Kedatangan Pesakit Sokongan Klinikal Ke Hospital Kerajaan 2019

Hospital	Pemulihan Perubatan (Pendengaran)	Pemulihan Perubatan (Pertuturan)	Pemulihan Perubatan (Anggota)	Pemulihan Perubatan (Carakerja)	Kaunseling Dietetik
<b>HPP</b>	6,632	3,019	90,550	59,108	6,643
<b>HSJ</b>	Tiada Servis	Tiada Servis	31,195	13,973	2,658
<b>HBM</b>	3,455	1,881	18,448	3,689	1,327
<b>HKB</b>	Tiada Servis	Tiada Servis	10,835	5,510	1,154
<b>HSB</b>	Tiada Servis	Tiada Servis	6,825	2,999	492
<b>HBP</b>	Tiada Servis	Tiada Servis	5,276	6,726	1,231
<b>JUMLAH</b>	<b>10,087</b>	<b>4,900</b>	<b>163,129</b>	<b>92,005</b>	<b>13,505</b>


## **BAHAGIAN PENGURUSAN**

Bahagian Pengurusan merupakan bahagian yang menyokong bahagian-bahagian lain dalam pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan bidang utama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di peringkat negeri, Bahagian Pengurusan merupakan nadi kepada pencapaian objektif Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Fungsi Bahagian Pengurusan adalah meliputi semua aspek pengurusan iaitu pengurusan sumber manusia, kewangan, psikologi & kaunseling, pembangunan, teknologi maklumat, pentadbiran, pengurusan aset dan stor serta komunikasi korporat.

Beroperasi di tingkat 3 dan 7 Bangunan MARA, Jalan Pengkalan Weld, Georgetown, Bahagian Pengurusan JKN Pulau Pinang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan terbahagi kepada enam cawangan iaitu Cawangan Sumber Manusia, Cawangan Khidmat Pengurusan, Cawangan Kewangan, Cawangan Pembangunan, Cawangan Teknologi Maklumat dan Cawangan Psikologi & Kaunseling.

## CARTA ORGANISASI JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG BAHAGIAN PENGURUSAN



TARIKH KEMASKINI 27 JANUARI 2020

### 1.0 CAWANGAN SUMBER MANUSIA


#### 1.1 Objektif

Objektif Cawangan Sumber Manusia adalah untuk memastikan keperluan sumber manusia di semua PTJ, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah mencukupi dan memenuhi keperluan agar penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan berkualiti dapat diberikan di semua fasiliti kesihatan kerajaan di negeri Pulau Pinang.

## 1.2 Pencapaian

### Kedudukan Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2019, terdapat sejumlah 13,640 perjawatan berbanding dengan 13,858 pada tahun 2018 di JKNPP yang meliputi 77 (gred Jusa C dan ke atas) jawatan dari kumpulan Pengurusan Tertinggi (PT), 2,700 jawatan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P), 7,248 jawatan dari kumpulan Paramedik dan Auksilari (P&A) dan 3,615 jawatan dari kumpulan Gunasama dan Sokongan (G&S).



Rajah 2.1:

Pembahagian Jawatan Mengikut Kategori Bagi Pengisian & Perjawatan Tahun 2019

**Ringkasan Perjawatan, Pengisian Dan Kekosongan Di JKN Pulau Pinang  
Sehingga 31 Disember 2019**

	PENGURUSAN TERTINGGI			PENGURUSAN & PROFESIONAL			PARAMEDIK & AUKSILIARI			GUNASAMA & SOKONGAN			JUMLAH			
	J	I	K	J	I	K	J	I	K	J	I	K	J	I	K	%
JKN Pulau Pinang	1	1	0	95	89	6	72	67	5	135	126	9	303	283	20	93.40
Bahagian Pergigian				217	200	17	491	471	20	245	228	17	953	899	54	94.33
Bahagian Farmasi	1	1	0	67	63	4				20	17	3	88	81	7	92.05
Hospital Pulau Pinang	61	55	6	836	801	35	2465	2344	121	1021	902	119	4383	4102	281	93.59
Hospital Seberang Jaya	9	9	0	410	418	-8	1023	992	31	466	445	21	1908	1864	44	97.69
Hospital Bukit Mertajam	3	3	0	177	221	-44	462	447	15	327	301	26	969	972	-3	100.31
Hospital Kepala Batas	1	1	0	109	121	-12	311	307	4	179	176	3	600	605	-5	100.83
Hospital Sungai Bakap				71	64	7	189	183	6	168	160	8	428	407	21	95.09
Hospital Balik Pulau				65	65	0	156	145	11	123	115	8	344	325	19	94.48
PKD Timur Laut				188	151	37	499	470	29	205	184	21	892	805	87	90.25
PKD Barat Daya	1	1	0	73	62	11	307	279	28	153	144	9	534	486	48	91.01
PKD Seberang Perai Utara				143	132	11	473	451	22	208	204	4	824	787	37	95.51
PKD				149	132	17	424	407	17	173	166	7	746	705	41	94.50

Seberang Perai Tengah																
PKD Seberang Perai Selatan				80	63	17	299	284	15	123	118	5	502	465	37	92.63
Pintu Masuk Antarabangsa				2	3	-1	56	51	5	23	20	3	81	74	7	91.36
Pejabat RKPBV Negeri				8	6	2	21	19	2	26	23	3	55	48	7	87.27
Makmal Keselamatan & Kualiti Makanan				10	10	0				20	19	1	30	29	1	96.67
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>77</b>	<b>71</b>	<b>6</b>	<b>2700</b>	<b>2601</b>	<b>99</b>	<b>7248</b>	<b>6917</b>	<b>331</b>	<b>3615</b>	<b>3348</b>	<b>267</b>	<b>13640</b>	<b>12937</b>	<b>703</b>	<b>94.85</b>

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah pengisian jawatan di JKNPP adalah sebanyak 12,780 (94.85%). Demi kepentingan perkhidmatan, JKNPP mempunyai 3 orang Pegawai Perubatan Pakar Kontrak warga negara Malaysia yang masih berkhidmat secara kontrak selepas tempoh persaraan. Sehingga Disember 2019, seramai 163 orang pegawai dan kakitangan JKNPP meliputi pelbagai skim telah meletak jawatan.

Jadual 2.1:

Pengisian Jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Tahun 2019

<b>JAWATAN/GRED</b>	<b>JUMLAH JAWATAN</b>	<b>PENGISIAN</b>	<b>% PENGISIAN</b>
Pegawai Perubatan UD41/44/47/48/51/52/53/54	1368	1282	93%
Pegawai Perubatan Pakar UD47/48/51/52/53/54/56	324	364	112%
Pegawai Pergigian Pakar U47/48/51/52/53/54/56	19	17	89%
Pegawai Pergigian U41/43/44/47/48/51/52/53/54	198	183	92%
Pegawai Farmasi U41/44/48/52/54	570	549	96%
<b>JUMLAH</b>	<b>2479</b>	<b>2395</b>	<b>96%</b>

Jadual 2.2:  
Pengisian Jawatan Kumpulan Paramedik Dan Aukiliari Tahun 2019

<b>JAWATAN/GRED</b>	<b>JUMLAH JAWATAN</b>	<b>PENGISIAN</b>	<b>% PENGISIAN</b>
Jururawat U29 – U48	3599	3556	98%
Jurupulih Perubatan (Anggota) U29 – U40	88	84	95%
Jurupulih Perubatan (Carakerja) U29 – U40	82	77	93%
Juru X-Ray (Diagnostik) U29 – U44	175	164	93%
Penolong Pegawai Perubatan U29 – U44	742	696	93%
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 – U44	256	236	92%
Juruteknologi Makmal Perubatan U29 – U40	310	292	94%
Penolong Pegawai Farmasi U29 – U40	190	182	95%
Juruterapi Pergigian U29 – U40	182	175	96%
Juruteknologi Pergigian U29 – U38	43	40	93%
Jururawat Masyarakat U19 – U26	1046	941	89%
Penolong Jururawat	1	0	0

U11 – U14			
<b>JUMLAH</b>	<b>6714</b>	<b>6443</b>	<b>95%</b>

Jadual 2.3:  
Pengisian Jawatan Kumpulan Gunasama Dan Sokongan Tahun 2019

<b>JAWATAN/GRED</b>	<b>JUMLAH JAWATAN</b>	<b>PENGISIAN</b>	<b>% PENGISIAN</b>
Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif) N29 – N36	26	25	96.15
Pen. Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29 – N32	17	15	88.23
Pembantu Tadbir (P/O) N19 – N26	422	406	96
Pembantu Tadbir (Kewangan) W19 – W26	208	191	91.83
Pegawai Khidmat Pelanggan N19	65	61	93.85
Pemandu Kenderaan H11 – H16	403	351	87.1
Pembantu Perawatan Kesihatan U11 – U16	1602	1486	92.76
Pembantu Awam H11	305	298	97.7
<b>JUMLAH</b>	<b>3048</b>	<b>2833</b>	<b>92.95%</b>

### **Urusan Penempatan Dan Pertukaran Yang Diluluskan Oleh Pihak Kementerian Di Pulau Pinang**

Sehingga 31 Disember 2019, JKN Pulau Pinang telah menguruskan sebanyak 1,409 anggota yang dihantar oleh pihak Kementerian untuk ditempatkan di semua PTJ di bawah JKN Pulau Pinang. Penempatan ini termasuk lantikan baharu, pemangkuan, kenaikan pangkat dan pertukaran masuk dari negeri lain, manakala sebanyak 501 anggota telah diluluskan untuk bertukar keluar dari Pulau Pinang ke negeri yang dipohon.

Jadual 2.4:

Urusan Penempatan Dan Pertukaran Yang Diluluskan Oleh Pihak Kementerian

<b>Kategori</b>	<b>Kelulusan Penempatan Anggota ke Pulau Pinang Oleh KKM</b>	<b>Kelulusan Pertukaran Keluar Dari Pulau Pinang oleh KKM</b>
<b>Pengurusan &amp; Profesional</b>	754	177
<b>Paramedik &amp; Auksiliari</b>	290	256
<b>Gunasama &amp; Sokongan</b>	365	68
<b>JUMLAH</b>	<b>1409</b>	<b>501</b>

#### **1.2.1(ii) Urusan Perjawatan**

##### **a. Pemetaan Semula Perjawatan**

Pada Jun 2019, BSM KKM telah mengarahkan agar pemetaan semua perjawatan dilaksanakan bertujuan mengagihkan semula perjawatan kepada fasiliti yang benar-benar memerlukan pertambahan perjawatan. Arahan ini selaras dengan dasar mengoptimumkan penggunaan sumber manusia yang masih digunapakai oleh Kerajaan. Pemetaan ini juga melibatkan pengecilan saiz *workforce* bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan, dan agihan semula kepada fasiliti yang memerlukan. Pemetaan yang dilaksanakan ini juga tidak melibatkan sebarang pertambahan perjawatan memandangkan dasar pengejatan saiz sumber manusia di semua JKN dan Institusi KKM masih berkuatkuasa. Pada 30 Ogos 2019, JKN Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan pemetaan sebanyak 2,149 perjawatan melibatkan fasiliti kesihatan seluruh negeri Pulau Pinang.

##### **b. Naziran Indeks Akauntabiliti Sumber Manusia (IASM)**

BSM KKM pada April 2019 telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti Sumber Manusia (IASM) yang bertujuan menyemak dan meneliti ketepatan pengurusan sumber manusia meliputi semua aspek

perkhidmatan, perjawatan, pengurusan HRMIS dan pentadbiran tatatertib. Semua elemen semakan telah dijadikan satu indeks yang seragam dan boleh dirujuk oleh setiap PTJ dan JKN seluruh negara yang akan mengukur keberkesanan pengurusan sumber manusia di sesebuah organisasi KKM. Selaras dengan arahan BSM KKM, Cawangan Sumber Manusia JKN Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 10 naziran ke fasiliti-fasiliti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Fasiliti-Fasiliti</b>	<b>Tarikh</b>
1	Hospital Sungai Bakap	11.04.2019
2	Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan	18.04.2019
3	Pejabat Pergigian Daerah Barat Daya	09.07.2019
4	Pejabat Kesihatan Pelabuhan	10.07.2019
5	Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut	16.07.2019
6	Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	09.08.2019
7	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	14.11.2019
8	Hospital Bukit Mertajam	05.12.2019
9	Pejabat Kesihatan Barat Daya	30.01.2020
10	Pejabat Pergigian Daerah Seberang Perai Utara	13.02.2020

Melalui naziran ini, tadbir urus sumber manusia di pejabat PTJ dapat diperkemas dan ditambah baik agar urusan perkhidmatan, perjawatan, pengurusan HRMIS dan pentadbiran tatatertib di semua PTJ adalah tepat dan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

### **c. Pegawai Sambilan Harian**

Sehingga 31 Disember 2019, terdapat seramai 150 orang Pegawai Sambilan Harian yang dilantik bagi keperluan perkhidmatan seluruh PTJ di JKNPP. Jumlah PSH paling ramai adalah di Pejabat Vektor Negeri bagi keperluan Unit Vektor yang terdapat keperluan bagi menangani penularan wabak denggi di kawasan-kawasan liputan kawalan JKNPP. Kelulusan pelantikan baru dan perlanjutan kelulusan PSH adalah di bawah bidang kuasa Pengarah Kesihatan Negeri berikutan Surat Arahan Pentadbiran Bahagian Sumber Manusia bertarikh 13 Julai 2015. Kelulusan bagi sebarang permohonan baru dan

perlanjutan adalah berdasarkan perakuan dari semua Ketua PTJ serta peruntukan semasa yang masih mencukupi sehingga tamat tempoh pelantikan

## **1.2.2 Urusan Perkhidmatan**

### **1.2.2(i) Pengurusan Urusan Perkhidmatan Meliputi Urusan Perlantikan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat, Prestasi Tahunan & Persaraan**

Cawangan Sumber Manusia dari semasa ke semasa memastikan urusan perkhidmatan anggota adalah teratur bermula dari dilantik secara tetap/kontrak ke perkhidmatan awam sehingga pegawai bersara atau meletakkan jawatan. Di sepanjang kitaran ini, semua proses-proses pengesahan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi dan persaraan dibuat dengan teratur berdasarkan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

### **1.2.2(ii) Pelaksanaan Pelantikan Tetap/Kontrak Bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian & Pegawai Farmasi**

BSM KKM telah mengeluarkan garis panduan bagi tatacara pelaksanaan pelantikan tetap bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Pegawai Pergigian. Berdasarkan kepada garis panduan dan prestasi semua pegawai-pegawai berkenaan dan sehingga Disember 2019, sebanyak 89 orang Pegawai Perubatan, 23 orang Pegawai Farmasi dan 19 orang Pegawai Pergigian berjaya dan menerima pelantikan tetap.

### **1.2.2(iii) Pemakluman Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan.**

#### **a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 – Pemberian Ex-Gratia Kematian Sekaligus Kepada Waris Yang Layak Bagi Anggota Yang Meninggal Dalam Perkhidmatan**

Pekeliling ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian ex-gratia kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dalam perkhidmatan. Berdasarkan kepada senario semasa, terdapat waris anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan menerima faedah bergantung kepada skim persaraan yang dipilih anggota tersebut. Kerajaan telah bersetuju untuk memberi ex-gratia kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal semasa perkhidmatan sebagai faedah tambahan kepada faedah sedia ada. Syarat-syarat adalah anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan dan tarikh kematian anggota pada 1 Januari 2020. Jumlah pemberian ex-gratia kepada waris yang layak seperti di jadual:-

<b>Tempoh Perkhidmatan (Bulan)</b>	<b>Pembayaran Ex-Gratia Kematian (RM)</b>
<60	150,000
61-20	100,000
121-180	75,000
181-240	50,000
>241	Tiada

**b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 - Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) Diawalkan Kepada Pegawai Lantikan Tetap Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Sebelum Tarikh Pergerakan Gaji.**

Pekeliling ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk pergerakan gaji tahunan (PGT) diawalkan kepada pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum tarikh pergerakan gaji.

**1.2.2(iv) Tuntutan perjalanan melalui HRMIS**

BSM KKM telah bersetuju agar semua tuntutan perjalanan bulanan bagi perjalanan dalam negeri dibuat menggunakan modul tuntutan perjalanan dalam aplikasi HRMIS. Bagi tujuan ini, JKN Pulau Pinang telah mengadakan bengkel di semua PTJ bagi melatih pentadbir HRMIS serta pegawai dan kakitangan untuk menggunakan modul ini. Melalui penggunaan modul secara tidak langsung dapat memastikan semua data peribadi pegawai seperti mata gaji terkini dapat dikemaskini di dalam aplikasi HRMIS. Sehingga Disember 2019, semua PTJ dapat menggunakan modul ini dengan baik bagi tujuan tuntutan perjalanan dan menjadikan proses tuntutan lebih lancar.

**1.2.2(v) *Navigating Human Resources***

Cawangan Sumber Manusia pada Oktober 2019 telah menganjurkan Kursus *Navigating Human Resources* di Hotel Seaview, Langkawi. Kursus ini bertujuan mengukuhkan pemahaman semua peserta berkenaan semua aspek pengurusan sumber manusia meliputi urusan perkhidmatan, prestasi, peningkatan kerjaya dan pentadbiran lantikan kontrak bagi tiga skim utama yang terlibat iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Pegawai Pergigian.


Cawangan Sumber Manusia telah menjemput penceramah daripada KKMn dan juga Jabatan Kesihatan Negeri bagi menyampaikan pengisian program. Selain daripada itu juga, taklimat

pengurusan tatatertib turut diberikan kepada semua peserta bagi memastikan semua pengurus sumber manusia memahami dan mematuhi peraturan-peraturan kerajaan sekaligus memastikan pengurusan prosedur tatatertib dan pemantauan pengurusan pegawai bermasalah di PTJ masing-masing.

### 1.2.2(vi) Urusan-urusan lain bagi perkhidmatan

Sehingga kini, semua urusan perkhidmatan dijalankan mengikut sasaran yang telah ditetapkan seperti urusan kelulusan perakuan menanggung kerja, kelulusan permohonan pelbagai jenis cuti dan kelulusan permohonan keluar negara. Bagi kelulusan pelbagai jenis cuti, mulai Mac 2019, BSM KKM telah menguatkuasakan penurunan kuasa kelulusan pelbagai jenis cuti kepada semua Ketua PTJ di JKN Pulau Pinang. Hal ini bagi memastikan semua ketua PTJ bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau pergerakan dan keberadaan pegawai dan kakitangan masing-masing. Berikut adalah pecahan kelulusan pelbagai jenis cuti yang telah dibuat bagi tahun 2019:

Rajah 2.2:  
Permohonan Pelbagai Cuti, 2019



## 1.2 UNIT LATIHAN/PEPERIKSAAN

### 1.2.1 Pengenalan Dan Fungsi

Unit Latihan/Peperiksaan di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang berperanan untuk mengenalpasti keperluan latihan dan menyediakan peluang untuk berkursus bagi semua anggota Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang supaya Jabatan mempunyai tenaga manusia yang berpengetahuan, cekap dan terlatih untuk melaksanakan fungsi-fungsi serta operasi Jabatan dengan tahap profesionalisma yang tinggi, kompeten dan berkualiti.

### 1.2.2 Aktiviti Dan Pencapaian

Di sepanjang tahun 2019, Unit Latihan/Peperiksaan telah melaksanakan pelbagai kursus, seminar dan latihan. Ini adalah bagi memastikan setiap anggota di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dapat mengikuti latihan yang secukupnya seperti yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:-

#### a) Program Transformasi Minda (PTM)

Program Transformasi Minda (PTM) merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri oleh semua anggota perkhidmatan awam yang baru dilantik sebagai syarat pengesahan dalam Perkhidmatan Awam. Bagi tujuan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan keutamaan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan PTM yang terdiri daripada bagi negeri Pulau Pinang. Unit Latihan/Peperiksaan telah melaksanakan siri PTM seperti yang berikut:-

<b>Program Transformasi Minda Bagi Kumpulan Sokongan I dan II</b>		
<b>Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang</b>		
<b>Bilangan Siri</b>	<b>Bilangan Peserta</b>	<b>Tarikh &amp; Tempat Penganjuran</b>
Siri 1/2019	93 orang	<b>Hotel Park Avenue, Sungai Petani</b> 26 Mac 2019 – 30 Mac 2019

\* Program ini melibatkan pegawai lantikan baru pelbagai gred jawatan.



*Program Transformasi Minda Bagi Kumpulan Sokongan I dan II*

<b>Program Transformasi Minda (PTM) Pegawai Perubatan Siswazah UD41</b>		
<b>Bilangan Siri</b>	<b>Bilangan Peserta</b>	<b>Tarikh &amp; Tempat Penganjuran</b>
Siri 2/2019	66 orang	<b>Hotel Seri Malaysia, Kulim</b> 9 April 2019 – 13 April 2019
Siri 3/2019	117 orang	<b>Hotel Park Avenue, Sungai Petani</b> 26 Jun 2019 – 29 Jun 2019
Siri 4/2019	108 orang	<b>The Jerai Hotel, Sungai Petani</b> 6 Ogos 2019 – 10 Ogos 2019
Siri 5/2019	73 orang	<b>Swiss Inn Hotel, Sungai Petani</b> 1 Oktober 2019 – 5 Oktober 2019
Siri 6/2019	100 orang	<b>The Jerai Hotel, Alor Setar</b> 11 November 2019 – 15 November 2019

\* Program ini melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah UD41 sahaja.



*Program Transformasi Minda Pegawai Perubatan Siswazah UD41*

**b) Program Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)**

Unit Latihan/Peperiksaan dengan kerjasama pihak hospital telah melaksanakan Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 16. Latihan Peningkatan PPK Tahap I sebanyak dua (3) siri dan Tahap II sebanyak (2) siri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Seramai 126 orang Pembantu Perawatan Kesihatan telah menghadiri Latihan Peningkatan PPK Tahap I dan seramai 66 orang Pembantu Perawatan Kesihatan telah menghadiri Latihan Peningkatan PPK Tahap II secara keseluruhannya.

**c) Kursus Pos Basik**

Unit Latihan/Peperiksaan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dan memproses permohonan, pemilihan dan pelaksanaan kursus pos basik bagi anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) untuk mengikuti kursus pengkhususan/diploma lanjutan bagi bidang yang berkaitan dengan Perubatan. Jawatankuasa Pemilihan Calon Kursus Pos Basik yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) telah memilih anggota AKSB yang layak untuk mengikuti kursus tersebut mengikut keperluan perkhidmatan dan kepakaran masing-masing.

<b>Tahun</b>	<b><u>Sesi Mac/Mei</u></b> Bilangan Permohonan Calon	<b><u>Sesi September</u></b> Bilangan Permohonan Calon
2019	125 Orang	140 Orang

**d) Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)**

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) adalah peruntukan yang diperuntukan dibawah RMK-10 untuk melahirkan modal insan yang berproduktiviti dan berdaya saing untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelan Operasi Latihan (POL) yang dimohon telah dilaksanakan didalam tahun berkenaan. Aktiviti/latihan/kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan/Peperiksaan adalah melibatkan keseluruhan jawatan di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Antara aktiviti/latihan/kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Nama Kursus</b>
1.	Kursus Pengukuhan Bahasa
2.	Kursus Pengurusan Kewangan
3.	Ceramah Agama

<b>Bil</b>	<b>Nama Kursus</b>
4.	Kursus Protokol, Etiket Dan Pengurusan Majlis
5.	Kursus Komunikasi Berkesan
6.	Kursus Navigating HR
7.	Kursus Pengukuhan Komunikasi
8.	Teambuilding

**e) Urusan Pengambilan dan Temuduga**

Bagi tahun 2019, Unit Latihan/Peperiksaan telah membantu pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan urusan temuduga Ijazah Pertama, Latihan Bertaraf Separa Diploma dan Sijil. Urusan temuduga ini telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan berpusat di Bangunan Persekutuan Pulau Pinang, Jalan Anson.

<b>Bil</b>	<b>Skim</b>	<b>Bilangan Temuduga</b>
1	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	1 kali
2	Penolong Pegawai Penyelidik Q29	1 kali
3	Penolong Pegawai Sains C29	2 kali
4	Penolong Pegawai Teknologi Makanan C29	1 kali
5	Penolong Pegawai Teknologi Makanan C32 ke C38	1 kali
6	Penolong Pegawai Farmasi U38 ke U40	1 kali
7	Pegawai Sains C41	1 kali
8	Penolong Jurutera JA29 (Awam)	3 kali
9	Ujian Pemanduan - Pemandu H11	1 kali
10	Penolong Jurutera J29	4 kali
11	Penolong Jurutera JA29 (Mekanikal)	3 kali

12	Jurutera J41 (Awam)	4 kali
13	Pegawai Psikologi S41	1 kali
14	Penolong Pegawai Tadbir N29	1 kali
15	Pegawai Kesihatan Persekitaran U41	1 kali

**f) Latihan Elektif (*Elective Posting*) dan Latihan Industri/Klinikal (*Industrial/Clinical Training*)**

Latihan Elektif (*Elective Posting*) adalah salah satu latihan yang diwajibkan untuk para pelajar perubatan yang berdaftar dari institusi yang berkelayakan bagi memenuhi kriteria kurikulum pembelajaran pelajar. Sebanyak 368 permohonan latihan elektif bagi pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) Tempatan dan Antarabangsa telah diproses sepanjang tahun 2019. Latihan Industri/Klinikal (*Industrial/Clinical Training*) adalah salah satu latihan yang diwajibkan untuk para pelajar IPT untuk memenuhi kurikulum pembelajaran pelajar. Sebanyak 768 permohonan Latihan Industri/Klinikal (*Industrial/Clinical Training*) telah diproses oleh Unit Latihan/Peperiksaan sepanjang tahun ini.

## **2.0 CAWANGAN KEWANGAN**

### **2.1 Objektif**

Cawangan Kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Unit Kewangan Am, Unit Akaun dan Unit Perolehan.

a. Unit Kewangan Am

Bertanggungjawab dalam pengurusan belanjawan peringkat Pejabat Pengarah dan Negeri. Unit ini juga merupakan urusetia yang bertanggungjawab memproses permohonan-permohonan yang memerlukan kelulusan di peringkat Pengarah Kesihatan Negeri dan juga Kementerian seperti pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, bayaran balik telefon bimbit, elaun perpindahan ke rumah yang dibeli dengan pinjaman kerajaan dan banyak lagi.

b. Unit Akaun

Berperanan menguruskan pembayaran bil, terimaan dan hasil, gaji, akaun amanah dan deposit. Unit ini juga memproses permohonan-permohonan yang memerlukan kelulusan Pengarah Kesihatan Negeri dan Kementerian seperti pendahuluan diri, emolumen terlebih bayar, bayaran penyediaan laporan perubatan dan lain-lain.

c. Unit Perolehan

Berperanan menguruskan urusan perolehan peringkat ibu pejabat merangkumi pembelian terus, sebut harga dan tender. Unit ini juga merupakan urusetia bagi sebut harga yang diturunkan kuasa kepada Pengarah Kesihatan Negeri iaitu perolehan sebut harga sehingga RM1 juta dan semua tender peringkat negeri.

Selain itu, Cawangan ini juga memainkan peranan sebagai tempat rujukan untuk semua PTJ bagi menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan kewangan dan perolehan. Oleh kerana itu, setiap aspek pengurusan kewangan dan perolehan akan dipastikan mematuhi Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan di dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perintah Am, Pekeliling-pekeliling dan Garis Panduan Dalam Kementerian Kesihatan Malaysia serta lain-lain peraturan semasa yang berkuatkuasa.

## 2.2 Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus 2019

### 2.2.1 Peruntukan

Pada tahun 2019, sejumlah RM 1,361,142,816.80 telah diterima oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 4.60 % berbanding peruntukan bagi tahun 2018. Perbandingan peruntukan mengurus bagi tempoh lima tahun ke belakang bagi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah seperti dijelaskan di dalam jadual dan rajah di bawah:

Jadual 2.5:

Peruntukan Mengurus Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, 2015-2019

Tahun	Peruntukan Diterima	% Peningkatan
2015	1,108,937,011.25	18.79
2016	1,096,382,764.23	(1.13)
2017	1,198,229,353.06	8.00
2018	1,298,478,154.90	8.36
2019	1,361,142,816.80	4.60

**Pecahan Peruntukan Mengikut Objek Am Bagi Tahun 2019**

<b>Objek Am</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>	<b>Peratus (%)</b>
10000	808,570,764.88	59.40
20000	543,434,278.61	39.92
30000	6,498,468.00	0.48
40000	2,638,665.31	0.19
50000	640.00	0.00

**Peruntukan Mengurus Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Mengikut Program Dari Tahun 2015 Hingga 2019**

<b>Program</b>	<b>2015 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>	<b>2018 (RM)</b>	<b>2019 (RM)</b>
<b>Pengurusan</b>	9,364,825.00	10,139,911.80	11,926,732.30	10,079,695.00	11,860,490.00
<b>Kesihatan Awam</b>	188,786,420.30	208,649,438.00	206,099,047.69	236,080,204.50	264,136,760.73
<b>Perubatan</b>	795,350,891.95	801,811,768.60	812,772,550.00	808,302,805.15	836,953,414.00
<b>P &amp; ST</b>	15,250,944.00	14,931,746.83	11,924,544.60	7,583,366.00	8,416,839.00
<b>Pergigian</b>	42,627,950.00	46,294,702.00	48,446,900.21	48,513,197.25	66,008,239.72
<b>Farmasi</b>	5,234,847.00	6,426,538.00	6,618,420.00	6,862,035.00	7,271,190.00
<b>BKKM</b>	4,124,625.00	5,724,840.00	3,613,871.95	6,027,829.00	6,753,990.00
<b>Khusus</b>	3,429,666.00	1,860,848.00	96,629,886.31	164,649,023.00	157,413,652.35
<b>Dasar Baru</b>	44,140,915.00	543,971.00	197,400.00	10,200,000.00	2,310,615.00
<b>One-Off</b>	625,927.00	0.00	0.00	180,000.00	17,626.00

Mulai tahun 2019, terdapat perubahan dari segi kod program seperti berikut:

<b>Program</b>	<b>Kod Program Sebelum Tahun 2018</b>	<b>Kod Program Mulai Tahun 2019</b>
<b>Perubatan</b>	030000	020000
<b>Kesihatan Awam</b>	020000	030000
<b>Pergigian</b>	050000	040000
<b>Farmasi</b>	060000	050000
<b>P &amp; ST</b>	040000	060000
<b>BKKM</b>	070000	070000
<b>Program</b>	<b>Kod Program <u>Sebelum</u> Tahun 2018</b>	<b>Kod Program <u>Mulai</u> Tahun 2019</b>
<b>Pengurusan</b>	010000	010000
<b>Khusus</b>	100000	080000
<b>Dasar Baru</b>	110000	090000
<b>One-Off</b>	120000	100000

Walau bagaimanapun, bagi tujuan memudahkan perbandingan peruntukan mengikut program dari tahun 2015-2019, nilai peruntukan sebenar mengikut program bagi tahun 2018 masih diletakkan pada kolom dengan kod program yang digunakan sebelum tahun 2018.

### **2.2.2 Perbelanjaan**

Secara keseluruhan, pada tahun 2019 Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan 1.17% kurang daripada jumlah peruntukan yang diterima. Prestasi perbelanjaan jabatan ini berbanding peruntukan yang diterima untuk lima tahun ke belakang dijelaskan seperti jadual di berikut:

Rajah 2.6:

Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Sebenar Dari Tahun 2015 hingga 2019

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan Diterima</b>	<b>Perbelanjaan</b>	<b>% Perbelanjaan</b>
2015	1,108,937,011.25	1,168,644,680.69	105.38
2016	1,096,382,764.23	1,146,455,819.04	104.57
2017	1,198,229,353.06	1,217,252,317.79	101.73
2018	1,298,478,154.90	1,294,927,023.08	99.73
2019	1,361,142,816.80	1,345,209,616.82	98.83

Berikut adalah perbandingan bagi perbelanjaan dengan peruntukan yang diterima mengikut pecahan program bagi tahun 2019 yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>	<b>% Perbelanjaan (RM)</b>
<b>Pengurusan (010000)</b>	11,860,490.00	10,790,787.94	90.98
<b>Perubatan (020000)</b>	836,953,414.00	817,279,082.02	97.65
<b>Kesihatan Awam (030000)</b>	264,136,760.73	269,029,527.07	101.85
<b>Pergigian (040000)</b>	66,008,239.72	67,994,657.93	103.01
<b>Farmasi (050000)</b>	7,271,190.00	7,611,778.73	104.68
<b>P &amp; ST (060000)</b>	8,416,839.00	7,789,701.80	92.55
<b>BKKM (070000)</b>	6,753,990.00	6,830,533.72	101.13
<b>Khusus (080000)</b>	157,413,652.35	155,562,544.69	98.82
<b>Dasar Baru (090000)</b>	17,626.00	17,585.92	99.77
<b>One-Off (100000)</b>	2,310,615.00	2,303,417.00	99.69

### 2.3 Pengurusan Perolehan

Bagi tahun 2019 sebanyak 14 sebut harga peringkat ibu pejabat telah diuruskan oleh Unit Perolehan JKN Pulau Pinang yang melibatkan pelbagai jenis perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang secara keseluruhan bernilai RM2,121,661.90. Manakala bagi perolehan secara tender pula, sebanyak 9 tender telah diproses melibatkan perkhidmatan kawalan keselamatan, pembekalan bahan mentah, pembekalan reagen dan juga ubat yang nilai keseluruhan adalah RM15,066,375.44. Di samping itu, terdapat 1 Rundingan Terus iaitu perolehan kenderaan yang bernilai RM 656,997.60 turut diuruskan oleh unit ini. Senarai perolehan tersebut adalah seperti jadual di bawah;

#### a) Sebut harga Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2019

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai</b>
1	Sebutharga Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang	Kerja	RM 398,991.00
2	Sebutharga Membekal Peralatan Makmal Fume Hood Untuk Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 68,800.00
3	Sebutharga Perkhidmatan Sewaan Van Dan Pacuan 4 Roda Untuk Pasukan Kawalan Denggi Di Sekitar Pulau Pinang	Perkhidmatan	RM 67,500.00
4	Sebutharga Perkhidmatan Mencetak Dan Menghantar Buku Rekod Kesihatan Ibu	Perkhidmatan	RM 163,000.00

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai</b>
	(Kik/1(A)96 Dan Kik/1(B)96, Buku Rekod Kesihatan Bayi Dan Kanak-Kanak (0-6tahun) Lelaki Dan Perempuan Serta Kad Simpanan Klinik Rekod Kesihatan Bayi Dan Kanak-Kanak Lelaki Dan Perempuan Untuk Unit Pembangunan Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang		
5	Sebutharga Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Sepuluh (10) Unit Led-Immunofluorescent Microscope Untuk Tujuan Diagnosa Di Bawah Kawalan Penyakit Tibi Ke Makmal-Makmal Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 89,500.00
6	Sebutharga Membekal Dan Menghantar Ink Dan Toner Pencetak Bagi Unit Stor, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 73,594.20

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai</b>
7	Sebutharga Perolehan Satu (1) Unit Coaster 25 Seater Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 269,800.00
8	Sebutharga Penyelenggaraan Berkala Bagi Peralatan LCMSMS (AB SCIEX 4000QTRAP), Gas Chromatography (GC 2010 Plus) Dan UHPLC System, Nexera X2 (LC30AD) Untuk Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang	Perkhidmatan	RM 29,500.00
9	Sebutharga Perolehan 12 Unit PC Type A, 1 Unit PC Type B, 9 Unit Laptop Dan 2 Unit Pencetak Di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 94,110.00
10	Sebutharga Sewaan 14 Unit Laptop Di Bahagian Pengurusan dan 9 Unit Set PC Di Unit Vektor Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Perkhidmatan	RM 18,060.00

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai</b>
11	Sebutharga Membekal Dan Menghantar Reagen, Bahan Kimia Dan Consumable Untuk Makmal Keselamatan Kualiti Makanan Pulau Pinang	Bekalan	RM 200,153.10
12	Sebutharga Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Katil Pesakit Di Hospital-Hospital Di Bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Bekalan	RM 352,800.00
13	Sebutharga Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang	Kerja	RM 39,800.00
14	Sebutharga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh Sebelas (11) Bulan	Perkhidmatan	RM 256,053.60

**b) Tender Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2019**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai Sebenar</b>
1	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata) Di Hospital Sungai Bakap Bagi Tempoh 2 Tahun	Perkhidmatan	RM 642,461.76
2	Tender Membekal Bahan Makanan Mentah Basah Dan Kering (Bahagian I-IV) Bagi Tempoh 3 Tahun Ke Hospital Balik Pulau	Bekalan	RM 904,529.70
3	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Di Hospital Bukit Mertajam Bagi Tempoh 2 Tahun	Perkhidmatan	RM 2,078,224.13
4	Tender Membekal Dan Menghantar Reagen Beserta Instrument Untuk Ujian CD4/CD8 Enumeration Serta Leukaemia Dan Lymphoma Immunophenotyping Ke Unit Makmal Hematologi Hospital Pulau Pinang Bagi Tempoh Empat (4) Tahun	Bekalan	RM 1,431,115.00
5	Tender Membekal Bahan Makanan Mentah Basah Dan Kering (Bahagian I-IV) Ke Hospital Kepala Batas Bagi Tempoh 3 Tahun	Bekalan	RM 2,147,335.95

6	Tender Membekal Dan Menghantar Reagen Dan Konsumabel Dengan Penempatan Peralatan Bagi Ujian Full Blood Count Dan Autostainer Untuk Kegunaan Jabatan Patologi Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Balik Pulau, Hospital Kepala Batas, Hospital Bukit Mertajam Dan Hospital Sungai Bakap Bagi Tempoh Empat (4) Tahun	Bekalan	RM 3,226,923.50
7	Tender Pembekalan Ubat Pembrolizumab 100mg Solution For Infusion	Bekalan	RM 988,500.00
8	Tender Membekal Dan Menghantar Bahan Makanan Bahan Mentah Basah Dan Kering (Bhg I-IV) Ke Hospital Bukit Mertajam Pulau Pinang	Bekalan	RM 2,604,803.20
9	Tender Membekal Makanan Mentah, Basah Dan Kering (Bahagian I Hingga IV) Ke Hospital Sungai Bakap Bagi Tempoh 3 Tahun	Bekalan	RM 1,042,482.20

**c) Rundingan Terus Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2019**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bekalan/Perkhidmatan/ Kerja</b>	<b>Nilai Sebenar</b>
1	Sebutharga Perolehan (6) Unit Kenderaan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Rundingan Terus	RM 656,997.60

**2.4 Pengurusan Hasil**

**2.4.1 Kehadiran Pesakit Luar Dan Nilai Kutipan Bagi Keseluruhan Tahun 2019**

<b>Kategori</b>	<b>Warganegara</b>		<b>Bukan Warganegara</b>	
	<b>Kehadiran</b>	<b>Kutipan (RM)</b>	<b>Kehadiran</b>	<b>Kutipan (RM)</b>
PERUBATAN	680,068	2,623,386.20	20,208	2,632,456.60
KESIHATAN	848,162	1,046,306.00	17,186	904,584.30
PERGIGIAN	219,293	1,322,651.35	696	25,141.50
<b>JUMLAH</b>	<b>1,747,523</b>	<b>4,992,343.55</b>	<b>38,090</b>	<b>3,562,182.40</b>

**2.4.2 Kehadiran Pesakit Dalam Dan Nilai Kutipan Bagi Keseluruhan Tahun 2019**

<b>Ptj</b>	<b>Warganegara</b>		<b>Bukan Warganegara</b>	
	<b>Kehadiran</b>	<b>Kutipan (RM)</b>	<b>Kehadiran</b>	<b>Kutipan (RM)</b>
HPP	86,502	7,041,667.50	2,332	5,299,599.90
HSJ	66,592	4,503,092.70	4,902	8,000,981.50
HBM	24,899	1,682,217.95	301	467,971.00
HKB	20,454	952,506.50	465	127,175.00
HSB	6,680	508,378.10	84	131,040.60
HBP	6,019	322,539.30	37	40,299.00
<b>JUMLAH</b>	<b>211,146</b>	<b>15,010,402.05</b>	<b>8,121</b>	<b>14,067,067.00</b>

## **2.5 Pengauditan Dan Naziran Kewangan**

Sebagai cawangan yang bertanggungjawab dalam Pengurusan kewangan dan Perolehan, Cawangan Kewangan, JKN Pulau Pinang tidak terlepas daripada menerima lawatan auditan dan naziran oleh agensi-agensi yang berkaitan. Bagi tahun 2019, pengauditan dan naziran yang telah dijalankan ke atas Cawangan ini adalah:

- i. Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan Dan Akaun Bagi Urusan Kenaikkan Pangkat Ke Gred Utama JUSA B oleh Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang pada 9 hingga 10 Januari 2019
- ii. Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan Dan Akaun Untuk Kenaikan Ke Gred Utama B - Ybhg. Dato' Dr. Wan Mansor Bin Hamzah Oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pada 11 Hingga 12 Mac 2019

Secara keseluruhan prestasi pengurusan kewangan di JKN Pulau Pinang adalah baik namun Cawangan ini sentiasa berusaha memperbaiki prestasi supaya dapat menjadi contoh kepada PTJ-PTJ di bawahnya. Selain itu, Cawangan ini juga melaksanakan naziran ke PTJ di bawahnya sebagai sebahagian daripada sasaran kerja tahunan Cawangan ini. Tujuan utama naziran diadakan adalah untuk melihat sendiri pelaksanaan proses kewangan peringkat bawahan di samping merapatkan hubungan antara pegawai dan anggota kewangan JKN dan PTJ. Naziran yang dijalankan melibatkan semua unit di bawah Cawangan ini iaitu Unit Belanjawan, Unit Perolehan dan Unit Akaun. Bagi tahun 2019, sebanyak tiga PTJ telah dilawati iaitu:

- i. Hospital Sungai Bakap
- ii. Hospital Balik Pulau
- iii. Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara

## **3.0 CAWANGAN KHIDMAT PENGURUSAN**

### **3.1 Objektif**

Cawangan Khidmat Pengurusan adalah salah satu cawangan di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Beroperasi di Tingkat 7, Bangunan MARA, cawangan ini diterajui oleh Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan) dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah Kanan (Aset), Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan) serta seorang Pegawai Tadbir Tinggi dan dua Penolong Pegawai Tadbir Kanan. Cawangan Khidmat Pengurusan dipecahkan kepada empat unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Komunikasi Korporat, Unit Pengurusan Am dan Unit Pengurusan Aset dan Stor.

### **3.2 Unit Pentadbiran**

Unit Pentadbiran bertanggungjawab memastikan pengurusan pejabat teratur dan lancar seperti urusan surat-menyurat, pengurusan fail, tempahan bilik mesyuarat, pembersihan pejabat dan juga

perkara-perkara berkaitan keselamatan pejabat. Selain itu, antara peranan Unit Pentadbiran juga adalah menjadi urusetia kepada majlis-majlis penting Jabatan dengan dibantu oleh cawangan-cawangan lain di Bahagian Pengurusan JKN Pulau Pinang. Unit ini juga bertanggungjawab membantu memberi khidmat nasihat kepada Bahagian dan PTJ di bawah JKN berkaitan protokol untuk penganjuran sesuatu majlis. Bagi tahun 2019, antara program-program yang dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran adalah:-

<b>Bil.</b>	<b>Majlis/Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>
1.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	05 Mac 2019
2.	Majlis Tilawah Al-Quran	25 April 2019
3.	Majlis Jasamu Dikenang	22 ktober 2019

Selain itu, antara peranan lain Unit Pentadbiran adalah:-

a) Penganjuran Perhimpunan Pagi

Dalam usaha memastikan semua anggota Pejabat Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri sentiasa mendapat maklumat terkini tentang isu semasa, polisi dan dasar baru negara, makluman terkini tentang aktiviti dan pencapaian Jabatan, dan paling utama mendengar amanat daripada Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan ini telah menetapkan bahawa perhimpunan pagi diadakan setiap hari Rabu minggu pertama setiap bulan, bertempat di ruang legar Aras 7 Bangunan MARA. Setiap perhimpunan akan mengikut tema yang telah ditetapkan untuk sepanjang tahun. Untuk tahun 2019, tema perhimpunan bulanan adalah seperti berikut:

<b>BULAN</b>	<b>TEMA PERHIMPUNAN</b>
Januari	Amanat Pengarah JKN Pulau Pinang
Februari	Komuniti Kita, Tanggungjawab Kita
Mac	Obesiti "Adalah Tidak OK!"
April	Siapa Kita?
Mei	Tema Hari Pekerja – Pekerja Amanah Aspirasi Negara
Jun	Makanan Selamat Tanggungjawab Bersama
Julai	Bertindak Untuk Kesihatan Pergigian
Ogos	Tema Hari Kebangsaan – 'Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih'
September	Kesihatan Pemangkin Kecemerlangan Negara

Oktober	Ada BeSS Barulah Best !!!
November	<i>Floss Like A Boss</i>
Disember	Waspada Pembelian Ubat Atas Talian!

b) Urus Setia Mesyuarat Pagi

Mesyuarat Pagi merupakan mesyuarat berkala pengurusan tertinggi peringkat JKN Pulau Pinang yang menjadi medium untuk merancang aktiviti dan gerak kerja jabatan dan menyelesaikan sebarang isu dan permasalahan yang timbul. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, dan dianggotai oleh semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Ketua Penyelia Jururawat Negeri dan Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Negeri. Cawangan ini yang bertindak selaku urus setia sentiasa memastikan mesyuarat ini dapat dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan setiap bulan. Pada tahun 2019, mesyuarat telah diadakan sebanyak 9 kali sahaja.

c) Pencalonan Pengurniaan Darjah dan Pingat Kebesaran Negeri dan Persekutuan

Pada setiap tahun, penghargaan diberikan kepada anggota yang berjasa di dalam perkhidmatan awam negara. Ianya terdiri daripada Pencalonan Pengurniaan Darjah dan Pingat Kebesaran Negeri dan Persekutuan. Pada tahun 2019, sebanyak 33 orang anggota telah dicalonkan bagi peringkat persekutuan dan negeri Pulau Pinang dan ditunjukkan seperti jadual di bawah:-

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pingat</b>	<b>Bilangan Pencalonan</b>
<b>Persekutuan</b>		
1.	KESATRIA MANGKU NEGARA (KMN)	7
2.	AHLI MANGKU NEGARA (AMN)	1
3.	PINGAT PANGKUAN NEGARA (PPN)	1
<b>Negeri</b>		
1.	DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N)	-
2.	DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGERI (D.M.P.N)	-
3.	DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N)	1

4.	DARJAH JOHAN NEGERI (D.J.N)	3
5.	BINTANG CEMERLANG NEGERI (B.C.N)	1
6.	PINGAT GAGAH PERWIRA (P.G.P)	-
7.	PINGAT KELAKUAN TERPUJI (P.K.T)	4
8.	PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K)	4
9.	PINGAT JASA MASYARAKAT (P.J.M)	4
10.	PINGAT BAKTI SETIA (P.B.S)	7

d) **Urus Setia Pemilihan Anggota Pasukan Perubatan Rombongan Haji**

Unit ini juga bertanggungjawab mengurussetiakan pemilihan ahli rombongan pasukan perubatan ke Tanah Suci pada setiap tahun. Permohonan yang diterima daripada pegawai dan anggota JKN Pulau Pinang akan dihantar ke Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemilihan oleh satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan di peringkat Kementerian. Pada musim haji 1440H/2019M, sebanyak 114 permohonan telah diterima dan diproses oleh Unit ini dan daripada kesemua permohonan tersebut, sebanyak 11 pegawai dan anggota daripada Pulau Pinang telah terpilih menyertai rombongan petugas haji (perubatan) ke tanah suci.

### 3.3 Unit Komunikasi Korporat

a) **Pengurusan Aduan**

Unit ini bertanggungjawab menyelaras semua aduan yang diterima dan merekodkannya di dalam SisPAA. Semua aduan yang diterima akan disalurkan kepada Bahagian atau PTJ yang berkenaan untuk diambil perhatian dan tindakan. Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 862 aduan dengan pencapaian KPI pada tahap 98.84%.

b) *Mystery Shopping DO-IT-YOURSELF* (MS DIY)

Objektif *Mystery Shopping Do-It Yourself* atau MS DIY ialah untuk mengukur kualiti perkhidmatan di IPKKM dan Fasiliti Kesihatan; Mengukur pematuhan peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang sedang berkuatkuasa di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) dan fasiliti; Mengukur maklumat mengenai perkhidmatan yang disampaikan; serta Mengukur tahap kepuasan pelanggan. Pegawai Pelaksana terdiri daripada dua (2) orang pegawai dari setiap bahagian di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang seperti Bahagian Pengurusan, Perubatan, Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Pergigian, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan

Kualiti Makanan (bergred 36 ke atas). Pegawai yang telah dilantik bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dibenarkan untuk dicalonkan semula. Pada tahun 2019, MS DIY telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada bulan Julai dan November yang melibatkan fasiliti-fasiliti kesihatan seperti Hospital, Klinik Kesihatan (KK), Klinik Pergigian (KP), Klinik Ibu dan Anak (KKIA), Klinik Desa (KD) dan Klinik Komuniti (K.Kom).

i. MS DIY Siri 1 (16-19 Julai 2020)

KK Jalan Perak, KP Tanjung Bungah, KK Tasek Gelugor, KP Sungai Bakap, KK Butterworth, KP Kepala Batas, Hospital Kepala Batas, KK Bukit Panchor, Hospital Pulau Pinang, KK Sg Dua, Timur Laut, Hospital Seberang Jaya, KK Bukit Minyak.

ii. MS DIY Siri 2/2019 (11-15 Nov 2019)

Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap, Hospital Balik Pulau, KK Air Itam, KK Bandar Baru Air Itam, KK Bayan Lepas, KK Machang Bubuk, KK Bukit Tengah, KK Perai, KP Bukit Jambul, KD Pajak Song, K.Kom Taman Seri Delima

### **3.4 Unit Pengurusan Aset Dan Stor**

Fungsi Unit ini adalah seperti berikut:

- i. Menguruskan Aset Jabatan;
- ii. Merancang dan menguruskan pelaksanaan urusan pendaftaran Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5);
- iii. Merancang dan menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Penerima Aset, Pegawai Pemeriksa Aset, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Pegawai Stor, Pegawai Penerima Stok, Pegawai Pemeriksa Stor, Pemverifikasi Stor dan pencalonan nama bagi Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan di JKNPP dan PTJ di bawahnya;
- iv. Menguruskan permohonan kelulusan Sumbangan Hadiah di JKNPP dan PTJ di bawahnya;
- v. Merancang dan menguruskan pelaksanaan tugas berkaitan pemeriksaan Aset Alih Kerajaan di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya;
- vi. Menguruskan permohonan kelulusan pelupusan Aset Alih Kerajaan dan stok di JKNPP dan PTJ di bawahnya;
- vii. Merancang dan menguruskan pelaksanaan pelupusan Aset Alih Kerajaan dan stok di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya;
- viii. Menguruskan kes kehilangan dan hapuskira Aset Alih Kerajaan dan stok di JKNPP serta memantau pengurusanannya di PTJ di bawahnya;
- ix. Merancang dan menguruskan hal ehwal pengurusan stor di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya;
- x. Merancang dan menguruskan pelaksanaan pemeriksaan stor di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya;

- xi. Merancang dan menguruskan hal-hal berkaitan verifikasi stor di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya;
- xii. Merancang dan menguruskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Sistem Pengurusan Stor (SPS) di JKNPP dan memantau pelaksanaannya di PTJ di bawahnya.

### 3.4.1 Prestasi Pencapaian Tahun 2019 (Unit Aset)

a) Kedudukan Semasa Harta Modal (HM) Sepanjang Tahun 2019

Tahun Semasa	HM	
	Kedudukan Awal Suku Tahun	
	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Baki Dibawa ke hadapan	<b>31,709</b>	<b>576,216,418.59</b>
Suku Tahun Pertama	31	134,891.97
Suku Tahun Kedua	331	5,739,191.95
Suku Tahun Ketiga	232	3,569,536.31
Suku Tahun Keempat	466	9,647,579.96
Jumlah Besar Tahun Semasa	1,060	19,091,200.19
Jumlah Keseluruhan	<b>32,769</b>	<b>595,307,618.78</b>

b) Kedudukan Semasa Aset Bernilai Rendah (ABR) Sepanjang Tahun 2019

Tahun Semasa	ABR	
	Kedudukan Awal Suku Tahun	
	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Baki Dibawa ke hadapan	<b>81,953</b>	<b>32,288,249.90</b>

Suku Tahun Pertama	272	131,813.60
Suku Tahun Kedua	925	380,398.00
Suku Tahun Ketiga	500	218,322.46
Suku Tahun Keempat	700	293,017.09
Jumlah Besar Tahun Semasa	2,397	1,023,551.15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>84,350</b>	<b>33,311,801.05</b>

### 3.5 Unit Pengurusan Am

#### 3.5.1 Pengurusan Kenderaan

Keperluan Kenderaan Jabatan adalah salah satu perkara yang diberi penekanan utama oleh Jabatan untuk semua PTJ dalam melaksanakan tugas-tugas di luar pejabat serta aktiviti Jabatan. Pada tahun 2019 jabatan telah memantau dan mengurus kenderaan Jabatan seluruh Pulau Pinang seperti berikut :-

BIL	PTJ	Jumlah Kenderaan	Jumlah Pemandu
1	JKNPP	15	8
2	TPKN (P)	2	2
3	TPKN (BKKM)	3	1
4	TPKN F	6	3
5	TPKN G	3	2
6	HPP	44	58
7	HBM	20	28
8	HSB	14	20
9	HSJ	28	39
10	HKB	15	19
11	HBP	17	18

12	PKD TL	27	32
13	PKD SPU	36	36
14	PKD SPT	33	23
15	PKD SPS	21	19
16	PKD BD	26	22
17	PPD TL	17	12
18	PPD SPU	20	13
19	PPD SPT	11	9
20	PPD SPS	7	5
21	PPD BD	9	5
22	PELABUHAN	4	3
23	UPK	2	1
24	RKPBV	4	4
<b>JUMLAH</b>		<b>384</b>	<b>382</b>

Di samping itu, unit ini juga membuat pemantauan/naziran pengurusan kenderaan ke PTJ-PTJ dari semasa ke semasa bagi memastikan kenderaan jabatan diuruskan dengan baik mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Selain itu, unit ini juga dipertanggungjawabkan untuk memantau saman-saman kenderaan jabatan JKNPP seluruh Pulau Pinang.

Jadual Lawatan Naziran Pengurusan Kenderaan JKNPP 2019				
BIL	TARIKH	MASA	PTJ	KUMPULAN
1	07.10.2019 Isnin	9.00 pg	Hospital Balik Pulau	1
2		11.00 pg	PKD Barat Daya	2
3		2.30 ptg.	PPD Barat Daya	3
4		9.00 pg	Hospital Pulau Pinang	1

5		11.00 pg.	PKD Timur Laut	2
6		2.30 ptg.	PPD Timur Laut	3
7	08.10.2019 Selasa	9.00 pg.	TPKN (Pergigian)	4
8		10.00 pg	TPKN (Farmasi)	4
9		11.00 pg.	RKPBV	4
10		2.30 ptg.	UPK	4
11		9.00 pg	TPKN (Perubatan)	4
12		11.00 pg	PMAPP	4
		2.30 ptg.	TPKN (Kesihatan Awam)	4
13		3.30 ptg.	TPKN (BKKM)	4
14		09.10.2019 Rabu	9.00 pg.	Hospital Bukit Mertajam
15	11.00 pg		PKD SPT	2
16	2.30 ptg.		PPD SPT	3
17	9.00 pg.		ILKKM (Bertam)	1
18	11.00 pg		PKD SPU	2
19	2.30 ptg.		Hospital Kepala Batas	1
20	10.10.2019 Khamis	9.00 pg.	Hospital Sg. Bakap	1
21		11.00 pg	PKD SPS	2
22		2.30 ptg.	PPD SPS	3
23		9.00 pg.	Kolej Pergigian Pulau Pinang	1
24		11.00 pg	Hospital Seberang Jaya	1
25		2.30 ptg.	PPD SPU	3

Naziran tersebut telah menetapkan standard kriteria mengikut kategori PTJ dan pemenang bagi kategori yang ditetapkan menerima Sijil Pencapaian semasa Majlis Perhimpunan Bulanan yang berlangsung pada akhir tahun 2019.

Senarai Pemenang mengikut kategori berikut :-

<b>Kategori</b>	<b>PTJ</b>
<b>Kumpulan 1 (Hospital-Hospital)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital Sungai Bakap</li> </ul>
<b>Kumpulan 2 (Pejabat-Pejabat Kesihatan Daerah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Timur Laut</li> <li>• Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah SPU</li> <li>• Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah SPS</li> </ul>
<b>Kumpulan 3 (TPKN (P), TPKN (F), TPKN (G), TPKN (BKKM), ILKKM (Jururawat &amp; Pergigian) dan Unit-Unit (RKPBV, UPK, PELABUHAN)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ILKKM Bertam, Pulau Pinang</li> </ul>

### 3.5.2 Pengurusan Kuarters JKNPP

Pengurusan permohonan kuarters yang diperuntukkan kepada kakitangan JKNPP adalah sebanyak 12 unit sahaja dimana telah diisi sepenuhnya oleh staf dibawah JKNPP manakala penyelenggaraan akan dilakukan oleh pihak Edgenta Sdn. Bhd.

### 3.5.3 Pengurusan Penyewaan Bangunan dan Klinik Komuniti

Unit Pengurusan Am juga memproses permohonan perjanjian penyewaan bangunan/ruang pejabat dan Klinik Komuniti seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>
1	Klinik Komuniti Teluk Air Tawar, Butterworth
2	Klinik Komuniti Bandar Putra Bertam, Kepala Batas
3	Klinik Komuniti Pinang Tunggal, Kepala Batas

4	Klinik Komuniti Taman Perwira Indah, Permatang Tinggi
5	Klinik Komuniti Taman Seri Delima, Bukit Mertajam
6	Klinik Komuniti Batu Kawan
7	Klinik Komuniti Simpang Ampat (Bandar Tasek Mutiara)
8	Klinik Komuniti Jalan Jelutong
9	Klinik Komuniti Sungai Ara
10	Klinik Kesihatan Lebuh Muntri, No. 36, Lebuh Muntri, Pulau Pinang
11	Tkt. 3 & 7, Bangunan MARA, Jln. Pengakalan Weld, Pulau Pinang

#### 3.5.4 Kursus Dan Bengkel

Sepanjang tahun 2019 Cawangan Khidmat Pengurusan telah mengadakan beberapa kursus dan bengkel bagi memenuhi keperluan latihan pegawai dan anggota cawangan ini serta PTJ di bawah JKNPP.

a) Bengkel Pelan Tindakan 2020 Cawangan Khidmat Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Cawangan Khidmat Pengurusan telah melaksanakan Bengkel Pelan Tindakan 2020 Cawangan Khidmat Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang pada 14 Oktober 2019 bertempat di Hotel Royale Chulan, Pulau Pinang. Objektif bengkel ini secara umumnya adalah untuk membincangkan mengenai perancangan pelan organisasi Cawangan Khidmat Pengurusan bagi tahun 2020. Jumlah peserta adalah seramai 30 warga kerja Cawangan Khidmat Pengurusan.

b) Bengkel Latihan Simulasi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) Siri 1/2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Unit Komunikasi Korporat telah melaksanakan Bengkel Latihan Simulasi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) Siri 1/2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang pada 26 hingga 28 Februari 2019 bertempat di Makmal Komputer Aras 7, Bangunan MARA. Objektif bengkel ini secara umumnya adalah untuk menerangkan dan memberi pendedahan menyeluruh kepada pegawai/anggota yang menyelaras aduan di peringkat PTJ masing-masing mengenai Sistem Pengurusan Aduan Awam atau SisPAA. Jumlah peserta adalah seramai 30 peserta, dan penceramah terdiri daripada warga kerja dari Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

c) Bengkel Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)

Bengkel Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) telah diadakan pada 21 hingga 23 Ogos 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang. Objektif bengkel ini secara umumnya adalah untuk menerangkan dan memberi pendedahan menyeluruh kepada pegawai/anggota JKNPP dan hospital berkaitan Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) yang merangkumi Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP), Pelan Komunikasi Krisis (CCP) dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP). Pelaksanaan bengkel ini juga adalah untuk memahami penentuan fungsi kritikal dan fungsi setiap komponen dalam PKP. Jumlah peserta adalah seramai 40 peserta, 4 penceramah dan 1 fasilitator.

d) Bengkel Pengurusan Pelupusan Aset Alih & Stok Kerajaan Anjuran Bersama INTURA

Bengkel Pengurusan Pelupusan Aset Alih dan Stok Kerajaan anjuran Unit Pengurusan Aset dan Stor JKNPP dengan kerjasama Intura telah diadakan pada 29 dan 30 April 2019. Berempat di Intura, seramai 52 orang peserta yang terlibat dengan pengurusan aset dan stor di semua PTJ di bawah jabatan ini telah menghadiri bengkel ini.



e) Kursus Pengurusan Kenderaan – Latih Amal Kad Inden

Pada 14 Ogos 2019 bertempat di Hospital Pulau Pinang, seramai 24 orang peserta yang terdiri daripada pegawai kenderaan setiap PTJ telah terlibat dengan kursus ini. Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan tentang pengurusan kad inden yang melibatkan beberapa syarikat pembekal minyak seperti Shell dan Petronas.

f) Kursus Asas Penyelenggaraan Kenderaan

Pada 21 Ogos 2019 bertempat di Bilik Nilam, Hospital Kepala Batas, Unit Pengurusan Am telah mengadakan Kursus Asas Penyelenggaraan Kenderaan yang melibatkan 35 orang peserta dari semua PTJ. Kursus yang diadakan dengan kerjasama JPJ Cawangan Seberang Jaya diadakan untuk memberi pengetahuan kepada pegawai yang menguruskan kenderaan jabatan serta pemandu tentang pengetahuan asas penyelenggaraan kenderaan bagi memastikan kenderaan jabatan sentiasa dalam keadaan terbaik.

## **4.0 CAWANGAN PEMBANGUNAN**

### **4.1 Objektif**

Cawangan Pembangunan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah merupakan sebuah cawangan di bawah Bahagian Pengurusan yang berfungsi sebagai:

- i. Menyelaras permohonan perbelanjaan PTJ JKNPP di bawah pelbagai Peruntukan Butiran Pembangunan;
- ii. Menyelaras permohonan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia;
- iii. Memantau projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia;
- iv. Menghadiri mesyuarat berkaitan projek;
- v. Menyelaras maklumat tanah-tanah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (tanah kosong, tanah yang disewakan);
- vi. Menyelaras maklumat premis di bawah Hospital dan Klinik di seluruh Pulau Pinang;
- vii. Urus Setia kepada Jawatankuasa Premis JKNPP.

### **4.2 Pencapaian**

Bagi tahun 2019, Cawangan Pembangunan JKNPP telah diluluskan peruntukan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) RM 1.515 billion dan siling bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM 101.95 juta yang melibatkan sebanyak 11 projek. Manakala di bawah peruntukan P42 JKNPP telah menerima RM 2,772,452.94 sepanjang tahun 2019 bagi kesemua PTJ di bawah JKNPP. Untuk penyewaan premis di bawah seliaan JKNPP, jumlah yang telah diluluskan penyewaan di setiap PTJ adalah sebanyak 24 premis. Selain itu, Lot tanah dibawah seliaan JKNPP adalah sebanyak 155 Lot tanah dimana di daerah Seberang Perai Utara mempunyai 42 Lot tanah, daerah Seberang Perai Tengah 31 Lot tanah, daerah Seberang Perai Selatan 27 Lot tanah, daerah Barat Daya 28 Lot tanah dan daerah Timur Laut sebanyak 27 Lot tanah. Sebanyak 1 Lot tanah di daerah Seberang Perai Utara dan 1 Lot tanah di daerah Seberang Perai Tengah telah diberi sewa untuk tujuan tanaman kontan. Terdapat 2 Lot tanah yang telah dicerobohi iaitu Lot 1195 Mukim 12 Seberang Perai Selatan dan Lot 253 GM78 MK2 Daerah Barat Daya.

### **4.3 Unit Projek**

Terdapat 11 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Projek-projek tersebut merangkumi dua (2) projek siap, empat (4) projek Dalam Pembinaan dan lima (5) projek Dalam Perancangan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

## PROJEK SIAP

### 1. NAIKTARAF HOSPITAL PULAU PINANG FASA 2



- Majlis Penyerahan telah diadakan pada 13 Jun 2019

### 2. NAIKTARAF HOSPITAL SEBERANG JAYA FASA 2



- Majlis Penyerahan telah diadakan pada 13 Jun 2019

## PROJEK DALAM PEMBINAAN

### 1. MULTISTOREY BLOCK, HOSPITAL SEBERANG JAYA



- Tarikh siap semasa projek pada Mei 2022

## PROJEK DALAM PEMBINAAN

2. KLINIK KESIHATAN JENIS 2 (KK2) BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG



- Tarikh siap semasa projek pada 18 Februari 2021

3. NAIKTARAF JABATAN KECEMASAN DAN PESAKIT LUAR HOSPITAL BALIK PULAU, PULAU PINANG



- Tarikh siap semasa projek pada 28 Mei 2020

4. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 (KK3) DENGAN KUARTERS, AIR PUTIH, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG



- Tarikh siap semasa pada 17 September 2021


## PROJEK DALAM PERANCANGAN

### 1. BLOK WANITA DAN KANAK-KANAK HOSPITAL PULAU PINANG



- Tarikh tutup tender pada 27 September 2019

### 2. PEMBINAAN BLOK BAHARU PUSAT PERKHIDMATAN STEM SEL HOSPITAL PULAU PINANG



- Taklimat tender dan Lawatan Tapak telah diadakan pada 11 April 2019. Tender tutup September 2019

### 3. KUARTERS HOSPITAL PULAU PINANG



- Bangunan telah dikosongkan pada 2017 dan dijangka tender pada tahun 2020

## PROJEK DALAM PERANCANGAN

### 4. BLOK KLINIK PAKAR DAN WAD HOSPITAL PULAU PINANG



- Mesyuarat Hala Tuju Projek di Bahagian Pembangunan, KKM pada 17.9.2019 untuk pembentangan dan penentuan hala tuju projek.

### 5. MENAIKTARAF SISTEM PENGHAWA DINGIN BERPUSAT DI DEWAN BEDAH DAN SISTEM BEKALAN ELEKTRIK, HOSPITAL BUKIT MERTAJAM

- Projek ini telah digugurkan daripada senarai projek Rancangan Malaysia pada tahun 2019.
- Permohonan baharu akan dibuat mengambilkira kerja Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik Hospital Bukit Mertajam.

4.4 Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2020

Bil	Perkara	Siling	Belanja	Tanggung	Belanja + Tanggung	Baki (siling-bt)	Peratus Belanja	Peratus Belanja + Tanggung
1	BP 105 Latihan Dalam Perkhidmatan	RM1,452,859.43	RM1,448,546.76	RM-	RM1,448,546.76	RM4,312.67	100%	100%
2	BP201 Pembaikan Sistem Kebakaran Di Klinik	RM928,865.00	RM920,177.50	RM-	RM920,177.50	RM8,687.50	99%	99%
3	BP203 Klinik 1 Malaysia	RM125,000.00	RM123,876.40	RM-	RM123,876.40	RM1,123.60	99%	99%
4	BP300 Naiktaraf HPP Fasa II/Naiktaraf Kemudahan Haemodialisis	RM1,309,696.00	RM1,309,696.00	RM-	RM1,309,696.00	RM-	100%	100%
5	BP500 RND	RM22,200.00	RM22,200.00	RM-	RM22,200.00	RM-	100%	100%
6	BP600 Ubahsuai, Naiktaraf Dan Pembaikan Fasiliti Kesihatan	RM4,260,819.00	RM4,259,704.15	RM-	RM4,259,704.15	RM1,114.85	100%	100%
7	BP700 Bayaran Pembermilikan/pembelian /Pengambilan Tapak Projek	RM218,368.78	RM218,368.78	RM-	RM218,368.78	RM-	100%	100%

	Fasiliti Kesihatan							
8	BP900 Penyelenggaraan Kuarters KKM	RM369,710.00	RM369,674.00	RM-	RM369,674.00	RM36.00	100%	100%
9	BP1100 Naiktaraf Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan	RM11,529,421.06	RM11,520,320.59	RM-	RM11,520,320.59	RM9,100.47	100%	100%
	JUMLAH	RM20,216,939.27	RM20,192,564.18	RM-	RM20,192,564.18	RM24,375.09	100%	100%

#### 4.5 Unit Tanah & Premis

Bagi tahun 2019, Unit Tanah & Premis telah melaksanakan lawatan ke Tapak Tanah Kegunaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 7 lawatan telah dilaksanakan oleh Unit Tanah berkaitan dengan isu tanah. Selain itu, sebanyak 25 kertas pertimbangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyewaan Premis pada tahun 2019.

##### LAWATAN TAPAK KE KLINIK DESA SUNGAI DURI



##### LAWATAN TAPAK KE TANAH KLINIK KESIHATAN BANDAR TASEK MUTIARA



LAWATAN TAPAK KE LOT 253, DAERAH BARAT DAYA



**4.6 Pelaksanaan Kursus Dan Bengkel**

<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	<b>TARIKH / TEMPAT KURSUS</b>
1.	BENGGEL PENGENDALIAN SISTEM e-TANAH	12 & 13 Februari 2019 / Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
2.	KURSUS PEROLEHAN KERJA	3 & 4 Julai 2019 / Klinik Kesihatan Bukit Minyak, SPT
3.	KURSUS PEMURNIAN PEROLEHAN KERJA & TANAH	19 & 20 Ogos 2019 / Park Avenue Hotel, Sungai Petani

## KURSUS PEMURNIAN PEROLEHAN KERJA & TANAH



## BENKEL PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG BANGUNAN (PREMIS) KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA




## 5.0 CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 5.1 Pengenalan

Cawangan Teknologi Maklumat merupakan salah satu Cawangan utama di bawah Bahagian Pengurusan. Berpandukan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2020, Cawangan Teknologi Maklumat merupakan tonggak dan landasan utama untuk merencanakan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan menjadi lebih efisien dan efektif.

### 5.2 Fungsi




### 5.3 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### 5.3.1. Menyediakan Khidmat Sokongan Teknikal Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Khidmat sokongan teknikal ICT merupakan tugas utama Cawangan Teknologi Maklumat. Kerja-kerja khidmat sokongan teknikal melibatkan kerja-kerja pembaikan, penambahan dan pemasangan perisian dan aplikasi serta rangkaian. Pada tahun 2019, pencapaian bagi khidmat sokongan teknikal ICT adalah seperti berikut:

## KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL ICT ADUAN ICT : 336 KES



### 5.3.2 Pemantauan Emel 1GovUC

Pengurusan pendaftaran Emel dalam masa 1 hari bekerja selepas permohonan. Maklumat pendaftaran emel baru dan aduan yang telah diselesaikan adalah seperti carta di bawah.

#### PEMANTAUAN EMEL MYGOVUC



### 5.3.3 Mengkoordinasi Dan Menyelaras Pelaksanaan Aplikasi eKerajaan Dan eKesihatan

Memastikan kesediaan aplikasi eKerajaan dan aplikasi eKesihatan. Menyelesaikan permohonan instalasi aplikasi eKerajaan dan eKesihatan dalam masa 2 hari bekerja. Pembaikan masalah aplikasi eKerajaan dan eKesihatan dalam masa 1 hari bekerja.

#### 5.3.4 Perolehan Peralatan ICT

Memberi khidmat nasihat kepada pengguna di dalam aspek perolehan ICT. Senarai bilangan peralatan ICT yang telah dibuat adalah seperti di bawah :

##### **PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT**




10 Bantuan Khidmat Nasihat Berkaitan ICT, iaitu :  
3 Bantuan – PKD DTL  
2 Bantuan – PKD SPU  
3 Bantuan – PKD SPT  
2 Bantuan – PKD SPS



13 Unit Komputer Peribadi



9 Unit Komputer Riba



20 Unit Pencetak



22 Unit Lesen Microsoft Windows  
25 Unit Lesen Microsoft Office  
79 Unit Lesen Antivirus

#### 5.3.5 Perolehan Sewaan Peralatan ICT

Bagi tahun 2019, tiada program sewaan peralatan ICT

#### 5.3.6 Pembangunan Dan Penyelenggaraan Portal Jabatan

Aktiviti kemaskini Portal JKN dilaksanakan secara purata seminggu sekali. Pemantauan kandungan Portal Bahagian dan Hospital pada setiap bulan.



### 5.3.7 Pembangunan Baru Sistem Aplikasi

Dua sistem aplikasi baru telah dibangunkan oleh Cawangan Teknologi Maklumat iaitu:

- a) Integrasi *Electronic Patient Revenue System* (ePRS) dengan Sistem Maklumat Rekod Pesakit (SMRP).
- b) Sistem Kawalan Pintu Masuk Farmasi melibatkan Bahagian Farmasi.

### 5.3.8 Persembahan Multimedia

Cawangan Teknologi Maklumat telah menyediakan tiga persembahan Multimedia melibatkan tiga majlis seperti berikut:

- a) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Negeri pada 5 Mac 2019.
- b) Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri pada 25 April 2019.
- c) Majlis JasaMu DiKenang Peringkat Negeri pada 22 Oktober 2019.

### 5.3.9 Penyediaan Buku Program Bagi Majlis Rasmi

Cawangan Teknologi Maklumat telah menyediakan buku program bagi dua majlis utama seperti berikut:

- a) Buku Program Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Negeri pada 5 Mac 2019 sebanyak 1,010 unit.
- b) Buku Program Majlis JasaMu DiKenang Peringkat Negeri pada 22 Oktober 2019 sebanyak 123 cetakan.


## 6.0 CAWANGAN PSIKOLOGI KAUNSELING

### 6.1 Objektif

Cawangan Psikologi Kaunseling (CPsiK) adalah di bawah Bahagian Pengurusan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP). Objektif CPsiK ialah:

- i. Menyampaikan perkhidmatan psikologi kaunseling yang seragam dan holistik untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
- ii. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan Pegawai Psikologi secara berterusan;
- iii. Melaksanakan perkhidmatan berteraskan etika dan peruntukan perundangan yang berkaitan.

Pendekatan psikologi dan kaunseling adalah dengan menekankan aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan dalam pembangunan modal insan. Ketiga-tiga aspek ini dilaksanakan melalui empat aplikasi iaitu:



#### a) Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel

Cawangan Psikologi Kaunseling menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pentafsiran Ujian Psikometrik seperti ujian personaliti TAJMA, Inventori Personaliti Sidek (IPS), Inventori Personaliti Warna Sidek (IPW), Inventori Minat Kerjaya Sidek, dan pentadbiran Ujian Saringan seperti DASS, Ujian Personaliti A & B, Gaya Daya Tindak serta lain-lain ujian psikometrik dan saringan yang berkaitan. Perkhidmatan ini diberikan berdasarkan kepada permintaan atau keperluan semasa Pegawai Psikologi mengendalikan sesi kaunseling, CME, Kursus Pembangunan Modal Insan, Program Transformasi Minda dan intervensi psikososial yang lain.

Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel bagi tahun 2019	
	Bilangan peserta/klien
<b>Pentadbiran dan pentafsiran Ujian Psikometrik</b>	500
<b>Pentadbiran Ujian Saringan</b>	433

#### b) Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel

Aplikasi ini memfokuskan kepada program pemulihan dan pencegahan dimana input dari aspek psikologi dan kaunseling diberikan melalui penyampaian ceramah dan aktiviti berbentuk praktikal. Antara topik ceramah ialah berkaitan psikologi, pengurusan stres, kemahiran komunikasi berkesan/positif, kemahiran asas kaunseling, bimbingan kerjaya, budaya korporat dan kemahiran

sahsiah, peningkatan konsep kendiri dan sebagainya. Berikut merupakan program anjuran Cawangan Psikologi Kaunseling bagi tahun 2019:

ii	PROGRAM	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	JUMLAH PESERTA	OBJEKTIF PROGRAM
1.	Program Kenali Personaliti Diri Siri I & Siri II	20 Februari 2019 Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 7, JKNPP	58 rang	Membantu para peserta mengenalpasti trait dominan dalam diri sendiri
3.	Program Kenali Personaliti Diri Siri III	26 Februari 2019 Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 7, JKNPP	34 orang	
4.	Sambutan Hari Wanita Peringkat JKNPP	8 Mac 2019 Ruang Legar Tingkat 7 Bangunan MARA	100 orang	Meraikan warga kerja wanita JKN dengan berbeza sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan
5.	Program <i>Keep Calm Keep Going</i> Siri I	20 – 21 Mac 2019 Emerald Hotel Sungai Petani, Kedah	i. rang	i. Membantu peserta membuat keputusan yang lebih baik dan mempertingkatkan keupayaan mengurus dan pemikiran. ii. Mempertingkatkan potensi diri serta prestasi objektif individu dan organisasi.
6.	Program <i>Keep Calm Keep Going</i> Siri II	5 – 6 Ogos 2019 Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang	27 orang	
7.	Program <i>Be A Buddy</i> Siri I	22 April 2019 Purest Hotel Sungai Petani, Kedah	15 rang	i. Mempekemas personaliti AKRAB supaya lebih iaitu senang dan mudah didampingi. ii. Menanam daya ketahanan yang tinggi dalam diri
8.	Program <i>Be A Buddy</i> Siri II	29 April 2019 Damai Park Resort, Merbok Kedah	15 orang	
9.	Aplikasi Terapi Seni dalam Tingkah Laku Organisasi	27 Ogos 2019 Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang	36 rang	i. Untuk membantu peserta memahami tingkah laku organisasi yang positif. ii. Untuk membantu peserta mempelbagaikan dalam menguruskan tingkah laku di tempat
10.	Pertandingan Dekorasi Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat JKNPP	1 Ogos – 10 September 2019 Pejabat TPKN Pengurusan, Perubatan, Kesihatan Awam, Farmasi, Pergigian dan BKKM	5 Buah Pejabat TPKN	Menyemarakkan semangat patriotik dalam diri sendiri
11.	Sambutan Hari Psikologi Kaunseling Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang "Komuniti Bebas Stigma"	29 Okt 2019 Ruang Legar Utama Bangunan MARA Pulau Pinang	150 orang	Mendidik komuniti untuk lebih memahami isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat
12.	Pengukuhan Latihan dalam Organisasi/ Pementapan Perkhidmatan Psikologi	18 – 20 Nov 2019 Hotel Grand Continental, Pulau Langkawi Kedah	8 orang	i. Memperkasa kemahiran peserta perkhidmatan. ii. Membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan

Selain itu, Pegawai Psikologi juga turut menerima undangan sebagai penceramah/urus setia bagi program-program yang melibatkan anggota kesihatan dan komuniti seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Kursus/Ceramah</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Anjuran</b>
1.	Kursus Kesedaran Pendermaan Organ Bil 1/2019 - <i>Communication Skills</i>	26 Februari 2019	Pasukan Perolehan Organ & Tisu, Hospital Seberang Jaya
2.	Kursus Tempat Kerja Selamat	6 Mac 2019	PKMA
3.	Program Transformasi Minda	22 – 24 April 2019	Unit Latihan & Peperiksaan JKNPP
4.	Bengkel Jururawat Idamanku - <i>Professional Leadership For Nurses</i> - <i>The Psychology Of Human Behaviour</i>	2 Mei 2019	PKD Timur Laut
5.	Bengkel <i>Softskill</i>	21 Mei 2019	Hospital Pulau Pinang
6.	Program Transformasi Minda	12 Jun 2019	ILKKM (Kejururawatan) Georgetown
7.	<i>Stress Management</i>	14 Jun 2019	ILKKM (Pergigian)
8.	<i>Total Wellness and Health Promotion Program</i>	17 Jun 2019	NIOSH
9.	<i>Total Wellness and Health Promotion Program</i>	19 Jun 2019	NIOSH
10.	Bengkel Jururawat Idamanku - <i>Professional Leadership For Nurses</i> - <i>The Psychology Of Human Behaviour</i>	25 Jun 2019	Hospital Pulau Pinang
11.	Program Transformasi Minda	26 Jun 2019	Unit Latihan & Peperiksaan JKNPP
12.	<i>Stress Less, Stay Poise</i>	28 Jun 2019	Unit Psikologi Kaunseling, Hospital Pulau Pinang
13.	<i>Bereavement Counselling 2019</i> - <i>Normal Grief Reaction</i> - <i>Active Listening Technique</i>	9 Julai 2019	Hospital Seberang Jaya
14.	Minda Sihat di Tempat Kerja Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 - Pengurusan Stres - Pemikiran Positif dan Harga Diri	9 Julai 2019	Bahagian Kesihatan Awam, JKNPP
15.	Budaya Kerja Cemerlang	10 Julai 2019	MKKM
16.	Cakna Ringgit Malaysia (RM)	24 Julai 2019	PKD SPU
17.	Kursus <i>Psychiatric Management in Primary Care "Lets Talk"</i> - <i>Counselling Skills</i>	25 Julai 2019	PKD Timur Laut

18.	Taklimat Perlindungan Sinaran Bil 2/2019 - Pengurusan Stres	19 Ogos 2019	Jawatankuasa Program Perlindungan Sinaran Peringkat Negeri Pulau Pinang
19.	Program Transformasi Minda	20 Ogos 2019	Unit Latihan & Peperiksaan JKNPP
20.	Bengkel Jururawat Idamanku Fasa 2/2019	22 Ogos 2019	Bahagian Kesihatan Awam, JKNPP
21.	Program Kesihatan Remaja (Pelajar Tingkatan 4) – Kesihatan Mental Remaja	22 Ogos 2019	PKD Barat Daya
22.	Seminar Pemantapan Jati Diri dan Profesion JKNPP	23 Ogos 2019	Bahagian Kesihatan Awam, JKNPP
23.	Kursus Tingkah Laku Organisasi	26 Ogos 2019	PKMA
24.	Komunikasi – GRODA	27 Ogos 2019	Pasukan Perolehan Organ & Tisu, Hospital Pulau Pinang
25.	Pengendalian slot dalam Program Lawatan Kerja Cawangan Perubatan dan Komplementari Zon Utara Ke Langkawi	6 – 9 September 2019	Pusat latihan Perahu Layar Kebangsaan Langkawi, Kedah
26.	Program Latihan Kesihatan Mental dan Sokongan	11 September 2019	PKD Barat Daya
27.	Ceramah Kursus Pengukuhan dan Pengamalan <i>SoftSkill</i>	12 September 2019	PPD SPU
28.	Bengkel Jururawat Idamanku	19 September 2019	PKD Timur Laut
29.	Profesionalisma - Kursus Budaya Korporat	26 September 2019	Unit Latihan, Hospital Pulau Pinang
30.	Slot Aktiviti <i>Teamwork</i> dalam Mesyuarat Penguatkuasaan Pejabat Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari	1 Oktober 2019	Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari, JKNPP
31.	Program Transformasi Minda - Pemikiran Kritis dan Inovatif	8 Oktober 2019	Unit Latihan & Peperiksaan, JKNPP
32.	Program Transformasi Minda	9 Oktober 2019	Unit Latihan & Peperiksaan JKNPP
33.	Slot Kemahiran Komunikasi Hari Kesihatan Mental Peringkat Negeri Pulau Pinang - <i>Focus Group Discussion</i>	10 Oktober 2019	Bahagian Kesihatan Awam, JKNPP
34.	<i>Learning Organisation</i> - Kursus <i>Psychosocial Skills For Clinic Managers</i>	11 Oktober 2019	Pejabat Penyelia Perubatan, Hospital Pulau Pinang


	Hospital Pulau Pinang		
35.	Kursus Motivasi Untuk Penyelia	17 Oktober 2019	PKD Timur Laut
36.	<i>Training of Trainers</i> Hospital Mesra Ibadah 2019 JKNPP – Komunikasi Bersama Pesakit dan Waris	5 November 2019	Bahagian Perubatan, JKNPP
37.	<i>Training of Trainers</i> Hospital Mesra Ibadah 2019 JKNPP – Komunikasi Bersama Pesakit dan Waris	6 November 2019	Bahagian Perubatan, JKNPP
38.	Jururawat Idamanku	7 November 2019	PKD SPT
39.	Program Transformasi Minda	12 November 2019	Unit Latihan & Peperiksaan JKNPP
40.	Program Transformasi Minda Pemikiran Kritis dan Inovatif	12 November 2019	Unit Latihan, JKNPP
41.	Program Transformasi Minda	13 November 2019	ILKMM Pergigian
42.	Program Transformasi Minda	22 November 2019	ILKMM (Kejururawatan) Bertam
43.	Program Transformasi Minda Pemikiran Kritis dan Inovatif	22 November 2019	ILKMM (Kejururawatan) Bertam
44.	Pameran dan Saringan Minda Sihat Siri I	9 Disember 2019	Bahagian Kesihatan Awam & B Braun
45.	Pameran dan Saringan Minda Sihat Siri II	11 Disember 2019	Bahagian Kesihatan Awam & B Braun

c) Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi

Memberikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada personel kesihatan agar dapat mencapai kesedaran sendiri secara optimum melalui Intervensi Personal.

i. Sesi Kaunseling

Sesi kaunseling adalah terdiri daripada individu dan kelompok serta perkhidmatan konsultasi yang berbentuk nasihat dan pendapat turut dijalankan. Terdapat dua kaedah klien mendapatkan perkhidmatan kaunseling iaitu sama ada secara sukarela atau rujukan daripada ketua jabatan/unit. Manakala jenis kes pula terdiri daripada beberapa tujuan rujukan iaitu disiplin, interpersonal, prestasi, tatatertib, psikologi, kesihatan dan lain-lain. Berikut merupakan statistik sesi kaunseling yang dikendalikan sepanjang tahun 2019:



ii. Program Pengurusan Kewangan

CPSiK telah memutuskan kaedah pelaksanaan program kewangan yang boleh dilaksanakan di peringkat PTJ dengan menganjurkan Mesyuarat Pelan Tindakan Pengurusan Kewangan Kepada Anggota Keterhutangan Kewangan Yang Serius JKNPP Bil 1 Tahun 2019 pada 20 Jun 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 3 Bangunan MARA. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 29 orang Pegawai Penyelaras Laporan Keterhutangan Kewangan dan hasil mesyuarat ini memutuskan bahawa:

- Program Pengurusan Kewangan perlulah dianjurkan oleh PTJ masing-masing. Sebagai panduan, pihak PTJ juga boleh menjemput wakil penceramah daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Pegawai Psikologi (mengikut perbincangan dan kesesuaian masa para pegawai).
- Program Kewangan perlulah dirancang dan dilaksanakan kepada dua bahagian iaitu Program Pemulihan dan Program Pencegahan. Program Pemulihan adalah kepada anggota keterhutangan seperti melakukan *Profiling* dan saringan untuk mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh dilakukan oleh anggota tersebut. Manakala Program Pencegahan pula adalah kepada anggota lantikan baru atau anggota yang tidak tergolong dalam kes keterhutangan serius.

iii. Program Pemeraksanaan AKRAB Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)

Tajuk: Program Kembara Sihat AKRAB

Tarikh: 4 April 2019

Tempat: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Puteri Gunung SPS

Tajuk: Majlis Akhir Tahun AKRAB 2019  
 Tarikh: 15 November 2019  
 Tempat: Gen Hotel Georgetown, Pulau Pinang

Tajuk: Mesyuarat AKRAB JKNPP Bil 1 Tahun 2019  
 Tarikh: 15 November 2019  
 Tempat: Bilik Mesyuarat Tingkat 37, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang

Selain itu, AKRAB JKNPP juga telah menjalankan sesi bimbingan kepada anggota yang memerlukan perkhidmatan sama ada secara rujukan atau sukarela:

Isu Rujukan	Kesihatan	Kewangan	Disiplin	Lain - Lain	Jumlah Sesi
Jumlah	4	3	5	28	60

## 6.2 Pentadbiran Dan Pengurusan Cawangan

Aktiviti	Sasaran 2019	Pencapaian 2019
1. Naziran ke PTJ	3	3
2. Laporan Keterhutangan Serius	2	2
3. Mesyuarat Pegawai-pegawai Psikologi Negeri Pulau Pinang	2	4

## **BAHAGIAN PERUBATAN**

### **Pengenalan**

Program Perubatan di peringkat negeri Pulau Pinang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) yang telah dipertanggungjawabkan dalam semua aspek penyediaan perkhidmatan rawatan perubatan melalui enam buah hospital kerajaan manakala hospital swasta pula dipantau oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).

### **CAWANGAN PERKEMBANGAN PERUBATAN**

Cawangan Perkembangan Perubatan di peringkat negeri Pulau Pinang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) yang telah dipertanggungjawabkan dalam semua aspek penyediaan perkhidmatan rawatan perubatan di setiap hospital KKM di Negeri Pulau Pinang. Cawangan Perkembangan Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dianggotai oleh dua orang Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pegawai Perubatan UD52) dan seorang Ketua Penolong Pengarah (Pegawai Perubatan UD48). Cawangan Perkembangan Perubatan mempunyai 3 portfolio utama iaitu Seksyen Perkhidmatan Klinikal, Seksyen Perkhidmatan Operasi Hospital dan Seksyen Pembangunan & Sumber Manusia Perubatan. Pelaksanaan terhadap potfolio-potfolio berkenaan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah seiring dengan matlamat dan hala tuju Cawangan Perkembangan Perubatan, KKM. Cawangan ini sentiasa berhubung rapat dengan unit-unit di bawah Perkembangan Perubatan, KKM dan juga sentiasa mendapat nasihat dan bimbingan daripada Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan).

Cawangan Perkembangan Perubatan juga sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dengan semua unit di setiap hospital di Negeri Pulau Pinang bagi melancarkan dan menjayakan setiap program yang dijalankan terutamanya dalam meningkatkan mekanisma penambahbaikan dalam mempromosikan tatacara yang boleh digunakan dalam meningkatkan perkhidmatan hospital-hospital.

### **Struktur Dan Peranan**

#### **Seksyen Perkhidmatan Klinikal**

1. Menyelaras dan memantau program-program perubatan serta servis perkhidmatan Klinikal di hospital termasuk kolaborasi dengan Bahagian lain.
2. Memantau perkembangan program di setiap hospital serta mengenalpasti isu-isu berkaitan perkhidmatan klinikal.
3. Memastikan perkhidmatan yang diberi mengikut SOP yang telah ditetapkan KKM.
4. Membantu dan menyediakan mesyuarat-mesyuarat perkhidmatan direktorat.

5. Memantau dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti sistem casemix termasuk audit diagnosis klinikal dan koding dan bengkel kemasukan data kewangan sistem casemix.
6. Memantau proses kerja sistem SMRP.
7. Memantau dan membantu menyelaraskan aktiviti-aktiviti Peka B40 di hospital.


### **Seksyen Perkhidmatan Operasi Hospital**

1. Merancang, menyelaras dan memantau peruntukan LDP dan pelaksanaan kursus/bengkel di hospital.
2. Memohon peruntukan tambahan LDP bagi Bahagian Perubatan dan hospital.
3. Membuat cadangan agihan peruntukan perbelanjaan/peruntukan pertengahan tahun/peruntukan tambahan bagi hospital.
4. Mengawal perbelanjaan kewangan hospital bersama Unit Kewangan, JKNPP
5. Merancang dan menyelaras projek-projek pembangunan dan aset mengikut keperluan hospital bersama Unit Pembangunan, JKNPP.
Cawangan Aduan & Medikolegal JKNPP ditubuhkan pada tahun 2015 selaras dengan peningkatan kes-kes aduan berpotensi medikolegal dan kes saman yang melibatkan anggota kesihatan di Pulau Pinang. Unit ini juga menguruskan semua kes-kes aduan Bahagian Perubatan JKNPP di dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) dan mendapat bantuan serta nasihat secara terus dari Cawangan Medikolegal, Bahagian Amalan Perubatan, KKM. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah UD48 dan dibantu oleh Penolong Pengarah UD44 serta seorang Pembantu Tadbir (P/O) N19.

#### **Fungsi Utama:**

- Menyelaras, menyiasat, menyelesaikan dan menambahbaik kes-kes aduan perubatan klinikal
- Menyelaras dan menyiasat serta membantu Cawangan Medikolegal, Bahagian Amalan Perubatan, KKM menyelesaikan apa-apa aduan medikolegal atau berpotensi medikolegal berkaitan hospital kerajaan di Pulau Pinang
- Menguruskan penawaran ex gratia di peringkat negeri bagi penyelesaian luar mahkamah
- Menguruskan pelaporan Lampiran A bagi kes-kes pembayaran penyelesaian luar mahkamah dan atas perintah mahkamah di Pulau Pinang
- Memberi kesedaran kepada doctor dan paramedic mengenai isu-isu kecuaiian klinikal dengan cara memberi ceramah dan menganjurkan kursus-kursus medikolegal peringkat negeri

#### **Aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2019**

- Mesyuarat Audit Caw. Aduan dan Medikolegal JKN Pulau Pinang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada bulan Mei 2019.
- Mesyuarat antara Caw. Aduan dan Medikolegal JKN Pulau Pinang dan ketua-ketua unit medikolegal bagi setiap hospital di Pulau Pinang sebanyak tiga kali setahun pada bulan Februari, Mei dan September 2019.
- Penganjuran *National Medico-legal Conference 2019* yang berlangsung pada 2-4 Oktober 2019

## Gambar-Gambar Aktiviti

National Medico-Legal Conference 2019  
2-4 Oktober 2019  
City Bayview Hotel, Georgetown





Audit daripada Cawangan Medico Legal KKM



## **BAHAGIAN KESIHATAN AWAM**

Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang terletak di Tingkat 37, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR). Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Dr. Marina Binti Kamaruddin. Aktiviti-aktiviti di bawah Program Kesihatan Awam adalah luas dan menyeluruh demi untuk memastikan individu, keluarga dan masyarakat amnya sihat sejahtera. Struktur pentadbiran Bahagian Kesihatan Awam terdiri dari 10 Cawangan dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah beserta sebuah Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa.

### **Objektif**

Objektif Umum Bahagian Kesihatan Awam adalah:


1. Meningkatkan status kesihatan dan kualiti kehidupan individu, keluarga dan masyarakat ke arah kehidupan yang sihat dan produktif.
2. Menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan komprehensif melalui perkhidmatan promotif, preventif, kuratif, rehabilitif dan paliatif di setiap peringkat lapisan masyarakat.
3. Mencegah insidens dan prevalens penyakit berjangkit dan tidak berjangkit.

Objektif Khusus Bahagian Kesihatan Awam adalah:

1. Untuk meningkat dan mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan sosial sesebuah individu, keluarga dan masyarakat.
2. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti
3. Menggalakkan cara hidup sihat, keadaan tempat kerja yang sihat dan selamat dan persekitaran yang bersih.
4. Menkuatkuasakan undang-undang kesihatan awam.



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KESIHATAN AWAM NEGERI PULAU PINANG



## PROGRAM CAWANGAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

### Pengenalan

Cawangan Pembangunan Kesihatan Keluarga (CPKK) menyediakan perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan promotif, preventif, kuratif dan rehabilitasi dalam penjagaan kesihatan asas. Cawangan ini merangkumi dua unit iaitu Unit Kesihatan Keluarga dan Unit Kesihatan Primer. Perkhidmatan yang disediakan oleh cawangan ini adalah komprehensif yang meliputi semua peringkat umur dan diberikan melalui fasiliti kesihatan awam. Skop perkhidmatan terdiri dari empat komponen iaitu kesihatan, penyakit kecemasan, sokongan klinikal dan informatik kesihatan.

### Kedudukan Kemudahan Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang adalah diberikan melalui kemudahan seperti berikut.

Jadual 4.1:  
Kemudahan Kesihatan Di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2010-2019

Jenis Kemudahan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
Klinik Kesihatan	27	27	27	29	29	30	30	30	30	33
Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
Klinik Desa	62	60	60	60	60	60	60	59	59	56
Klinik Komuniti	5	7	11	16	19	20	24	24	22	10
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>108</b>	<b>112</b>	<b>118</b>	<b>121</b>	<b>122</b>	<b>126</b>	<b>125</b>	<b>123</b>	<b>111</b>

Pada keseluruhannya terdapat 105 buah Klinik kerajaan yang meliputi 33 Klinik Kesihatan dan 10 Klinik Komuniti yang memberi perkhidmatan pesakit luar manakala perkhidmatan kesihatan ibu dan anak diberikan oleh 31 Klinik Kesihatan, 56 Klinik Desa (2 KD tutup) dan 6 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Pada tahun 2019 terdapat 11 buah Klinik Komuniti di Pulau Pinang yang telah ditutup selepas tamat kontrak. RTC Pulau Pinang telah dimulakan pembinaan dan bersedia untuk mula operasi pada tahun 2020. 3 buah Klinik Desa iaitu Klinik Desa Gelugor di Timur Laut, Klinik Desa Valdor di Seberang Perai Selatan dan KD Bukit Tengah di Seberang Perai Tengah telah dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan. 3 buah Klinik telah membuat perubahan nama Klinik iaitu Klinik Kesihatan Sungai Dua di daerah Timur Laut ditukar kepada Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL), Klinik Kesihatan Sungai Dua di daerah Seberang Perai Utara ditukar kepada Klinik Kesihatan Sungai Dua (SPU) dan Klinik Kesihatan Bandar Baru Air Itam ditukar kepada Klinik Kesihatan Jalan Angsana.

## Aktiviti Dan Pencapaian

### Unit Kesihatan Keluarga

#### Perkhidmatan Kesihatan Ibu Dan Anak

Jadual 4.2:

Purata Kedatangan Ibu Mengandung Ke Klinik Kesihatan/Hospital KKM Dan Swasta (Semua Agensi) Mengikut Daerah Bagi Negeri Pulau Pinang Pada Tahun 2019

Daerah	2017		2018		2019		Purata Lawatan Antenatal ke KK Tahun 2019
	Baru	Jumlah	Baru	Jumlah	Baru	Jumlah	
Timur Laut	6129	<b>97879</b>	5828	<b>88321</b>	7437	<b>84147</b>	<b>1:11</b>
Barat Daya	3679	<b>50776</b>	4014	<b>54294</b>	3903	<b>54077</b>	<b>1:13</b>
Seberang Perai Utara	5545	<b>65180</b>	5334	<b>66056</b>	5039	<b>66353</b>	<b>1:13</b>
Seberang Perai Tengah	5869	<b>70196</b>	5966	<b>72881</b>	6267	<b>69882</b>	<b>1:11</b>
Seberang Perai Selatan	3024	<b>36803</b>	3022	<b>36552</b>	3021	<b>36423</b>	<b>1:12</b>
<b>Jumlah</b>	<b>24246</b>	<b>320834</b>	<b>24164</b>	<b>318104</b>	<b>25667</b>	<b>310882</b>	<b>1:12</b>

Terdapat sedikit peningkatan jumlah kedatangan baru ibu mengandung ke kemudahan kesihatan sebanyak 1503 iaitu dari 24164 pada tahun 2018 ke 25667 pada tahun 2019 tetapi jumlah keseluruhan kedatangan ibu mengandung pada tahun 2019 telah menurun sebanyak 7091 berbanding dengan tahun 2018 dengan purata kedatangan keseluruhan bagi seorang ibu sebanyak 12 kali.

Jadual 4.3:

Kedatangan Ibu Mengandung Baru Di Kawasan Operasi Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2019

Daerah	Klinik Kerajaan	Hospital Kerajaan	Klinik/Hospital Swasta	Rumah Sakit Angkatan Tentera	Jumlah Keseluruhan
<b>Timur Laut</b>	4091	0	3346	-	7437
<b>Barat Daya</b>	3437	6	363	97	3903
<b>Seberang Perai Utara</b>	4617	0	400	22	5039
<b>Seberang Perai Tengah</b>	5232	111	924	-	6267
<b>Seberang Perai Selatan</b>	2765	0	256	-	3021
<b>NEGERI</b>	<b>20142</b>	<b>117</b>	<b>5289</b>	<b>119</b>	<b>25667</b>

Pada tahun 2019, 78.5% dari ibu mengandung baru di negeri Pulau Pinang memilih kemudahan Klinik Kesihatan Kerajaan untuk berdaftar dan membuat pemeriksaan kesihatan (terdapat penurunan berbanding dengan tahun 2018 iaitu 84.3%) dan cuma terdapat 0.5% yang memilih hospital KKM. Sementara itu terdapat peningkatan kedatangan di hospital/klinik swasta iaitu 20.6% berbanding 14.6% pada tahun 2018. 0.5 % ialah dibawah jagaan Angkatan Tentera.

Jadual 4.4:


Kedatangan Ibu Hamil (Baru) < 12 Minggu Di Klinik Kesihatan (KKM) Bagi Tahun 2019 Bandingan Dengan Tahun 2017 Dan 2018

Daerah	Kedatangan ibu Hamil baru di Klinik Kesihatan			Kedatangan Ibu hamil baru < 12 minggu			% kedatangan		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
<b>Timur Laut</b>	4268	4283	4091	3794	3769	3737	88.9	87.9	91.3
<b>Barat Daya</b>	3316	3499	3443	3112	3410	3314	93.8	97.4	96.3
<b>Seberang Perai Utara</b>	4966	4840	4617	4462	4424	4290	89.8	91.4	92.9
<b>Seberang Perai Tengah</b>	5266	5178	5343	4667	4587	4712	88.6	88.6	88.2
<b>Seberang Perai Selatan</b>	2742	2714	2765	2474	2510	2629	90.2	92.5	95.1
<b>NEGERI</b>	<b>20558</b>	<b>20514</b>	<b>20259</b>	<b>18509</b>	<b>18700</b>	<b>18682</b>	<b>90.0</b>	<b>91.2</b>	<b>92.2</b>

Lawatan Pertama Ibu Mengandung < 12 minggu ke Klinik Kesihatan Kerajaan (Sasaran  $\geq 70\%$ ). Bagi tahun 2019, peratus kedatangan ibu hamil baru < 12 Minggu Di Klinik Kesihatan (KKM) didapati meningkat sebanyak 1.0% dari 91.2% pada tahun 2018 ke 92.2% pada tahun 2019.

## Liputan Imunisasi Tetanus Toksoid Bagi Ibu Mengandung

Rajah 4.1:  
Liputan Imunisasi Tetanus Toksoid (ATT) Bagi Ibu Mengandung Mengikut Daerah Di Pulau Pinang Tahun 2015-2019



\*

Denominator Anggaran Kelahiran Hidup bagi tahun 2019 adalah 21464

Bagi tahun 2019, liputan imunisasi Tetanus Toxoid bagi ibu mengandung di Pulau Pinang telah meningkat dari 92.0% ke 93.8% mengikut denominator anggaran kelahiran hidup.

## Kelahiran

Jadual 4.5:  
Kelahiran Dalam Kawasan Operasi Pulau Pinang

Tempat	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Hospital kerajaan/klinik kerajaan/hospital tentera	13657	<b>64.7</b>	14172	<b>67.3</b>	14663	<b>69.9</b>	14742	<b>70.9</b>	14606	<b>71.97</b>
Hospital swasta/Rumah Bersalin swasta	7360	<b>34.9</b>	6777	<b>32.2</b>	6176	<b>29.5</b>	5962	<b>28.7</b>	5635	<b>27.8</b>
Kelahiran di rumah oleh Bidan kerajaan@swasta	18	<b>0.08</b>	21	<b>0.09</b>	90	<b>0.43</b>	42	<b>0.20</b>	31	<b>0.15</b>
Kes BBA	17	<b>0.08</b>	29	<b>0.14</b>	7	<b>0.03</b>	9	<b>0.04</b>	3	<b>0.01</b>
Lain-lain kelahiran tidak selamat di rumah/tempat	52	<b>0.24</b>	53	<b>0.25</b>	17	<b>0.08</b>	16	<b>0.08</b>	20	<b>0.09</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>21104</b>	<b>100</b>	<b>21052</b>	<b>100</b>	<b>20953</b>	<b>100</b>	<b>20771</b>	<b>100</b>	<b>20295</b>	<b>100</b>

Terdapat sedikit penurunan dalam bilangan kelahiran berdaftar di Pulau Pinang berbanding dengan tahun 2018 iaitu 20771 kepada 20295 tahun ini. Peratus kelahiran selamat adalah 99.9%. Manakala peratus kelahiran tidak selamat adalah 23 kes (0.11%) iaitu BBA dan kelahiran tidak selamat di lain-lain tempat.

## Lawatan Ke Rumah

Jadual 4.6:  
Aktiviti Lawatan Rumah Mengikut Daerah Di Negeri Pulau Pinang

DAERAH	Jumlah Keseluruhan Lawatan Ke Rumah			Purata Lawatan ibu Postnatal dan bayi baru lahir		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	60913	59207	63417	9.3	9.5	9.9
Barat Daya	43264	42842	46659	9.9	10.3	10.6
Seberang Perai Utara	81695	76268	74903	9.6	9.6	10.4
Seberang Perai Tengah	75344	75512	74531	10.5	10.1	10.8
Seberang Perai Selatan	75248	87430	80261	9.4	10.9	10.9
<b>NEGERI</b>	<b>313250</b>	<b>313199</b>	<b>314693</b>	<b>9.8</b>	<b>9.9</b>	<b>10.4</b>

**Jadual 4.6** menunjukkan bilangan aktiviti lawatan mengikut daerah di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2017-2019. Aktiviti lawatan rumah telah dibuat mengikut penjagaan kesihatan ibu, penjagaan kesihatan kanak-kanak dan lain-lain lawatan seperti kes-kes yang dirujuk dari hospital, kes penyiasatan/kajian, dan lain-lain. Lawatan postnatal di rumah dijalankan pada hari 1, 2, 3, 4, 6, 8, 10, 15, 20 selepas bersalin. Bagi tahun 2019, jumlah 182979 lawatan postnatal telah dijalankan untuk 17571 ibu postnatal di negeri Pulau Pinang. Bagi setiap daerah dan negeri Pulau Pinang Purata lawatan postnatal bagi setiap ibu selepas bersalin adalah melebihi 9 kali.

## Kedatangan Baru Kanak-Kanak Ke Klinik Kesihatan (KKM)

Jadual 4.7:  
Kedatangan Baru Ke Klinik Kesihatan Bagi Bayi 0 – 1 Tahun, 1- 4 Tahun Dan 5 – 6 Tahun Mengikut Daerah Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2017-2019

DAERAH	0 - 1 tahun			1-4 tahun			5-6 tahun		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	3983	4025	3703	12231	12920	12124	4069	5331	5031
Barat Daya	3410	2961	3672	6994	8157	8508	1015	1354	1641
Seberang Perai Utara	5343	5812	6002	13398	12793	13772	2982	3152	3912
Seberang Perai Tengah	5662	7270	6436	12626	13245	13354	1597	2151	2443
Seberang Perai Selatan	3289	2974	4513	8187	7855	9387	2298	2031	2676
<b>NEGERI</b>	<b>21337</b>	<b>21687</b>	<b>24326</b>	<b>47634</b>	<b>53436</b>	<b>57145</b>	<b>11961</b>	<b>14019</b>	<b>15703</b>

Kedatangan baru bayi dan kanak-kanak telah meningkat berbanding dengan tahun 2018. Pencapaian kedatangan baru bayi dan kanak-kanak berumur 0-1 tahun adalah 85.8% (sasaran yang ditetapkan oleh KKM adalah 75%) manakala pencapaian kedatangan baru kanak-kanak berumur 1-4 tahun adalah 55.4% (sasaran yang ditetapkan adalah 60%) dan kedatangan baru kanak-kanak berumur 5-6 tahun adalah 30.9% (sasaran yang ditetapkan adalah 20%).

## Immunisasi Untuk Bayi Dan Kanak-Kanak

### Liputan BCG Bayi Di Bawah 1 Tahun

Jadual 4.8:

Liputan BCG Bayi Di Bawah 1 Tahun Bagi Negeri Pulau Pinang Untuk Tahun 2010-2019

<b>Tahun</b>	<b>Bil.Penerima</b>	<b>*Kelahiran Hidup (TBIS)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>2010</b>	22052	22213	99.3%
<b>2011</b>	23282	23433	99.4%
<b>2012</b>	25608	25759	99.4%
<b>2013</b>	23380	23509	99.5%
<b>2014</b>	24493	24630	99.4%
<b>2015</b>	23380	23509	99.5%
<b>2016</b>	23081	23247	99.3%
<b>2017</b>	22601	22752	99.3%
<b>2018</b>	21982	22153	99.2%
<b>2019</b>	20795	20903	99.5%

\* Semua Kelahiran di Pulau Pinang (KKM dan swasta) beralamat di Negeri Pulau Pinang

Pencapaian program imunisasi di kalangan bayi bagi semua kelahiran di negeri Pulau Pinang mencapai sasaran kementerian iaitu melebihi 95.0% dan khususnya untuk imunisasi BCG adalah melebihi 99.5%.

### Liputan Polio Dos Ke-3 bagi bayi 0–1 Tahun

Jadual 4.9:

Liputan Polio Dos Ke-3 Bagi Bayi 0–1 Tahun Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 –2019

DAERAH	2017		2018		2019	
	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan
Timur Laut	5039	99.7	4974	99.3	4882	101.5
Barat Daya	3654	105.1	3558	105.3	3576	105.4
Seberang Perai Utara	5033	96.1	5101	99.2	5060	98.4
Seberang Perai Tengah	5179	93.0	5359	97.9	5452	105.0
Seberang Perai Selatan	3086	106.1	3118	112.0	3023	103.3
<b>NEGERI</b>	<b>21991</b>	<b>98.8</b>	<b>22110</b>	<b>101.5</b>	<b>21993</b>	<b>102.5</b>

\*Denominator Anggaran Kelahiran Hidup (IDS) bagi tahun 2019 adalah 21464

### Liputan DTAP/HIB Dos Ke-3 bagi bayi 0-1 Tahun

Jadual 4.10:

Liputan DTAP/HIB Dos Ke-3 Bagi Bayi 0-1 Tahun Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 -2019

DAERAH	2017		2018		2019	
	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan
Timur Laut	5039	99.7	4974	99.3	4882	101.5
Barat Daya	3654	105.1	3558	105.3	3576	105.4
Seberang Perai Utara	5033	96.1	5101	99.2	5060	98.4
Seberang Perai Tengah	5179	93.0	5359	97.9	5452	105.0
Seberang Perai Selatan	3086	106.1	3118	112.0	3023	103.3
<b>NEGERI</b>	<b>21991</b>	<b>98.8</b>	<b>22110</b>	<b>101.5</b>	<b>21993</b>	<b>102.5</b>

\* Denominator Anggaran Kelahiran Hidup (IDS) bagi tahun 2019 adalah 21464

## Liputan Immunisasi MMR Bayi 0-1 Tahun

Jadual 4.11:

Liputan Immunisasi MMR Bayi 0-1 Tahun, Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2017-2019

DAERAH	2017		2018		2019	
	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan
Timur Laut	5671	97.8	5806	95.2	5839	95.7
Barat Daya	3590	102.6	3520	95.1	3643	101.2
Seberang Perai Utara	4999	98.0	5067	95.6	4995	94.3
Seberang Perai Tengah	5137	96.9	5327	95.1	5488	96.3
Seberang Perai Selatan	3108	107.2	3044	101.5	3067	98.9
<b>NEGERI</b>	<b>22505</b>	<b>99.6</b>	<b>22764</b>	<b>96.1</b>	<b>23032</b>	<b>96.8</b>

\*Denominator Bayi 1-<2 tahun (anggaran) bagi tahun 2019 adalah 23800

## Liputan Immunisasi Hepatitis B Dos ke 3 bagi Bayi 0-1 Tahun

Jadual 4.12:

Liputan Immunisasi Hepatitis B Dos Ke 3 Bagi Bayi 0-1 Tahun Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2017-2019

DAERAH	2017		2018		2019	
	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan	Bil	% Liputan
Timur Laut	5041	99.8	5063	101.1	4877	101.4
Barat Daya	3567	102.5	3523	104.3	3685	108.6
Seberang Perai Utara	4997	95.4	5059	98.4	5053	98.3
Seberang Perai Tengah	5154	92.6	5400	98.7	5415	104.3
Seberang Perai Selatan	3236	111.2	3112	111.8	3002	102.6
<b>NEGERI</b>	<b>21995</b>	<b>98.9</b>	<b>22157</b>	<b>101.7</b>	<b>22032</b>	<b>102.6</b>

\* Denominator Anggaran Kelahiran Hidup (IDS) bagi tahun 2019 adalah 21464

## Kadar Kematian Bayi Dan Kanak-Kanak Dibawah 5 Tahun

Jadual 4.13:

Kadar Kematian Lahir Mati Dan Kanak-Kanak Dibawah 5 Tahun Bagi Negeri Pulau Pinang 2010-2019

<b>TAHUN</b>	<b>Stillbirth Rate(SBR)</b>	<b>Perinatal Mortality Rate (PMR)</b>	<b>Neonatal Mortality Rate (NMR)</b>	<b>Infant Mortality Rate (IMR)</b>	<b>Under Five Death (U5D)</b>
<b>2015</b>	7.8	12.5	5.7	8.1	9.4
<b>2016</b>	7.3	11.9	5.6	7.7	9.2
<b>2017</b>	6.8	10.6	4.3	6.8	7.9
<b>2018</b>	6.9	11.1	5.4	7.5	8.8
<b>2019</b>	7.2	10.6	4.7	6.6	7.6

Bilangan Kematian/Anggaran Kelahiran Hidup per 1000

Terdapat penurunan kadar kematian bayi dan kanak-kanak bagi tahun 2019. Kadar Kematian Bayi 0-1 tahun menurun dari 7.5 per 1000 kelahiran hidup (2018) kepada 6.6 per 1000 kelahiran hidup (2019) manakala kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun menurun dari 8.8 per 1000 kelahiran hidup (2018) kepada 7.6 per 1000 kelahiran hidup (2019).

### Program Saringan *Congenital Hypothyroidism*

Program Saringan *Congenital Hypothyroidism* telah dimulakan di Malaysia pada tahun 1998. Insiden di Malaysia dicatatkan ialah 1:3390 (Program Pemeriksaan *Hypothyroidism* Nasional Malaysia 2001-2005). Bagi Negeri Pulau Pinang, Hospital Pulau Pinang telah memulakan Saringan *Congenital Hypothyroidism* pada tahun 2000 dan Semua Hospital Daerah dan Hospital Swasta juga menjalankan saringan *Congenital Hypothyroidism* mulai tahun 2006.


#### Objektif Utama:

Objektif program adalah untuk mengesan awal bayi yang baru lahir yang mengalami masalah *Congenital Hypothyroidism* dan memberi rawatan yang sewajarnya untuk mencegah kecacatan mental.

#### Objektif Khusus:


1. Membuat saringan kepada semua bayi baru lahir untuk mengesan kes *Congenital Hypothyroidism*.
2. Memastikan bayi yang baru lahir dengan *Congenital Hypothyroidism* menerima rawatan dalam tempoh 2 minggu pertama.

Rajah 4.2:  
Program Saringan Congenital Hypothyroidism Bagi Negeri Pulau Pinang 2014-2019



### Kadar Kematian Ibu

Rajah 4.3:  
Kadar Kematian Ibu Bagi Negeri Pulau Pinang 2015-2019



Sasaran *Sustainable Development Goal* ialah **Target 3.1** iaitu mengurangkan kadar kematian ibu pada kadar kurang daripada 70 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2030. Untuk Malaysia, sasaran adalah untuk mengurangkan kadar kematian ibu pada kadar 8.7 bagi setiap 100,000 kelahiran pada tahun 2030. Untuk negeri Pulau Pinang, sasaran ialah mengurangkan kadar kematian ibu pada kadar 11.9 bagi setiap 100,000 kelahiran pada tahun 2030. Bagi tahun 2019, jumlah kematian ibu adalah 12

kes dimana 9 orang warga negara dan 2 orang warga asing berizin dan 1 orang warga asing tanpa izin. 6 kes diklasifikasi sebagai kes *Direct*, 4 kes *Indirect* dan 2 kes *fortuituos* dan 8 kes ada *preventable* dan 4 kes *not preventable*.

Jadual 4.14:

Bilangan Kes Kematian Ibu Mengikut Klasifikasi Kes Bagi Tahun 2015-2019

<b>Klasifikasi kes</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
<i>Direct (D)</i>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>10</b>	<b>4</b>	<b>6</b>
<i>Indirect (ID)</i>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>4</b>
<i>Fortuitous (F)</i>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>2</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>17</b>	<b>13</b>	<b>14</b>	<b>12</b>

### **Perkhidmatan Perancang Keluarga**

#### **Pengamal Baru Dan Semula Ke Klinik Untuk Program Perancang Keluarga**

Jadual 4.15:

Jumlah Pengamal Baru Dan Semula Ke Klinik Untuk Program Perancang Keluarga 2018 – 2019

<b>DAERAH</b>	<b>Pengamal Perancang Keluarga (Baru dan Semula)</b>					
	<b>Sasaran 2018</b>	<b>Jumlah 2018</b>	<b>% Pencapaian</b>	<b>Sasaran 2019</b>	<b>Jumlah 2019</b>	<b>% Pencapaian</b>
<b>Timur Laut</b>	<b>3162</b>	3151	99.7	<b>3151</b>	3415	108.4
<b>Barat Daya</b>	<b>1890</b>	1728	91.4	<b>1728</b>	1913	110.7
<b>Seberang Perai Utara</b>	<b>2529</b>	2106	83.3	<b>2106</b>	2630	124.9
<b>Seberang Perai Tengah</b>	<b>3163</b>	3693	116.8	<b>3693</b>	3439	93.1
<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>1907</b>	2442	128.3	<b>2442</b>	2748	112.5
<b>NEGERI</b>	<b>12648</b>	13120	103.7	<b>13120</b>	14145	107.8

Secara keseluruhan, jumlah Pengamal Perancang Keluarga (Baru dan Semula) di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 1025 berbanding dengan tahun 2018. Daerah Seberang Perai Tengah tidak dapat mencapai sasaran yang diberikan pada tahun 2019. Namun, pencapaian negeri adalah sebanyak 107.8% daripada sasaran yang diberikan (mencapai sasaran yang ditetapkan).

## Amalan Perancang Keluarga Yang Berkesan Di Kalangan Wanita Berisiko

Jadual 4.16:

Jumlah Wanita Yang Mengamalkan Kaedah Perancang Keluarga Yang Berkesan (Kod 1) Bagi Tahun 2018-2019

DAERAH	2018			2019		
	Bil. Kes Berisiko Yang Didaftar (QAP/PK/20)	Kes Berisiko Amal Kaedah Berkesan	Pencapaian % Kes Berisiko Amal Kaedah Berkesan	Bil. Kes Berisiko Yang Didaftar (QAP/PK/20)	Kes Berisiko Amal Kaedah Berkesan	Pencapaian % Kes Berisiko Amal Kaedah Berkesan
<b>Timur Laut</b>	949	746	79	995	799	80.3
<b>Barat Daya</b>	385	340	88	434	388	89.4
<b>SPU</b>	821	658	80	894	735	82.2
<b>SPT</b>	1908	1589	83	1694	1416	83.4
<b>SPS</b>	775	669	86	955	841	88.1
<b>Negeri</b>	4838	4002	83	4972	4179	84.1

Sasaran KKM: 80%

Program Amalan Perancang Keluarga berkesan di kalangan wanita berisiko tinggi telah dimulakan pada bulan Julai tahun 2011 dimana semua wanita yang berisiko tinggi untuk mengandung telah didaftar dan kaedah berkesan (kod 1) dimulakan untuk ibu yang bersetuju. Pada keseluruhannya pencapaian telah meningkat dari 83% tahun 2018 ke 84.1% tahun 2019.

## Perkhidmatan Penyaringan Pap Smear Di Klinik Kesihatan

Jadual 4.17:

Jumlah Pengambilan Pap Smear Di Klinik Kesihatan 2017-2019

DAERAH	Jumlah Pengambilan Pap Smear			Sasaran			Peratus Pencapaian		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	5500	4881	5355	8142	8754	8754	67.6	55.8	61.2
Barat Daya	2250	2983	2992	2969	3171	3171	75.8	94.1	94.4
Seberang Perai Utara	4754	3850	4763	3943	4187	4187	120.6	92.2	113.8
Seberang Perai Tengah	5208	4520	4484	5250	5689	5689	99.2	79.5	78.8
Seberang Perai Selatan	2729	2531	2534	2245	2405	2405	121.6	105.2	105.4
<b>NEGERI</b>	20442	18775	20128	22550	24206	24206	90.6	77.6	83.2

\*denominator – 24206

(Sasaran Liputan wanita untuk disaring oleh Klinik Kesihatan dari KKM untuk tahun 2019)

Pencapaian saringan pap smear bagi klinik-klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 adalah 83.2% berbanding 77.6% pada tahun 2018 daripada sasaran yang ditetapkan oleh KKM. Terdapat peningkatan sebanyak 5.6%. Mulai tahun 2017 sasaran wanita yang perlu menjalani pap smear telah ditukar dari wanita berumur 20-65 tahun kepada wanita 30-65 tahun sehingga sekarang.

### Perkhidmatan Penyaringan Pap Smear Di Semua Agensi

Jadual 4.18:  
Jumlah Pengambilan Pap Smear Di Semua Agensi 2017-2019

DAERAH	Jumlah Pengambilan Pap Smear			Sasaran			Peratus Pencapaian		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	26836	27918	24894	13918	14964	14964	192.8	186.6	166.4
Barat Daya	3385	4135	3718	5076	5421	5421	66.7	76.3	68.6
Seberang Perai Utara	6078	5210	6273	6741	7157	7157	90.2	72.8	87.7
Seberang Perai Tengah	6898	5816	5631	8974	9726	9726	76.9	59.8	57.9
Seberang Perai Selatan	2792	2623	2599	3837	4112	4112	72.8	63.8	63.2
<b>NEGERI</b>	45989	45702	43115	38547	41380	41380	119.3	110.4	104.2

\*denominator - 41380 (Sasaran Liputan wanita untuk disaring oleh semua Agensi untuk tahun 2019)

Pada tahun 2017, sasaran kumpulan umur wanita untuk disaring telah berubah dari wanita 20-65 tahun ke wanita berumur 30-65 tahun. Sasaran liputan yang ditetapkan oleh kementerian kesihatan adalah 41380 untuk tahun 2018 dan jugai tahun 2019. Pengiraan peratus liputan pencapaian cuma mengambil kira slaid klien dalam kumpulan umur 30-65 iaitu 43115. Pada keseluruhannya liputan pencapaian telah menurun berbanding dengan tahun 2018. Pencapaian negeri adalah 104.2% dan telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

## Perkhidmatan Pemeriksaan Klinikal Payu Dara

Jadual 4.19:  
Jumlah Pemeriksaan Klinikal Payu Dara Tahun 2017 - 2019

DAERAH	Sasaran			Jumlah Pemeriksaan Klinikal payu dara			Peratus Pencapaian		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	33717	34792	38350	43085	35409	35405	127.8	101.8	92.3
Barat Daya	11583	11992	13690	12262	15699	19106	105.9	130.9	139.6
Seberang Perai Utara	16800	17233	19360	24649	20325	22787	146.7	117.9	117.7
Seberang Perai Tengah	21350	22042	25030	25199	26206	27080	118.0	118.9	108.2
Seberang Perai Selatan	9317	9608	10870	17792	12694	12453	190.9	132.1	114.6
<b>NEGERI</b>	92767	95667	107300	122988	110333	116831	132.6	115.3	108.9

Terdapat peningkatan dalam jumlah pemeriksaan klinikal payu dara pada tahun 2019, sebanyak 6498 klien. Namun, pencapaian pemeriksaan klinikal payu dara telah menurun dari 115.3% ke 108.9% pada tahun 2019. Sasaran yang telah diberikan telah meningkat untuk tahun 2019 (peningkatan sasaran sebanyak 11633 klien).

### Program Saringan Linus (Literasi Dan Numerasi)

Program Saringan LINUS di mulakan pada tahun 2010. Program ini merupakan satu usahasama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. Di bawah program ini, murid tahun 1, 2 dan 3 disaring tentang kemahiran Literasi dan Numerasi. Murid yang tidak melepasi tahap Literasi dan numerasi minima akan di masukkan ke dalam kelas pemulihan. Sekiranya murid berada dalam tahap yang sama selepas 1 tahun di sekolah, satu ujian "instrument pengesanan murid mempunyai masalah pembelajaran" akan dibuat oleh guru. Murid yang didapati gagal ujian ini akan dirujuk ke Klinik Kesihatan untuk mengenalpasti dan mengesahkan status OKU murid. Murid –murid ini juga boleh dikesan samada mempunyai masalah–masalah penglihatan dan pendengaran dan akan dirujuk kepada pakar–pakar yang berkaitan bagi pengesanan OKU.

Jadual 4.20:

Jumlah Kes Yang Dirujuk Dan Diperiksa Dalam Program LINUS Bagi Tahun 2017- 2019

DAERAH	Bilangan Murid Yang Dirujuk Dari PPD			Bilangan Murid Di Periksa			Jumlah Kes Disahkan Bermasalah			Jumlah Kes dirujuk pakar untuk pengesahan		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Timur Laut	35	65	89	35	57	54	26	55	50	26	55	50
Barat Daya	52	16	99	25	15	40	21	15	38	21	15	38
Seberang Perai Utara	27	97	98	27	66	78	27	65	77	27	65	77
Seberang Perai Tengah	22	62	98	29	61	51	29	59	51	29	59	51
Seberang Perai Selatan	22	25	62	22	25	51	22	24	49	22	24	49
<b>NEGERI</b>	<b>158</b>	<b>265</b>	<b>446</b>	<b>138</b>	<b>224</b>	<b>274</b>	<b>125</b>	<b>218</b>	<b>265</b>	<b>125</b>	<b>218</b>	<b>265</b>

100% murid yang disahkan bermasalah telah dirujuk ke pakar di Klinik Kesihatan atau Hospital untuk pengesahan. Pada tahun 2019 rujukan ke Klinik Kesihatan adalah sebanyak 161 kes dan rujukan ke Hospital sebanyak 104 kes.

### Program I-Jejak

Program i-Jejak adalah sistem secara online yang digunakan untuk merekod maklumat ibu dan maklumat kelahiran dalam pengendalian kes ibu mengandung dari antenatal, kelahiran dan postnatal. Sistem ini diadaptasi dari sistem i-Jejak yang digunapakai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Tujuan utama sistem diwujudkan ialah untuk memantapkan pengendalian kes ibu mengandung semasa fasa antenatal, kelahiran dan postnatal disamping dapat meningkatkan kerjasama antara hospital dan klinik kesihatan serta klinik desa secara *online* serta *mewujudkan* pangkalan data rekod antenatal, kelahiran dan postnatal. Penggunaan sistem ini merangkumi pendaftaran antenatal di peringkat klinik kesihatan dan klinik desa, pendaftaran kelahiran di peringkat hospital dan data kelahiran yang telah di '*key in*' di hospital dapat di *akses* di klinik kesihatan dan klinik desa secara *real time* untuk tindakan seperti lawatan postnatal.

Untuk pelaksanaan sistem i-jejak ini network 1 GOVNET telah disediakan di semua 31 buah klinik kesihatan yang memberi penjagaan kesihatan Ibu dan anak dan 6 buah klinik kesihatan Ibu dan Anak, manakala 54 klinik desa dibekalkan dengan talian *Streamyx*. Sistem ini juga boleh dicapai di semua Pejabat Kesihatan Daerah, 6 hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sahaja.

Sistem I-jejak ini telah mula dilaksanakan di Pulau Pinang pada tahun 2016. Sejak pelaksanaan sistem I-jejak pada tahun 2016, seramai 82422 kes ibu hamil telah didaftarkan. Pada tahun 2019, seramai 14758 ibu hamil telah didaftar. Faedah yang didapati dari sistem I-jejak ini ialah wujudnya *Real Time Notification* yang penting bagi memudahkan tindakan segera diambil. Sistem ini juga memudahkan pemantauan rapi aktiviti-aktiviti pengesanan kes-kes berisiko, pengesanan laporan kelahiran dan menjejak anak melalui maklumat kelahiran.

### Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Perkhidmatan kesihatan sekolah merangkumi pemeriksaan pelajar tahun 1, tahun 6, tingkatan 1, tingkatan 3 dan tingkatan 4. Pencapaian pemeriksaan kesihatan murid oleh anggota jururawat dan pegawai perubatan pada tahun 1 bagi tahun 2019 adalah 100% daripada kebenaran yang diberi.

Jadual 4.21:  
Bilangan Murid Tahun 1 Yang Diperiksa Oleh Jururawat Dan Pegawai Perubatan Pada Tahun 2019.

Daerah	Enrolmen	Kebenaran	% Kebenaran	Bilangan murid yang diperiksa oleh			
				Jururawat	%	Pegawai Perubatan	%
<b>Timur Laut</b>	5480	5162	94.2	5162	100	5162	100
<b>Barat Daya</b>	3335	3335	100	3335	100	3335	100
<b>Seberang Perai Utara</b>	5704	5652	99.1	5652	100	5652	100
<b>Seberang Perai Tengah</b>	5989	5896	98.4	5896	100	5896	100
<b>Seberang Perai Selatan</b>	3026	2996	99.0	2996	100	2996	100
<b>NEGERI</b>	<b>23534</b>	<b>23041</b>	<b>97.9</b>	<b>23041</b>	<b>100</b>	<b>23041</b>	<b>100</b>

## Liputan Pelalihan HPV Pelajar Perempuan Tingkatan 1 Bagi Tahun 2019


Jadual 4.22:  
Bilangan Murid Yang Diberi Suntikan HPV Dos 1 Dan Dos 2

Daerah	2019	Dos 1 2019			Dos 2 2019	
	Enrolmen	Kebenaran Bertulis	Bil disuntik	Pencapaian	Bil disuntik	Pencapaian
Timur Laut	2677	2543 (94.99%)	2543	100%	2534	99.65%
Barat Daya	1161	1153 (99.31%)	1153	100%	1153	100%
Seberang Perai Utara	2539	2505 (98.66%)	2503	99.92%	2495	99.60%
Seberang Perai Tengah	2536	2507 (98.85%)	2507	100%	2491	99.36%
Seberang Perai Selatan	1332	1332 (100%)	1330	99.85%	1330	99.84%
<b>Negeri</b>	<b>10245</b>	<b>10040 (97.99%)</b>	<b>10036</b>	<b>99.96%</b>	<b>10003</b>	<b>99.63%</b>

Liputan pelalihan HPV pelajar tingkatan 1 bagi negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 adalah 99.63% terdapat sedikit penurunan berbanding 99.84% pada tahun 2018.

**Kadar Masalah Ketajaman Penglihatan (Visual Acuity Defect) Di Kalangan Pelajar Tahun 1 (Sasaran >5%)**

Rajah 4.4.  
Kadar Masalah Ketajaman Penglihatan Di Kalangan Pelajar Tahun 1 Bagi Tahun 2017– 2019



**Program Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4**

Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 Tahun bermula pada tahun 2016. Pencapaian peratus saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 pada tahun 2019 ialah 93.8 % menunjukkan sedikit penurunan berbanding dengan 94% pada tahun 2018. Bilangan murid yang disaring pada tahun 2019 ialah sebanyak 15907 orang berbanding dengan 15411 orang pada tahun 2018. Peratus murid yang mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa juga meningkat dari 84.8% ke 88.7% pada tahun 2019. Untuk tahun 2019, keputusan Diagnosis sementara (FBC) menunjukkan 9526 adalah normal (59.9%), 1995 adalah TRO IDA (12.5%), 4215 adalah TRO Thalassaemia carrier (26.5%) dan lain-lain Anemia seramai 171 murid (1.1%).

Jadual 4.23:

Bilangan Dan Peratus Murid Yang Disaring Talasemia Tahun 2019 Berbanding Tahun 2018

DAERAH	ENROLMEN TINGKATAN 4		PERATUS MURID YANG ADA KEBENARAN MENJALANI UJIAN SARINGAN TALASEMIA				PERATUS SARINGAN TALASEMIA			
	2018	2019	BIL		%		BIL		%	
			2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019
TIMUR LAUT	5409	5125	3968	4488	73.3	87.6	3879	4488	97.6	100
BARAT DAYA	1757	1812	1585	1599	90.2	88.2	1428	1474	90.1	92.2
SEBERANG PERAI UTARA	4765	4799	4537	4500	95.2	93.8	4311	4278	95.0	95.1
SEBERANG PERAI TENGAH	4832	4919	4143	4253	85.7	86.5	3687	3697	88.9	86.9
SEBERANG PERAI SELATAN	2564	2466	2159	2115	84.2	85.8	2112	1970	97.8	93.1
PULAU PINANG	19327	19121	16392	16955	84.8	88.7	15411	15907	94.0	93.8

Jadual 4.24:

Diagnosis Akhir Dalam Saringan Tahun 2018 (Pelaporan 2019 Belum Lengkap)

DIAGNOSIS	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SPU	SPT	SPS	PULAU PINANG
Bukan Pembawa Beta Talasemia	3209	1130	3673	3029	1786	12827
IDA	94	61	250	125	139	669
Pembawa Talasemia Jenis Alpha	71	20	114	87	53	345
Pembawa Talasemia Jenis Beta	32	13	57	42	18	162
Pembawa Talasemia Jenis HbE	52	55	145	88	61	401
Lain-lain	0	1	2	0	1	4
Pesakit Talasemia Alpha	0	0	2	0	0	0
Pesakit Talasemia Hbs	0	0	0	0	0	0

## Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) @ Community Based Rehabilitation(CBR)

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)/CBR fokus kepada cara hidup sihat untuk membudayakan pemakanan sihat dan aspek aktiviti fizikal dalam kalangan pelatih PDK supaya tahap kesihatan mereka dapat dipertingkatkan. Aktiviti-aktiviti di PDK lebih tertumpu terhadap aspek terapi dan pembinaan kemahiran hidup harian pelatih. Di negeri Pulau Pinang terdapat 24 pusat PDK.

Jadual 4.25:

Bilangan Pusat Dalam Komuniti Dan Bilangan Pelatih Di Setiap Daerah Bagi Negeri Pulau Pinang

Daerah	Bilangan PDK	Jumlah Pelatih	OKU yang mengikuti latihan		Bilangan	
			Di Pusat	Di Rumah	Penyelia	Pertugas
Timur Laut	1	32	23	9	1	5
Barat Daya	5	226	174	52	5	34
SPU	9	317	265	52	9	67
SPT	6	199	172	27	6	44
SPS	3	186	153	33	3	18
<b>Negeri</b>	<b>24</b>	<b>960</b>	<b>787</b>	<b>173</b>	<b>24</b>	<b>168</b>

Di negeri Pulau Pinang, seramai 960 kanak-kanak keperluan khas telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di 24 Pusat Dalam Komuniti(PDK). Pemeriksaan kesihatan telah dijalankan oleh Pegawai Perubatan, Jurupulih cara kerja dan Jururawat di kawasan operasi setiap tahun.

## UNIT KESIHATAN PRIMER

### Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar Di Klinik Kesihatan

Sehingga ke akhir tahun 2019 meskipun berlaku perubahan fasiliti, Negeri Pulau Pinang mengumpul data perkhidmatan berdasarkan fasiliti di awal tahun 2019 iaitu 30 buah Klinik Kesihatan, 59 buah Klinik Desa dan 20 buah Klinik Komuniti yang memberi perkhidmatan pesakit luar. Klinik Desa dan Klinik Komuniti yang telah dinaik taraf menjadi Klinik Kesihatan masih mengumpul data perkhidmatan secara berasingan sehingga akhir tahun. Oleh itu, berikut adalah kehadiran pelanggan bagi Perkhidmatan Pesakit Luar di Semua Fasiliti Kesihatan di Pulau Pinang.

Jadual 4.26:

Jumlah Kedatangan Pesakit Luar Di Fasiliti Kesihatan Kesihatan Pulau Pinang Tahun 2016 – 2019 Mengikut Daerah.

<b>Daerah</b>	<b>Tahun 2016</b>	<b>Tahun 2017</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2019</b>
Timur laut	782466	834867	871183	970370
Barat Daya	256025	288859	<b>383070</b>	<b>317870</b>
Seberang Perai Utara	626680	709167	703514	750276
Seberang Perai Tengah	514001	561763	512455	548308
Seberang Perai Selatan	225168	255837	<b>279996</b>	<b>238006</b>
<b>Pulau Pinang</b>	<b>2404340</b>	<b>2650494</b>	<b>2750218</b>	<b>2824830</b>

Bagi tahun 2019 jumlah kedatangan pesakit luar di fasiliti kesihatan negeri Pulau Pinang meningkat sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya. Sungguhpun begitu terdapat 2 daerah menunjukkan penurunan jumlah kedatangan pesakit iaitu di PKD Barat Daya & PKD SPS masing-masing 17% dan 15%.

Peningkatan kedatangan adalah berikutan penambahan populasi negeri Pulau Pinang dan perluasan skop perkhidmatan di bawah kesihatan primer. Tidak dinafikan juga peningkatan kos sara hidup juga menyebabkan ramai pesakit beralih daripada fasiliti swasta ke fasiliti kerajaan. Penurunan kedatangan pesakit di dua daerah yang mempunyai klinik di kawasan luar bandar besar kemungkinan mengisytiharkan penghijrahan penduduk ke kawasan bandar.

### **Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar Di Klinik Komuniti (KKOM)**

Pertambahan penubuhan Klinik Komuniti (yang dahulunya dikenali sebagai K1M) yang beroperasi dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari termasuk cuti minggu dan umum telah memberi pilihan dan peluang kepada penduduk setempat mendapatkan perkhidmatan bagi rawatan penyakit ringan. Terdapat 23 Klinik 1 Malaysia (K1M) dan 1RTC di Negeri Pulau Pinang pada awal tahun 2018. Namun, pada bulan Mei 2019, KKM telah memutuskan beberapa perkara berkaitan K1M. Hal ini termasuk menaiktaraf 3 K1M kepada KK, meneruskan perkhidmatan 10 K1M yang memenuhi kriteria kepada Klinik Komuniti pada tahun 2019 dan menutup 11 K1M yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Berikut adalah kehadiran pesakit Luar Klinik Komuniti pada tahun 2019 dan perbandingan tahun sebelumnya.

Jadual 4.27:

Jumlah Kedatangan Pesakit Luar KKOM (K1M) Tahun 2016-2019

Daerah	Klinik 1 Malaysia	2016	2017	2018	2019
Timur Laut	Jelutong	18098	15288	14013	12897
	Batu Feringhi	6422	7045	6862	3689
	Lebuh Macallum	1252	7034	8615	2446
	Gelugor	626	7368	8940	5739
	Penang Times Square	3755			
Barat Daya	Sungai Ara	19559	23051	19025	15832
	Sungai Batu	14015	12475	12870	8501
	Taman Seri Genting	9597	11078	11396	8073
Seberang Perai Utara	Teluk Air Tawar	20749	18983	16914	15269
	Bagan Ajam,	19329	14681	12298	7439
	Bertam Putra	13778	12200	14856	12671
	Taman Merbau Jaya	12772	13050	12108	1699
	Taman Kemaju	15087	14564	11797	8125
	Bagan Dalam	7527	9455	8941	3948
	Pinang Tunggal	19641	23824	21913	18706
Seberang Perai Tengah	Alma,	34837	35062	23055	
	Bandar Perda,	20739	19817	19674	19752
	Taman Perwira	13324	13338	15305	19238
	Taman Seri Delima	15448	18066	19859	16696
	Bukit Tengah	780	6245	7585	5112
Seberang Perai Selatan	Batu Kawan,	12888	13089	12949	11694
	Nibong Tebal	25480	24686	24350	14370
	Simpang Ampat	19194	19966	19243	17835
	K1M RTC	746	3138	3560	
	K1M Valdor	1165	8073	10151	7483
<b>JUMLAH</b>		<b>326788</b>	<b>351576</b>	<b>322568</b>	<b>237214</b>

Disebabkan berkurangnya fasiliti ini maka jumlah pesakit di Klinik Komuniti didapati menurun daripada 322568 (2018) kepada 237214 (2019). Penurunan ini adalah sebanyak adalah ketara iaitu 26%.

### **Perkhidmatan Selepas Waktu Pejabat (*Extended Hours*)**

Perkhidmatan Selepas Waktu Pejabat (*Extended Hours*) di Klinik Kesihatan bertujuan mengurangkan kesesakan pesakit yang mendapat rawatan *cold case* di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital. Klinik Kesihatan yang menyediakan Perkhidmatan *Extended Hours* adalah Klinik Kesihatan Bayan Baru, di Daerah Barat Daya dan Klinik Kesihatan Seberang Jaya di Daerah Seberang Perai Tengah. Waktu operasi adalah dari 5.00petang – 9.30malam pada hari bekerja dan dari pukul 8pagi – 12.00 tengahari pada hari Sabtu. Ianya ditutup pada hari pelepasan umum dan hari Ahad.

Jadual 4.28:

Kedatangan Pesakit di Klinik Kesihatan (*Extended Hours*) 2016-2019

<b>Klinik Kesihatan</b>	<b>Tahun 2016</b>	<b>Tahun 2017</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2019</b>
Bayan Baru	13500	12819	12473	14574
Seberang Jaya	15579	13954	13055	11860
<b>Jumlah</b>	<b>29079</b>	<b>26773</b>	<b>25528</b>	<b>26434</b>

Kedatangan *Extended Hours* menunjukkan tren penurunan dari tahun 2015 ke 2018 dan kemudian menunjukkan peningkatan pada tahun 2019. Kadar penurunan dari tahun 2017 kepada 2018 hanya sebanyak 4.6% sedangkan peningkatan pada tahun 2018 kepada 2019 adalah sebanyak 3.5%. Trend penurunan pada tahun 2017 – 2018 disebabkan kedatangan K1M yang menyumbang sebanyak 11-13% kepada jumlah kedatangan pesakit luar Klinik-Klinik Kesihatan Negeri Pulau Pinang sejak diperkenalkan pada 2015. Namun apabila sejumlah fasiliti ini ditutup, peningkatan kedatangan *Extended Hours* menunjukkan peningkatan semula pada tahun 2019.

### **Perkhidmatan Berintegrasi Melalui Konsep *Reviewed Approach (REAP)***

Perkhidmatan ini bertujuan untuk mengintegrasikan semua perkhidmatan kesihatan mengikut semua peringkat umur merangkumi aspek promotif, pengesanan faktor risiko (preventif), rawatan (kuratif) dan rehabilitatif ke arah perkhidmatan *holistic* dan juga mengintegrasikan sumber (sumber manusia, infrastruktur dan kewangan) dalam perancangan dan penyampaian perkhidmatan kesihatan dengan lebih berkesan.

Perkhidmatan integrasi telah dilaksanakan di Klinik Kesihatan pada tahun 2008 dengan hanya 5 buah Klinik Kesihatan melaksanakannya. Mulai tahun 2011, semua Klinik Kesihatan telah memulakan perkhidmatan berintegrasi. Pelanggan yang datang ke Klinik Kesihatan akan disaring menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan mengikut kategori iaitu remaja, lelaki atau wanita dewasa dan wargaemas. Sasaran yang ditetapkan adalah 5% dari jumlah komuniti mengikut umur di sesuatu kawasan.

Jadual 4.29:


Bandangan Pencapaian Saringan REAP Mengikut Kategori Dan Populasi

Kategori	Saringan Status Kesihatan (BSSK) Tahun 2018 & 2019					
	Remaja		Dewasa		Wargaemas	
Tahun	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Saringan	13190	13219	50481	51970	12604	13562
Populasi	239000	236000	911000	920000	238000	249000
<b>Peratus Pencapaian Saringan</b>	<b>5.52%</b>	<b>5.60%</b>	<b>5.54%</b>	<b>5.64%</b>	<b>5.30%</b>	<b>5.44%</b>

Kesemua saringan mengikut kumpulan umur ini mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 5% meskipun ada yang menunjukkan sedikit penurunan dan ada yang menunjukkan peningkatan.

Rajah 4.5:

Peratus Pencapaian Saringan Status Kesihatan Mengikut Di Daerah Dan Kategori Kumpulan Umur Bagi Tahun 2019



## Saringan Remaja

Remaja yang berumur di antara 10-19 tahun yang datang ke Klinik Kesihatan akan dibuat saringan menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan bagi mengenalpasti faktor risiko yang terdapat pada remaja tersebut. Terdapat sedikit kenaikan jumlah remaja yang disaring menggunakan BSSK sebanyak 0.21% daripada 13190 pada 2018 kepada 13219 pada 2019. Walaubagaimanapun jumlah tersebut masih memenuhi sasaran iaitu 5.60% daripada populasi remaja di Pulau Pinang. Hasil daripada saringan tersebut kita dapati risiko-risiko seperti berikut:

Jadual 4.30:  
Bilangan Remaja Yang mempunyai Morbiditi Bagi Tahun 2019

<b>Saringan Remaja</b>		<b>2018</b>	<b>2019</b>
		<b>Bilangan (Peratus)</b>	<b>Bilangan (Peratus)</b>
Bilangan Remaja Yang Mempunyai Morbiditi/Masalah	Kes Seksual/reproduktif	84 (0.6)	92 (0.69%)
	Kes Mental	75 (0.5)	60 (0.45%)
	Masalah Pemakanan	1159 (8.7)	1173 (8.87%)
	Masalah Tingkahlaku Berisiko	311 (2.35)	159 (1.20%)
	Masalah fizikal	81 (0.61)	59 (0.45%)
	<b>Jumlah</b>	<b>1710 (12.9)</b>	<b>1543 (11.67%)</b>

Masalah pemakanan seperti obesiti tetap menjadi risiko utama yang dikesan daripada saringan ini diikuti dengan masalah tingkahlaku berisiko dan masalah fizikal. Sungguhpun terdapat penurunan peratusan keseluruhan risiko, tetapi tiada perubahan pada kedudukan risiko-risiko tersebut mengikut peratusan.

## Saringan Lelaki Dan Wanita Dewasa

Golongan dewasa lelaki dan wanita berumur di antara 20 - 59 tahun disaring menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan (BSSK) bagi mengenalpasti faktor risiko dan seterusnya diikuti dengan program intervensi yang bersesuaian seperti pengurusan berat badan, program berhenti merokok dan banyak lagi. Pada 2019 seramai 51970 telah disaring yang terdiri dari 25972 orang lelaki dan 25998 orang wanita dewasa berbanding tahun 2018 seramai 50481 disaring yang terdiri dari 25198 orang lelaki dan 25283 wanita dewasa telah disaring. Secara keseluruhan terdapat peningkatan bilangan orang dewasa yang disaring sebanyak 2.9% berbanding tahun 2018. Berikut adalah risiko yang dikesan:

Jadual 4.31:  
Bilangan Dewasa Yang mempunyai Morbiditi Bagi Tahun 2018 & 2019

Saringan Dewasa		2018		2019	
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Bilangan Dewasa Yang Mempunyai Morbiditi/ Masalah	Kes Seksual/ reproduktif	2 (0.008%)	6 (0.02%)	2 (0.003%)	3 (0.005%)
	Kes Mental	28 (0.1%)	60 (0.2%)	8 (0.015%)	32 (0.061%)
	Masalah Pemakanan	3154 (12.5%)	3075 (12.2%)	2998 (5.77%)	2958(%)
	Masalah Berat Badan (Over)	9391 (37.3%)	8230 (32.6%)	9257 (%)	8418 (%)
	Masalah fizikal	130 (0.5%)	117 (0.46%)	36 (0%)	51 (0.%)
	<b>Jumlah</b>	<b>12705 (50.4%)</b>	<b>11488 (45.4%)</b>	<b>12301 (47.3%)</b>	<b>11462 (44.1%)</b>

Masalah kesihatan yang paling banyak dikesan masih lagi masalah berat badan berlebihan dan pemakanan bagi kedua-dua kumpulan wanita dan lelaki dewasa pada kedua-dua tahun tersebut.

### Saringan Warga Emas

Warga Emas yang berumur  $\geq 60$  tahun yang datang ke Klinik Kesihatan akan didaftarkan kedalam buku daftar wargaemas sekali seumur hidup. Golongan ini akan disaring menggunakan Borang Saringan Status Kesihatan Warga Emas bagi mengenalpasti faktor-faktor risiko yang terdapat pada mereka dan seterusnya diikuti dengan program intervensi. Seramai 13562 warga emas telah disaring pada tahun 2019 iaitu 6475 lelaki dan 7087 adalah perempuan berbanding pada tahun 2018, seramai 12604 wargaemas telah disaring iaitu 5957 lelaki dan 6647 adalah perempuan. Secara keseluruhan terdapat peningkatan saringan sebanyak 7%. Berikut adalah risiko yang dikesan mengikut peratus:

Jadual 4.32 :  
Bilangan Warga Emas Yang Mempunyai Morbiditi Bagi Tahun 2018 & 2019

Saringan Wargaemas		2018	2019
		Bilangan(peratus)	Bilangan(peratus)
Bilangan Wargaemas Yang Mempunyai Morbiditi/Masalah	Kes Seksual/reproduktif	1 (0.007%)	0 (0.0%)
	Kes Mental	68 (0.54%)	43 (0.32%)
	Masalah Pemakanan	1416 (11.23%)	1251(9.22%)
	Masalah Berat Badan (Over)	4130 (32.8%)	4234 (31.21%)
	Masalah fizikal	111 (0.9%)	48 (0.35%)
	<b>Jumlah</b>	<b>5726 (45.4)</b>	<b>5576 (41.1%)</b>

Masalah kesihatan yang paling banyak dikesan adalah masalah berat badan berlebihan dan pemakanan bagi golongan warga emas.

### **Saringan Kesihatan Berkala Bagi 40 Tahun Ke Atas Bagi Tahun 2019**

Perkhidmatan kesihatan anggota perkhidmatan awam telah dijalankan bagi anggota berusia 40 tahun keatas. 18 buah agensi termasuk anggota kesihatan telah mengambil bahagian. Berikut adalah jumlah anggota yang terlibat mengikut agensi dan jumlah yang mempunyai masalah perubatan:

Jadual 4.33:

Bilangan Anggota Perkhidmatan Awam Yang Diperiksa Tahun 2019

<b>BIL</b>	<b>JABATAN/AGENSI</b>	<b>JUMLAH YANG DIPERIKSA</b>	<b>JUMLAH BERMASALAH PERUBATAN</b>
1	KESIHATAN	218	24
2	PDRM	273	68
3	PENDIDIKAN	257	58
4	BOMBA	178	32
5	MARDI	32	7
6	ATM	10	0
7	KASTAM	47	5
8	KEMAS	0	0
10	MPPP	83	7
11	LESEN JPJ	0	0
12	SPA	0	0
13	IMIGERESEN	0	0
14	KPDNKK	0	0
15	LKIM	33	5
16	MARA	0	0
17	KWSP	0	0
18	JKR	52	16
<b>Jumlah Besar</b>		<b>1183</b>	<b>222</b>

Daripada 1183 orang yang diperiksa didapati 18.7% iaitu 222 orang mempunyai masalah perubatan dan diberi rawatan lanjut. Jumlah yang menjalani pemeriksaan menunjukkan pengurangan berbanding 2018 iaitu 1228 diperiksa dengan 296 (24%) daripanya adalah bermasalah perubatan. Walau bagaimanapun, jumlah agensi yang terlibat meningkat daripada 14 agensi kepada 18 agensi.

### Program Pemeriksaan Kendiri Di Klinik Kesihatan *Self Monitoring*

Program pemeriksaan kendiri diperkenalkan di klinik kesihatan untuk memberi kesedaran kepada pelanggan yang hadir ke klinik bahawa mereka berupaya bertanggungjawab untuk mengetahui dan memantau status kesihatan mereka sendiri. Pelanggan tidak perlu mendaftar di kaunter malah waris juga berpeluang untuk membuat pemeriksaan sendiri.

Jadual 4.34:

Bilangan Faktor Risiko Yang Dikesan Dalam Pemeriksaan Kendiri Tahun 2018 & 2019.

Faktor risiko yang dikesan dalam pemeriksaan kendiri	2018	2019
	Bilangan / Peratus	Bilangan / Peratus
Kurang Berat Badan	198 (2.44%)	277 (3.6%)
Lebih Berat Badan	620 (7.64%)	561 (7.32%)
Obesiti	195 (2.4%)	168 (2.19%)
Merokok	1186 (14.6%)	1259 (16.4%)
Tekanan Darah $\geq$ 140/90mmhg	2076 (25.6%)	2189 (28.5%)
<b>Jumlah Bil Pemeriksaan Kendiri</b>	<b>8108</b>	<b>7660</b>

Bagi tahun 2019 saringan kendiri menunjukkan sedikit penurunan bilangan pelanggan yang menggunakan khidmat ini iaitu sebanyak 5.5% daripada 8108 pelanggan kepada 7660 berbanding tahun 2018. Walaupun jumlah bilangan pemeriksaan berkurangan, namun bilangan faktor risiko menunjukkan peningkatan terutamanya risiko merokok 16.4%, tekanan darah tinggi 28.5% dan kurang berat badan 3.6%. Pola peratusan risiko ini tidak jauh berbeza berbanding 2018. Kesemua mereka dirujuk untuk intervensi dan rawatan selanjutnya.

### Perkhidmatan Di Depo Tahanan

Hanya terdapat sebuah Depo Tahanan di negeri Pulau Pinang iaitu terletak di daerah Seberang Perai Tengah iaitu Depo Tahanan Imigresen Juru.

Jadual 4.35:

Lima Jenis Masalah Utama Yang Dikesan Di Depo Tahanan 2018 & 2019


Jenis Masalah Penyakit Utama Yang dikesan di Depo Tahanan	2018	2019
	Bilangan Kes	Bilangan Kes
Penyakit sistem respiratori	206	305
Penyakit kulit dan tisu subkutaneus	138	87
Penyakit sistem penghadaman	114	112
Penyakit sistem muskuloskeletal	53	49
Penyakit mata	37	3

Jadual 4.36:  
 Bilangan Lawatan Oleh Anggota Kesihatan Ke Depo Tahanan 2018 & 2019

Lawatan ke Depo Tahanan	Bilangan Lawatan	Bilangan Lawatan
Pegawai Perubatan	26	27
Penolong Pegawai Perubatan & Jururawat.	26	27
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>54</b>

Sebanyak 54 kali lawatan telah dilakukan oleh anggota kesihatan ke Depo Tahanan Juru dan sebanyak 796 kes rawatan telah dicatatkan. Warga negara asing yang mendapat rawatan terdiri daripada 37% (295) warga Myanmar, 20.3% (162) warga Bangladesh, 18.3% (146) warga Indonesia, 5.5% (44) warga India, 4.3% (34) warga Thailand, 4.1% (33) warga Nepal, 3.2% (26) warga Nepal dan selebihnya 7.0 % (56) adalah lain-lain negara. Masalah penyakit utama yang dikesan adalah penyakit sistem respiratori (305), penyakit sistem penghadaman (112), penyakit kulit dan tisu subkutaneous (87), penyakit sistem muskuloskeletal (49) dan diikuti dengan penyakit mata (3).

Rajah 4.6:  
 Bilangan Tahanan Mengikut Warga Negara Yang Telah Diberi Rawatan Di Depo Tahanan Juru, Pulau Pinang Tahun 2019.



## Saringan Kesihatan Di Institusi Penjagaan

Saringan Kesihatan ini bermula sebagai usaha dibawah program NBOS yang telah dilaksanakan sejak bulan Julai 2012. Bermula dengan 3 daerah iaitu Daerah Timur Laut, Daerah SPU dan Daerah SPT. Dua lagi daerah iaitu Barat Daya dan SPS melaksanakannya bermula Ogos 2012. Anggota yang terlibat dalam merealisasikan program ini di bahagian kesihatan terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Sains Pemakanan, Pegawai Pergigian/Jururawat pergigian, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, Jurupulih Anggota, Jurupulih Carakerja, Pegawai Teknologi Pemakanan / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

Jadual 4.37:


Data Asas Untuk Daerah Yang Menjalankan Saringan Institusi Bagi Tahun 2019.

Perkara	Daerah										Jumlah Asas	Pencapaian
	TL		BD		SPU		SPT		SPS			
WARGAEMAS	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)		
<b>Institusi Berdaftar sahaja</b>	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)	Bil	Bil. Disaring (%)		
<b>Bilangan institusi</b>	10	100%	2	100%	9	100%	6	100%	1	100%	<b>28</b>	<b>28</b>
<b>Bilangan Wargaemas di institusi</b>	548	95% (523)	46	100% (46)	299	97% (291)	270	89% (239)	39	100% (39)	<b>1202</b>	<b>1138 (94.6%)</b>
<b>Bil Wargaemas terlantar di rumah</b>	0	100%	0	100%	2	100%	0	100%	0	100%	<b>2</b>	<b>2</b>

## Perkhidmatan Perawatan Domisili Di Kesihatan Primer

Perkhidmatan Perawatan Dimisiliari (PPD) merangkumi perkhidmatan perawatan dan rehabilitasi yang disediakan di rumah untuk memastikan kesinambungan penjagaan pesakit yang didiscaj awal dari hospital bagi menyokong keluarga pesakit melalui latihan penjaga dalam aspek jagaan pesakit di rumah dan mengurangkan kemasukan semula pesakit ke hospital melalui jagaan berkualiti di rumah dan komuniti. PPD dimulakan pada tahun 2012 melalui penyelarasan perkhidmatan perawatan di rumah yang sedia ada dan aktiviti NBOS7 1 Malaysia Family Care. Di Pulau Pinang sebanyak 25 dari 30 buah Klinik Kesihatan menyediakan perkhidmatan ini dan 6 buah hospital rujukan.

Rajah 4.7:  
Bilangan Kes Baru Di Rujuk Mengikut Daerah Di Pulau Pinang Tahun 2019



#### Panel Penasihat Klinik Kesihatan

Peranan Panel Penasihat Klinik Kesihatan sebagai penghubung diantara Klinik dan masyarakat masih relevan dan ini dapat dibuktikan dengan kewujudan 31 PPKK di Negeri Pulau Pinang. Ketika ini PPKK melibatkan 26 buah Klinik Kesihatan dan 5 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Setiap PPKK ini diberikan peruntukan kewangan sebanyak RM5000 setahun untuk melaksanakan program kesihatan yang dirancangan.

Jadual 4.38:  
Peruntukan Dan Perbelanjaan Aktiviti PPKK Tahun 2019

Bil	Daerah	Bilangan PPKK	Jumlah Peruntukan ( RM )	Jumlah Perbelanjaan ( RM )	Baki	Peratus Dibelanjakan ( % )
1	Timur Laut	10	50000.00	41650.00	8350.00	<b>83.3</b>
2	Barat Daya	4	20000.00	20000.00	0.00	<b>100.0</b>
3	Seberang Perai Utara	6	30000.00	29900.00	100.00	<b>99.7</b>
4	Seberang Perai Tengah	6	30000.00	29878.37	121.63	<b>99.6</b>
5	Seberang Perai Selatan	5	25000.00	21871.00	3129.00	<b>87.5</b>
	<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>155000.00</b>	<b>143299.37</b>	<b>11700.63</b>	<b>92.5</b>

## Konsep Doktor Keluarga

Konsep Doktor Keluarga di peringkat perkhidmatan Kesihatan Primer adalah salah satu pendekatan untuk mengukuhkan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer. Sekumpulan Pegawai perubatan akan ditetapkan untuk melihat klien-klien daripada wilayah operasi yang sama. Hal ini membolehkan klien dan seluruh keluarga yang tinggal bersama mendapat rawatan secara berterusan dari kumpulan doktor yang sama termasuk promotif dan preventif. Berikut adalah klinik kesihatan yang telah melaksanakan konsep doktor keluarga sehingga tahun 2019.

Jadual 4.39:  
Klinik Kesihatan Yang Menjalankan Konsep Doktor Keluarga

DAERAH	2014/ 2015	2016	2017	2018	2019
BARAT DAYA			KK Bayan Baru	KK Bayan Lepas	
TIMUR LAUT			KK Bandar Baru Air Itam KK Sungai Dua TL	KK Jalan Perak	KK Jalan Macalister
SEBERANG PERAI UTARA		KK Penaga	KK Kepala Batas KK Sungai Dua SPU KK Tasek Gelugor		KK Mak Mandin KK Butterworth
SEBERANG PERAI TENGAH		KK Bukit Minyak		KK Seberang Jaya	KK Kubang Semang KK Berapit
SEBERANG PERAI SELATAN	KK Bandar Tasek Mutiara (projek rintis)		KK Bukit Panchor		

## **Perkhidmatan Penjagaan Luka Menggunakan *Modern Wound Dressing***


Perkhidmatan penjagaan luka merupakan perkhidmatan asas yang disediakan di klinik kesihatan . Namun sejak tahun 2018, skop perkhidmatan ini telah diperluas dengan menggunakan bahan-bahan perawatan luka yang terkini. Bahan-bahan perawatan luka ini memiliki kelebihan dengan meningkatkan oksigenisasi diperingkat tisu dan lebih menggalakkan penumbuhan tisu baru pada luka pesakit. Perawatan moden ini telah mengurangkan kekerapan keperluan mencuci luka dan menyingkat masa penyembuhan. Bahagian daripada perkhidmatan ini juga adalah penubuhan pasukan penjagaan luka di klinik masing-masing dengan melibatkan anggota-anggota yang mempunyai dedikasi dalam perkhidmatan ini yang telah menerima latihan yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan ini. 5 klinik kesihatan perintis telah dipilih pada tahun 2018 bagi mewakili setiap daerah iaitu KK Butterworth (PKD SPU), KK Seberang Jaya (PKD SPT), KK Bukit Panchor (PKD SPS), KK Sungai Dua TL (PKD TL) dan KK Bayan Lepas (PKD BD). Namun pada tahun 2019 pasukan Penjagaan luka telah di kembangkan ke semua Klinik kesihatan yang mempunyai Pakar Perubatan Keluarga.

Jadual 4.40:

Klinik Kesihatan Yang Menjalankan Konsep Doktor Keluarga

<b>DAERAH</b>	<b>KLINIK KESIHATAN DENGAN PASUKAN PENJAGAAN LUKA 2018</b>	<b>KLINIK KESIHATAN DENGAN PASUKAN PENJAGAAN LUKA 2019</b>
PKD TL	KK Sungai Dua (T/Laut)	KK Jalan Perak KK Jalan Macalister KK BBAI(Jalan Angsana)
PKD BD	KK Bayan Lepas	KK Bayan Baru KK Teluk Bahang
PKD SPU	KK Butterworth	KK Mak Mandin KK Sungai Dua (SPU) KK Kepala Batas KK Tasek Gelugor
PKD SPT	KK Seberang Jaya	KK Bukit Minyak KK Kubang Semang
PKD SPS	KK Bukit Panchor	KK Bandar Tasek Mutiara

Rajah 4.8:  
Jumlah Kehadiran Klien Untuk Perkhidmatan Penjagaan Luka



## PROGRAM CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

### Pengenalan

Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit terdiri dari Unit Kawalan Penyakit Berjangkit, Unit Survelan, Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Unit TB/Kusta dan Unit HIV/STI/Hep C. Kawalan Penyakit Berjangkit terdiri daripada penyakit saluran pernafasan, penyakit bawaan air dan makanan (FWBD), penyakit cegahan vaksin (VPD), penyakit zoonotik, penyakit bawaan vektor, penyakit HIV/AIDS dan penyakit kelamin serta penyakit-penyakit yang digelar sebagai *New & Emerging Diseases*.

### Objektif

Objektif utama program kawalan penyakit:-

- a) Mencegah dan mengurangkan kejadian penyakit berjangkit.
- b) Mengesan kejadian wabak penyakit berjangkit pada tahap awal dan mengambil tindakan efektif untuk mengawal penularan penyakit.
- c) Mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti penyakit berjangkit di Negeri Pulau Pinang.

Objektif-objektif ini disempurnakan melalui sistem surveilans dan pemantauan dari pembangunan tenaga anggota kesihatan yang terlibat di semua peringkat negeri dan daerah.

## UNIT KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT/SURVELAN

### Penyakit Berjangkit Yang Perlu Dilaporkan

Pada masa sekarang sebanyak 31 penyakit yang perlu dilaporkan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Disamping itu ada juga penyakit lain yang perlu dinotifikasi secara arahan pentadbiran walaupun tidak tersenarai dalam Akta ini iaitu penyakit Brucellosis, Melioidosis dan Chikungunya juga dipantau dan perlu dinotifikasi. Semua kes yang dilaporkan adalah melalui program aplikasi eNotifikasi. Jadual 4.41 menunjukkan penyakit berjangkit utama yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga tahun 2019.

Jadual 4.41:

Bilangan Kes Penyakit Berjangkit Utama Yang Dilaporkan Di Negeri Pulau Pinang 2014 Hingga 2019

Penyakit	Tahun					
	2014	2015	2016	2017	2018	2019
<b>Dengue Fever / Dengue Haemorrhagic Fever</b>	3,141	5830	2756	2681	6071	4119
<b>Tuberculosis (all forms)</b>	1,252	1283	1385	1348	1228	1427
<b>Measles</b>	53	11	7	15	9	17
<b>HIV Infections (all forms)</b>	110	103	105	211	250	312
<b>Keracunan Makanan</b>	2,227	497	609	872	1147	633
<b>Hepatitis B</b>	13	33	20	51	55	104
<b>Syphilis (all forms)</b>	57	63	57	82	179	249
<b>Malaria</b>	37	17	3	9	7	6
<b>Hand, Foot &amp; Mouth Disease</b>	1,449	758	3019	1553	5253	3040
<b>Typhoid &amp; Paratyphoid Fever</b>	6	8	4	6	6	13
<b>Leptospirosis</b>	192	140	43	80	97	54

### Penyakit Tangan, Kaki Dan Mulut (HFMD)

Bagi tahun 2019, sebanyak 3040 kes HFMD telah dilaporkan berbanding 5253 kes pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak 42.12%. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 69 wabak telah dilaporkan berbanding 170 wabak yang dilaporkan pada tahun 2018. Sebanyak 36 Tadika, 16 Taska, 3 Tabika, 7 Pra sekolah, 3 sekolah dan 4 Pusat Jagaan Harian telah diarahkan tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 akibat daripada Kluster HFMD iaitu melebihi 2 kes yang dilaporkan.


Jadual 4.42:

Bilangan Kes Penyakit Tangan, Kaki Dan Mulut (HFMD) Yang Dilaporkan Mengikut Daerah, Negeri Pulau Pinang Dari Tahun 2009 – 2019

Tahun	BIL. KES HFMD MENGIKUT DAERAH					
	SPU	SPT	SPS	T. LAUT	B. DAYA	PULAU PINANG
2009	45	193	104	524	197	1,063
2010	82	197	95	930	197	1,501
2011	32	44	70	377	51	574
2012	102	138	172	995	172	1,579
2013	119	105	67	795	119	1,205
2014	128	154	136	906	125	1,449
2015	100	105	70	424	59	758
2016	121	439	381	1815	263	3019
2017	63	236	226	838	190	1553
2018	498	745	777	2159	1192	5253
2019	376	413	343	1209	704	3040

Rajah 4.9:

Survelan HFMD Di Negeri Pulau Pinang Pada Tahun 2019



## Penyakit Campak (Measles)

Bilangan kes campak yang disahkan bagi tahun 2019 telah meningkat ke 17 kes, iaitu peningkatan sebanyak 88.88% berbanding tahun 2018. Siasatan kes measles merupakan KPI bagi semua PKD perlu dilakukan siasatan dalam tempoh 48 jam setelah notifikasi diterima. Setiap kes campak perlu dilaporkan melalui sistem surveilan penyakit measles secara atas talian iaitu:- <http://emeasles.moh.gov.my/login.aspx> untuk memastikan bahawa Malaysia menuju kepada fasa eliminasi penyakit ini.

Jadual 4.43:

Bilangan Kes Measles Dari Tahun 2013-2019

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Measles	153	53	11	7	15	9	17

Berdasarkan Jadual 4.44, didapati penyakit measles dilaporkan adalah 82.35% di kalangan kanak-kanak yang belum bersekolah dan berumur di bawah 12 tahun. Daripada jumlah 17 kes tersebut, 3 (17.65%) orang kanak-kanak belum layak menerima imunisasi MMR, 3 (17.65%) orang menerima dos pertama MMR sahaja, 6 (35.29%) orang kanak-kanak tiada imunisasi, 2 (11.77%) tidak diketahui status imunisasi manakala 3 (17.65%) orang telah mendapat imunisasi lengkap.

Jadual 4.44:

Penyakit Campak (Measles) Mengikut Kategori Pecahan Umur Dan Jantina Yang Dilaporkan Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2019

	0-6m	7-9m	10-12m	2-6y	7-12y	13-17y	18-25y	26-44y	>45y
Lelaki	0	4	0	1	1	0	0	0	0
Perempuan	1	1	1	2	3	1	0	2	0

## Penyakit Bawaan Air Dan Makanan (FWBD)

Penyakit bawaan air dan makanan merangkumi Kolera, Tifoid, Hepatitis A, Disenteri dan Keracunan Makanan. Oleh kerana liputan bekalan air selamat dan tandas curah yang baik di negeri ini, maka kejadian penyakit-penyakit bawaan makanan dan air minum yang berlaku di negeri ini adalah terkawal.

Bagi kes keracunan makanan, sebanyak 633 kes dengan 26 episod wabak telah didaftarkan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya iaitu 1147 kes dengan 29 episod wabak. Data ini menunjukkan penurunan kes sebanyak 44.81%.

Tiada kes Kolera dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2014-2019. Manakala kes Tifoid dilaporkan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 13 kes. Pada tahun 2019, tiada kes Disentri didaftarkan, manakala 1 kes Hepatitis A dikesan di Daerah Timur Laut.

Jadual 4.45:

Kadar Kejadian Penyakit Kolera, Tifoid, Keracunan Makanan Dan Hepatitis A Negeri Pulau Pinang 2014 – 2019

Tahun	2014		2015		2016		2017		2018		2019	
	Kes	IR	Kes	IR	Kes	IR	Kes	IR	Kes	IR	Kes	IR
<b>Kolera</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Tifoid</b>	6	0.36	8	0.48	6	0.36	8	0.48	6	0.34	13	0.73
<b>Keracunan Makanan</b>	2227	136.76	497	29.58	609	35.45	872	49.99	1147	64.92	633	35.42
<b>Hep.A</b>	0	0	1	0.06	0	0	0	0	1	0.06	1	0.06
<b>Disenteri</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0.06	0	0

Nota :- IR = Bil. Kes x 100,000 penduduk / Jumlah Penduduk

### Penyakit Batuk Kokol (Whooping Cough)

Terdapat 33 kes penyakit batuk kokol positif dilaporkan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 berbanding 27 kes pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 22.22%. Jika terdapat diagnosa kes dibuat berdasarkan pemeriksaan klinikal oleh pakar Pediatrik, maka perhatian akan diberikan kepada penyiasatan terperinci dan pengambilan sejarah imunisasi bagi setiap pesakit.

Jadual 4.46:

Penyakit Batuk Kokol (Whooping Cough) Yang Dilaporkan Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 – 2019

Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019
<b>Penyakit Batuk Kokol</b>	4	11	4	6	27	33

### Survelan AFP (Acute Flaccid Paralysis)

Negeri Pulau Pinang telah mengesan sebanyak 7 kes AFP sepanjang tahun 2019 berbanding 27 kes pada tahun 2018. Pencapaian ini menepati sasaran negeri iaitu minimal 4 kes perlu dikesan dan tergolong dalam lingkungan umur <15 tahun. Kesemua kes yang dilaporkan disiasat dengan terperinci dan dipantau sehingga mereka pulih. Tiada kematian akibat AFP dilaporkan.

Jadual 4.47:

Survelan AFP Bagi Tahun 2014 Hingga 2019

	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah penduduk	1,663,000	1,680,100	1,717,700	1,746,300	1,766,800	1,787,000
Penduduk <15 tahun	473,158	477,600	477,000	478,100	340,200	335,600

'Expected AFP cases at rate of 1 per 100,000 <15 yrs. Old''	4	4	4	4	4	4
Expected AFP cases reported	4	4	4	4	4	4
AFP cases reported in Penang	4	11	4	6	27	7
Percentage of stool sample taken	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Percentage of AFP follow-up after 60 days.	100%	100%	100%	100%	100%	100%

### Survelans Influenza-Like Illness (ILI)

Sepanjang tahun 2019, klinik sentinel ILI untuk negeri Pulau Pinang adalah Klinik Kesihatan Seberang Jaya di daerah Seberang Perai Tengah yang menjalankan aktiviti surveilans makmal termasuk pengambilan sampel klinikal setiap minggu untuk analisa. Disamping itu semua kes ILI di pantau daripada 2 klinik terpilih di setiap daerah masing-masing. Pada tahun 2019, sebanyak 3,683 kes ILI dan 30 kluster kes ILI dilaporkan di seluruh negeri Pulau Pinang berbanding pada tahun 2018 sebanyak 4,803 kes ILI dan hanya 10 kluster kes ILI dilaporkan.


Jadual 4.48:

Bilangan Kes ILI Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2009 – 2019

Tahun	BIL. KES ILI MENGIKUT DAERAH					
	SPU	SPT	SPS	T. LAUT	B. DAYA	P.PINANG
<b>2009</b>	2,823	1,407	1,483	356	774	6,843
<b>2010</b>	1,259	1,598	786	413	638	4,694
<b>2011</b>	88	863	266	323	164	1,704
<b>2012</b>	119	345	246	217	30	931
<b>2013</b>	443	194	123	232	152	1,144
<b>2014</b>	402	339	131	2724	381	3977
<b>2015</b>	310	149	152	3067	172	3910
<b>2016</b>	812	149	41	2148	94	3244
<b>2017</b>	583	472	25	2086	227	3393
<b>2018</b>	491	1920	107	1642	644	4803
<b>2019</b>	446	2006	120	249	855	3683

Rajah 4.10:

Survelan ILI Di Negeri Pulau Pinang Pada Tahun 2019




### PUI MERS-CoV

Pada tahun 2014, negara telah berdepan dengan situasi kejadian Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV) dan selaras dengan saranan WHO, saringan dan pemantauan secara berterusan telah dipertingkatkan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dan juga semua fasiliti kesihatan di kalangan Jemaah Haji / Umrah yang pulang ke negeri.

Pemantauan bermula di lapangan terbang antarabangsa semasa kepulangan Jemaah haji. Pada tahun 2019, sebanyak 47 kes disiasat berbanding 79 kes pada tahun 2018 untuk PUI MERS-CoV. Angka tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 40.50 % berbanding tahun 2019. Kesemua pesakit adalah bebas dari penyakit MERS-CoV apabila keputusan makmal dikeluarkan.

Rajah 4.11:  
Taburan Kes Mers-Cov Tahun 2017 – 2019



## ***EVENT BASED SURVEILLANCE***

### **1. LATIHAN SIMULASI PANDEMIK INFLUENZA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2019 #PENFSX19**

Unit Survelan dan Unit CDC JKNPP telah menganjurkan Latihan Simulasi Pandemik Influenza Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019 (PENFSX19) pada 18 Jun 2019 sehingga 19 Jun 2019. Simulasi ini telah diadakan secara serentak di 2 tempat iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan di Hospital Pulau Pinang yang melibatkan Jabatan Pesakit Luar dan Jabatan Kecemasan Hospital Pulau Pinang.

Pegawai-pegawai pemerhati yang hadir terdiri daripada Bahagian *Crisis Preparedness & Response Centre (CPRC)* KKM, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh Perak, Hospital Pulau Pinang dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Anggota dari agensi kerajaan lain (Other Government Agencies) turut mengambil bahagian dalam latihan tersebut.

### **2. Pusat Vaksinasi Yellow Fever**

Unit CDC & Survelan JKNPP telah mulai menerima permohonan pada pertama kalinya untuk menilai Klinik/Lab yang diiktiraf sebagai Pusat Vaksinasi Yellow Fever. Pada tahun 2019, tiga fasiliti swasta telah diiktiraf sebagai Pusat Vaksinasi Yellow Fever iaitu BP Lab & Diagnostic Centre Bukit Mertajam, Hibari Klinik George Town dan Klinik Menara Golden Triangle, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

### **3. Joint External Evaluation (JEE)**

Dari awal tahun 2019 Unit CDC& Unit Survelan JKNPP bersama Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) telah membuat persediaan untuk menghadapi audit JEE yang dianggotai oleh rombongan World Health Organization (WHO). Audit ini bertujuan meniai Pelan Strategik Kebangsaan untuk Health & Security Malaysia. Audit JEE telah berlangsung dari 21 Oktober 2019-25 Oktober 2019. Walaupun Pulau Pinang tidak terpilih untuk diaudit tetapi Pintu Masuk Antarabangsa Pulau Pinang (Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Pelabuhan Pulau Pinang) telah berada dalam keadaan siap sedia untuk diaudit sekiranya perlu.

### **4. Latihan Alat Telekomunikasi GIRN di CPRC JKNPP dan Daerah di Pulau Pinang**

CPRC JKNPP telah memulakan latihan berkala dengan daerah –daerah sejak awal 2019. Alat Telekomunikasi GIRN akan digunakan oleh CPRC JKNPP untuk berhubung dengan daerah-daerah apabila terdapat crisis seperti banjir, *mass casualty event*.

## **RUMUSAN**

Sepanjang tahun 2019, pencapaian Unit Kawalan Penyakit Berjangkit amat memuaskan dan menepati sasaran yang ditetapkan. Kesemua kes yang dilaporkan telah disiasat dan diambil tindakan bagi mengelak penularan penyakit berjangkit.

CPRC Negeri terus berperanan dalam pemantauan, perancangan serta respon untuk kejadian *Disaster, Outbreak, Crisis dan Emergency (D.O.C.E)* di negeri Pulau Pinang.

## **UNIT TB/KUSTA**

### **PENGENALAN PENYAKIT TUBERKULOSIS (TB)**

Penyakit TB merupakan penyakit berjangkit yang masih merupakan masalah utama di Malaysia. Kadar notifikasi penyakit TB di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan daripada 71.7 per 100,000 penduduk (2018) kepada 88.2 per 100,000 penduduk (2019). Kadar mortaliti TB tidak termasuk TB/HIV menurun sedikit daripada 8.9 per 100,000 penduduk (2018) kepada 8.4 per 100,000 penduduk (2019). Pelbagai usaha melibatkan pelbagai agensi giat dijalankan dalam usaha mengawal penularan penyakit TB di Pulau Pinang.

### **OBJEKTIF**

Objektif utama Program Kawalan TB adalah untuk mengawal penularan penyakit TB di Pulau Pinang. Ini adalah selaras dengan sasaran End TB Strategy yang menetapkan agar Insiden Penyakit TB dikurangkan

kepada 90% menjelang tahun 2035. Sasaran bagi Kadar Sukses Rawatan TB adalah melebihi 85% dan Kadar Kematian TB adalah kurang daripada 5 per 100,000 penduduk.

Terdapat dua KPI Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia bagi tahun 2019 iaitu:

Kadar Sukses Rawatan Tibi (Warganegara)  $\geq$  85%

Kadar Sukses Rawatan Tibi (Bukan Warganegara)  $\geq$  60%

## **PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN TB 2019**

### **Kadar Notifikasi Penyakit TB**

Kadar notifikasi penyakit TB semua jenis adalah 88.2 per 100,000 penduduk dengan jumlah kes sebanyak 1526 kes. Pecahan kes mengikut daerah adalah 583 kes (38.20%) Daerah Timur Laut (TL), 185 kes (12.12%) Daerah Barat Daya (BD), 277 kes (18.15%) Daerah Seberang Perai Utara (SPU), 335 kes (21.95%) Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan 146 kes (9.57%) Daerah Seberang Perai Selatan (SPS). Daripada 1526 kes tersebut, sejumlah 1381 (90.5%) merupakan kes baru dan 145 (9.5%) adalah kes TB yang dirawat semula.

### **Taburan Kes Mengikut Jenis TB**

Keseluruhannya terdapat 821 (53.8%) kes PTB smear positif, 439 (28.8%) kes PTB smear negatif dan 266 (17.4%) kes Ekstrapulmonari TB bagi tahun 2019. Taburan jenis TB mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 4.49**.

**Jadual 4.49: Bilangan dan Peratus Jenis TB mengikut Daerah-daerah di Pulau Pinang (2019)**

<b>PTJ</b>	<b>PTB Smear Positif (%)</b>	<b>PTB Smear Negatif (%)</b>	<b>Ekstra-PTB (%)</b>	<b>Jumlah (%)</b>
Timur Laut	292(50.1)	198 (33.9)	93(16.0)	583 (100)
Barat Daya	97 (52.4)	47 (25.4)	41(22.2)	185 (100)
Seberang Perai Utara	170 (61.4)	65(23.5)	42 (15.1)	277 (100)
Seberang Perai Tengah	184 (54.9)	93 (27.8)	58 (17.3)	335(100)
Seberang Perai Selatan	78(53.4)	36(24.7)	32 (21.9)	146 (100)
<b>Pulau Pinang</b>	<b>821 (53.80)</b>	<b>439 (28.76)</b>	<b>266 (17.43)</b>	<b>1526 (100)</b>

### **Pecahan Kes Mengikut Variabel Sosiodemografi**

Golongan muda dan produktif didapati mudah dijangkiti TB. Statistik menunjukkan 922 (60.4%) pesakit TB adalah dalam lingkungan umur 15- 54 tahun. Kes TB di kalangan kanak-kanak bawah umur 15 tahun adalah seramai 21 kes (1.4%). Daripada 1526 kes yang dinotifikasi, sebanyak 958 (62.8%) adalah pesakit lelaki. Majoriti adalah daripada kumpulan etnik Cina 624 (40.9%), Ringkasan adalah seperti di **Jadual 4.50**.

**Jadual 4.50: Bilangan dan Peratus Kes TB dikesan mengikut Variabel Sosiodemografi, Tahun 2019, n= 1526**

Variabel Sosiodemografi	N (%)
Kumpulan Umur, tahun	
< 15	21(1.4)
15- 24	182 (11.9)
25- 34	229(15.0)
35- 44	255(16.7)
45- 54	256(16.8)
55- 64	294(19.3)
> 65	289 (18.9)
Jantina	
Lelaki	958 (62.8)
Perempuan	568 (37.2)
Kumpulan Etnik dan Kewarganegaraan	
Melayu	613 (40.2)
Cina	624 (40.9)
India	139 (9.1)
Lain-lain	16 (1.0)
Bukan Warganegara	134 (8.8)

#### **Jumlah Kes TB di Kalangan Warga Asing**

Sebanyak 134 (8.8%) kes TB dilaporkan berlaku di kalangan warganegara asing bagi tahun 2019. Pecahan mengikut negara asal: Indonesia 67 kes (50%); Myanmar 34 (25.4%); Nepal 9 (6.7%); Bangladesh 6 (4.5%); India 5 (3.7%), Thailand 5 (3.7%); Filipina 3 (2.3%); Vietnam 2 (1.5%); China 1(0.7%); Jepun 1(0.7%); dan Netherland 1(0.7%). Bilangan dan peratusan kes TB di kalangan bukan warganegara dari tahun 2010 hingga 2019 diringkaskan di dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.51: Bilangan dan peratus kes TB di kalangan bukan warganegara 2010-2019**

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
n	80	121	117	114	149	116	122	118	114	134
%	7.5	10.7	9.4	9.3	11.9	9.0	8.8	8.8	9.3	8.8

#### **Jangkitan Bersama TB / HIV**

Sejumlah 65 (4.3%) kes TB/HIV dikesan bagi tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 65 kes telah pun disahkan HIV positif sebelum dikesan mengidap TB. Tren surveillan jangkitan bersama TB/HIV adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 4.52: Bilangan dan Peratus kes TB/HIV, Pulau Pinang, 2010-2019**

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
n	68	57	58	64	53	54	41	52	44	65
%	6.4	5.1	4.7	5.2	4.2	4.2	2.8	3.9	3.6	4.3

**Saringan Penyakit TB Di Penjara / Puspén / Rumah Orang Tua**

Berikut merupakan maklumat saringan yang telah dilakukan;

**Jadual 4.53: Saringan Penyakit TB di Institusi**

Institusi	Jumlah penghuni	Jumlah disaring	Positif TB
Penjara Pulau Pinang	6217	6217	3 kes TB
Penjara Perai	11246	11246	17 kes TB
CCRC (Kg. Selamat)	282	282	1 kes TB
Cure & Care (B.M.)	153	153	Tiada
Depoh Tahanan Juru	3245	3245	Tiada
Pusat jagaan warga emas (20)	1308	1059	1 kes TB

**Pencapaian DOTS**

Sejumlah 1321 pesakit telah tamat rawatan fasa intensif dan pencapaian aktiviti DOT bagi rawatan fasa intensif adalah sebanyak 86.56%.

**Kontak Kes**

Sejumlah 12,445 kontak (kali pertama) telah diperiksa sehingga Disember 2019. Purata jumlah kontak yang diperiksa bagi setiap kes indeks ialah 1: 10. Dari 12,445 kontak yang diperiksa, sejumlah 9 (0.07%) kontak disahkan mengidap TB.

**PENCAPAIAN INDIKATOR KUALITI**

Pencapaian Indikator kualiti yang dipantau di bawah program kawalan TB adalah seperti berikut:

**Jadual 4. 54: Pencapaian Indikator Kualiti Program Kawalan TB**

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian 2019
1.	Kadar Sukses Rawatan TB (Warganegara)	≥85%	85.92%
	Kadar Sukses Rawatan TB (Bukan Warganegara)	≥ 60%	79.31%
2.	Kadar pengesanan kes (CDR)	> 95%	98.03%
3.	Kadar kematian TB (per 100,000 penduduk) tanpa Kematian TBHIV	<5.0	8.4

4.	Kes TB di kalangan kanak-kanak	< 1%	1.4%
5.	Kadar pertukaran kahak (smear positif kepada negatif selepas 2 bulan) (SCR) (kitaran Jul-Dis 2019)	>90%	97.48%
6.	Liputan BCG	>98%	99.5
7.	Pemeriksaan kontak (kali pertama)	70- 80%	81.55
8.	Liputan DOTS Fasa Intensif	> 80%	86.56
9.	Kadar saringan simptomatik (% kes pesakit luar baru)	5%	3.5

### ANALISA KOHORT 2019

Kadar Sukses rawatan TB (Warganegara) 2019 adalah 85.92%. Daripada analisa yang dibuat, 145 (13.26%) kes mati, 49 (4.48%) kes terhenti rawatan, 13 (1.18%) kes gagal rawatan, 32 (2.92%) kes tukar diagnosa dan 6 (0.54%) kes masih dalam rawatan.

**Jadual 4.55: Kadar Sukses Rawatan TB (Warganegara) 2019**

Masih dalam rawatan	Tukar Diagnosa	Mati	Gagal Rawatan	Sembuh	Sempurna Rawatan	Terhenti rawatan	Jumlah
6	32	145	13	480	368	49	1093

Kadar Sukses rawatan TB (Bukan Warganegara) 2019 adalah 79.31%. Daripada analisa yang dibuat, 10(8.9%) kes mati, 2 (1.78 %) kes terhenti rawatan, 51 (45.53%) kes pindah, keluar & hilang, 3 (2.67%) kes tukar diagnosa dan 46(41%) kes sembuh dan sempurna rawatan.

**Jadual 4.56: Kadar Sukses Rawatan TB (Bukan Warganegara) 2019**

Masih dalam rawatan	Tukar diagnosa	Mati	Pindah, keluar & hilang	Sembuh	Sempurna Rawatan	Terhenti rawatan	Jumlah
-	3	10	51	25	21	2	112

### SARINGAN GOLONGAN BERISIKO TINGGI TB

Selaras dengan matlamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menamatkan epidemik TB menjelang tahun 2035, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memulakan saringan sistematik golongan berisiko tinggi TB sebagai salah satu strategi utama dalam kawalan dan pencegahan penyakit TB mulai tahun 2015.

Pelaksanaan program saringan ini merangkumi kontak kepada pesakit yang telah disahkan menghidap penyakit TB; pesakit HIV; pesakit renal failure dalam rawatan dialisis; penghuni penjara; penghuni dan pelanggan klinik Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC); penghuni pusat jagaan warga emas; pesakit

rheumatoid arthritis dalam rawatan anti-TNF; pesakit diabetes mellitus; warga emas berumur 60 tahun keatas; pesakit dengan *chronic obstructive pulmonary disease* (COPD); pelanggan klinik berhenti merokok; dan pelanggan berdaftar perkhidmatan methadone dan perkhidmatan penyalahgunaan substan yang berkaitan.

Kaedah saringan yang disarankan ialah secara x-ray dada. Bagi tahun 2019, sejumlah 24,342 saringan secara x-ray dada telah dilakukan di mana 49 pesakit telah dikesan menghidapi penyakit TB aktif.

## **RUMUSAN**

Keseluruhannya Pencapaian Program Kawalan TB Negeri Pulau Pinang adalah kurang memuaskan. Masih terdapat kes TB yang belum dikesan di dalam masyarakat berdasarkan anggaran yang telah dibuat mengikut trending kadar notifikasi kes 5 tahun kebelakangan ini (2013- 2018). Pengesanan masih boleh ditingkatkan. Sementara itu, kedua-dua kadar sembuh dan kadar sukses boleh ditingkatkan lagi dengan mengurangkan bilangan pesakit yang terhenti rawatan. Justeru, adalah amat penting pesakit diberi pendidikan kesihatan dan kaunseling supaya mereka patuh jadual rawatan dan tidak cicir atau terhenti rawatan. Pengesanan awal penyakit juga penting supaya rawatan awal dapat diberikan. Promosi kesihatan berkaitan penyakit TB juga perlu diperhebatkan lagi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya TB dan supaya mereka tampil membuat pemeriksaan jika mengalami gejala dan tanda-tanda penyakit TB.

## **KUSTA**

### **Pengenalan**

Penyakit kusta merupakan penyakit berjangkit kuno yang telah dikesan sejak 600 tahun dahulu sebelum Masihi namun di Malaysia tiada sejarah yang dicatatkan bila dan dimana penyakit ini mula bertapak. Malaysia bagaimanapun telah berjaya mengekalkan status eliminasi kusta seperti mana yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu kadar prevalens mestilah kurang dari 1 kes bagi setiap 10,000 orang penduduk. Bagi tahun 2019, sejumlah 197 kes baru kusta telah dikenal pasti di Malaysia, dengan kadar insiden 0.61. Di Pulau Pinang, sehingga tahun 2019, jumlah kumulatif kes kusta adalah sebanyak 7 kes dengan kadar insiden 0.4.

### **Pecahan Kes Mengikut Variabel Sosiodemografi**

Statistik menunjukkan 1 kes kusta melibatkan kanak-kanak yang berumur 13 tahun. Daripada 7 kes yang dinotifikasi, 6 kes adalah pesakit lelaki dan 1 kes adalah pesakit perempuan. Selain itu, 5 kes adalah warganegara dan 2 kes bukan warganegara. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 4.57**.

**Jadual 4.57: Pecahan Demografik Kes Kusta di Pulau Pinang 2019**

Variabel Sosiodemografi	N (%)
<b>Kumpulan Umur, tahun</b>	
0-14	1 (14.3)
15-19	0
25-29	2 (28.6)
35-39	1 (14.3)
45-49	2 (28.6)
50-54	0
>55	1 (14.3)
<b>Jantina</b>	
Lelaki	6 (85.7)
Perempuan	1 (14.3)
<b>Kumpulan Etnik dan Kewarganegaraan</b>	
Melayu	2 (28.6)
Cina	3 (42.8)
India	0
Lain-lain	0
<b>Bukan Warganegara</b>	2 (28.6)
Indonesia	2

**Taburan kes kusta mengikut klasifikasi kusta**

Penyakit kusta boleh diklafikasikan kepada dua jenis mengikut WHO, Multibacillary (MB) dan Paucibacillary (PB). Di Pulau Pinang, 6 kes kusta di klasifikasikan sebagai MB dan 1 sebagai PB.

**Taburan kes kusta mengikut daerah**

Majoriti pesakit kusta dikesan di daerah Seberang Perai Tengah. Ringkasan seperti **Jadual 4.58**.

**Jadual 4.58: Bilangan kes kusta mengikut Daerah-daerah di Pulau Pinang (2019)**

PTJ	Multibacillary, MB (n)	Paucibacillary, PB (n)
Timur Laut	1	1
Barat Daya	0	0
SP Utara	1	0
SP Tengah	4	0
SP Selatan	0	0
<b>Pulau Pinang</b>	<b>6</b>	<b>1</b>

## **PROGRAM LaKAR**

Di Pulau Pinang aktiviti LaKAR (Program Latihan, Kesan dan Rawat) 2019 telah diadakan dengan jayanya di Dewan Bagan Lebai Tahir, Kg Bagan Lebai Tahir pada 18 Ogos 2019. Program LaKAR 2019 telah dianjurkan bersama oleh Unit Tibi/kusta PKD Seberang Perai Utara, Klinik Kesihatan Mak Mandin, Klinik Kesihatan Butterworth, Unit TB/Kusta JKN Pulau Pinang, Unit Dermatologi Hospital Pulau Pinang dan telah disertai seramai 64 peserta. Antara objektif aktiviti LaKAR 2019 adalah untuk mengenalpasti kes-kes bersimptomatik berdasarkan tanda-tanda kusta di kalangan penduduk kampung Bagan Lebai Tahir dan juga pemeriksaan kesihatan berserta penyampaian pendidikan kesihatan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti senamrobik, saringan kesihatan, saringan kahak, saringan kulit, pameran kesihatan, ceramah kesihatan daripada Pakar Kulit Hospital Pulau Pinang dan juga cabutan bertuah. Program ini juga diselitkan dengan aktiviti gotong-royong anjuran sukarelawan COMBI Bagan Lebai Tahir. Unit Dermatologi juga menjalankan aktiviti saringan dari rumah ke rumah dikalangan warga Myanmar di perkampungan tersebut.

## **RUMUSAN**

Keseluruhannya pencapaian program kawalan kusta Negeri Pulau Pinang adalah memuaskan. Pengesanan awal penyakit penting supaya rawatan awal dapat diberikan dan komplikasi penyakit dapat dielakkan. Promosi kesihatan berkaitan penyakit kusta juga perlu diperhebatkan lagi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit kusta dan supaya mereka tampil membuat pemeriksaan jika mengalami gejala dan tanda-tanda penyakit kusta.

## **UNIT HIV/STI/HEP C**

### **PENDAHULUAN**

Program Pencegahan dan kawalan HIV/STI/HEP C merupakan salah satu program di bawah kawalan penyakit berjangkit dengan matlamat untuk mencegah transmisi penyakit HIV/STI/HEP C, mengurangkan morbiditi dan mortaliti akibat jangkitan dan mengurangkan impak penularan HIV/STI/HEP C ke atas individu, keluarga, komuniti dan negara.

### **ANALISA KEDUDUKAN SEMASA PENYAKIT HIV/AIDS**

#### **Tren Penyakit HIV/AIDS/Kematian**


Data surveilans jangkitan HIV diperolehi melalui notifikasi kes. Saringan HIV dijalankan melalui program-program saringan HIV antaranya:

- i. Program saringan HIV di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan di penjara
- ii. Program saringan HIV secara rutin untuk ibu mengandung (PMTCT)
- iii. Saringan HIV kepada pesakit kelamin
- iv. Saringan HIV kepada pesakit TB
- v. Saringan HIV secara sukarela atau tanpa nama dijalankan di semua Klinik Kesihatan.

- vi. Saringan HIV kepada penderma darah.
- vii. Saringan HIV kepada klien program pengurangan kemudaran.
- viii. Saringan HIV untuk bakal pengantin beragama Islam (telah bermula pada Januari 2007 di negeri Pulau Pinang).

**Rajah 4.12: Tren jangkitan HIV / AIDS di Pulau Pinang, 1988-2019**


**NOTIFIKASI HIV/AIDS DI PULAU PINANG 1988 – DIS 2019**



**Taburan Menurut Faktor Demografi dan Faktor risiko**

Secara kumulatif sejumlah 5198 kes HIV dilaporkan semenjak tahun 1988 sehingga Disember 2019 dengan 1198 kes AIDS dan 683 kematian HIV/AIDS. Lelaki mewakili 87.3% daripada keseluruhan kes HIV. Etnik Melayu (41.9%) adalah golongan yang mencatatkan kes tertinggi HIV, diikuti oleh etnik Cina (37.1 %), etnik India (13.7%), lain-lain etnik (0.5%) dan warga asing (6.7%). Majoriti adalah golongan yang berumur diantara 30 – 39 tahun (39.5%). Pada awal dan pertengahan tahun 1990an, kes HIV naik secara mendadak dikalangan penagih dadah berikutan pembukaan 2 buah Pusat Serenti dan bermulanya program saringan HIV untuk golongan tersebut. Secara kumulatifnya sehingga Disember 2019, 37.6% kes HIV dijangkiti melalui perkongsian jarum, 41.2% melalui hubungan heteroseksual dan 13.5% melalui hubungan homoseksual/biseksual. Walau bagaimanapun, kes-kes HIV yang dijangkiti melalui hubungan homoseksual/biseksual menunjukkan tren peningkatan daripada 1.2% pada tahun 2007 kepada 59.4% pada tahun 2019. Bagi tahun 2019 sahaja sejumlah 355 kes HIV, 73 kes AIDS dan 59 kematian HIV/AIDS dilaporkan.

**Rajah 4.13: Pecahan kes HIV mengikut kumpulan umur, 2007 – 2019**



**Program Pencegahan Jangkitan HIV Ibu Ke Anak (PMTCT)**

Program Saringan HIV untuk Ibu Mengandung telah dimulakan di semua klinik yang mempunyai perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak di Pulau Pinang bermula Mac 1998. Bermula tahun 2012 Saringan HIV kepada Ibu Mengandung juga turut meliputi data saringan yang dijalankan di beberapa fasiliti swasta (15 pusat bersalin swasta). Pada tahun 2019, seramai 23,573 ibu mengandung baru telah disaring dengan 20,110 adalah saringan di fasiliti kerajaan dan selebihnya dari fasiliti swasta. Sepanjang tahun 2019, sejumlah 7 orang ibu hamil baru dikesan HIV positif. Walaubagaimanapun tiada bayi yang dilahirkan dikesan positif HIV.

**Program Saringan HIV Untuk Ibu Mengandung Di Pulau Pinang (fasiliti KKM), 2008 – 2019**

**Jadual 4.59: Program Saringan HIV Untuk Ibu Mengandung Di Pulau Pinang (fasiliti KKM), 2008 – 2019**

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. Keadatangan ibu mengandung	19,352	18628	18265	19847	19682	19997	20568	20256	20118	20560	20424	20,110
Bil.ibu disaring HIV	19,766	18840	18265	20096	19682	19997	20567	20256	20118	20560	20424	20,110
Bil. Ibu yang disahkan HIV Positif	10 (0.05%)	10 (0.05%)	13 (0.07%)	14 (0.07%)	16 (0.08%)	23 (0.11%)	13 (0.06%)	15 (0.07%)	13 (0.06%)	12 (0.06%)	16 (0.08%)	18 (0.09%)

**HIV / AIDS Di Institusi Tahanan**

Saringan HIV dijalankan di Penjara Pulau Pinang, Penjara Seberang Perai dan PUSPEN (Cure & Care Rehab Centre) Kampung Selamat bagi kemasukan baru, selepas 6 bulan dan sebelum pembebasan. Seramai 889 penghuni PUSPEN disaring dan 26,471 saringan dilakukan di penjara pada tahun 2019.

**Program Saringan HIV Tanpa Nama ( Anonymous)**

Program Saringan HIV Tanpa Nama (Anonymous) telah diperluaskan di semua Klinik Kesihatan di Pulau Pinang mulai tahun 2003 serta turut disertai oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan HIV mulai tahun 2010. Seramai 1,669 orang telah mendapatkan perkhidmatan ini pada tahun 2019. Daripada keseluruhan kes yang disaring, 42 orang (2.5%) dikesan HIV positif.

**Program Pengurusan Pesakit HIV Diperingkat Jagaan Primer (PPHIV)**

Program Pengurusan Pesakit HIV Di peringkat Jagaan Primer (PPHIV) telah bermula pada tahun 2000 di semua klinik kesihatan dengan menyediakan perkhidmatan saringan HIV, kaunseling & pendidikan kesihatan HIV serta rujukan. Manakala semua klinik kesihatan yang mempunyai Pakar Perubatan Keluarga menyediakan perkhidmatan rawatan ARV untuk pesakit HIV. Sehingga Disember 2019 terdapat 29 klinik kesihatan yang memberikan khidmat rawatan ARV, 21 klinik kesihatan tersebut mempunyai Pakar Perubatan Keluarga tetap manakala 8 klinik kesihatan lain menerima lawatan Pakar Kesihatan Keluarga secara berjadual. Di Negeri Pulau Pinang, usaha juga telah dibuat untuk meningkatkan *accessibility* kepada rawatan termasuklah :-

- Menyelaraskan latihan sangkut / *attachment* Pakar Perubatan Keluarga bersama Pakar Penyakit Berjangkit di Hospital Pulau Pinang secara berterusan.
- Meningkatkan bilangan Klinik Kesihatan yang memulakan rawatan ARV oleh Pakar – Pakar Perubatan Keluarga yang telah menjalani latihan dan attachment.

- Memastikan kes HIV yang dikesan di klinik kesihatan atau oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan HIV dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga untuk pemeriksaan dan rawatan susulan.

Pada tahun 2019, seramai 381 pesakit mendapatkan rawatan susulan di klinik kesihatan dengan seramai 363 (95.3%) menerima rawatan ARV.

### **Program Pertukaran Jarum Dan Alat Suntikan**

Negeri Pulau Pinang juga telah terpilih sebagai salah satu Negeri perintis untuk Program Pertukaran Jarum dan alat suntikan (NSEP) yang telah bermula pada 17 Februari 2006. Di Pulau Pinang, badan bukan kerajaan yang terlibat adalah AARG\_NSEP (AIDS Action Research Group). Bagi tahun 2019, sejumlah 296 klien unik telah direkodkan dengan 94 klien baru didaftarkan. 50 klien baru telah dirujuk ke Program Terapi Gantian Dengan Metadon (MMT). Sebanyak 20,888 jarum telah diedarkan dengan purata jarum bagi seorang klien aktif adalah 222. Kadar pemulangan jarum dicatatkan sebanyak 89%.

### **Program Terapi Gantian Dengan Metadon**

Program Terapi Gantian Dengan Metadon telah bermula pada tahun 2005 dengan program perintis di Hospital Bukit Mertajam. Program ini telah diletakkan di bawah unit AIDS / STD bermula tahun 2008. Sehingga akhir 2019 terdapat 29 fasiliti yang memberikan perkhidmatan tersebut di negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut 21 pusat adalah di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (3 di hospital dan 18 di klinik kesihatan), 2 di klinik swasta, 4 di fasiliti-fasiliti di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan 2 di penjara. Sehingga Disember 2019, sejumlah 5237 pesakit telah berdaftar dan daripada jumlah tersebut seramai 1527 adalah pesakit yang aktif mengambil rawatan. Kadar pengekalan dalam rawatan adalah 78.37%.

## **UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR**

### **Pengenalan dan fungsi**

Rancangan Kawalan Penyakit-penyakit Bawaan Vektor Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab bagi mengurangkan morbiti dan mortaliti penyakit-penyakit bawaan vektor yang merangkumi penyakit malaria, demam denggi, filariasis, Japanese encephalitis, tifus, hawar, dan demam kuning.

Walau bagaimanapun, penekanan yang lebih telah diberikan kepada penyakit demam denggi/demam denggi berdarah (DD/DDB) dan penyakit malaria memandangkan penyakit-penyakit ini merupakan masalah utama kesihatan awam di negeri Pulau Pinang. Disamping itu, langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi penyakit-penyakit lain juga masih dijalankan.

## **Objektif**

### **Objektif Umum**

1. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti penyakit-penyakit bawaan vektor di Negeri Pulau Pinang.
2. Mencegah kejadian penyakit-penyakit bawaan vektor di kawasan di mana tiada wabak pada masa kini
3. Memastikan tiada kes hawar dan demam kuning.

### **Objektif Khusus**

#### **Denggi**

1. Mengawal penyakit DD/DDB/DD/DDB berdarah untuk mengurangkan kejadian kes yang dilaporkan tidak melebihi 100 kes per 100,000 penduduk dan tiada kematian.
2. Mengurangkan pembiakan nyamuk Aedes di luar dan di dalam rumah supaya tidak melebihi Index Aedes 1% dan Index Breteau 5.
3. Melibatkan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit DD/DDB.
4. Memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat dalam usaha pencegahan dan kawalan penyakit DD/DDB.

#### **Malaria**

1. Menuju ke arah pencapaian eliminasi malaria pada tahun 2020

#### **Filariasis**

1. Mengelakkan pengenalan semula penyakit filariasis ke negeri Pulau Pinang.

#### **Japanese encephalitis**

1. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti penyakit Japanese encephalitis bagi golongan berisiko.

#### **Chikungunya**

1. Mengurangkan morbiditi kes chikungunya
2. Mengurangkan pembiakan nyamuk Aedes di luar dan di dalam rumah supaya tidak melebihi Index Aedes 1% dan Index Breteau.
3. Melibatkan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Chikungunya.
4. Memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat dalam usaha pencegahan dan kawalan penyakit Chikungunya.

### **Typhus**

1. Pengawasan penyakit typhus.
2. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti penyakit typhus.

### **Demam Kuning (Yellow Fever)**

1. Pengawasan rapi nyamuk Aedes di lapangan terbang/ pelabuhan.

### **Hawar**


1. Mencegah kemasukan semula penyakit hawar dari negara jiran.
2. Memastikan "Flea Index" tidak melebihi

## **Pencapaian dan aktiviti**

### **Penyakit Demam Denggi**

Antara penyakit-penyakit bawaan vektor, demam denggi (DD)/demam denggi berdarah (DDB) masih merupakan masalah kesihatan awam utama di negeri ini, diikuti oleh malaria serta lain-lain penyakit bawaan vektor. **Rajah 4.14** menunjukkan bilangan kes yang dilaporkan sejak tahun 1998 hingga 2019. Pada tahun 2019, jumlah kes DD/DDB dilaporkan adalah 4,119 kes dilaporkan iaitu menurun 1,952 sebanyak 32.15% berbanding 6,071 kes pada tahun 2018. Kadar insidens per 100,000 penduduk adalah 232.71 menurun berbanding 343.58 per 100,000 penduduk pada 2018.

Rajah 4.14 : Bilangan kes demam denggi/demam denggi berdarah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang 1998- 2019



Pada tahun 2019, Pulau Pinang mencatatkan kes tertinggi denggi pada minggu ke-2 iaitu 290 kes. Operasi bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan dari semasa ke semasa pada tahun 2019 bagi mengawal kes yang berlaku di seluruh kawasan Pulau Pinang.

Jadual 4.60: Taburan kes DD/DDB yang dilapor mengikut daerah tahun 2018 dan 2019.

Daerah	2018				2019			
	DEMAM DENGGI	MATI	%	C.F.R	DEMAM DENGGI	MATI	%	C.F.R
GEORGE TOWN	1,225	1	20.2%	0.08%	642	0	15.6%	0.00%
DTL	1,247	1	20.5%	0.08%	696	3	16.9%	0.43%
DBD	1,137	3	18.7%	0.26%	640	2	15.5%	0.31%
SPU	491	2	8.1%	0.41%	446	0	10.8%	0.00%
SPT	1,681	9	27.7%	0.54%	1,360	4	33.0%	0.29%
SPS	290	0	4.8%	0.0%	335	0	8.1%	0.00%
JUMLAH	6,071	16	100%	0.26%	4,119	9	100%	0.22%

Pada tahun 2019, daerah yang mencatatkan bilangan kes tertinggi adalah dari daerah Seberang Perai Tengah dengan 1,359 kes (33.0%) dari keseluruhan kes diikuti dengan kawasan Timur Laut 695 kes (16.9%), George Town 642 kes (15.6%), Barat Daya 640 kes (15.5%), Seberang Perai Utara 446 kes (10.8%) dan Seberang Perai Selatan 335 kes (8.1%). Sebanyak 2,214 (53.75%) kes demam denggi dilaporkan oleh hospital/klinik kerajaan, manakala selebihnya, 1,905 (46.25%) dilaporkan oleh hospital/klinik swasta.

Bagi tahun 2019, sejumlah 614,416 premis telah diperiksa berbanding sejumlah 490,862 buah premis telah diperiksa untuk pembiakan Aedes dalam tahun 2018. Bilangan premis yang positif pembiakan nyamuk Aedes pada tahun 2019 adalah 13,217 berbanding 14,461 buah premis pada tahun 2018. Pada tahun 2019, 1,330,649 buah premis telah disembur kabus berbanding 1,232,273 buah premis pada tahun 2018. (Rujuk Jadual 4.61 dan 4.62)

Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, (APSP 1975) telah dijalankan ke atas penghuni premis yang mana didapati terdapat pembiakan Aedes di dalam atau di luar premis mereka. Penguatkuasaan undang-undang perlu dan penting bagi mengawal persekitaran luar dan dalam premis daripada pembiakan Aedes. Pada tahun 2019 sebanyak 1,158 notis amaran telah dikeluarkan dan 1,678 kompaun dikeluarkan berbanding pada tahun 2018 sebanyak 1,223 notis amaran dan 2,045 kompaun telah dikeluarkan.

Jadual 4.61: Aktiviti kawalan denggi mengikut daerah di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019

<b>AKTIVITI</b>	<b>MPPP</b>	<b>MPSP</b>	<b>DTL</b>	<b>DBD</b>	<b>SPU</b>	<b>SPT</b>	<b>SPS</b>	<b>P.K.P</b>	<b>PKLT</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bil. Premis diperiksa</b>	130034	0	155661	143514	39720	48915	96572	0	0	<b>614416</b>
<b>Bil. Premis positif jentik-jentik</b>	1659	0	3073	2774	1798	2569	1344	0	0	<b>13217</b>
<b>Bil. Kompaun dikeluarkan</b>	276	0	306	411	137	373	175	0	0	<b>1678</b>
<b>Bil. Kompaun dijelaskan</b>	0	0	361	254	90	265	149	0	0	<b>1119</b>
<b>Hasil kutipan kompaun (RM)</b>	86500	0	126050	114650	27300	95725	48660	0	0	<b>498885</b>
<b>Bil. Notis dikeluarkan</b>	0	0	370	130	204	298	156	0	0	<b>1158</b>
<b>Bil. Tindakan mahkamah</b>	0	0	156	95	18	163	36	0	0	<b>468</b>
<b>Bil. Premis ditutup</b>	14	0	12	0	0	0	7	0	0	<b>33</b>
<b>Bil. Premis dibubuh abate</b>	111655	0	13898	14929	22659	22258	2930	0	0	<b>188329</b>
<b>Bil. Premis disembur kabus</b>	532913	0	233149	218706	128321	147745	69815	0	0	<b>1330649</b>
<b>Gotong Royong</b>	0	0	0	11	32	5	14	0	0	<b>62</b>

**Jadual 4.62 : Aktiviti kawalan denggi mengikut daerah di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2018.**

<b>AKTIVITI</b>	<b>MPPP</b>	<b>MPSP</b>	<b>DTL</b>	<b>DBD</b>	<b>SPU</b>	<b>SPT</b>	<b>SPS</b>	<b>P.K.P</b>	<b>PKLT</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bil. Premis diperiksa</b>	77681	0	102358	120666	46631	51270	92256	0	0	<b>490862</b>
<b>Bil. Premis positif jentik-jentik</b>	1767	0	2092	3583	2593	3215	1211	0	0	<b>14461</b>
<b>Bil. Kompaun dikeluarkan</b>	44	0	607	561	209	517	107	0	0	<b>2045</b>
<b>Bil. Kompaun dijelaskan</b>	0	0	68	33	18	5	3	0	0	<b>127</b>
<b>Hasil kutipan kompaun (RM)</b>	12500	0	25800	13650	5450	1500	1250	0	0	<b>60150</b>
<b>Bil. Notis dikeluarkan</b>	1	0	412	91	246	343	130	0	0	<b>1223</b>
<b>Bil. Tindakan mahkamah</b>	0	0	32	6	0	0	3	0	0	<b>41</b>
<b>Bil. Premis ditutup</b>	2	0	15	12	0	0	0	0	0	<b>29</b>
<b>Bil. Premis dibunuh abate</b>	50494	0	34331	16287	23964	10372	2512	0	0	<b>137960</b>
<b>Bil. Premis disembur kabus</b>	172934	0	286385	400268	155854	147597	69235	0	0	<b>1232273</b>
<b>Gotong Royong</b>	0	0	10	16	40	36	107	0	0	<b>209</b>

Jadual 4.63:

Aktiviti kajian pembiakan aedes di kawasan utama di negeri Pulau Pinang, tahun 2018 – 2019 (Data yang dilaporkan dari daerah).


KAWASAN UTAMA	TAHUN 2018			TAHUN 2019		
	Bil. Diperiksa	Bil. Positif	Aedes Index (%)	Bil. Diperiksa	Bil. Positif	Aedes Index (%)
Rumah / kedai	463,042	7,821	1.69	586,524	6,881	1.17
Tapak Pembinaan	577	130	22.53	547	106	19.38
Sekolah	1,013	97	9.58	1,074	108	10.06
Kilang	648	47	7.25	485	31	6.39
Pejabat	176	6	3.41	303	4	9.24
Projek Rumah Terbengkalai	7	0	0.00	33	4	12.12
Tempat Ibadat	1,362	88	6.46	2,207	105	4.76
Tanah Perkuburan	79	10	12.66	86	10	11.63
Tempat Pembuangan Sampah	2,140	33	1.54	2,988	91	3.05
Tanah Lapang	7,137	2,359	33.05	10,204	3,976	38.97
Kemudahan Kesihatan	633	7	1.11	692	7	1.01
Pembahagi Jalan	19	2	10.53	27	5	18.52
Tmn Permainan/ Rekreasi	1,306	153	11.72	1,907	190	9.96
Lain-lain kawasan	12,723	3,708	29.14	7,339	1,699	23.15
<b>JUMLAH</b>	<b>490,862</b>	<b>14,461</b>	<b>2.95</b>	<b>614,416</b>	<b>13,217</b>	<b>2.15</b>

#### Kawalan Malaria

Pada tahun 2019 kes malaria yang dikesan di seluruh negeri Pulau Pinang ialah sebanyak 6 kes (lihat **Rajah 4.15**). Slaid malaria yang diperiksa adalah berjumlah 56,458. Kadar insiden tahunan bagi tahun 2019 ialah 0.34 per 100,000 penduduk berbanding 0.40 per 100,000 penduduk pada tahun 2018. Sebanyak 83.33% (5 kes) dikesan melalui pengesanan secara pasif (Passive Case Detection) dan 16.67% (1 kes) dikesan melalui pengesanan secara aktif (Active Case Detection). Seramai 3 kes (50.0%) adalah di kalangan pendatang asing, dan 3 kes (50.0%) adalah di kalangan warganegara. 1 kes dari Pakistan (16.67%), 1 kes dari Tanzania (16.67%), 1 kes dari Australia (16.66%), dan 3 kes orang tempatan (50.0%) mendapat jangkitan dari luar negara. Tiada kes kematian dilaporkan pada

tahun 2019. Spesies utama yang dikesan dalam kejadian kes malaria di negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 ialah Plasmodium vivax (33.34%), Plasmodium falciparum (33.33%), dan Plasmodium Knowlesi (33.33%). Terdapat 1 kes jangkitan tempatan malaria dikesan pada tahun 2019.

**Rajah 4.15 : Kejadian kes Malaria di Pulau Pinang bagi tahun 2018 dan 2019**



Dalam kawalan malaria, aktiviti yang dijalankan adalah semburan residu dan edaran kelambu berubat. Aktiviti dijalankan berdasarkan stratifikasi semasa lokaliti. Aktiviti anti-larva dan penyelenggaraan parit-parit kawalan juga dijalankan. Kerja-kerja penangkapan nyamuk dewasa juga dijalankan oleh pasukan entomologi negeri untuk memantau kehadiran nyamuk dewasa. Aktiviti kawalan yang dijalankan semasa wabak malaria melibatkan semburan residu, semburan ULV, semburan kabus, Night Trapping, kajian larva dan nyamuk dewasa serta memusnahkan punca pembiakan yang terdapat di kawasan terbabit. Jadual 4.65 menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan malaria bagi sepanjang tahun 2018 dan 2019.

**Jadual 4.64 : Pencapaian aktiviti kawalan Malaria di kawasan kes bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 Dan 2019**

	<b>Aktiviti Kawalan</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
	Bil.contoh darah PCD	3,747	4,187
	Bil.contoh darah ACD	24,163	21,997
	Bil.contoh darah PCD positif	7	5
	Bil.contoh darah ACD positif	0	1
	Bil.rawatan radikal	7	6
	Bilangan kajian jentik-jentik dijalankan	2,092	2,105
	Bilangan semburan abate 500E dijalankan	4,892	3,844
	Bil. Rumah di sembur kabus ( Thermal )	0	7
	Bil Rumah di sembur residu (Focal Spraying)	160	397
	Bilangan risalah diedarkan	12,646	11,723
	Bilangan pendekatan individu	31,768	29,957
	Bil.kelambu diedarkan	69	0

## Pencapaian Pungutan Slaid Darah Malaria Dan Perkhidmatan Makmal

Jumlah pungutan slaid pada tahun 2019 adalah 56,458 (ABER = 3.19%). Ini adalah merupakan pungutan slaid yang dibuat di seluruh negeri Pulau Pinang melalui ACD, PCD, INV dan lain-lain. Jumlah slaid positif adalah 6 kes (SPR = 0.011) dimana ini menghasilkan API = 0.0034 (Sila lihat Jadual 4.65)

**Jadual 4.65 : Pencapaian Perkhidmatan Makmal Kajidarah Parasit Malaria Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**

Jumlah Slaid Dipungut	Jumlah Slaid Diperiksa	Jumlah Slaid Positif	SPR (Slaid Positif Rate)	ABER (Annual Blood Exam, Rate)	API (Annual Parasite Incidence)
56,458	56,458	6	0.011	3.19	0.0034

## Lain-Lain Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor

Pada tahun 2019 sebanyak 3 kes filariasis telah dikesan daripada 106,630 slaid yang diperiksa berbanding dengan tahun 2018 sebanyak 10 kes filariasis telah dikesan daripada 185,679 slaid yang diperiksa. Sepanjang tahun 2019 terdapat 0 kes Japanese encephalitis dikesan. **Jadual 4.66** menunjukkan bilangan kes penyakit-penyakit berkenaan mengikut daerah bagi tahun 2018 dan 2019.

**Jadual 4.66 : Penyakit Filariasis, Typhus, Japanese encephalitis dan Viral encephalitis Mengikut daerah di Pulau Pinang pada tahun 2018 dan 2019.**

Daerah	Filariasis		Typhus		Japanese encephalitis	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
<b>Timur Laut</b>	0	0	0	0	0	0
<b>Barat Daya</b>	0	0	0	0	0	0
<b>SPU</b>	4	2	0	0	0	0
<b>SPT</b>	4	0	0	0	1	0
<b>SPS</b>	2	1	0	0	0	0
<b>P.Pinang</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>

### **Aktiviti Kawalan Rodensia di Pintu Masuk**

Aktiviti kawalan rodensia dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan Lapangan Terbang bagi tujuan pengawasan 'Flea Index' dan secara tidak langsung mengawal daripada berlaku jangkitan hawar daripada negara-negara luar terutamanya. Tiada kes hawar dilaporkan pada tahun 2019. Bagi tahun 2019, jumlah perangkap tikus yang dipasang ialah 24,462 sebanyak 310 ekor tikus telah ditangkap, disikat dan dihapuskan. 100 kutu diperolehi daripada 310 tikus yang ditangkap. 'Flea Index' ialah 0.50. (Lihat **Jadual 4.67**).

**Jadual 4.67 : Aktiviti kawalan rodensia di Pelabuhan Dan Lapangan Terbang Negeri Pulau Pinang Tahun 2017-2018**

<b>AKTIVITI</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
Bilangan perangkap dipasang	27,214	24,462
Bilangan rodensia ditangkap	433	310
Bilangan kutu flea ditemui	150	100
Flea index kutu <i>X. cheopis</i>	0.35	0.50


Penurunan dalam Indeks kutu di pintu masuk pelabuhan adalah disebabkan pemantapan aktiviti-aktiviti surveilan kehadiran roden dan pengesanan kutu yang dilaksanakan bersama dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan Penang Port serta bantuan teknikal dari Unit Vektor Negeri. Tindakan-tindakan bagi mengurangkan infestasi tikus dan kutu sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan Penang Port.

### **Pemantauan Entomologi**

#### **Pemantauan Situasi Semasa Kepadatan Nyamuk Aedes Dewasa di Stesen Sentinel**


Kajian Sentinel Aedes Dewasa dan pemasangan ovitrap telah dijalankan bagi tahun 2019 di lokaliti Kampung Sungai Gelugor, Timur Laut, Pulau Pinang. Berdasarkan graf kajian asas ini (rujuk **Rajah 4.16**) menunjukkan perubahan indeks kepadatan Aedes Dewasa dan jumlah jatuhan hujan tidak mempunyai kaitan yang nyata.

**Rajah 4.16: Graf Perubahan Indeks Kepadatan Aedes Dewasa Dibandingkan Jumlah Taburan Hujan Bagi Tahun 2019.**




Berdasarkan graf mingguan ovitrap (rujuk **Rajah 4.17**) mendapati indeks ovitrap kekal tinggi iaitu melebihi 40% dan kehadiran nyamuk betina *Aedes albopictus* yang merupakan vektor utama Demam Denggi di lokasi ini pada tahun 2019.

**Rajah 4.17 : Indeks Ovitrap Kampung Sungai Gelugor Bagi Tahun 2019.**



Sebanyak dua kes Demam Denggi dilaporkan pada minggu epidemiologi ke-5 dan ke-8 dengan Indeks Ovitrap (OI) sebanyak 67.86% dan 60%. Tindakan penghapusan tempat pembiakan nyamuk Aedes dan Semburan Ruang Termal telah dilakukan pada minggu epidemiologi ke-6 dan ke-8. Penurunan indeks ovitrap telah direkodkan selepas tindakan kawalan dilakukan secara berterusan (rujuk **Rajah 4.18**)

**Rajah 4.18 : Kehadiran Nyamuk Dewasa berbanding dengan Indeks Ovitrap**




Sebagai tindakan pencegahan, tindakan kawalan seperti Penghapusan Tempat Pembiakan (PTP) atau ULV pencegahan pada waktu pagi harus diambil sekiranya nilai OI adalah tinggi daripada 60%.


**Pencapaian aktiviti kajian Siasatan Entomologi (EI) Demam Denggi**

Pada tahun 2019, Pasukan Entomologi dan Pest telah melakukan siasatan entomologi di 41 lokaliti yang dilaporkan kes Demam Denggi yang merangkumi daerah Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Lokaliti-lokaliti yang dirangkumi termasuklah 28 (68.3%) lokaliti *Hotspot*, 8 (19.5%) lokaliti kes dilaporkan kematian, 2 (4.9%) lokaliti wabak terkawal yang dilaporkan kes mati dan 1 (2.4%) wabak terkawal dan wabak tak terkawal. Teknik-teknik kajian yang digunakan adalah pemeriksaan tempat pembiakan larva nyamuk dan urungan nyamuk dewasa serta tangkapan nyamuk dewasa dengan peralatan BG Trap. Pembiakan *Aedes albopictus* masih merupakan spesies nyamuk yang kerap dijumpai di kawasan yang bermasalah Demam Denggi di Pulau Pinang.

**Rajah 4.19 : Spesies Nyamuk dikenalpasti semasa Siasatan Entomologi pada tahun 2019**



**Rajah 4.20: Peratus Jenis Bekas Positif Pembiakan Nyamuk Aedes semasa Siasatan Entomologi (EI) pada tahun 2019**




Bekas-bekas positif yang kerap dijumpai mengandungi pembiakan Larva *Aedes* spp adalah kategori plastik/ tong/ besen. Aktiviti urungan nyamuk dewasa dari jam 9 pagi sehingga 12 tengah hari pada tahun 2019 telah menunjukkan bahawa sebanyak 80 spot (78%) terdapat kehadiran nyamuk dewasa

daripada 103 spot. Aktiviti urungan nyamuk dewasa telah merekodkan frekuensi nyamuk yang paling tinggi adalah pada tempoh masa 10:00-10:59 pagi.

### **Pencapaian aktiviti kajian Penilaian Risiko Entomologi (ERA) Demam Denggi**


Sebanyak 3 kajian Penilaian Risiko Entomologi telah dilakukan oleh Pasukan entomologi dan pest pada tahun 2019 iaitu kawasan tumpuan orang ramai. Kajian ERA hanya merangkumi daerah Timur Laut dan daerah Seberang Perai Utara. Teknik-teknik kajian yang digunakan adalah pemeriksaan tempat pembiakan larva nyamuk dan urungan nyamuk dewasa serta tangkapan nyamuk dengan peralatan BG Trap. Bekas – bekas positif yang kerap dijumpai mengandungi pembiakan larva nyamuk *Aedes* spp adalah plastik.

**Rajah 4.21: Peratus Jenis Bekas Positif Pembiakan Nyamuk Aedes semasa kajian Penilaian Risiko Entomologi (ERA) pada tahun 2019**



#### Rajah 4.22: Spesies Nyamuk dikenalpasti semasa Penilaian Risiko Entomologi pada tahun 2019

Spesies larva nyamuk *Aedes albopictus* merupakan spesies yang paling kerap dijumpai semasa ERA.



Aktiviti urungan nyamuk dewasa telah menunjukkan sebanyak 25 spot (80%) telah direkodkan dengan kehadiran nyamuk dewasa. Memandangkan kebanyakan tempat pembiakan larva nyamuk *Aedes* masih dijumpai di lokaliti-lokaliti yang sensitif, jadi tindakan kawalan dan pencegahan perlu ditambahbaik dengan melibatkan pelbagai agensi selain daripada komuniti agar cara penyelesaian yang berkesan secara berjangka masa panjang dapat dilaksanakan lalu membanteraskan demam denggi di lokaliti-lokaliti yang sensitif.

#### Kajian *Air-Borne* Bioassay Dan Penggunaan Slaid Kaca Magnesium Oksida (MgO)

Pasukan Entomologi dan Pest (E&P) telah melakukan penilaian keberkesanan semburan kabus yang dijalankan oleh pasukan kawalan di daerah dengan menggunakan kaedah kajian *air-borne* bioassay dan penggunaan slaid kaca Magnesium Oksida (MgO).

Kajian *air-borne* bioassay terdiri daripada cawan kertas yang diubah suai dengan melekatkan jaring halus pada cawan tersebut. Setiap cawan kertas diisi dengan sebanyak 20 ekor nyamuk dewasa betina yang berumur 3 hingga 5 hari. Slaid kaca Magnesium Oksida merupakan slaid kaca yang diselaputi dengan Magnesium Oksida. Setiap kali kajian dilakukan, sebanyak 21 cawan kertas dan 21 slaid kaca MgO telah dipasang di dalam premis, luar premis, kawasan tumpuan orang ramai, belakang lorong rumah atau koridor rumah.

Pada tahun 2019, pasukan E&P telah melakukan sebanyak 31 kajian *air-borne* bioassay dan slaid kaca diselaputi dengan MgO di 5 daerah. Sebanyak 5 kali (16%) di daerah Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan 3 kali (10%) di Seberang Perai Utara. Selain


daripada pasukan pejabat kesihatan daerah, pasukan E&P turut menilai keberkesanan aktiviti semburan kabus yang dilakukan oleh pasukan RKPBV negeri (4 kali; 13%) dan pasukan kawalan dari Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Perlesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) (3 kali; 10%) di kawasan George Town.

Daripada 31 kali kajian dilakukan, hanya sebanyak 27 kali bioassay dan MgO berjaya menilai aktiviti semburan kabus. Ini disebabkan penilaian terpaksa dibatalkan atas faktor hujan.

Selain daripada melakukan penilaian semburan kabus dengan kajian *air-borne* bioassay dan MgO, pasukan E&P telah melakukan 8 kali pemeriksaan kualiti terhadap sesi bancuhan racun dan semasa semburan kabus. Sebanyak 2 kali aktiviti pemeriksaan ini telah dibatalkan atas faktor hujan. Pemeriksaan kualiti ini telah merangkumi semua daerah iaitu sebanyak 2 kali (25%) di daerah Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Tengah dan sekali (13%) di daerah Seberang Perai Utara dan Selatan.

Sebanyak 6 kali (22%) aktiviti semburan adalah berkesan dan mencapai sasaran dengan peratusan mortaliti nyamuk keseluruhan aktiviti sama atau melebihi 80% dan nisbah titisan racun bagi *Volume Diameter Medium* kepada *Number Diameter Medium* berada di dalam julat 0.67 sehingga 1.5 mikrometer. Pasukan kawalan yang terlibat bagi 6 kali semburan ini adalah dari Seberang Perai Tengah (2 kali) dan Timur Laut (2 kali), Seberang Perai Utara (1 kali) dan pasukan MBPP (1 kali).

**Rajah 4.23 : Kajian *Air-Borne* Bioassay Mengikut Daerah/Pasukan Semburan Tahun 2019**



Berikut adalah pecahan peratus pencapaian kadar mortaliti nyamuk sejumlah bersamaan/melebihi 80% mengikut kedudukan cawan bioassay yang dipasang.

Berikut adalah pecahan peratus pencapaian kadar mortaliti nyamuk sejumlah bersamaan/melebihi 80% mengikut kedudukan cawan bioassay yang dipasang.

**Jadual 4.68 : Pencapaian Kadar Mortaliti Nyamuk Sejumlah Bersamaan/Melebihi 80%**

Lokasi cawan bioassay	Bilangan lokaliti yang terlibat	Bilangan lokaliti yang melaporkan peratusan mortaliti nyamuk $\geq 80\%$	Peratus pencapaian (%)
Rumah kes	19	8	42
Dalam premis	27	4	15
Luar premis	27	9	33
Lorong belakang ( <i>Backlane</i> )	17	4	24
Tingkat / lorong rumah kes	23	4	17

Sebanyak 18 kali (67%) daripada 27 kajian penggunaan slaid kaca yang diselaputi dengan MgO menunjukkan titisan racun yang dihasilkan adalah optimum untuk membunuh nyamuk yang aktif berterbangan semasa semburan kabus bagi tempoh masa selama 30 minit.

Cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti semburan kabus telah diberikan kepada pasukan yang terlibat seperti semburan mengikut isipadu premis, kalibrasi mesin mengikut jadual dan pembersihan mesin secara rutin. Walau bagaimanapun, keberkesanan aktiviti semburan kabus turut dipengaruhi oleh faktor lain yang di luar kawalan manusia khasnya tiupan angin dan kesukaran menyembur di dalam premis. Cadangan meningkatkan tempoh masa semburan dan menyembur dengan arah bantuan angin untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti tersebut.

### **Stesen Sentinel Nyamuk *Anopheles***

Sistem surveilan malaria merupakan strategi pertama diantara tujuh strategi yang diperkenalkan di dalam Pelan Strategi Eliminasi Malaria Kebangsaan (PSEMK). Sistem surveilan ini memainkan peranan penting untuk mengetahui tentang spesies *Anopheles*, sebaran, kepadatan, bionomik vektor, impak aktiviti kawalan yang dijalankan dan penilaian faktor-faktor risiko bagi berlakunya transmisi malaria di sesuatu kawasan.


Lokaliti Sungai Baong, Seberang Perai Selatan telah dipilih sebagai Stesen Sentinel Nyamuk *Anopheles* bagi Negeri Pulau Pinang berdasarkan sejarah kes tempatan terakhir yang dilaporkan iaitu pada tahun 2012 dan kesediaan penduduk untuk memberi kerjasama semasa kajian sedang dijalankan.

Stesen sentinel ini telah bermula pada bulan Mei 2015. Sebanyak dua belas aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2019 iaitu setiap bulan selama 4 hari 3 malam (36 jam). Kaedah tangkapan nyamuk *Anopheles* dewasa yang digunakan ialah *Human Landing Catch* , HLC (tangkapan nyamuk dewasa semasa ianya hinggap pada manusia).

Pada bulan April dan Disember 2019 telah mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi nyamuk dewasa *Anopheles* iaitu masing-masing adalah 45 ekor dan 54 ekor manakala pada bulan September 2019 merekodkan tangkapan yang paling rendah iaitu 1 ekor nyamuk *Anopheles* sahaja. Tren ini berkemungkinan berlaku disebabkan aktiviti kawalan vektor; semburan dinding yang dijalankan pada bulan Januari dan Jun setiap tahun. Ini menyebabkan densiti nyamuk dewasa kembali meningkat selepas beberapa bulan aktiviti kawalan dijalankan di kawasan ini. Hanya *Anopheles maculatus* direkodkan sepanjang aktiviti ini dilaksanakan di Stesen Sentinel Nyamuk *Anopheles* tersebut.

Stesen Sentinel Nyamuk *Anopheles* mencatatkan kehadiran vektor penyakit malaria dengan *Human Biting Rate* (HBR) melebihi 1 pmh (*per man per hour*). Hal ini jelas menunjukkan negeri Pulau Pinang mempunyai kepadatan vektor penyakit malaria yang tinggi.


**Rajah 4.24 : Jumlah tangkapan nyamuk dewasa *Anopheles maculatus* di lokaliti sentinel sepanjang tahun 2019**




Kajian larva juga dilakukan di sekitar lokaliti sentinel bagi mengenal pasti larva nyamuk *Anopheles* yang membiak di lokaliti ini. Kaedah ini juga dapat mengenal pasti spesies nyamuk dewasa *Anopheles* yang tidak diperolehi semasa aktiviti HLC. Hasil kajian mendapati larva *An. maculatus* merekodkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu 84% sepanjang tahun 2019, diikuti oleh larva *An. barbumbrosus* iaitu 9% serta larva *An. barbirostris* group 4% , *An. ramsayi*, *An. kochi* dan *An. campestris* di mana

masing-masing adalah sebanyak 1%. Stesen Sentinel Nyamuk *Anopheles* akan diteruskan pada masa hadapan bagi mengesan perubahan bionomik dan kepadatan populasi nyamuk *Anopheles* di Pulau Pinang khususnya.

**Rajah 4.25 : Peratus tangkapan larva mengikut spesies di lokaliti sentinel sepanjang 2019**



**Rajah 4.26: Jumlah tangkapan larva mengikut spesies dan bulan di lokaliti sentinel sepanjang tahun 2019**



**Pencapaian Aktiviti Kajian Penyiasatan Entomologi (EI) nyamuk *Anopheles***

Pada tahun 2019 terdapat 4 kes import dan 2 kes indigenous (zoonotic malaria) didaftarkan di negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun hanya 2 kes menunjukkan kehadiran gametosit. Setiap kes import bergamet dan kes indigenous yang didaftarkan telah dijalankan penyiasatan entomologi (EI) bagi

membuat penilaian kesesuaian ekologi pembiakan *Anopheles* dalam liputan 2km radius dan mengenal pasti kewujudan vektor.

**Jadual 4.69 : Ringkasan kes malaria di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019**

Bil	Warganegara	Jenis Parasit	Kehadiran gametosit	Klasifikasi Kes	Daerah	Jenis Penempatan
Kes 1	Australia	PV	Ada	Imported	Timur Laut	Bandar
Kes 2	Malaysia	PF	Tiada	Imported	Timur Laut	Bandar
Kes 3	Malaysia	PK	Tiada	Indigenous	Seberang Perai Tengah	Bandar
Kes 4	Pakistan	PV	Ada	Imported	Barat Daya	Luar Bandar
Kes 5	Tanzania	PF	Ada	Imported	Barat Daya	Bandar
Kes 6	Malaysia	PK	Tiada	Indigenous	Seberang Perai Selatan	Bandar

**Jadual 4.70:**

**Ringkasan kes malaria dan hasil kajian entomologi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019**

Bil	Warganegara	Jenis Parasit	Jenis Penempatan	Kesesuaian Ekologi	Kewujudan Vektor
Kes ke-1	Australia	PV	Bandar	Sesuai	Ada
Kes ke-4	Pakistan	PV	Luar Bandar	Sesuai	Ada
Kes ke-6	Malaysia	PK	Bandar	Sesuai	Ada

- Kes ke-5 tidak dijalankan EI kerana sejarah pergerakan beliau tidak pernah pergi ke kawasan yang berisiko kehadiran vektor malaria.

Kajian secara berkala di lokaliti kes dapat membantu mengetahui kepadatan vektor berbanding perubahan ekosistem semasa.

#### **Pencapaian Aktiviti Kajian Penilaian Risiko Entomologi (ERA) nyamuk *Anopheles***

Garis Panduan Pencegahan Malaria Re-introduction menyatakan bahawa setiap lokaliti bebas kes perlu dilakukan stratifikasi semula bagi mencegah jangkitan indigenous (human malaria) dan menilai tahap risiko kejadian malaria re-introduction. Hal yang demikian adalah untuk memperkukuhkan aktiviti

survelan di setiap lokaliti dan dapat mencadangkan aktiviti surveilan dan pencegahan yang sesuai mengikut tahap risiko kejadian re-introduction.

Penentuan tahap reseptiviti di lokaliti merupakan salah satu komponen dalam menilai tahap risiko kejadian malaria re-introduction. Tahap reseptiviti penting untuk menentukan keperluan aktiviti preventif bagi mengelak berlakunya kejadian malaria re-introduction menggunakan konsep Intergrated Vector Management (IVM).

**Jadual 4.71: Ringkasan kajian risiko entomologi (ERA) dan hasil kajian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019**

Daerah	Lokaliti	Ekosistem	Kesesuaian Ekologi	Kewujudan Vektor	Tahap Reseptiviti
SPU	RMAF Butterworth	Sawah Padi dan Pinggir Pantai	Sesuai	Tiada	Sederhana
BD	Apartment Mayang	Bandar	Tidak Sesuai	Tiada	Pseudofoci
SPS	Ladang Changkat	Ladang Kelapa Sawit	Tidak Sesuai	Tiada	Zero
SPS	Ladang Byram	Ladang Kelapa Sawit dan Pinggir Pantai	Sesuai	Tiada	Rendah
SPT	Kilang Jefi Perindustrian Bukit Minyak	Kawasan Perindustrian dan Pinggir Pantai	Sesuai	Tiada	Rendah
SPT	Kampung Tasek Junjung	Kampung Tradisi dan Ladang Kelapa Sawit	Sesuai	Tiada	Rendah
SPT	Kampung Manggis	Bandar dan Ladang Kelapa Sawit	Sesuai	Tiada	Rendah
BD	Gertak Sanggul	Bukit Bukau dan Pinggir Pantai	Sesuai	Ada	Tinggi
BD	Bukit Relau	Bukit Bukau	Sesuai	Ada	Tinggi
SPU	Permatang Saga	Sawah Padi	Sesuai	Ada	Sederhana
SPU	Ekor Kucing	Sawah Padi	Sesuai	Tiada	Rendah
SPU	Kampung Selamat	Ladang Kelapa Sawit	Sesuai	Tiada	Rendah

### **Pencapaian Aktiviti Kajian Penyiasatan Entomologi (EI) bagi Penyakit Filariasis**

Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan (PEFLK) yang dilaksanakan sejak tahun 2011 dengan tujuan untuk membasmi penyakit filariasis di Malaysia. Pasukan Entomologi dan Pest telah melakukan siasatan entomologi di lokaliti yang dilaporkan kes *imported* Filariasis. Walaupun tiada kes tempatan dilaporkan di negeri Pulau Pinang, namun sebanyak 3 kes import dengan parasit

*Wuchereria bancrofti* telah dilaporkan di 2 daerah iaitu Seberang Perai Utara (2 kes) dan Seberang Perai Selatan (1 kes). Kesemua kes dikesan melalui *Mass Blood Survey* (MBS) di tempat kerja pesakit. Hasil kajian larva telah menunjukkan terdapat kehadiran vektor yang memindahkan parasit *Wuchereria bancrofti* iaitu *Culex quinquefasciatus* dan *Mansonia uniformis*. Pada masa yang sama, vektor bagi penyakit lain seperti *Aedes albopictus*, *Culex sitiens*, *Culex tritaeniorhynchus* dan *Culex gelidus*. Pasukan kawalan di daerah telah dimaklumkan untuk bekerjasama dengan pihak majikan kilang agar memastikan setiap kali terdapat kehadiran warga asing yang baru dari negara endemik dimaklumkan kepada pasukan daerah untuk sesi MBS sebagai tindakan pencegahan perebakan parasit berlaku di negeri ini.

### **Kajian Entomologi Rodensia dan Kutu di Pintu Masuk Antarabangsa.**

Kajian rodensia dan kutu dijalankan oleh pasukan Entomologi dan Pest secara rutin dua kali setahun di Gudang Prai Bulk Cargo Butterworth, Pulau Pinang (BCT Perai). Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti situasi semasa kepadatan dan spesies kutu di terminal BCT Perai. Membuat penilaian persekitaran yang menyumbang kepada infestasi tikus yang tinggi serta mengenal pasti kehadiran vektor yang lain selain dari rodensia seperti tungau (mites) yang juga masalah kesihatan awam.

Pada Julai 2019, pasukan entomologi dan pest telah menjalankan aktiviti surveilan di BCT, Perai bagi mengambil sebanyak 25 sampel seperti tanah, pasir, jagung, gandum, dan najis tikus dari 8 premis di Pelabuhan BCT, Perai.

### **Jadual 4.72: Berikut adalah jenis sampel dan jumlah bilangan kutu dari 4 lokasi yang berbeza:-**

<b>Bil</b>	<b>Lokasi/Gudang</b>	<b>Jenis Sampel</b>	<b>Jumlah Kutu</b>	<b>Spesies</b>
1	Gudang Palmco Jaya	Jagung, barli, pasir & najis tikus	14	<i>Xenopsylla cheopis</i>
2	Gudang FFC	Jagung, najis & pasir	10	<i>Xenopsylla cheopis</i>
3	Bengkel	Pasir & najis tikus	8	<i>Xenopsylla cheopis</i>
4	Surau bomba	Tanah	1	<i>Xenopsylla cheopis</i>


Berdasarkan kajian sampel, terdapat 33 ekor kutu tikus (*Xenopsylla cheopis*) dijumpai dari 4 lokasi berbeza iaitu di FFC, Palmco Jaya, Bengkel dan Surau Bomba. Lokasi yang paling tinggi bilangan kutu dijumpai adalah di gudang Palmco Jaya. 6 sampel (24%) positif daripada 25 sampel diambil (9 ekor kutu *Xenopsylla cheopis*).

Hasil tangkapan kutu pada tahun 2019 adalah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2018. Sebanyak 33 ekor kutu *Xenopsylla cheopis* telah diperolehi pada tahun 2019 berbanding hanya 11 ekor pada tahun 2018.

**Jadual 4.73 :Perbandingan Keputusan Kajian Kutu Selama 6 Tahun (2013 Hingga 2018) Di Gudang Prai Bulk Cargo Butterworth, Pulau Pinang:**

Bil	Tahun	Jumlah Sampel Diambil	Jumlah Sampel Positif	Spesies Kutu	% Sampel Positif
1	2013	48	19	<i>Xenopsylla cheopis</i>	40
2	2014	46	0	-	0
3	2015	154	6	<i>Xenopsylla cheopis</i>	4
4	2016	95	6	<i>Xenopsylla cheopis</i>	6.3
5	2017	16	2	<i>Xenopsylla cheopis</i>	12.5
6	2018	20	4	<i>Xenopsylla cheopis</i>	20
7	2019	25	6	<i>Xenopsylla cheopis</i>	24

**Rajah 4.27: Jumlah tangkapan larva mengikut spesies dan bulan di lokality sentinel sepanjang tahun 2019**



Pada 27hb November 2019 sebanyak 10 perangkap rodent telah dipasang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Terdapat (5) perangkap yang positif dengan (5) ekor tikus yang berjaya diperangkap. (1) di dalam kawasan terminal dan (4) di luar kawasan lapangan terbang. Setelah pasukan UEP mengidentifikasi tikus yang diperangkap, terdapat (1) ekor tikus yang jenis *Mus musculus* dan (4) ekor jenis *Rattus norvegicus*. Namun, pasukan UEP tidak menemui sebarang kutu pada badan tikus yang telah diproses.

#### **Kajian Entomologi Pemasangan Ovitrap di Malaysian International Tuna Port (MITP)**

Pada 26hb Jun 2019, sebanyak 30 bekas ovitrap telah dipasang di Malaysian International Tuna Port. Sebanyak 10 ovitrap di spot yang berpasangan dengan bekas ovitrap kesihatan pelabuhan ( $\pm 25$  meter) dan 20 bekas tambahan di kawasan strategik yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk. Indeks ovitrap keseluruhan yang diperolehi dari hasil kajian pada minggu 26 di MITP adalah 61.5% dan spesiesnya adalah *Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus*. Nilai indeks ini melebihi nilai threshold. Indeks *Aedes aegypti* melebihi 0 iaitu 15.4% serta Indeks *Aedes albopictus* melebihi 10%.

#### **Kajian Entomologi Pemasangan Ovitrap di Pelabuhan Swettenham Pier (SP)**

Pada 25hb September 2019 sebanyak 30 bekas ovitrap telah dipasang oleh pasukan Entomologi dan Pest di 30 di spot yang berpasangan dengan bekas ovitrap kesihatan pelabuhan ( $\pm 25$  meter) dan di kawasan strategik yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk. Indeks ovitrap keseluruhan yang diperolehi dari hasil kajian pada minggu 39 di Swettenham Pier adalah 36.6% dan spesiesnya adalah *Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus*. Nilai indeks ini melebihi nilai threshold. Indeks *Aedes aegypti* melebihi 0 iaitu 6.6% serta Indeks *Aedes albopictus* melebihi 10%.

## PROGRAM CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

### PENGENALAN

Program Cawangan Kawalan Penyakit Tidak berjangkit bertanggungjawab dalam memastikan risiko dan kejadian penyakit tidak berjangkit dapat dicegah di peringkat awal melalui aktiviti promosi kesihatan, pengesanan awal penyakit, rawatan awal yang berkesan serta aktiviti rehabilitasi yang memenuhi keperluan.

### OBJEKTIF

- i. Mengurangkan Morbiditi dan Mortaliti Penyakit Tidak Berjangkit melalui aktiviti pencegahan primer, sekunder dan tertiar.
- ii. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai risiko dan penyakit NCD demi untuk mencegah atau melambatkan kejadian penyakit tersebut di kalangan masyarakat.
- iii. Meningkatkan pengesanan awal penyakit NCD dan kes yang tidak dikesan (*undiagnosed*) demi mengurangkan komplikasi dan kematian pramatang (*premature*).
- iv. Memperkasakan komuniti melalui aktiviti promosi dan intervensi risiko NCD untuk pencegahan dan kawalan NCD di komuniti.
- v. Meningkatkan kualiti pengurusan dan rawatan serta komplikasi penyakit NCD melalui 'Model of Good Care'.
- vi. Meningkatkan kolaborasi, integrasi dan advokasi di kalangan pelbagai *stakeholders* untuk mewujudkan persekitaran dan budaya yang menjurus kepada amalan gaya hidup sihat.
- vii. Menjalankan surveilans dan pemantauan risiko, beban penyakit dan kematian NCD secara saintifik dan berterusan.

### PENCAPAIAN PROGRAM

#### Program Diabetes

Sepanjang tahun 2019, seramai **42,456** kes aktif pesakit Diabetes yang telah didaftarkan dalam *National Diabetes Registry* (NDR) serta telah mendapat rawatan di 27 klinik kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang. Manakala untuk pesakit di hospital-hospital kerajaan, sebanyak **9,943** kes aktif pesakit Diabetes yang telah didaftarkan dalam NDR. **Jadual 4.74** menunjukkan beban pesakit diabetes yang mendapat rawatan di klinik kesihatan di semua 5 Daerah di negeri Pulau Pinang pada tahun 2019.

**Jadual 4.74: Beban Pesakit Diabetes di Klinik Kesihatan di Daerah Tahun 2019**

Bil.	Daerah	Kedatangan Pesakit Diabetes	Pesakit Aktif di Daerah Sehingga 2019	Kes Type 2 DM Baru didaftar
1.	Timur Laut	68,595	15,570	2,089
2.	Barat Daya	19,087	5,212	764
3.	Seberang Perai Utara	46,219	9,675	1,454
4.	Seberang Perai Tengah	37,598	8,088	1,057
5.	Seberang Perai Selatan	23,134	3,911	639
<b>Jumlah</b>		<b>194,633</b>	<b>42,456</b>	<b>6,003</b>

Pada tahun 2019, daripada **2,794,781** pesakit yang hadir di Jabatan Pesakit Luar (JPL) di Klinik Kesihatan, seramai **194,633** orang (7.0%) merupakan pesakit Diabetes yang mendapatkan rawatan baru ataupun rawatan susulan. Sebanyak 82,876 kes yang disaring untuk penyakit Diabetes di Klinik Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK), melalui Program KOSPEN dan aktiviti-aktiviti lain in daerah. Daripada jumlah itu, sebanyak 22,122 kes (26.7%) yang menunjukkan keputusan *abnormal* seperti di **Jadual 4.75**. Pesakit yang mempunyai keputusan abnormal telah dirujuk untuk pemeriksaan lanjut atau pengambilan darah yang lebih terperinci di klinik kesihatan.

**Jadual 4.75 : Pencapaian Aktiviti Saringan Penyakit Diabetes Mengikut Daerah, Tahun 2019**

Bil	Daerah	Keputusan Saringan Kes		Jumlah Saringan
		Normal (<5.6)	Abnormal (≥5.6)	
1	Timur Laut (TL)	16,870 (65.5%)	8,882 (34.5%)	25,752
2	Barat Daya (BD)	3,213 (73.0%)	1,190 (27.0%)	4,403
3	Seberang Perai Utara (SPU)	25,992 (77.5%)	7,545 (22.5%)	33,537
4	Seberang Perai Tengah (SPT)	7,819 (70.5%)	3,278 (29.5%)	11,097
5	Seberang Perai Selatan (SPS)	6,860 (84.8%)	1,227 (15.2%)	8,087
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>60,754 (73.3%)</b>	<b>22,122 (26.7%)</b>	<b>82,876</b>

Bermula pada tahun 2018, indikator Peratus Pesakit Diabetes Jenis 2 yang mencapai paras HbA1c kurang atau sama dengan 6.5% ( $\leq 6.5\%$ ) dengan sasaran  $> 30\%$  telah dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) untuk Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam).

Sebanyak 3,810 sampel telah dipilih secara *random sampling* mengikut Klinik Kesihatan untuk Audit 2019. Sebanyak 96.3% atau 3,668 sampel yang berjaya diaudit.

**Jadual 4.76: Laporan Audit Klinikal Diabetes Mengikut Daerah, 2018 dan 2019**

Bil.	Daerah	Jumlah Sampel Dipilih		Jumlah sebenar sampel yang diaudit		Peratusan Keputusan HbA1c $\leq 6.5\%$	
		2018	2019	2018	2019	2018	2019
1.	Timur Laut	1480	1420	1468 (99.2%)	1413 (99.5%)	36.4%	36.7%
2.	Barat Daya	464	460	389 (83.8%)	425 (92.4%)	36.8%	27.1%
3.	Seberang Perai Utara	1064	750	906 (85.2%)	717 (95.6%)	21.3%	23.9%
4.	Seberang Perai Tengah	824	790	729 (88.5%)	741 (93.8%)	25.0%	25.0%
5.	Seberang Perai Selatan	402	390	383 (95.3%)	372 (95.4%)	32.1%	27.7%
Jumlah		4234	3810	3875 (91.5%)	3668 (96.3%)	30.3%	29.8%

Pada tahun 2019, hanya Daerah Timur Laut yang berjaya mengekalkan pencapaian sasaran HbA1c  $>30\%$ . Daerah Seberang Perai Utara menunjukkan peningkatan, namun masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian Daerah Seberang Perai Tengah tidak berubah, manakala pencapaian dua daerah lagi menurun sehingga tidak mencapai sasaran, iaitu Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Selatan.

Walaupun bagaimanapun, semua daerah menunjukkan peningkatan *response rate* berbanding tahun 2018.

Antara kelemahan yang dikenalpasti daripada Audit Klinikal yang dijalankan adalah:

- (i) Tidak ada pengintensifikasi penggunaan insulin di kalangan doktor untuk pesakit Diabetes.
- (ii) Kurangnya *Diabetic Educator* di klinik kesihatan.
- (iii) Temu janji untuk lawatan susulan (*follow up*) yang lama (lebih dari sebulan) untuk pesakit yang mempunyai kawalan gula yang kurang memuaskan.
- (iv) Sistem *default tracing* yang masih lemah.
- (v) Data dalam NDR yang tidak dikemaskini menyebabkan ramai pesakit yang tidak aktif masih dipilih dalam sampel.
- (vi) Faktor pesakit yang kurang motivasi diri serta tidak komplan kepada temujanji serta rawatan.
- (vii) Kurangnya pendidikan kesihatan yang diberikan kepada pesakit.

Bagi memastikan kualiti pengurusan pesakit diabetes semakin baik, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan latihan Rakan Pembimbing Diabetes (RAPID) kepada anggota Paramedik. Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk melatih anggota-anggota paramedik di Klinik-klinik Kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang sebagai *Diabetes Educator*.

Antara elemen yang perlu dilalui oleh peserta program RAPID adalah:

- i. Kursus Intensif
- ii. Latihan sangkutan di Hospital
- iii. Latihan sangkutan di Klinik Kesihatan
- iv. Buku Log Program
- v. Kajian Kes-kes Diabetes
- vi. Peperiksaan pada akhir program (MCQ, MEQ, OSCE & VIVA)

Seramai 24 anggota paramedik yang terpilih telah lulus dalam Program RAPID 2018/2019. Mereka diharapkan dapat memberikan komitmen yang tinggi dan mengamalkan semua ilmu yang telah dipelajari untuk memperkukuhkan pemantauan dan pelaksanaan Program Diabetes di negeri Pulau Pinang.

### **Program Komuniti Sihat Pembina Negara – KOSPEN**

Pada tahun 2019, Program KOSPEN telah mengalami penstrukturan semula dengan hanya melibatkan jalinan kerjasama dengan Jabatan Perpaduan. Sebanyak 39 lokaliti Rukun Tetangga telah bergiat aktif sepanjang tahun 2019 ini.

**Jadual 4.77: Bilangan Lokaliti KOSPEN-RT Pulau Pinang 2019**

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Lokaliti</b>
Timur Laut	7
Barat Daya	-
Seberang Perai Utara (SPU)	11
Seberang Perai Tengah (SPT)	13
Seberang Perai Selatan (SPS)	8
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>

Sehingga Disember 2019, seramai 199 sukarelawan telah dilatih. Kesemua 39 lokaliti telah *desensitize*. Sebanyak **9,753** saringan kesihatan telah dijalankan, iaitu 33.3% daripada keseluruhan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas.

Daripada 9,753 saringan yang dijalankan, didapati 3,143 orang (32.2%) mempunyai berat badan berlebihan i.e BMI  $\geq 25$  kg/m<sup>2</sup>. Seramai 525 orang (5.4%) yang mempunyai BMI  $\geq 35$  kg/m<sup>2</sup> (obese Class II) dan 91% telah dirujuk untuk intervensi selanjutnya. Sebanyak 1,807 (18.5%) daripada penduduk yang disaring mempunyai tekanan darah yang *abnormal*, iaitu sistolik  $\geq 140$  mmHg atau diastolik  $\geq 90$  mmHg. Manakala sebanyak 3,185 (32.7%) dikesan mempunyai risiko paras gula yang tinggi dalam darah, iaitu  $\geq 5.6$  mmol/L. Peserta saringan yang dikesan merokok adalah seramai 698

(7.2%). Mereka yang mempunyai faktor risiko NCD ini dirujuk ke Klinik-klinik Kesihatan yang berdekatan untuk intervensi selanjutnya.

Pada tahun 2019, terdapat penambahan modul pada pelaksanaan program KOSPEN di komuniti iaitu Modul Kesihatan Mental (Saringan DASS-21) dan Pencegahan Kemudaratan Alkohol (Saringan AUDIT-C). Para sukarelawan telah dilatih dengan modul baru ini.

Program Pengurusan Berat Badan merupakan salah satu skop KOSPEN dengan objektif untuk mengurangkan obesiti di kalangan penduduk lokaliti KOSPEN. Pasukan KOSPEN Pulau Pinang bersama-sama Pegawai Sains Pemakanan, Jurupulih Anggota dan Pegawai Pendidikan Kesihatan telah menyediakan Modul Pengurusan Berat Badan (PBB) KOSPEN Pulau Pinang. Aktiviti PBB dijalankan secara mingguan dan dipantau secara berterusan oleh Pasukan Jurulatih PBB di daerah masing-masing selama 6 bulan. Kriteria peserta ialah yang berumur 18 hingga 40 tahun, BMI di antara 30-35 kg/m<sup>2</sup> dan tiada penyakit kronik. Kumpulan PBB Fasa 4 telah berjaya menamatkan Program dan mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan oleh Sektor IKOMM, KKM.

Sasaran 1: 60% peserta kekal dalam PBB untuk tempoh 6 bulan

Sasaran 2: 30% peserta berjaya menurunkan berat badan daripada berat badan asal setelah tamat 6 bulan PBB

Sasaran 3: Purata peratus penurunan berat badan peserta adalah 5-10% dari berat badan asal

**Jadual 4.78 : Pencapaian Program Pengurusan Berat Badan (PBB) Fasa 3**

Bil	Nama Lokaliti	Sasaran 1	Sasaran 2	Sasaran 3
1.	Taman Penaga Permai, SPU	10/15 (66.7%)	10/10 (100%)	10.6%
2.	Taman Haji Mohd Amin, SPT	15/16 (93.8%)	12/15 (80%)	6.2%
3.	Taman Sinar/Suria, SPS	17/18 (94.4%)	13/17 (76.5%)	2.7%

### **Program Kawalan Tembakau**

Pelaksanaan Aktiviti Kawalan Tembakau adalah melalui strategi MPOWER yang telah disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Bagi strategi **P**rotect - Melindungi golongan bukan perokok dari bahaya asap rokok, YB Menteri Kesihatan telah meluluskan pewartaan semua tempat makan, sama ada yang berhawa dingin atau tidak berhawa dingin sebagai kawasan larangan merokok. Penguatkuasaan secara pendidikan setelah dijalankan sepanjang tahun 2019.

Selain itu, premis-premis yang menjalankan inisiatif ke arah persekitaran bebas asap rokok telah diberi pengiktirafan menerusi *The Blue Ribbon Campaign*. Aktiviti ini selari dengan Artikel 8, WHO FCTC, iaitu memberi perlindungan kepada orang awam daripada bahaya asap rokok. Terdapat 4 premis di Pulau Pinang yang berjaya mendapat pengiktirafan tersebut, iaitu Buddhist Tzu-Chi Merits Society (Timur

Laut), Olive Tree Hotel (Barat Daya), Dobi De'Gempaq (Seberang Perai Selatan) dan Rumah Kesayangan (Seberang Perai Tengah).

**Jadual 4.79 : Bilangan operasi penguatkuasaan PPKHT (Pewartaan Larangan Merokok Di Tempat Makan)**

Bil.		TL	BD	SPU	SPT	SPS	PMA	NEGERI
1	Bil. Premis Yang Diperiksa	1906	1079	2052	1114	653	649	7453
2	Bil. Premis Tanpa Tanda Larangan Merokok	389	564	231	200	77	100	1561
	2.1 Bil Premis Diberi Notis 32B							0
	2.2 Bil. Kompaun							0
	2.3 Nilai Kompaun (RM)							0
3	Bil. Merokok Dalam Kawasan Larangan		38	19	33		10	100
	3.1 Bil. Notis 32B Dikeluarkan							0
	3.2 Bil. Kompaun							0
	3.3 Nilai Kompaun (RM)							0
4	Bil. Notis Amaran Dikeluarkan	637	775	264	247	132	111	2166
5	Bil Aktiviti Pendidikan	2456	1102	3489	1719	1860	847	11473
6	Bil Taklimat ( <i>Engagement</i> )	0	0	0	0	0	0	0
7	Bil. Perasmian Majlis	0	0	0	0	0	0	0
8	Bil. Aduan	242	59	76	133	11	24	545
9	Bil. Kes Prosiding Mahkamah							0

Selaras dengan Artikel 14 *WHO Framework Convention on Tobacco Control*, strategi Offer-Menawarkan perkhidmatan berhenti merokok, sebanyak 27 klinik kesihatan di Pulau Pinang mempunyai perkhidmatan ini. Selain itu, melalui Program MQuit, perkhidmatan berhenti merokok diperluaskan dengan jalinan kolaborasi bersama fasiliti kesihatan swasta seperti Penang Adventist Hospital, dan 5 rangkaian Lotus Farmasi. Sejajar hasrat KKM untuk mengurangkan prevalen perokok, perkhidmatan berhenti merokok ini juga boleh dicapai melalui laman sesawang [jomquit.moh.gov.my](http://jomquit.moh.gov.my) dan Infoline 03-8883 4400.

**Jadual 4.80: Jumlah Klien yang Berdaftar dan Berhenti Merokok mengikut Daerah di Pulau Pinang pada Januari-Disember 2019**

Bil.	Daerah	Jumlah Daftar KBM (Julai 2018- Jun 2019)	Jumlah yang ada <i>Quit Date</i> (Jan-Dis 2019)	Bil. Klien Berjaya Berhenti Merokok	Peratus (%)
1.	Timur Laut	167	92	37	40.2
2.	Barat Daya	118	12	4	33.3
3.	Seberang Perai Utara	236	105	53	50.5
4.	Seberang Perai Tengah	167	83	31	37.3
5.	Seberang Perai Selatan	45	38	14	36.8
	<b>Jumlah</b>	<b>733</b>	<b>330</b>	<b>139</b>	<b>42.1</b>

Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang bersama Kempen Nafas Baru Bermula Ramadhan telah diadakan pada 4 Mei 2019 di Taman Mini Balik Pulau, Barat Daya bertemakan "Tembakau dan Kesihatan Paru-paru". Sambutan ini telah dihadiri lebih daripada 500 orang pengunjung.

#### **Program Pencegahan dan Pengesanan Kanser**

Aktiviti program saringan kanser kolorektal dilaksanakan bermula pada tahun 2014 untuk mengesan tanda-tanda awal kanser kolorektal. Ujian saringan kanser kolorektal ini dijalankan kepada semua warganegara Malaysia yang berusia antara 50 hingga 75 tahun dan tidak mempunyai sebarang gejala. Pada 2019, sebanyak 4,275 ujian iFOBT telah dijalankan di kalangan pelanggan yang datang ke Klinik Kesihatan dan didapati seramai 230 kes (5.4%) adalah positif. Namun, hanya 144 orang pelanggan sahaja yang menjalani kolonoskopi. Terdapat 2 kes dikesan kanser dan 33 kes dikesan polyps.

**Jadual 4.81: Aktiviti Saringan Kanser Kolorektal 2019**

Daerah	Jumlah Saringan	Saringan Keputusan iFOBT Positif	Peratus iFOBT positif	Klien Yang Hadir Untuk Kolonoskopi	Bil Kes Positif Kolonoskopi	
					Polyps	Kanser
Timur Laut	1,194	84	7.0%	50	15	1
Barat Daya	479	53	11.1%	26	12	0
SPU	680	24	3.5%	24	2	1
SPT	1,352	57	4.2%	33	4	0
SPS	570	12	2.1%	11	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>4,275</b>	<b>230</b>	<b>5.4%</b>	<b>144</b>	<b>33</b>	<b>2</b>

**Sistem Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan**

Sesuai dengan wawasan negara untuk menjadi negara maju, statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan adalah penting. Ini adalah untuk membolehkan Malaysia mengenalpasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu di negara ini. Statistik ini juga diperlukan bagi tujuan pemantauan indikator penyakit tertentu seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global seperti *Global NCD Targets*. Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk meningkatkan peratus kematian yang disahkan secara perubatan di Malaysia ke arah 80% pada tahun 2025. Berikut disertakan pencapaian verifikasi data kematian bagi negeri Pulau Pinang.

**Jadual 4.82: Pencapaian Verifikasi bagi Data Kematian JPN bulan April 2018 hingga Mac 2019**

BIL.	PERKARA	JUMLAH KUMULATIF					
		Negeri	Daerah				
			TL	BD	SPU	SPT	SPS
1.	Jumlah rekod daftar kematian daripada JPN	4593	1433	614	1024	995	527
2.	<b>KES KELUAR</b>	147	6	115	0	5	21
	2.1 Daerah lain						
	2.2 Negeri lain	2	0	0	0	0	2
3.	<b>KES PINDAH MASUK</b>	147	115	6	5	21	0
	3.1 Daerah lain						
	3.2 Negeri lain	2	0	0	1	1	0

4	Kes selesai disiasat	4117	1095	497	1029	992	502
i.	Alamat tidak lengkap / rumah tidak dijumpai	611	161	59	158	166	67
ii.	Rumah dijumpai, waris tidak ditemui	1932	673	258	380	402	219
iii.	Waris enggan ditemuramah / beri kerjasama	281	96	13	63	59	50
iv.	Temuramah dijalankan	1293	165	169	428	365	166
5	Kes masih dalam siasatan	474	447	6	1	20	0
6	Kes <i>Duplicate</i>	2	0	0	0	0	2
7	<b>Jumlah sebenar Dalam Negeri</b>	4591	1542	505	1030	1012	502

### Program Kesihatan Mental Dalam Komuniti

Pada tahun 2019, sebanyak 146 kes baru (86.4%) penyakit mental yang didiagnosa di klinik kesihatan manakala 23 kes baru (28.6%) adalah dirujuk dari hospital untuk rawatan susulan di klinik kesihatan. Kes baru tertinggi yang didiagnosa di klinik kesihatan ialah kes kemurungan (*depression*) sebanyak 60 kes (41.1%) diikuti *schizophrenia* sebanyak 23 kes (15.8%) dan *anxiety disorder* sebanyak 13 kes (8.9%). Bilangan kes keciciran pada tahun 2019 berkurang dengan ketara iaitu hanya 17 kes, berbanding 84 kes pada tahun 2018. Semua kes keciciran telah diambil tindakan. Tiada kes dengan TAG teruk yang dikesan sepanjang tahun 2019.

**Jadual 4.83 : Pencapaian Aktiviti Rawatan Susulan Penyakit Mental di Klinik Kesihatan Tahun 2019**

Daerah	Bil Kes Baru			Bil. Kes Keluar			Jumlah Kes Semasa	Indikator Perkhidmatan	
	Diagnosa di Klinik	Rujuk dari Hosp	Jumlah Kes Baru	Pindah Keluar	Mati	Jum. Kes Keluar		Bil. Kes dgn TAG teruk (Relaps)	Bil. Kes Keciciran
Timur Laut	99	13	112	63	0	63	233	0	6
Barat Daya	1	1	2	10	3	13	117	0	1
SPU	42	8	50	7	0	7	604	0	5
SPT	4	1	5	16	1	17	169	0	5
SPS	0	0	0	0	0	0	88	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>146</b>	<b>23</b>	<b>169</b>	<b>96</b>	<b>4</b>	<b>100</b>	<b>1211</b>	<b>0</b>	<b>17</b>

Saringan Minda Sihat pada tahun 2019 seperti di **Jadual 4.84** menunjukkan sebanyak 12,230 orang telah disaring menggunakan borang saringan DASS-21 dan seramai 51 orang dikesan mempunyai stres, 90 orang mempunyai anizeti dan 53 orang mengalami kemurungan. Seramai 102 kes yang mempunyai skor *abnormal* (teruk atau sangat teruk) telah dirujuk kepada Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan Keluarga untuk rawatan susulan, kaunselling atau intervensi.

**Jadual 4.84: Pencapaian Saringan Minda Sihat Tahun 2019**

Bil	Daerah	Bilangan Disaring	Normal	Abnormal	Bilangan		
					Stres	Anizeti	Kemurungan
1.	Timur Laut	3378	3344 (99.0%)	34 (1.0%)	16	28	22
2.	Barat Daya	1924	1910 (99.3%)	14 (0.7%)	4	14	4
3.	SPU	2433	2420 (99.5%)	13 (0.5%)	7	12	3
4.	SPT	2991	2954 (98.8%)	37 (1.2%)	20	36	24
5.	SPS	1504	1500 (99.7%)	4 (0.3%)	4	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>12,230</b>	<b>12,128 (99.2%)</b>	<b>102 (0.8%)</b>	<b>51</b>	<b>90</b>	<b>53</b>

Kursus Minda Sihat di Tempat Kerja telah diadakan pada 9 dan 10 Julai 2019 di Klinik Kesihatan Sungai Dua, Seberang Perai Utara untuk anggota-anggota kesihatan serta staf sokongan di daerah. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran anggota mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental serta mempelajari dan mempraktikkan kemahiran kesihatan mental yang baik di tempat kerja.

#### **Program Pencegahan Keganasan Rumahtangga & Penderaan Kanak-Kanak**

Bagi jumlah kes keganasan rumahtangga yang telah dikendalikan di hospital-hospital kerajaan di Pulau Pinang, jumlah yang dilaporkan adalah sebanyak 748 kes seperti yang dipaparkan di **Jadual 4.85**. Penderaan fizikal menyumbang peratus terbanyak iaitu sebanyak 76.6% dari jumlah kes yang dilaporkan.

**Jadual 4.85 : Laporan penderaan kategori dewasa, kanak-kanak dan remaja tahun 2019**

Kategori	Jantina	Fizikal	Seksual	Psikologi	Jumlah
Dewasa	Lelaki	26	3	0	29
	Perempuan	411	38	2	451
	<b>Jumlah</b>	<b>437</b>	<b>41</b>	<b>2</b>	<b>480</b>
Kanak-kanak (0-9 tahun)	Lelaki	7	0	0	7
	Perempuan	8	10	1	19
	<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>26</b>
Kanak-kanak (10-17 tahun)	Lelaki	22	4	1	27

	Perempuan	26	82	2	110
	<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>86</b>	<b>3</b>	<b>137</b>
Remaja (18-19 tahun)	Lelaki	38	2	0	40
	Perempuan	35	30	0	65
	<b>Jumlah</b>	<b>73</b>	<b>32</b>	<b>0</b>	<b>105</b>
<b>Jumlah besar</b>		<b>573</b>	<b>169</b>	<b>6</b>	<b>748</b>

Majoriti kes penderaan berlaku di rumah (81.8%) dan melibatkan anggota keluarga terdekat iaitu pasangan masing-masing (47.2%) dan diikuti oleh ibu atau bapa kandung (11.4%). Kes penderaan fizikal bagi kanak-kanak dan remaja adalah sebanyak 136 kes dan tiada perbezaan ketara antara lelaki dan perempuan. Bagi kategori dewasa, kes penderaan perempuan lebih dominan iaitu sebanyak 94.1% daripada jumlah kes penderaan fizikal dewasa

Seminar *One Stop Crisis Centre* (OSCC) telah dijalankan pada 20 hingga 21 Ogos 2019 manakala Seminar *Suspected Child Abuse & Neglect* (SCAN) telah dijalankan pada 12 dan 13 November 2019. Kedua-dua seminar ini melibatkan penglibatan Pakar-pakar Perubatan, Pegawai Perubatan serta paramedik daripada Hospital Kerajaan & Swasta serta Klinik-Klinik Kesihatan di seluruh Pulau Pinang. Seminar-seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang peranan semua agensi yang terlibat dalam pengendalian kes OSCC dan SCAN.

### **Program Saringan dan Intervensi Kemudaran Alkohol**

Kursus Pencegahan dan Intervensi Kemudaran Alkohol Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 30 April 2019 untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran staf tentang kepentingan kesihatan dan kemudaran alkohol. Semua doktor dan paramedik yang hadir telah diberi pendedahan dan dilatih untuk membuat saringan menggunakan borang Audit C dan Audit 10. Sesi perbincangan turut diadakan untuk membincangkan secara terperinci tentang retan yang perlu dihantar oleh daerah, serta mengenalpasti masalah dan rintangan yang mungkin dihadapi di peringkat klinik / daerah untuk menjalankan saringan alkohol.

Untuk tahun 2019, saringan dan intervensi kemudaran alkohol telah dijalankan di 26 buah klinik kesihatan di seluruh Pulau Pinang, termasuk saringan komuniti di Ladang Transkrian di Seberang Perai Selatan. Secara keseluruhannya, seramai 1275 klien telah disaring untuk kemudaran alkohol dengan menggunakan borang Audit 10.

Secara purata, terdapat peningkatan jumlah saringan sepanjang tahun 2019. Terdapat 9 buah klinik yang menunjukkan peningkatan saringan sehingga mancapai target dan 6 buah klinik yang berjaya mengekalkan pencapaian pada tahun 2018. Kebanyakan klinik yang tidak berjaya mancapai **sasaran**

**saringan 50 klien/klinik/tahun** adalah terutamanya klinik-klinik yang mempunyai kepadatan penduduk Melayu yang tinggi.

Daripada **1,275** klien yang disaring, 1082 klien (84.9%) mempunyai skor < 7 (Zon I - peminum risiko rendah), 163 klien (12.8%) dengan skor 8-15 (Zon II - peminum yang minum melebihi cadangan pengambilan atau telah mendapat kesan bahaya alkohol dan kebergantungan – *hazardous drinker*), 18 klien (1.4%) dengan skor 16-19 (Zon III - peminum dengan pengambilan alkohol yang telah menyebabkan kesan bahaya dan kebergantungan – *harmful drinking and dependency*) dan 12 klien (0.9%) dengan skor > 20 (Zon IV peminum berisiko tinggi kepada kemudaratan alkohol). Semua klien di Zon I telah diberikan pendidikan kesihatan manakala klien yang berada di tahap risiko Zon II - III telah dirujuk untuk intervensi serta pemantauan lebih rapi oleh Pegawai Perubatan. Klien yang berada di Zon IV telah dirujuk untuk rawatan selanjutnya oleh Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, penyakit tidak berjangkit (NCD) merupakan masalah utama dalam kesihatan awam. Pada tahun 2019, pelbagai kursus dan bengkel yang telah dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan dalam pengendalian kes-kes penyakit tidak berjangkit. Kempen-kempen kesedaran dan saringan kesihatan perlu diteruskan dan diperhebatkan. Kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua anggota kesihatan dan masyarakat amat diperlukan untuk menjayakan program pengawalan penyakit tidak berjangkit.

## **PROGRAM CAWANGAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR**

### **PENGENALAN**

Cawangan Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar (KPAS) di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah satu cawangan yang diletakkan di bawah penyeliaan Bahagian Kesihatan Awam. Cawangan ini mengendalikan 2 program utama iaitu Program Kesihatan Pekerjaan dan Program Kesihatan Persekitaran. Selain itu, Program KOSPEN PLUS agensi-agensi luar serta anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga diletakkan di bawah pengurusan Cawangan KPAS. Cawangan KPAS JKNPP juga menjalankan kursus-kursus bagi anggota-anggota di lapangan dalam memantapkan pengurusan dan meningkatkan pencapaian program-program tersebut.

## **PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN**

### **AKTIVITI/ SKOP UTAMA**


- a. Surveillance Kemalangan Dan Kecederaan Anggota KKM
- b. Surveillance Kecederaan Akibat Tertusuk Jarum Dan Peralatan Tajam
- c. Surveillance Penyakit Paru-paru Anggota KKM

- d. Surveillance Anggota Kawalan Vektor
- e. Program Saringan Tuberkulosis Anggota Berisiko
- f. Program Saringan dan Immunisasi Hepatitis B Anggota Berisiko
- g. Penubuhan dan penyeliaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di fasiliti-fasiliti JKNPP
- h. Kes Kekerasan Terhadap Anggota

## STATISTIK DAN PENCAPAIAN


### Surveillance Kemalangan Dan Kecederaan Anggota

**Rajah 4.28 : Statistik Jumlah Kecederaan Dan Kemalangan di Kalangan Anggota JKNPP tahun 2015-2019**



Rajah tersebut menunjukkan peningkatan notifikasi kes-kes kemalangan yang berlaku di kalangan anggota Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Jenis-jenis kecederaan dipecahkan kepada 5 kumpulan utama seperti di dalam **Rajah 4.29** di bawah.

**Rajah 4.29 : Jenis-jenis Kecederaan Dan Kemalangan yang Melibatkan Anggota JKNPP**




Kecederaan akibat tertusuk jarum dan peralatan tajam adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 118 kes atau 42.7% (menurun berbanding 51.9% pada 2018) daripada jumlah kes diikuti kemalangan kenderaan bermotor atau kemalangan jalan raya iaitu sebanyak 39.5%. Daripada jumlah kemalangan kenderaan bermotor tersebut, terdapat 2 kemalangan maut telah menimpa anggota JKNPP.


#### **Surveillance Kecederaan Akibat Tertusuk Jarum Dan Peralatan Tajam**

Sebanyak 86 kes (72.8%) daripada kecederaan akibat tertusuk jarum dan peralatan tajam adalah disebabkan tusukan jarum (*Needle Stick Injury*). Peratusan ini adalah menurun berbanding 101 kes atau 82.1% pada 2018.

**Rajah 4.30 : Jumlah Kecederaan Akibat Tertusuk Jarum Dan Peralatan Tajam di kalangan anggota JKNPP 2015-2019**



**Rajah 4.31: Kadar Kejadian 'Needle Stick Injury' di Kalangan Anggota JKNPP 2015-2019**




Pemantauan kadar kejadian '*Needle Stick Injury*' adalah salah satu daripada pemantauan *QA/NIA* kebangsaan yang menetapkan sasaran '**0 rate**' iaitu tiada kejadian tertusuk jarum patut berlaku di kalangan anggota kesihatan. Gambarajah 4 menunjukkan kadar kejadian tertusuk jarum di kalangan anggota Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ialah **6.4 per**

**1000** anggota pada tahun 2019 dan ia tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimana pun, ia menunjukkan trend penurunan daripada tahun 2015 ke tahun 2019.

### Surveillance Penyakit Paru-paru Anggota JKNPP

**Rajah 4.32 : Kes Tuberkulosis yang dilaporkan di Kalangan Anggota JKNPP 2015-2019**



Bilangan kes Tuberkulosis yang berlaku di kalangan anggota Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang didapati telah menurun kepada 17 kes pada 2019 berbanding 18 kes bagi tahun 2018. Hospital Pulau Pinang mencatatkan kes terbanyak iaitu sebanyak 8 kes diikuti Hospital Seberang Jaya dan Hospital Sungai Bakap masing-masing dengan 2 kes. Sebanyak 1 kes direkodkan di daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Timur Laut. Dari segi kategori perjawatan, Jururawat Kesihatan menyumbang kepada bilangan tertinggi iaitu sebanyak 6 kes diikuti oleh Pembantu Perawatan Kesihatan sebanyak 4 kes.

**Jadual 4.86 : Jumlah Kes Penyakit Tibi Anggota Kkm Mengikut Fasiliti Bagi JKNPP 2019**

BIL	FASILITI	JAWATAN
1	HPP CCU Wad	Pembantu Perawatan Kesihatan
2	WAD C2	Jururawat
3	WAD C5	Jururawat
4	WAD CHEST	Jururawat
5	JPL	Pegawai Perubatan


6		A&E	Pegawai Perubatan Siswazah
7		ENT	Pegawai Perubatan
8		A & E	MA
9	HSJ	SCN	Jururawat
10		SCN	Jururawat
11	HSB	Makmal	Pembantu Perawatan Kesihatan
12		(Jabatan A & E)	Pembantu Perawatan Kesihatan
13	HBP	Wad Perempuan	Jururawat
14	PKDSPU	Makmal KK Butterworth	Juruteknologi Makmal
15	PKD SPT	( KK Berapit)	Pembantu Perawatan Kesihatan
16	PKD T.LAUT	KD Batu Feringghi	Jururawat Masyarakat
17	HBM	RADIOLOGI	JURU X-RAY

---

Semua anggota kesihatan dari kumpulan berisiko jangkitan tuberkulosis perlu menjalani 3 jenis saringan iaitu saringan pra-penempatan, saringan berkala dan saringan pra-perpindahan/persaraan. Bagi tahun 2019, saringan berkala adalah saringan X-Ray 2 tahun sekali bagi kumpulan anggota berisiko berdasarkan persetujuan Mesyuarat Teknikal Kesihatan Pekerjaan JKNPP bil 1 2019.

## Surveillance Anggota Kawalan Vektor

**Rajah 4.33 : Ujian Saringan bagi Anggota Kawalan Vektor JKNPP tahun 2019**



Anggota Kawalan Vektor yang terlibat dengan aktiviti semburan kabus (*fogging*) perlu menjalani ujian saringan secara berkala iaitu saringan audiometri, saringan cholinesterase dan saringan spirometri. Semua keputusan ujian cholinesterase adalah normal manakala bagi ujian audiometry terdapat 24 anggota yang memerlukan temujanji lanjut di Klinik ENT dan masih dalam pemantauan.

### Program Saringan dan Immunisasi Hepatitis B Anggota Berisiko

Aktiviti imunisasi Hepatitis B bagi anggota dalam kumpulan berisiko yang bertugas di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

**Jadual 4.87 : Aktiviti imunisasi Hepatitis B bagi anggota**

Bil Anggota Kump 1 yang telah dikenalpasti	<b>155</b>
Bil Anggota Kump 2 yang telah dikenalpasti	<b>564</b>
Bil Anggota Kump 1 yang telah menerima imunisasi lengkap	<b>23</b>
Bil Anggota Kump 2 yang telah mendaftar saringan	<b>495</b>
Bil Reaktif ujian saringan anti-HBs (daripada Kumpulan 2)	<b>471</b>

### **Penubuhan dan penyeliaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di fasiliti-fasiliti JKNPP**

Setiap fasiliti di JKNPP ada menubuhkan JKPP masing-masing dan telah menjalankan mesyuarat setiap 3 bulan bagi membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengikut keperluan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994.

### **Kes Kekerasan Terhadap Anggota**

Secara keseluruhan, terdapat 40 kes kekerasan terhadap anggota kesihatan di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah dinotifikasi sepanjang tahun 2019. Ia merangkumi 32 kes yang berlaku di hospital-hospital, 7 kes daripada Bahagian Kesihatan Awam dan 1 kes berlaku di Bahagian Pergigian.

## **PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN KESIHATAN ALAM SEKITAR**

### **AKTIVITI/ SKOP UTAMA**

- a. Program Kospen Plus
- b. Surveillan Penyakit Akibat Pencemaran Udara (Jerebu).
- c. Pemantauan Kesihatan Persekitaran Malaysia Future Leaders Schools (MFLS)
- d. Pemantauan Kesihatan Persekitaran Penjara.
- e. Pemantauan Kesihatan Persekitaran Depot Tahanan.
- f. Pemantauan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan
- g. Pertandingan Healthy Setting
- h. Pemantauan Bencana Banjir

## **STATISTIK DAN PENCAPAIAN**

### **Program Kospen Plus**

Program ini bermula semenjak April 2017. Program ini melibatkan agensi Luar KKM dan fasiliti KKM. Terdapat 6 Skop Utama dan tambahan 2 Skop pilihan dalam Program ini:

1. Skop 1- PHHSM/Kafateria Sihat
2. Skop 2-Amalan Tidak Merokok (Awam /Swasta)
3. Skop 3-Hidup Yang Aktif
4. Skop 4-Pengurusan Berat Badan
5. Skop 5-Saringan Kesihatan
6. Skop 6-Saringan Minda Sihat

7. Skop 7-Saringan Persekitaran tempat Kerja Sihat
8. Skop 8-Saringan Pencegahan Dan Pengurangan kemudaratan Alkohol

Program Kospen Plus Agensi Luar adalah program pencapaian KPI YBMK. Bagi Negeri Pulau Pinang sebanyak 16 agensi telah melaksanakan program ini pada tahun 2019. Peratus pencapaian anggota di agensi disaring status kesihatan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 94.1%. Secara keseluruhannya, JKNPP telah mencapai sasaran KPI YBMK iaitu penerapan program di 14 agensi dan  $\geq 85\%$  anggota di agensi disaring status kesihatan. **Jadual 4.88** menunjukkan pecahan Agensi luar yang menerapkan program KOSPEN Plus dan peratus anggota disaring mengikut daerah pada tahun 2019.

**Jadual 4.88: Agensi luar yang menerapkan program KOSPEN Plus mengikut daerah pada tahun 2019**

Daerah	Sasaran Lokaliti	Lokaliti Disensitised	Agensi	Anggota Disaring	Peratus saringan (Sasaran : 85%)
Timur Laut	3	3	Masjid Negeri Pulau Pinang	37/37	100.0%
			Jabatan Kebajikan Masyarakat	19/19	100.0%
			Agensi Anti Dadah Kebangsaan	18/22	81.82%
Barat Daya	2	2	Balai Bomba & Penyelamat Seri	22/22	100.0%
			Pejabat Daerah & Tanah	62/71	87.3%
Seberang Perai Tengah	3	3	Mahkamah Bukit Mertajam	23/24	95.83%
			Pejabat Kebajikan Masyarakat	28/29	96.5%
			Pejabat Daerah & Tanah	65/66	98.48%
Seberang Perai Utara	3	4	Penang Sentral Sdn. Bhd	49/56	87.5%
			Tesco Bertam Perdana	87/101	86.1%
			Mydin Bertam Putra	73/82	89.0%
			Perda Ventures Incorporated	26/32	81.2%

			Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Sps	30/30	100%
Seberang Perai Selatan	3	4	Jabatan Kerjaraya, Sps	65/65	100%
			Muda Papermill Sdn Bhd	137/137	100%
			Muda Paper Converting	87/87	100%


Program KOSPEN Plus bagi anggota KKM pencapaian saringan oleh anggota JKNPP amat menggalakkan. **Jadual 4.89** menunjukkan pencapaian anggota KKM bagi negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 iaitu seramai 11958 anggota (93.1%) yang layak telah disaring.

**Jadual 4.89: Pencapaian Program Kospen Plus Anggota JKNPP bagi tahun 2019**

Sasaran Negeri	Bil. Anggota	Jumlah Anggota Disaring	Peratus Anggota Disaring	Bil. Anggota Disahkan Hpt/ Pre Hpt	Bil. Anggota Disahkan Dm/Pre Dm	Bil. Anggota Bmi $\geq 30.0$ Kg/M <sup>3</sup> (%)	Bil. Anggota Merokok	Bil. Anggota Berjaya Berhenti Merokok
100%	928	11158/11985	93.1%	61	60	1620	576	28

**Surveilan Penyakit Akibat Pencemaran Udara Tahun 2019**

**Rajah 4.34: Surveilan Penyakit berkaitan pencemaran udara Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**



Tiga penyakit yang dipantau akibat pencemaran udara adalah :-

- i. Penyakit URTI
- ii. Penyakit Konjunktivis
- iii. Penyakit Asma

Data penyakit akibat pencemaran udara diperolehi daripada empat klinik & hospital sentinel iaitu:

- i. Klinik Kesihatan Seberang Jaya (SPT).
- ii. Klinik Kesihatan Perai (SPT).
- iii. Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL).
- iv. Hospital Balik Pulau (BD)

Pada tahun 2019, episod Jerebu (bacaan tidak sihat) di Pulau Pinang bermula pada 11/9/2019 (minggu Epid 37) Balik Pulau (IPU 128) dan Minden (IPU 104). Pada Minggu Epid 37 (8 hingga 14 September 2019) terdapat 3 stesen pada bacaan tahap **tidak sihat** iaitu Balik Pulau (11, 12 dan 13 September), Minden (12 dan 13 September) dan Seberang Jaya (13 September) manakala 1 stesen (Seberang Perai) bacaan tahap **sedehana** sepanjang minggu epid 37. Bagi Minggu Epid 38 (15 hingga 21 September)

terdapat 2 stesen pada bacaan tahap **sangat tidak sihat** iaitu Balik Pulau (IPU 263 pada 18 September) dan Minden (IPU 234 pada 18 September) manakala 2 stesen pada tahap **tidak sihat** iaitu Seberang Jaya (IPU 191 pada 18 September) dan Seberang Perai (196 pada 18 September). Pada Minggu Epid 39, bacaan IPU telah mula menunjukkan penurunan pada 24 September 2019 iaitu Minden 84, Balik Pulau 100, Seberang Jaya 83, Seberang Perai 76. data pemantauan pada episode jerebu tersebut menunjukkan terdapat Peningkatan kes Conjunctivitis dan Asthma bagi Minggu Epid 38 manakal Kes URTI adalah didapati tiada peningkatan

### **Pemantauan Kesihatan Persekitaran Malaysia Future Leaders Schools (MFLS)**

Cawangan KPAS JKN Pulau Pinang Unit Kesihatan Persekitaran bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan persekitaran MALAYSIA FUTURE LEADERS SCHOOLS (MFLS) adalah sihat dan selamat. Kem MFLS di negeri Pulau Pinang adalah di Kem Bina Negara, Teluk Bahang. Pemeriksaan Kem MFLS melibatkan 3 pusingan iaitu pusingan pertama (Mac) perlu dilaksanakan 1 kali pemeriksaan sebelum Fasa 1 Kem MFLS bermula, pusingan kedua (Julai-Ogos) dilaksanakan semasa kem beroperasi sepanjang tahun dan pusingan ketiga (November) dilaksanakan semasa kem beroperasi sepanjang tahun. Sebanyak 3 pemeriksaan telah dijalankan pada pada tahun 2019 iaitu pada 21/3/2019, 6/7/2019, 5/11/2019. Hasil pemeriksaan adalah memuaskan dan kem disokong untuk beroperasi.

### **Pemantauan Kesihatan Penjara**

Negeri Pulau Pinang mempunyai dua buah penjara iaitu di Daerah Timur Laut dan di Daerah Seberang Perai Selatan. Pemantauan kesihatan persekitaran dilakukan dua kali setahun menggunakan format BKP/UKP/Penjara/2009/02.

**Jadual 4.90 : Markah Pemeriksaan Persekitaran Penjara Setengah Tahun Pertama (Januari-Jun) Bagi Tahun 2019.**

<b>DAERAH</b>	<b>TARIKH LAWATAN</b>	<b>MARKAH PEMERIKSAAN ( % )</b>
PKD TIMUR LAUT	30 April 2019	Perkhidmatan kesihatan = 82.0
		Sel/kelas/bengkel = 57.1
		Dapur/diet/menu = 54.6
		Penilaian kesihatan persekitaran = 72.6
		Pematuhan kepada peraturan penjara = 82.3
PKD SEB PERAI SELATAN	7 Mac 2019	Perkhidmatan kesihatan = 93.1
		Sel/kelas/bengkel = 100.0
		Dapur/diet/menu = 79.0
		Penilaian kesihatan persekitaran = 94.3

Pematuhan kepada peraturan penjara = 100.0

**Jadual 4.91 : Markah Pemeriksaan Persekitaran Penjara Setengah Tahun Kedua (Julai-Dis) Tahun 2019.**

DAERAH	TARIKH LAWATAN	MARKAH PEMERIKSAAN ( % )
PKD TIMUR LAUT	16 Oktober 2019	Perkhidmatan kesihatan = 83.0
		Sel/kelas/bengkel = 57.1
		Dapur/diet/menu = 41.9
		Penilaian kesihatan persekitaran = 86.0
		Pematuhan kepada peraturan penjara = 82.3
PKD SEB PERAI SELATAN	24 Oktober 2019	Perkhidmatan kesihatan = 92.0
		Sel/kelas/bengkel = 93.0
		Dapur/diet/menu = 62.0
		Penilaian kesihatan persekitaran = 100.0
		Pematuhan kepada peraturan penjara = 100.0

#### **Pemantauan Kesihatan Persekitaran Depot Tahanan**

Negeri Pulau Pinang mempunyai satu depot tahanan bagi pendatang asing tanpa izin (PATI) iaitu di daerah Seberang Perai Tengah. Pemantauan dilakukan dua kali setahun dengan menggunakan format DEPOT/KPAS/KKM/1/2008. Keputusan pemeriksaan menunjukkan markah penilaian depot dari tahun 2013 sehingga tahun 2019 adalah memuaskan. **Jadual 4.92** menunjukkan pecahan pertus markah pepenilaian menngikut tahun.

**Jadual 4.92: Markah Pemantauan Kesihatan Persekitaran Depoh Tahanan**

DAERAH	TAHUN	MARKAH PEMERIKSAAN DEPOH TAHANAN IMIGRESEN BAGI PENILAIAN KESIHATAN PERSEKITARAN
Depoh Tahanan	2019	81.5%
Sementara		KEPUTUSAN
Daerah Seberang	2018	ST=Significantly exceed target
Perai Tengah		78.0%

	KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target
2017	74.0% KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target
2016	92.0% KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target
2015	85.0% KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target
2014	73.0% KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target
2013	88.5% KEPUTUSAN ST=Significantly exceed target

#### **Pemantauan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan**

Negeri Pulau Pinang mempunyai 67 buah Pusat Jagaan bagi tahun 2019. Pemeriksaan kesihatan persekitaran mengikut daerah masing-masing telah dicapai 100.0% bagi tahun 2019.

**Jadual 4.93 : Pemantauan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan**

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH PUSAT JAGAAN</b>	<b>JUMLAH YANG DIPERIKSA</b>	<b>PERATUS YANG DIPERIKSA</b>
Timur Laut	25	25	100%
Barat Daya	12	12	100%
Seberang Perai Utara	13	13	100%
Seberang Perai Tengah	9	9	100%
Seberang Perai Selatan	8	8	100%

### **Pertandingan Healthy Setting**

Cawangan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar JKNPP turut menganjurkan pertandingan Healthy Setting (Fasiliti Sejahtera). Bagi tahun 2019, pertandingan Healthy Setting dijalankan bersempena Sambutan Minggu Keselamatan Kesihatan Pekerjaan peringkat JKNPP bertempat di Hospital Seberang Jaya. Bagi tahun 2019, pemenang pertandingan Healthy Setting JKNPP adalah:

Tempat Pertama	: Klinik Kesihatan Seberang Jaya PKDSPT
Tempat Kedua	: Klinik Desa Permatang Tok Mahat PKDSPA
Tempat Ketiga	: Klinik Kesihatan Kepala Batas PKDSPU

### **Pemantauan Bencana Banjir**

Terdapat dua (2) episod kejadian bencana banjir di Pulau Pinang pada tahun 2019 yang melibatkan pembukaan pusat pemindahan sementara. Kejadian pertama pada 6/5/2019 sehingga 10/5/2019 melibatkan dua (2) daerah iaitu Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah melibatkan dua (2) buah pusat pemindahan dibuka. Kejadian kedua pada 25/10/2019 hingga 30/10/2019 melibatkan Daerah Seberang Perai Tengah dimana 7 pusat pemindahan dibuka.

## **PROGRAM CAWANGAN PROMOSI KESIHATAN**

### **PENGENALAN**

Cawangan Promosi Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang berperanan melaksanakan Program Promosi Kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang. Perkhidmatan yang diberikan meliputi:

- Perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian Program Promosi Kesihatan.
- Pengurusan kempen-kempen seperti Kempen Cara Hidup Sihat, sambutan hari-hari khas kesihatan dan program-program khas.
- Penerbitan, pinjaman dan pengedaran bahan pendidikan dan promosi kesihatan.
- Pengurusan Program Promosi Kesihatan melalui media massa.
- Pembentukan program latihan dalam bidang pendidikan dan promosi kesihatan.
- Penyelidikan dalam bidang promosi kesihatan.
- Khidmat runding cara dalam bidang promosi kesihatan.

### **OBJEKTIF**

Untuk mempromosikan kesihatan kepada masyarakat dengan:

- Menyebarkan maklumat yang tepat, wajar, sesuai, inovatif, saksama dan tepat pada waktu.
- Memperkasakan individu dan komuniti supaya mereka dapat bertindak terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mereka.
- Meningkatkan kerjasama antara sektor termasuk agensi kerajaan, NGOs dan swasta.

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

**Jadual 4.94: Pencapaian KPI Promosi Kesihatan JKN Pulau Pinang 2019**

PETUNJUK	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	CATATAN
COMBI Denggi	TKPK (KA)	5 Lokaliti	75 Lokaliti	KPI Tercapai
Liputan Promosi Pencegahan Denggi di Sekolah	YBMK	100%	100%	KPI Tercapai
Liputan Sekolah Kelab Doktor Muda	TKPK (KA)	38%	77%	KPI Tercapai
Penubuhan Sekolah Baru Kelab Doktor Muda	PKD	25 Sekolah	23 Sekolah	Daerah SPS tidak capai
Bil. Pasukan COMBI Komuniti Baru Pencegahan Penyakit Berjangkit Yang Ditubuhkan	PKD	1 Pasukan/daerah (5 pasukan)	75 pasukan	Semua Daerah tercapai
Liputan Promosi Pencegahan HIV/AIDS di Sekolah Menengah	PKD	80%	100%	Semua Daerah tercapai

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### AKTIVITI UNIT BERGERAK PENDIDIKAN KESIHATAN (UBPK)

Pada tahun 2019, pelaksanaan aktiviti pendidikan kesihatan di lokaliti berwabak dan kawasan prioriti kekal menjadi keutamaan UBPK. Sebanyak 1,224 lawatan ke lokaliti wabak telah diadakan. Secara kumulatif, 3,946 hebahan awam, 16,639 nasihat individu, 13,119 tunjuk cara, 7,597 perbincangan kumpulan kecil, 65,282 pengedaran bahan bercetak pencegahan denggi termasuk risalah dan poster serta 819 unit pemasangan *streamer* dan *banner* telah dilakukan di lokaliti wabak. Selain itu, UBPK juga telah mengadakan 1,069 sesi pameran bergerak di lokaliti wabak terkawal, wabak tak terkawal & *hotspot*.

### PUSAT PROMOSI KESIHATAN KOMUNITI (PPKK)

PPKK adalah kemudahan kesihatan yang menyediakan perkhidmatan promosi kesihatan secara komprehensif untuk membina upaya kemahiran dan perubahan tingkah laku komuniti ke arah amalan cara hidup sihat. Terdapat dua (2) buah PPKK di Pulau Pinang iaitu PPKK Klinik Kesihatan Seberang Jaya di daerah Seberang Perai Tengah yang memulakan perkhidmatan sejak tahun 2004 sebagai projek rintis dan PPKK Klinik Kesihatan Sungai Dua di daerah Seberang Perai Utara pada tahun 2007. Pelaksanaan PPKK adalah berdasarkan kepada elemen utama amalan cara hidup sihat iaitu makan secara sihat, senaman dan aktiviti fizikal, berhenti merokok dan minda sihat. Kehadiran pelanggan, pendaftaran baru, kes ulangan dan kes yang dirujuk meningkat dengan ketara pada dua tahun kebelakangan. Pencapaian PPKK pada tahun 2008 hingga 2019 adalah seperti **Jadual 4.95 dan Jadual 4.96** berikut.

**Jadual 4.95 : Pencapaian Aktiviti Di Pusat Promosi Kesihatan Komuniti Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah 2008-2019**

<b>PPKK</b>	<b>TAHUN</b>	<b>KEDATANGAN</b>	<b>PENDAFTARAN BARU</b>	<b>KES ULANGAN</b>	<b>DIRUJUK</b>
<b>Seberang Jaya</b>	2008	2,987	861	2,041	85
	2009	2,445	586	1,747	112
	2010	1,225	272	858	95
	2011	2,316	271	1,920	125
	2012	3,979	173	3,603	203
	2013	3,871	669	3,202	372
	2014	7,104	609	5,380	1,115
	2015	7,317	493	4,309	2,515
	2016	8,160	537	3,529	4,094
	2017	8,031	477	4,440	3,114
	2018	7,928	788	5,588	1,552
	2019	13,479	487	12,041	951

**Jadual 4.96: Pencapaian Aktiviti Di Pusat Promosi Kesihatan Komuniti Sungai Dua, Seberang Perai Utara 2008-2019**

<b>PPKK</b>	<b>TAHUN</b>	<b>KEDATANGAN</b>	<b>PENDAFTARAN BARU</b>	<b>KES ULANGAN</b>	<b>DIRUJUK</b>
<b>Sungai Dua</b>	2008	236	120	106	10
	2009	242	130	99	13
	2010	185	88	95	2
	2011	199	75	124	0
	2012	234	48	186	0
	2013	1,149	426	460	263
	2014	1,876	973	735	168
	2015	3,154	2,301	788	65
	2016	2,972	1,907	1,013	52
	2017	1,258	735	507	16
	2018	7,789	273	7,328	188
	2019	10,387	389	9,867	131

## **PROMOSI CARA HIDUP SIHAT**

### **PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)**

Dengan berkonsepkan '*Dari Siswa, Melalui Siswa, Untuk Siswa*', Program Siswa Sihat (PROSIS) merupakan satu kolaborasi bijak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan siswa/i Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Program ini telah bermula sebagai projek rintis pada tahun 2011 di beberapa Universiti Awam yang terpilih sahaja namun kini telah diperluaskan ke Kolej Komuniti, Politeknik, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru.

Ekoran daripada penutupan Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) pada tahun 2014 atas faktor masalah pengurusan, Institut Perguruan Kampus Tuanku Bainun telah dipilih sebagai lokasi PROSIS Negeri Pulau Pinang yang kedua pada 25 April 2016. Sepanjang tahun 2016, sebanyak tiga (3) sesi latihan telah diadakan kepada 30 sukarelawan PROSIS (M10). Pada tahun 2016, PROSIS Institut Perguruan Kampus Tuanku Bainun juga telah mengadakan satu (1) projek intervensi.

Pada tahun 2017, Politeknik Balik Pulau dan Kolej Jururawat Pulau Pinang telah bersetuju untuk menubuhkan PROSIS di institusi masing-masing. Sebanyak 50 sukarelawan PROSIS dari Politeknik Balik Pulau dan 65 sukarelawan PROSIS dari Kolej Jururawat Pulau Pinang. Sepanjang tahun 2017, sebanyak dua (2) kursus dan tiga (3) sesi taklimat telah diadakan yang melibatkan sebanyak 106 orang sukarelawan PROSIS.

Pada tahun 2018, lima (5) buah institusi telah menubuhkan PROSIS iaitu : Institusi Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Permatang Pauh, Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Institut Pendidikan Guru (IPG) Pulau Pinang, Timur Laut dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Balik Pulau.

Pada tahun 2019, tiada penubuhan baru Program Siswa Sihat (PROSIS) di IPT/Institusi. Tahun 2019 program PROSIS di IPT/Institusi ditumpukan kepada pengukuhan program kecergasan dan program IFitER (I Fit and Eat Right). UiTM Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Pulau Pinang, Timur Laut telah menubuhkan Pasukan Senam Sihat. IPG Pulau Pinang juga turut menubuhkan Pasukan Lompat Tali.

### **COMBI**

COMBI ialah singkatan bagi '*Communication for Behavioural Impact*' atau 'Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku'. COMBI diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2001 sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah Denggi di Malaysia. COMBI merupakan satu pendekatan

dinamik yang menggunakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi individu, keluarga dan komuniti ke arah perubahan tingkah laku yang sihat. Pendekatan COMBI dibangunkan berasaskan teori-teori perubahan tingkah laku, komunikasi dan pemasaran bagi menangani isu-isu sosial. Ia juga merupakan satu pendekatan yang menyeluruh lagi fleksibel untuk merancang, melaksana dan memantau tindakan-tindakan mobilisasi sosial dan komunikasi yang boleh diubahsuai dan diuji mengikut objektif-objektif tingkah laku yang telah dipilih.

Pada tahun 2019, sebanyak 75 lokaliti baru telah menjalankan projek COMBI menjadikan jumlah terkumpul 204 projek sejak diperkenalkan pada tahun 2005. Bermula Julai 2014, penubuhan pasukan COMBI Pencegahan Penyakit Berjangkit telah dijadikan KPI PKD bagi menggantikan bilangan anggota kesihatan yang diberi latihan teras promosi kesihatan. Sasaran yang ditetapkan ialah satu COMBI baru bagi setiap daerah. Mengambil kira perkembangan ini, semua PKD telah mencapai KPI yang ditetapkan.

## **PROGRAM KELAB DOKTOR MUDA**

### **Perkembangan Kelab Doktor Muda**

Program Doktor Muda mula dilaksanakan pada tahun 1989 di Sekolah Kebangsaan Sri Biram, Pekan, Pahang. Program ini kemudiannya bertapak di negeri Kelantan apabila Sekolah Kebangsaan Tanah Merah 1 mula melaksanakannya pada tahun 1991.

Pada tahun 2000, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjadikan Program Doktor Muda ini sebagai salah satu program promosi kesihatan yang diterajui di peringkat kebangsaan. Perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program ini ke seluruh negara dilaksanakan secara bersama dengan Bahagian Sekolah dan Kementerian. Pada Mei 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan program Doktor Muda sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah rendah dan dikenali sebagai Kelab Doktor Muda. Penerimaan Program Doktor Muda sebagai aktiviti ko-kurikulum merupakan satu pengiktirafan Kementerian Pelajaran Malaysia kepada program ini, yang sememangnya telah terbukti membawa faedah dan kebaikan kepada murid sekolah.

Sehingga Disember 2019, sebanyak 175 buah sekolah rendah telah menubuhkan Kelab Doktor Muda dengan penyertaan seramai 5,142 murid sekolah rendah tahun 4, 5 dan 6 telah dilantik sebagai 'Doktor Muda'. Kemajuan Kelab Doktor Muda Pulau Pinang dan di semua daerah sejak tahun 2011 amat menggalakkan seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4.97**.

**Jadual 4.97: Pencapaian Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah 2005-2019**

	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
SK	12	14	16	19	22	31	32	41	57	70	78	84	101	119	127
SJK (C)	0	1	3	5	6	7	7	8	10	9	13	13	13	17	27
SJK (T)	0	1	3	4	5	5	6	7	8	9	9	13	13	16	21
Jumlah Sekolah	12	16	22	28	33	43	45	56	75	88	100	110	127	152	175
Bil. Ahli	170	310	505	662	850	1,237	1,318	1,750	2,567	2,571	3,039	3,389	3,848	4,551	5,142

### **Training Of Trainers Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah Peringkat Negeri**

*Training Of Trainers* Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah Peringkat Negeri telah diadakan pada 2-3 April 2019 di SK Pauh Jaya. Latihan adalah merangkumi 12 skop yang terkandung di dalam Modul Latihan Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah. Latihan ini diadakan untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan kemahiran kepada guru-guru penasihat mengenai Kelab Doktor Muda berpandukan modul dan garis panduan yang sedia ada.

### **Sambutan Minggu Sihat Kelab Doktor Muda**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan pengisytiharan tarikh 1 hingga 7 Julai setiap tahun sebagai Minggu Sihat Doktor Muda. Objektif pelaksanaan Minggu Sihat Doktor Muda adalah untuk mempromosikan aktiviti Doktor Muda dan bertindak sebagai platform kepada program-program kesihatan yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah bacaan perutusan Menteri Kesihatan Malaysia di dalam perhimpunan pagi, pertandingan mewarna, demonstrasi dan sukaneka.

### **Simposium HePiLI Peringkat Kebangsaan**

Simposium Health Promotion in Learning Institution (HePiLI) Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 7-9 Oktober 2019 di Hotel Eastin Petaling Jaya Selangor. Antara objektif simposium adalah untuk mewujudkan satu platform perkongsian maklumat dan amalan terbaik daripada segi pelaksanaan aktiviti intervensi tingkah laku kesihatan dan inovasi kesihatan di institusi pendidikan. Simposium ini melibatkan guru-guru penasihat Program Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah, Program ImFree dan Program Siswa Sihat (PROSIS). Kontijen Negeri Pulau Pinang telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan *Selfie Challenge* dan Cikgu Azizul b. Hasan dari SK Jawi, SPS mewakili Kontijen Negeri Pulau Pinang telah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan *Bookdoc Challenge*.

## PENDIDIKAN KESIHATAN DI RADIO

Unit Promosi Kesihatan Negeri telah bekerjasama dengan Radio MUTIARAm (RTM) untuk menyampaikan aktiviti promosi kesihatan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 31 slot kesihatan telah disiarkan setiap hari Isnin minggu pertama dan minggu ketiga daripada pukul 10.15 pagi hingga 10.45 pagi setiap bulan. Di samping itu, pihak MUTIARA fm juga membantu Jabatan Kesihatan Negeri untuk menyiarkan pengumuman spontan mengenai maklumat kesihatan dari semasa ke semasa bagi tujuan kempen kesihatan, kejadian wabak penyakit seperti denggi, aktiviti promosi kesihatan dan sebagainya.

**Jadual 4.98: Senarai Tajuk Slot Kesihatan Di Radio MUTIARAm Tahun 2019**

BIL	TARIKH	TAJUK
1.	7 Januari 2019	Peraturan Larangan Merokok Di Tempat Makan
2.	15 Januari 2019	Mobilisasi Komuniti Dalam Kawalan Denggi – Gotong-royong
3.	4 Februari 2019	Pusat Promosi Kesihatan Komuniti Klinik Kesihatan Seberang Jaya
4.	18 Februari 2019	Mobilisasi Komuniti Dalam Kawalan Denggi : COMBI
5.	4 March 2019	Jom Cergas Sihat Bersama Pusat Promosi Kesihatan Komuniti Klinik Kesihatan Sungai Dua
6.	18 March 2019	TB Atau Santau
7.	1 April 2019	Kempen Hidup Aktif When Active Living Kicks (WALK)
8.	15 April 2019	Sayangi Anak Anda - Berilah Imunisasi
9.	30 April 2019	Keselamatan Makanan Semasa Ramadhan
10.	6 Mei 2019	Nafas Baru Bermula Ramadhan
11.	3 Jun 2019	Jom Raya Tanpa Denggi
12.	17 Jun 2019	Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) Anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
13.	21 Jun 2019	Keracunan Methanol
14.	25 Jun 2019	Perkhidmatan Berhenti Merokok
15.	1 Julai 2019	Health Promotion in Learning Institutions (HePiLI)
16.	2 Julai 2019	Memperkasakan COMBI Dalam Komuniti
17.	15 Julai 2019	Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK)
18.	5 Ogos 2019	Caknakan Ibumama, Jayakan Penyusuan
19.	19 Ogos 2019	Jerebu dan Kesan ke Atas Kesihatan
20.	10 September 2019	Keselamatan Pengubatan Tanggungjawab Bersama
21.	13 September 2019	Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Kampungku Sihat

22.	17 September 2019	Tempat Pelancongan Bebas Asap Rokok di Batu Ferringhi
23.	19 September 2019	WALK Malaysia Sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang
24.	30 September 2019	Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019
25.	14 Oktober 2019	Perlaksanaan Akta 304 ke atas Pusat Perubatan
26.	15 Oktober 2019	WALK Malaysia Sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang
27.	29 Oktober 2019	Kawasan Larangan Merokok di Negeri Pulau Pinang
28.	4 November 2019	Wolbachia
29.	18 November 2019	Banjir, Sudah Bersediakah Anda?
30.	2 Disember 2019	Ada Wolbachia - Tiada Denggi, Zika dan Chikugunya
31.	16 Disember 2019	Pelaksanaan Larangan Merokok di Tempat Makan

## PROGRAM / HARI / AKTIVITI KHAS KESIHATAN

### Hari-hari Khas Kesihatan

**Jadual 4.99: Pelaksanaan Program / Hari Khas Kesihatan Peringkat Negeri 2019**

HARI KHAS	TARIKH & TEMPAT	AKTIVITI
Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang	6 April 2019 MRSM Transkrian, Nibong Tebal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjalan 10,000 Langkah, Senamrobik Dan Regangan Badan, Tayangan Video Ringkas Hari Tibi, Kuiz Kesihatan, Pertandingan Bercerita Kelab Dr Muda bertemakan Tibi, Pemeriksaan Kesihatan &amp; Gigi, Pameran Kesihatan, Permainan Interaktif dan Explorace.</li> <li>Kehadiran: 1,500 orang</li> </ul>
Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang Sempena WALK Malaysia 10,000 Langkah	19 Oktober 2019 Politeknik Seberang Perai, SPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>3KM dan 5KM Fun Run dan Fun Walk, Aerodance, Demonstrasi Aktiviti Fizikal, Photo Booth, Permainan Interaktif Dan Kuiz, Senamrobik, <i>Sport challenge</i> Persembahan senamsihat dan lompat tali, cabutan bertuah</li> <li>Kehadiran: 1,500 orang</li> </ul>
Hari Tanpa Tembakau Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang	4 Mei 2019 Taman Mini Balik Pulau, BD	<ul style="list-style-type: none"> <li>Senamrobik, Jom Mendaki Bukit Penara, Forum Nafas Baru Bermula Ramadan, Pameran Kesihatan dan Agensi Kerajaan, Saringan Kesihatan dan Pemeriksaan Gigi, <i>Fit N Fun</i> dan Cabutan Bertuah.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehadiran: 560 orang</li> </ul>
Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang	10 Oktober 2019 Kompleks Masyarakat Penyayang, TL	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Senamrobik, Forum Bersama Mencegah Pembunuhan Diri, Pertandingan Mewarna, <i>Focus Group Discussion (FGD)</i>, Permainan Interaktif dan Pameran Kesihatan</li> <li>• Kehadiran: 600 orang</li> </ul>
Jom Sihat Tanpa AIDS Peringkat Negeri Pulau Pinang	17 November 2019 Masjid An-Nur Titi Teras Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah Perdana oleh Ustaz Ebit Lew, Senamrobik, Kampung Fun Run, Pertandingan Mewarna, Kursus Mandian Jenazah HIV/AIDS, Pertandingan Resepi Sihat, Pertandingan Gubahan (Woven Bag), Pertandingan Beyblade, Saringan Kesihatan, Pameran Agensi Kerajaan dan NGO, <i>Fit N Fun</i> dan Permainan Interaktif</li> <li>• Kehadiran: 2,000 orang</li> </ul>
Majlis Pelancaran Kempen Hidup Aktif WALK Peringkat Negeri Pulau Pinang	20-21 April 2019 Midtown Perda, Kubang Menerong, SPU	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MyRun, MyRide, Senamrobik, Pertandingan Lompat Tali &amp; Senamsihat, Aerodance, Pemeriksaan Kesihatan/Gigi, Permainan Tradisional, Fun Fly (Kapal Terbang Kawalan Jauh), Pameran Agensi dan NGO, Active Zone, Booth Jualan dan <i>Food Truck</i></li> </ul>

## LATIHAN

### Kursus Dianjurkan;

- i. TOT Instruktur Kecergasan & IFiTer PROSIS pada 27 – 28 Mac 2019 di IPG Kampus Tuanku Bainun, SPT.
- ii. Training of Trainers (TOT) Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah pada 2-3 April 2019 di SK Pauh Jaya, SPT
- iii. Training of Trainers (TOT) Kelab Doktor Muda & Instruktur Kecergasan KDM Sekolah Menengah pada 25-26 April 2019 di Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas
- iv. Training of Trainers (TOT) Tunas Doktor Muda pada 14 Mei 2019 di Bilik Gerakan Bangunan Persekutuan Jalan Anson.
- v. Kursus Komunikasi Berkesan dan Kaedah Pendidikan Kesihatan pada 31 Julai - 1 Ogos 2019 di IPG Kampus Tuanku Bainun, SPT.
- vi. Kem Instruktur Kecergasan & Minggu Sihat Dr Muda Sekolah Rendah pada 7-8 Ogos 2019 di IPG Kampus Tuanku Bainun, SPT.
- vii. Kursus Memperkasa Pemimpin COMBI Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019 pada 27-29 September di Hotel Excelsior, Ipoh, Perak.
- viii. Kursus Penggerak Kecergasan dalam Komuniti pada 9 - 10 November 2019 di Klinik Kesihatan Sungai Dua, SPU.

## KAJIAN / TINJAUAN

- i. Tinjauan Pengetahuan Asas (*Essential Knowledge*) HIV/AIDS dalam kalangan remaja berumur 15-24 tahun melibatkan 15 buah sekolah dari semua daerah.
- ii. Penilaian Pencapaian KPI Pusat Promosi Kesihatan Komuniti 2014-2019.

### **HEALTH PROMOTING CLINIC (HPC)**

Program HPC adalah kerjasama di antara Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. HPC mula diperkenalkan tahun 2015 di negeri Pulau Pinang. Terdapat sebanyak 25 buah klinik yang telah dipilih untuk menjalankan HPC di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2015 hingga tahun 2018. Projek rintis HPC bermula di dua (2) klinik kesihatan terpilih iaitu Klinik Kesihatan Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah dan Klinik Kesihatan Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara. Taklimat pertama pelaksanaan HPC peringkat negeri dijalankan pada 27 Mac 2015. Pada tahun 2016, penambahan 13 buah klinik kesihatan, seterusnya tahun 2017, penambahan 10 buah klinik seterusnya penambahan sebanyak 10 klinik pada tahun 2018 dan terkini penambahan sebanyak 10 klinik pada tahun 2019.

**Jadual 4.100: Health Promoting Clinic (HPC) Negeri Pulau Pinang**

TAHUN	DAERAH	KLINIK KESIHATAN / KKIA / KD / K1M	JUMLAH
2015	Seberang Perai Utara	KK Tasek Gelugor	2
	Seberang Perai Tengah	KK Bukit Minyak	
2016	Seberang Perai Utara	KK Kepala Batas	13
		KK Butterworth	
		KK Penaga	
	Seberang Perai Tengah	KK Seberang Jaya	
		KK Berapit	
	Seberang Perai Selatan	KK Bandar Tasek Mutiara	
		KK Bukit Panchor	
	Barat Daya	KK Bayan Lepas	
		KK Bayan Baru	
	Timur Laut	KK Bandar Baru Air Hitam	
KK Jalan Perak			
KK Jalan Macalister			
KK Sungai Dua (TL)			
2017	Seberang Perai Utara	KK Sungai Dua (SPU)	10
		KK Mak Mandin	
	Seberang Perai Tengah	KK Permatang Pauh	
		KK Kubang Semang	

	Seberang Perai Selatan	KK Nibong Tebal	
		KK Sungai Acheh	
	Barat Daya	KK Teluk Bahang	
		KKIA Air Putih	
	Timur Laut	KK Lebu Muntri	
		KK Bukit Jambul	
2018	Seberang Perai Utara	KK Kuala Muda	10
		KD Kg Selamat	
	Seberang Perai Tengah	KK Perai	
		KK Machang Bubok	
	Seberang Perai Selatan	KKIA Sungai Bakap	
		KD Valdor	
	Barat Daya	KD Permatang Damar Laut	
		KIM Seri Genting Balik Pulau	
	Timur Laut	KK Tanjung Bungah	
		KK Air Itam	
2019	Seberang Perai Utara	KK Butterworth	10
		KK Mak Mandin	
	Seberang Perai Tengah	KK Kubang Semang	
		KK Machang Bubok	
	Seberang Perai Selatan	KK Bandar Tasek Mutiara	
		KK Bukit Panchor	
	Barat Daya	KK Bayan Lepas	
		KK Bayan Baru	
	Timur Laut	KK Jalan Macalister	
		KK Tanjung Bungah	

Pemantauan peringkat negeri pada tahun 2019 bagi 13 klinik kesihatan ini dijalankan pada bulan Oktober 2019 dan hasil pemantauan seperti berikut, terdapat lima (5) buah klinik kesihatan mendapat markah 80% ke atas, tujuh (7) buah klinik mendapat markah dari 60% ke 79% dan satu (1) klinik kesihatan mendapat markah di bawah 59%. Manakala untuk tahun 2017, ekoran daripada hasil pemantauan bagi 10 klinik kesihatan yang juga dijalankan pada bulan Oktober menunjukkan empat (4) buah klinik kesihatan mendapat markah 80% ke atas dan enam (6) buah klinik mendapat markah dari 60% ke 79%. Pada tahun 2018, hasil pemantauan bagi 10 klinik kesihatan yang dijalankan pada bulan Oktober menunjukkan empat (6) buah klinik kesihatan mendapat markah 80% ke atas, dua (2) buah klinik mendapat markah 70% - 79%, satu (1) buah klinik mendapat markah dari 50% - 59% dan satu (1) buah klinik mendapat markah dari 40% - 49%. Hasil lawatan penyeliaan pada bulan November 2019 menunjukkan lima (5) buah klinik kesihatan mendapat markah 80% ke atas, satu (1) buah klinik mendapat markah 60% - 79%, satu (1) buah klinik mendapat markah 40% - 49% dan tiga (3) buah klinik mendapat markah 39% ke bawah.

## PERKHIDMATAN

### Penerbitan

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 256,370 bahan bercetak telah diterbitkan di peringkat negeri meliputi poster, risalah, *flyer*, brosur, banner, booklet dan kad. Di samping itu, Cawangan Promosi Kesihatan juga menerima bahan bercetak dari Bahagian Pendidikan Kesihatan untuk kegunaan Negeri Pulau Pinang.

**Jadual 4.101: Senarai Terbitan Bahan-bahan Bercetak Tahun 2019**

BIL.	JENIS	TAJUK	BIL. CETAKAN
1	Poster	Difteria	1,000 keping
2		HFMD	1,000 keping
3	Risalah	HPV	30,000 keping
4		Difteria	4,000 keping
5		Speak Out, Suarakan Hak Anda	25,000 keping
6		Let's Talk, Minda Sihat	25,000 keping
7		Ayuh Gempur Aedes	10,000 keping
8		Kesengsaraan Pesakit Demam Denggi	10,000 keping
9		Lindungi Diri Anda Daripada Gigitan Nyamuk Aedes	10,000 keping
10		Kenali dan Cegah Komplikasi Denggi	30,000 keping
11	Flyer	Demam Denggi	10,000 keping
12		Tiada Aedes Tiada Denggi	12,000 keping
13	Brosur	Gunakan Repellan Nyamuk dan Bunuh Jentik-jentik dengan Temephos	8,000 keping
14	Banner	Denggi - Cheng Beng	50 keping
15		Denggi - Kawasan Wabak Denggi	200 keping
16		Nafas Baru Bermula Ramadan (rokok)	120 keping
17	Booklet	Cegah Denggi dan Chikugunya	30,000 keping
18		COMBI	20,000 keping
19	Kad	HPV	30,000 keping
<b>JUMLAH</b>			<b>256,370 keping</b>

### Promosi Kesihatan di Media Sosial

Laman *Page Facebook* Unit Promosi Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah bermula pada 16 Oktober 2015 dengan pautan [www.facebook.com/UPKNegeriPenang](http://www.facebook.com/UPKNegeriPenang). Laman ini dibangunkan dengan bertujuan untuk menyebarkan informasi berkaitan kesihatan, aktiviti-aktiviti promosi kesihatan, program-program kesihatan dan sambutan hari-hari kesihatan. Dari tarikh permulaan hingga tahun 2016 telah mencapai 507 'followers',

bagi tahun 2017 mencapai 859 'followers', bagi tahun 2018 mencapai 1172 'followers' dan bagi tahun 2019 mencapai 2113 'followers' mengikuti perkembangan pautan UPKN Penang.

Terdapat 3 jenis paparan yang dibuat di pautan UPK Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

- i) Informasi Kesihatan
- ii) Saranan / Hebahan isu-isu berkaitan kesihatan
- iii) Aktiviti / Program Promosi Kesihatan

**Jadual 4.102: Bilangan paparan UPK Negeri Pulau Pinang di pautan laman *facebook* sepanjang tahun 2019**

BULAN	Jan	Feb	Mar	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
<b>BIL. PAPANAN</b>	35	18	33	25	22	35	26	20	31	33	38	34	<b>350</b>

#### **Liputan Video dan Fotografi**

Sebanyak 57 liputan untuk aktiviti di peringkat jabatan dan daerah telah dilakukan sepanjang 2019 dengan 30 daripadanya adalah liputan fotografi manakala 27 selebihnya adalah liputan video yang telah dijadikan penerbitan penuh.

#### **RUMUSAN**

Pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan di Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2019 adalah memuaskan dengan penyertaan pelbagai pihak. Pelbagai pendekatan baru dalam aktiviti promosi kesihatan seperti HePILI dan COMBI dilihat berjaya menarik sokongan masyarakat untuk melibatkan diri serta mendapatkan manfaat secara langsung dalam program yang dianjurkan.

Program khas seperti Kelab Doktor Muda semakin berkembang dan mendapat sokongan yang baik dari pihak sekolah. Promosi Cara Hidup Sihat juga telah diperluaskan dengan lebih tumpuan diberi kepada usaha-usaha menggalakkan komuniti menjalankan aktiviti berbentuk kemahiran seperti 'Berjalan 10,000 Langkah', pengurusan stres, makan secara sihat, berhenti merokok, mengetahui tahap kesihatan dan sebagainya bagi maksud pencegahan kepada risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit terutamanya diabetes, hipertensi, serangan jantung, kanser dan lain-lain penyakit kardiovaskular yang semakin menular.

#### **PROGRAM CAWANGAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN**

##### **PENGENALAN**

Cawangan Kawalselia Radiasi Perubatan (CKRP), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bertanggungjawab dalam aktiviti penguatkuasaan dan permonitoran di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang melibatkan premis swasta dan kemudahan kerajaan dalam penggunaan radas

penyinaran dan juga bahan radioaktif. Di antara aktiviti CKRP adalah lawatan penguatkuasaan bagi premis swasta dan pemantauan bagi kemudahan kerajaan yang terlibat dengan penggunaan sinaran mengion bagi tujuan perubatan membabitkan hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian dalam negeri Pulau Pinang. Berdasarkan maklumat rekod perlesenan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terkini, jumlah klinik dan hospital swasta yang berlesen di bawah Akta 304 adalah sebanyak 281 premis swasta manakala sebanyak 58 buah kemudahan kerajaan berdaftar di bawah akta tersebut. Bagi aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ia merangkumi perkhidmatan Radiologi, Perubatan Nuklear, Radioterapi, Veterinar dan Pergigian yang terlibat dalam penggunaan sinaran mengion bagi tujuan diagnosis atau rawatan. Berdasarkan statistik terdapat 503 radas penyinaran dan 41 bahan radioaktif di premis swasta yang telah dilesenkan dengan KKM manakala, di kemudahan kerajaan pula terdapat 120 radas penyinaran dan 36 bahan radioaktif yang telah didaftarkan bagi tujuan perubatan.

### **OBJEKTIF/FUNGSI**

Memastikan penggunaan sinaran mengion bagi tujuan perubatan adalah selamat, optima dan wajar serta meminimalkan bahaya yang mungkin timbul daripada penggunaan sinaran mengion pada tahap yang dibenarkan.

### **AKTIVITI DAN PENCAPAIAN**

- Pemantauan pembaharuan lesen dan peringatan akhir di premis swasta.
- Pemantauan Keperluan Tambahan Perlesenan (QAP) perlesenan premis swasta.
- Aktiviti lawatan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta 304 bagi premis swasta.
- Aktiviti lawatan pemeriksaan pembaharuan lesen bersepadu bersama Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta.
- Aktiviti lawatan pemeriksaan dan pemantauan di bawah Akta 304 bagi kemudahan kerajaan.
- Menyelaras Program Penjaminan Mutu QAP Radiologi di Klinik Kesihatan.
- Penilaian Khidmat Nasihat Teknikal hospital kerajaan, klinik kesihatan dan klinik pergigian.
- Menyelaras Program Perlindungan Sinaran (PPS) Peringkat Negeri Pulau Pinang.
- Mengendali latihan, bengkel, kursus dan penyebaran maklumat di bawah Akta 304.
- Menyelaras dan menilai Program EKSA di Unit Radiologi klinik kesihatan.
- Menyelaras kajian kepuasan pelanggan di Unit Radiologi klinik kesihatan.
- Urusetia bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Kecemasan Perubatan bagi Kemalangan Radiasi dan Latihan Kecemasan (Drill) Kemalangan Radiasi Peringkat Negeri Pulau Pinang.

### **Pemantauan pembaharuan lesen dan peringatan akhir premis swasta.**

CKRP akan mengeluarkan notis pembaharuan lesen kepada premis swasta yang akan tamat lesen dalam tempoh 3 bulan sebelum lesen premis tersebut tamat. Peringatan akhir akan dikeluarkan sebulan sebelum lesen tamat sekiranya pihak CKRP tidak menerima sebarang maklumbalas berkaitan status pembaharuan lesen bagi premis tersebut. Pada tahun 2019, sebanyak 93 notis pembaharuan lesen telah dikeluarkan kepada premis swasta yang akan tamat lesen. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 66 notis peringatan akhir telah dikeluarkan.

**Jadual 4.103: Status Pembaharuan Lesen Premis Swasta**

<b>Status Pembaharuan Lesen</b>	<b>Tahun 2017</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2019</b>
Pembaharuan Awal	33.8%	87.5%	75.2%	95.7%
Pembaharuan Lewat	5.2%	10.23%	24.8%	4.3%
Premis Tutup	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%
Jumlah	100%	100%	100%	100%

Rujukan


Pembaharuan Awal : Lesen diperbaharui sebelum tamat tempoh lesen

Pembaharuan Lewat : Lesen diperbaharui selepas tamat tempoh lesen

**Jadual 4.104: Jumlah Notis Pembaharuan Lesen dan Peringatan Akhir yang dikeluarkan kepada premis swasta**

<b>Aktiviti</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
Jumlah Notis Pembaharuan Lesen	75	88	121	93
Jumlah Peringatan Akhir	72	50	72	66

**Rajah 4.35: Graf Jumlah Notis Pembaharuan Lesen dan Peringatan Akhir yang dikeluarkan kepada premis swasta**




#### **Pemantauan Keperluan Tambahan (QAP) Perlesenan premis swasta**

CKRP mengeluarkan Notis Peringatan Keperluan Tambahan Perlesenan (QAP) kepada semua premis swasta setiap tahun. Notis ini akan di hantar sebulan sebelum tarikh tamat Pengujian Kawalan Mutu (QC) bagi radas penyinaran yang terdapat di premis swasta terlibat. Berdasarkan notis tersebut, CKRP akan menerima dokumen QAP dari klinik swasta dari semasa ke semasa dan akan mengemaskini dalam sistem rekod. Pada tahun 2019, sebanyak 86 notis QAP telah dikeluarkan kepada premis swasta dan sebanyak 191 maklumbalas telah diterima untuk disemak dan direkod oleh CKRP.

**Jadual 4.105: Jumlah Notis Keperluan Tambahan Perlesenan (QAP) dan aklumbalas QAP yang dikeluarkan kepada premis swasta**

Aktiviti	2016	2017	2018	2019
Jumlah Notis Keperluan Tambahan Perlesenan (QAP)	80	82	87	86
Jumlah Maklumbalas QAP	144	206	221	191

**Rajah 4.36: Graf Jumlah Notis Keperluan Tambahan Perlesenan (QAP) dan maklumbalas QAP yang dikeluarkan kepada premis swasta**



#### **Aktiviti permonitoran dan penguatkuasaan di bawah Akta 304 bagi premis swasta**

Pada tahun 2019, CKRP telah menjalankan 145 lawatan ke premis swasta. Daripada jumlah tersebut, hanya 115 premis yang mematuhi kehendak dan peraturan perlesenan di bawah Akta 304. Surat amaran dan tindakan penambahbaikan telah dikeluarkan kepada premis-premis yang tidak mematuhi agar membuat tindakan bagi memastikan peraturan perlesenan di bawah Akta 304 di patuhi.

**Jadual 4.106: Bilangan premis swasta yang dilawati**

Jenis Lawatan	Bilangan di lawati			Pematuhan		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Lawatan Fomema, Aduan, Siasatan dan Penggeledahan	0	2	0	0	0	0
Lawatan pematuhan kehendak perlesenan-Lesen Menstor/Mengguna	21	70	50	21	52	32
Lawatan pematuhan kehendak perlesenan-Lesen Menstor sahaja	3	9	6	3	5	4
Lawatan Tamat Lesen	12	8	10	11	4	9
Lawatan Semakan Pematuhan Lesen Baru/Membaharui	59	24	-	59	10	-
Lawatan Pematuhan Berdasarkan Norma Keperluan Lawatan (Baru) / KPI PKN (2019)	-	12	79	-	12	70
<b>Jumlah</b>	<b>95</b>	<b>125</b>	<b>145</b>	<b>94</b>	<b>83</b>	<b>115</b>

### Aktiviti permonitoran dan penguatkuasaan di bawah Akta 304 bagi kemudahan kerajaan

Sebanyak 66 lawatan telah dijalankan di kemudahan kerajaan pada tahun 2019. Di antara aktiviti yang dijalankan semasa lawatan tersebut adalah seperti pelaksanaan audit filem, menjalankan pengujian semula (*Crosscheck*) Ujian Kawalan Mutu bagi radas penyinaran, Pengujian Perisaian Bilik X-Ray dan juga lawatan tapak bagi kemasukan radas penyinaran baru. Berdasarkan lawatan yang dijalankan, semua kemudahan kerajaan tersebut mematuhi peraturan dibawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

**Jadual 4.107: Bilangan kemudahan kerajaan yang dilawati**

Jenis Lawatan	Bilangan di lawati			Pematuhan		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Hospital	11	24	14	11	24	14
Klinik Kesihatan	17	38	12	17	38	12
Klinik Pergigian	6	13	37	6	13	37
Tentera	0	0	3	0	0	3
<b>Jumlah</b>	<b>34</b>	<b>75</b>	<b>66</b>	<b>34</b>	<b>75</b>	<b>66</b>

### Program Penjaminan Mutu Radiologi di Klinik Kesihatan

**Jadual 4.108 :Program Penjaminan Mutu Radiologi di Klinik Kesihatan**

Bil	Aktiviti	Indikator	Standard	Klinik Kesihatan	Pencapaian	
					2018	2019
1.	Pengujian Kawalan Mutu (QC)	1x setahun	Mematuhi <i>Malaysian Standard 838</i>	KK Sg. Dua, SPU	Tiada radas	Selesai
				KK Butterworth, SPU	Selesai	Selesai
				KK Seberang Jaya, SPT	Selesai	Selesai
				KK Bayan Baru, BD	Tiada radas	Selesai
				KK Sg. Dua, TL	Selesai	Selesai
				KK Jalan Perak, TL	Selesai	Selesai
				KK Bandar Baru Air Itam, TL	Selesai	Selesai
				KK Penaga, SPU	Selesai	Selesai
				KK Kepala Batas, SPU	Selesai	Selesai
				KK Tasek Gelugor, SPU	Selesai	Selesai
				KK Bukit Minyak	Selesai	Selesai
	Analisis Kadar	% filem yang		KK Sg. Dua, SPU	Tiada radas	0.43%

	Penolakan Filem (FRRA)	ditolak	<2.5%	KK Butterworth, SPU	0.12%	0.08%
				KK Seberang Jaya, SPT	0.86%	0.88%
				KK Bayan Baru, BD	Tiada radas	0.18%
				KK Sg. Dua, TL	0.67%	0.48%
				KK Jalan Perak, TL	1.13%	0.29%
				KK Bandar Baru Air Itam, TL	0.26%	0.09%
				KK Penaga, SPU	0.37%	0.21%
				KK Kepala Batas, SPU	0.68%	0.34%
				KK Tasek Gelugor, SPU	0.73%	0.47%
				KK Bukit Minyak	0.31%	0.21%
4.	Pembangunan profesional berterusan (CPD)	1x setahun		Tercapai: Semua Juru X-ray di klinik kesihatan telah menghadiri lebih dari 1 kursus yang berkaitan penggunaan sinaran mengion dalam tempoh 1 tahun tersebut.		
Bil	Aktiviti	Indikator	Standard	Klinik Kesihatan	2018 (Kitaran 2)	2019
5.	Audit kualiti (Klinik Kesihatan yang mempunyai perkhidmatan x-ray)	% arahan pemeriksaan x-ray wajar	≥90%	KK Penaga, SPU	83.3%	96.7%
				KK Sungai Dua, SPU	93.3%	93.3%
				KK Kepala Batas, SPU	96.7%	96.7%
				KK Tasek Gelugor, SPU	90.0%	96.7%
				KK Butterworth, SPU	86.7%	83.3%
				KK Seberang Jaya, SPT	90.0%	80.0%
				KK Jalan Perak, TL	96.7%	93.3%
				KK Bandar Baru Air Itam, TL	96.7%	96.6%
				KK Sungai Dua, TL	93.3%	96.7%
				KK Bayan Baru, BD	93.3%	90.0%
				KK Bukit Minyak	96.7%	96.7%
6.	Audit kualiti (Klinik kesihatan yang	% laporan x-ray tepat	≥ Previous Achieve ment	KK Penaga, SPU	73.3%	70.0%
				KK Sungai Dua, SPU	80.0%	73.3%
				KK Kepala Batas, SPU	83.3%	70.0%
				KK Tasek Gelugor, SPU	62.1%	63.3%

	mempunyai perkhidmatan x-ray)			KK Butterworth, SPU	56.7%	63.3%
				KK Seberang Jaya, SPT	83.3%	86.7%
				KK Jalan Perak, TL	90.0%	86.7%
				KK Bandar Baru Air Itam, TL	86.7%	77.8%
				KK Sungai Dua, TL	79.3%	70.0%
				KK Bayan Baru, BD	83.3%	80.0%
				KK Bukit Minyak	86.7%	83.3%
7.	Audit kualiti (Klinik kesihatan yang tidak mempunyai perkhidmatan x-ray)	% arahan pemeriksaan x-ray wajar	≥ 90%	KK Air Itam, TL	93.3%	90.0%
				KK Jalan Macalister, TL	85.7%	86.7%
				KK Bukit Jambul, TL	96.7%	93.3%
				KK Bayan Lepas, BD	86.7%	90.0%
				KK Bandar Tasek Mutiara	87.5%	93.3%
				KK Kubang Semang	93.3%	86.7%
				KK Mak Mandin	90.0%	92.9%
				KK Bukit Pancor	100.0%	93.3%
				KK Tanjung Bungah	TB	83.3%
		% laporan x-ray tepat	≥ Previous Achievement	KK Air Itam, TL	90.0%	70.0%
				KK Bayan Lepas, BD	90.0%	80.0%
				KK Jalan Macalister	86.2%	86.7%
				KK Bukit Jambul	83.3%	76.9%
				KK Kubang Semang	85.0%	83.3%
				KK Bandar Tasek Mutiara	75.9%	83.3%
				KK Bukit Pancor	76.7%	77.8%
				KK Mak Mandin	TB	70.0%
				KK Tanjung Bungah	TB	83.3%
<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Indikator</b>	<b>Standard</b>	<b>Klinik Kesihatan</b>	<b>2019 (KITARAN 1)</b>	<b>2019 (KITARAN 2)</b>
8	Audit Filem	% filem (dada) yang memenuhi kriteria	≥85%	KK Penaga, SPU	100.0%	100.0%
				KK Sungai Dua, SPU	Radas Rosak	86.7%
				KK Kepala Batas, SPU	92.9%	93.3%
				KK Tasek Gelugor, SPU	85.7%	100.0%
				KK Butterworth, SPU	100.0%	100.0%
				KK Seberang Jaya, SPT	92.9%	100.0%

				KK Bukit Minyak, SPT	100.0%	93.3%
				KK Jalan Perak, TL	100.0%	100.0%
				KK Bandar Baru Air Itam, TL	100.0%	100.0%
				KK Bayan Baru, BD	100.0%	100.0%
				KK Sungai Dua, TL	100.0%	100.0%

### **Khidmat Nasihat Teknikal dalam bidang keselamatan sinaran dan Fizik Perubatan untuk perkhidmatan di Hospital, Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian**

CKRP bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat dari segi teknikal, perlindungan sinaran dan menghadiri lawatan tapak bagi kemudahan kerajaan yang mempunyai perkhidmatan x-ray. Pada tahun 2019, CKRP telah terlibat secara langsung dalam memberi khidmat nasihat bagi projek perolehan radas penyinaran beserta *Computed Radiography (CR) System* di beberapa kemudahan kerajaan antaranya Klinik Kesihatan Bayan Baru, Klinik Kesihatan Penaga dan Klinik Kesihatan Sungai Dua, SPU. CKRP juga turut melaksanakan Pengujian Semula (*Crosscheck*) Ujian Kawalan Mutu bagi semua radas penyinaran yang terdapat di Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan juga radas yang telah berusia lebih 10 tahun yang terdapat di hospital kerajaan. CKRP juga turut terlibat dalam melaksanakan Ujian Perisaian (*Lead Lining Test*) di Bilik X-ray. Pada tahun 2019, Ujian Perisaian telah dijalankan di Klinik Pergigian Butterworth bagi memastikan bilik x-ray di klinik terbabit mematuhi spesifikasi yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. CKRP juga bertanggungjawab untuk memantau dedahan dose bagi pesakit yang menjalani rawatan *permanent seed implant brachytherapy* di kemudahan kerajaan. Pada tahun 2019, CKRP telah membuat pengukuran dose keatas pesakit di Klinik Kesihatan Seberang Jaya yang mengandungi *radioactive seed* di samping memberi khidmat nasihat kepada pesakit berkaitan langkah-langkah perlindungan sinaran yang perlu di ambil serta khidmat nasihat kepada kakitangan klinik bagi memastikan dedahan dos yang diterima oleh kakitangan kesihatan adalah minima semasa mengendalikan pesakit tersebut .



## **Jawatankuasa Program Perlindungan Sinaran Peringkat Negeri Pulau Pinang (JPPSPN)**

JPPSPN telah ditubuhkan dengan rasminya pada 11 September 2007 dan dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Polisi penubuhan JPPSPN adalah untuk melindungi manusia dan alam sekitar daripada dedahan sinaran yang merbahaya dan dedahan tidak sepatutnya dan mematuhi serta melaksanakan kehendak di bawah peruntukan undang-undang Malaysia yang termaktub dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), arahan-arahan serta peraturan-peraturan keselamatan dan perlindungan sinaran sejajar dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

JPPSPN bertanggungjawab menganjurkan satu kursus perlindungan sinaran peringkat negeri pulau pinang kepada semua kakitangan perubatan yang terlibat dengan radas penyinaran dan bahan radioaktif samaada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, pada 24 April 2019, *Penang Radiation Protection Day* telah berjaya diadakan dan dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr. Wan Mansor bin Hamzah, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Kursus tersebut melibatkan hampir 208 peserta yang terdiri daripada kakitangan hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian dan juga tentera. Selain itu juga, JPPSPN menganjurkan satu Taklimat Perlindungan Sinaran JPPSPN Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dilaksanakan secara bersiri iaitu Siri 1 dan Siri 2. Penglibatan peserta bagi taklimat ini terbuka kepada semua pekerja sinaran dari Bidang Radiologi dan Pergigian merangkumi seramai 67 orang kesemuanya.



Taklimat Perlindungan Sinaran JPPSPN Peringkat Negeri Pulau Pinang Sesi 2019



*Penang Radiation Protection Day* di Auditorium A KOMTAR

**Pengendalian Latihan, Bengkel, Kursus Dan Penyebaran Maklumat berkaitan sinaran mengion serta peraturan-peraturan yang berkaitan Akta Perlindungan Sinaran Mengion 1984 (Akta 304)**


Pada tahun 2019, CKRP berjaya mengendalikan 3 kursus/bengkel dengan penyertaan peserta seramai 139 orang yang terdiri dari Kumpulan Sokongan dan Kumpulan Pengurusan & Profesional. Antara kursus yang telah dijalankan adalah Kursus Pemantapan Perkhidmatan Radiologi: CME Radiologi 2019, *Training Workshop for MERT team for Hospital* dan Kursus *Simulation Radiation Emergency Preparedness*.



## Menyelaras kajian kepuasan pelanggan di Unit Radiologi Klinik Kesihatan

Kajian Kepuasan Pelanggan di Unit Radiologi Klinik Kesihatan masih diteruskan pada tahun 2019 bagi mengenalpasti kelemahan dan kekurangan perkhidmatan x-ray di Unit Radiologi, Klinik Kesihatan. Kajian ini dilaksanakan ke atas pesakit yang mendapatkan perkhidmatan radiologi di Klinik Kesihatan. Pada tahun 2019, 9 Unit Radiologi di Klinik Kesihatan telah berjaya menjalankan kajian kepuasan pelanggan tersebut. Jumlah sampel yang di ambil adalah sebanyak 200 sampel kajian bagi setiap klinik kesihatan.

**Rajah 4.37 : Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2019 Unit Radiologi Klinik Kesihatan**



## PROGRAM CAWANGAN INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN (CIP)

### PENGENALAN

Penubuhan Cawangan Inspektorat dan Perundangan (CIP) adalah untuk mewujudkan satu struktur yang teratur dan mantap yang mampu menjalankan tugas-tugas penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan dengan lebih profesional serta mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dibawah Undang-Undang Kesihatan Awam.

### OBJEKTIF

- i. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan Undang-Undang Kesihatan Awam dengan lebih fokus, teratur dan mantap
- ii. Mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kesihatan awam.

### UNIT PENDAKWAAN

#### OBJEKTIF PENUBUHAN PASUKAN TERAS PENDAKWAAN

- i. Satu pasukan pendakwaan khas yang terlatih peringkat Negeri Pulau Pinang yang dikenali sebagai **Pasukan Teras Pendakwaan (PTP) Negeri Pulau Pinang "Core Prosecution Team"** telah diwujudkan pada tahun 2019 bagi menjalankan tugas pendakwaan perbicaraan di bawah Undang-Undang Kesihatan Awam seperti Akta Makanan 1983, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit

1975 , Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta kes-kes berprofil tinggi di peringkat daerah masing-masing. Tujuan penubuhan pasukan pendakwaan ini adalah selaras dengan objektif penubuhan Unit Pendakwaan, Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP), Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai langkah bagi memperkembangkan pasukan pendakwaan di setiap negeri.

ii. Pasukan Teras Pendakwaan Negeri Pulau Pinang akan diketuai oleh Ketua Cawangan Inspektorat dan Perundangan (CIP), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sebagai penasihat dan seorang ketua pasukan teras pendakwaan negeri dengan dianggotai oleh setiap 2 orang ahli pasukan iaitu pegawai pendakwa (PO) yang dilantik dikalangan Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) di Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing. Jumlah anggota Pasukan Teras Pendakwaan Pendakwaan Negeri adalah seramai 15 orang.

iii. Pejabat kesihatan yang terdapat dalam Negeri Pulau Pinang adalah Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara dan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa.

#### **FUNGSI PASUKAN TERAS PENDAKWAAN NEGERI**

i. Pegawai pendakwa (PO) yang dilantik dalam pasukan teras pendakwaan tersebut akan berperanan dalam mengendalikan kes-kes perbicaraan yang telah melanggar Undang-Undang Kesihatan Awam serta memberi input teknikal pendakwaan di daerah masing-masing. Selain itu, pasukan teras pendakwaan daerah akan membimbing pegawai pendakwa yang baru dilantik di bawah Seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) untuk menjalankan sebutan kes di Mahkamah Rendah dengan prosedur yang betul.

ii. Tambahan lagi, bagi memastikan kejayaan dalam kes perbicaraan, pasukan teras pendakwaan negeri akan menganjurkan mesyuarat dan *mock trial* bersama pasukan daerah untuk membincangkan elemen pendakwaan bersama-sama saksi pendakwaan bagi memastikan dokumen perbicaraan dalam keadaan teratur dan isu-isu teknikal yang dapat dijangka dalam proses pendakwaan.

iii. Sepanjang tahun 2019, terdapat 5 kes perbicaraan telah berlangsung di Negeri Pulau Pinang yang melibatkan pelbagai kesalahan dan beberapa kes perbicaraan yang berlangsung, telah dibawa ke peringkat rayuan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

**Jadual 4.109 : Kes Perbicaraan Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**

<b>BIL</b>	<b>KES</b>	<b>PKD</b>	<b>KESALAHAN</b>
1	PP V SYARIKAT ALAGAPASS	PMA	AKTA MAKANAN 1983
2	PP V MONDELEZ SDN BHD	PMA	AKTA MAKANAN 1983
3	PP V PERNIAGAAN TENG BEE	PKD TL	AKTA MAKANAN 1983
4	PP V TAN XX XX	PKD TL	APSP 1975
5	PP V MUHAMMAD XX XX	PKD SPU	AKTA MAKANAN 1983

## PENCAPAIAN PROGRAM

### Operasi Penang Sihat


Cawangan Inspektorat dan Perundangan (CIP) Negeri Pulau Pinang sangat komited dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan memberi penekanan terhadap isu-isu yang boleh menjejaskan aspek kesihatan persekitaran di negeri ini.

Sepanjang tahun 2019, Cawangan Inspektorat dan Perundangan telah berjaya melaksanakan 12 siri Operasi Penang Sihat yang melibatkan semua Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa termasuk agensi luar seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Setiap operasi yang dijalankan telah memberi impak yang positif terhadap orang awam dalam mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan persekitaran terjamin.

Berikut adalah pencapaian operasi penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam yang telah dijalankan:-

### Penguatkuasaan Kawalan Hasil Tembakau

**Rajah 4.38: Bilangan Operasi Kawalan Hasil Tembakau Bagi Tahun 2015 - 2019**



**Rajah 4.38** menunjukkan pencapaian operasi penguatkuasaan kawalan hasil tembakau yang dijalankan dari tahun 2015 hingga 2019. Sebanyak 816 operasi telah dijalankan pada tahun 2019 berdasarkan situasi semasa dan aduan awam yang diterima. Jumlah bilangan operasi adalah bertambah berbanding dengan tahun sebelumnya dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

**Jadual 4.110: Aktiviti Penguatkuasaan Kawalan Hasil Tembakau Bagi Tahun 2015 - 2019**


Bil	Aktiviti operasi	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bil. Premis / Lokaliti Dilawati	1890	1951	3076	1947	2341

2	Bil. Notis Kesalahan Sek.32B Dikeluarkan	4134	4108	4293	4380	5117
3	Bil. Kompaun Yang Dibayar	1539	1297	1760	1829	5234
4	Jumlah Amaun Kompaun Yang Dibayar (RM)	205,637	169,985	265,530	282,400.30	432,057
5	Bil. Jenis Barangan Dirampas	1341	892	4047	2202	13813
6	Jumlah Nilai Rampasan (RM)	12,208.80	7,761.70	54,868.60	57,537.26	60,964

**Jadual 4.110** menunjukkan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Pada tahun 2019 sebanyak 5117 notis di bawah Seksyen 32B telah dikeluarkan. Diantara kesalahan yang telah dilakukan adalah Merokok Di Kawasan Larangan Merokok, Orang Belum Dewasa Merokok (OBD), Jualan Rokok Dibawah Harga Minima Rokok (HMR) dan lain-lain. Dari jumlah tersebut sebanyak 5234 kompaun telah dijelaskan termasuk kompaun tahun 2018 yang tamat pada 2019 dengan nilai RM 432,057.00. Manakala bagi jumlah rampasan pula meningkat iaitu RM60,964.00 berbanding tahun sebelumnya iaitu RM57,537.26.

#### Penguatkuasaan Keselamatan dan Kebersihan Makanan

**Rajah 4.39: Bilangan Operasi Kawalan Keselamatan Makanan Bagi Tahun 2015 – 2019**



**Rajah 4.39** menunjukkan aktiviti penguatkuasaan dibawah Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2019, terdapat peningkatan dalam operasi yang dijalankan iaitu sebanyak 237 operasi Penguatkuasaan dijalankan. Diantara operasi yang dijalankan adalah Operasi Premis Bersih yang dilaksanakan pada setiap bulan, Operasi Bertema dan Operasi Rutin.

**Jadual 4.111: Aktiviti Penguatkuasaan Keselamatan & Kebersihan Makanan (2015-2019)**

Bil	Aktiviti operasi	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bil. Sampel Formal Diambil	2034	2504	3605	1365	1304
2	Bil. Sampel Formal Menyalahi	46	51	57	48	44
3	Bil. Premis Diperiksa	6232	6337	7428	6444	7225
4	Bil. Premis Makanan Ditutup	131	80	108	210	217
5	Bil. Jenis Barangan Rampasan Dibuat	35955	4414	2260	2472	3289
6	Jumlah Nilai Rampasan (RM)	24,846.08	77,037.94	31,415.86	75,344.94	32,204.00
7	Bil. Notis Sek.32B Dikeluarkan	454	792	1729	2387	2787
8	Bil. Kompaun Yang Dibayar	376	534	1683	1920	2559
9	Jumlah Amaun Kompaun Yang Dibayar (RM)	187,940.00	203,050.00	525,765.00	664,037.00	908,237.00


**Jadual 4.111** menunjukkan aktiviti penguatkuasaan keselamatan dan kebersihan Makanan. Pada tahun 2019 sebanyak 44 dari 1304 sampel formal yang diambil melanggar peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan - Peraturan Makanan 1985. Antara kesalahan yang dikesan antaranya penggunaan bahan pengawet yang dilarang dalam makanan.

Bilangan pemeriksaan premis makanan yang diperiksa iaitu 7225 premis meningkat daripada tahun sebelumnya. Bagi bilangan jenis barangan yang rampas adalah sebanyak 3289 dengan jumlah nilai rampasan RM 32,204.00.

Pengeluaran Notis Kesalahan Memerintah Kehadiran Ke Mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 mula dikuatkuasakan di Pulau Pinang pada tahun 2015. Pada tahun 2019 sebanyak 2681 notis kesalahan telah dikeluarkan. Bilangan kompaun yang telah dibayar adalah 2456 dengan nilai bayaran RM 628,987.00. Manakala Pengeluaran Notis Kesalahan Memerintah Kehadiran Ke Mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 jumlah notis kesalahan yang dikeluarkan adalah sebanyak 106 dan jumlah kompaun yang dibayar adalah 103 dengan nilai bayaran RM 279,250.00.

## Penguatkuasaan Kawalan Vektor

**Rajah 4.40: Bilangan Operasi Kawalan Vektor Bagi Tahun 2015 – 2019**



**Rajah 4.40** adalah Aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 menunjukkan pengurangan bilangan operasi yang dijalankan iaitu sebanyak 98 operasi pada tahun 2019 berbanding 79 pada tahun sebelumnya. Operasi peringkat daerah dijalankan melalui jadual yang dirancang oleh daerah. Manakala operasi peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dijalankan seperti Ops Penang Sihat dan Ops Bersama CIDB serta Operasi Gempur Aedes dimana arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang dilaksanakan pada setiap bulan. Operasi ini memberi tumpuan kepada kawasan wabak demam denggi yang telah dikenalpasti dan penekanan juga diberikan di kawasan berpotensi tinggi seperti tapak binaan, tapak semaian serta kawasan longgokan barang lusuh dan terpakai.

**Jadual 4.112: Penguatkuasaan Kawalan Vektor Bagi Tahun 2015-2019**

Bil	Aktiviti operasi	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bil. Premis Diperiksa	481,657	405,479	322,191	421,108	494,756
2	Bil. Premis Positif Pembiakan	21,326	14,973	12,357	12,705	11,602
3	Bil. Perintah Notis (Sek.8) Dikeluarkan (Notis Pembersihan)	1360	716	845	1167	1088
4	Bil. Kompaun Yang Dikeluarkan	1323	1046	1472	1987	1249
5	Bil. Kompaun Yang Dibayar	869	844	1075	1490	1114
6	Jumlah Amaun Kompaun Dibayar (RM)	279,200.00	278,780.00	352,320.00	525,870.00	375,285.00

7	Bil. Arahan Berhenti Kerja	52	33	35	28	13
8	Bil. Premis Ditutup	70	36	38	29	14

**Jadual 4.112** menunjukkan pada tahun 2019, sebanyak 494,756 premis telah diperiksa di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Hasilnya, sebanyak 11,602 premis didapati positif pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes dan 1249 kompaun telah dikeluarkan dengan 1114 dari kompaun tersebut telah dibayar dengan nilai RM375,285.00. Hanya 11% premis positif pembiakan boleh dikeluarkan kompaun. Ini disebabkan oleh pembiakan jentik-jentik ditemui di premis atau kawasan yang tidak boleh dikompaun seperti penghuni dibawah umur 18 tahun, rumah berkunci, tanah terbiar, rumah kosong dan bahu jalan. Selain itu juga, sebanyak 13 Notis Arahan Berhenti Kerja dikeluarkan kepada tapak binaan dan sebanyak 14 Premis ditutup bagi melakukan kerja-kerja pembersihan.

## Penguatkuasaan Kawalan Penyakit Berjangkit

**Jadual 4.113 : Aktiviti Penguatkuasaan Kawalan Penyakit Berjangkit bagi tahun 2015–2019**

Bil	Aktiviti operasi	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bil. Kes Penyakit Berjangkit Gagal Dilapor	0	0	0	0	7
2	Bil. Siasatan Ke Atas Kegagalan Melapor Kes Dijalankan	0	0	0	0	7
3	Bil. Kompaun Dikeluarkan	0	0	0	0	0
4	Bil.Premis Diperiksa Di Bawah Seksyen 18(1)	36	72	51	776	205
5	Bil. Premis Ditutup Di Bawah Sekseyen 18(1)	12	55	20	189	87

**Jadual 4.113** menunjukkan aktiviti penguatkuasaan kawalan penyakit berjangkit dari tahun 2015 hingga 2018, tiada kes penyakit berjangkit yang gagal dilaporkan dan tiada kompaun dikeluarkan. Namun pada tahun 2019, sebanyak 7 kes penyakit berjangkit yang gagal dilaporkan telah direkodkan. Sebanyak 205 premis telah diperiksa di bawah Seksyen 18(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (APPPB) 1988 dan 87 premis tersebut telah ditutup di bawah seksyen yang sama.

Antara premis yang ditutup adalah Pusat Asuhan Kanak-Kanak, Taska, Tadika dan Dewan Makan Asrama Sekolah. Penutupan Premis di bawah APPPB 1988 adalah berdasarkan kejadian Penyakit Berjangkit iaitu Kaki Tangan Dan Mulut (HFMD) dan Kejadian Keracunan Makanan.

### **Penyediaan Kertas Siasatan (KS) Untuk Kes Pendakwaan**

Setiap notis memerintah kehadiran ke mahkamah (Notis 32B) yang dikeluarkan kepada Orang Kena Notis (OKN) perlu dibuka kertas siasatan untuk mendapatkan izin kompaun dari Timbalan Pendakwa Raya (TPR). Sekiranya tawaran kompaun tidak dijelaskan oleh OKN, kertas siasatan ini akan diteruskan dengan prosedur pendakwaan di Mahkamah iaitu mengemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi mendapatkan izin dakwa sebelum prosedur pendakwaan di mahkamah.

**Jadual 4.114: Kertas Siasatan Dibuka Untuk Kes Pendakwaan Tahun 2019**

Bil	Perkara	AM	PPM	PPKM	PPKHT	APSPP	APPPB	TOTAL
1	Bil. Kertas Siasatan Dibuka	31	106	2929	4979	1630	15	<b>9690</b>
2	Bil. Kertas Siasatan Dirujuk Ke Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Untuk Izin Kompaun	-	91	2512	4441	1236	0	<b>8280</b>
3	Bil. Kertas Siasatan Dirujuk Ke TPR Untuk Izin Dakwa	18	15	417	2276	394	0	<b>3120</b>
4	Bil. Kes <i>No Further Action (NFA)</i> Dari TPR	3	1	16	40	1	0	<b>61</b>
5	Bil. Kertas Siasatan Daftar Di Mahkamah	17	15	420	2152	469	0	<b>3073</b>

Berdasarkan **Jadual 4.114**, telah menunjukkan jumlah kertas siasatan yang dibuka bagi setiap Akta dan Peraturan untuk tindakan Pendakwaan di mahkamah bagi tahun 2019. Sebanyak 9690 kertas siasatan telah dibuka pada tahun tersebut dan sebanyak 8280 kertas siasatan dirujuk ke TPR untuk mendapatkan izin kompaun. Manakala, sebanyak 3120 Kertas siasatan dirujuk untuk izin dakwa dan sebanyak 3073 kertas siasatan telah didaftar di Mahkamah.

Walaupun, sebanyak 61 kertas siasatan telah mendapat arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya untuk tidak melanjutkan pendakwaan selanjutnya (NFA) atas kriteria seperti kematian Orang Kena Saman (OKS), OKS tidak dapat dijumpai dan sebagainya.

#### **Tindakan Pendawaan di Mahkamah**

Setiap kertas siasatan yang telah daftar di Mahkamah, pihak mahkamah akan memberi tarikh sebutan untuk OKS hadir ke Mahkamah. Prosiding pendakwaan di mahkamah akan dijalankan berdasarkan tatacara Seksyen 173, Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) di hadapan Majistret.


Sekiranya pihak OKS mengaku salah, pihak mahkamah akan menjatuhkan hukuman berdasarkan pertuduhan terhadap OKS. Di sebaliknya, sekiranya OKS tidak mengaku salah, mahkamah akan menetapkan prosedur perbicaraan kes bagi tarikh selanjutnya. Dalam prosiding pendakwaan di Mahkamah, terdapat beberapa terma mahkamah yang harus diketahui oleh Pegawai Pendakwa seperti *discharge not amounting to acquitted* (DNAA) bermaksud dibebaskan tanpa dibebaskan iaitu OKS tersebut boleh dituduh semula jika terdapat bahan bukti yang baru. *Discharge and Acquittal (D&A)* bermaksud Orang Kena Saman dilepaskan dan dibebaskan selepas bebas dari sesuatu pertuduhan di Mahkamah.

**Jadual 4.115: Tindakan Mahkamah Terhadap Kes Pendakwaan Tahun 2019**

Bil	Perkara	AM	PPM	PPKM	PPKHT	APSPP	APPPB	TOTAL
1	Bil. kes di denda	14	8	31	43	62	0	138
2	Bil. Kes dipenjarakan	0	0	0	0	0	0	0
3	Amaun denda (RM)	28,700	9610	15,360	13,130	128,410	0	195,210
4	Bil. kes DNAA	4	0	244	1808	258	0	2314
5	Bil. kes ditarik balik	0	6	204	300	216	0	726

Berdasarkan **Jadual 4.115** di atas, menunjukkan tindakan kes-kes pendakwaan di mahkamah bagi tahun 2019. Sebanyak 138 kes telah dijatuhkan hukuman denda dengan amaun sebanyak RM195,210.00 dan tiada kes dipenjarakan sepanjang tahun 2019. Jadual juga menunjukkan bilangan kes DNAA adalah sebanyak 2314 kes atas kriteria waran tangkap gagal disempurnakan kepada Orang Kena Saman (OKS). Manakala, sebanyak 726 kes ditarik balik adalah disebabkan OKS menjelaskan tawaran kompaun.

**PERBICARAAN RINGKAS (SUMMARY TRIAL) – S-173 CPC**



Dari segi permohonan kad kuasa untuk lantikan sebagai pegawai diberikuasa, PKP dan PPKP wajib memohon Kad Pengenalan Penguatkuasaan Kesihatan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan. Antara aktiviti penguatkuasaan adalah seperti di bawah Akta Makanan 1983 , Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Selain daripada Kad Pengenalan Penguatkuasaan Kesihatan, terdapat juga Sijil Perakuan Kuasa Di Bawah Subseksyen 3(1) APPPB 1988, Sijil Perakuan Kuasa Di Bawah Subseksyen 3(2) Akta Makanan 1983, Sijil Perakuan Mengkompaun Di Bawah Subseksyen 33(1) yang perlu dimohon sebagai pegawai diberikuasa yang dilantik oleh Menteri Kesihatan. Bagi Kuasa Di Bawah Seksyen 10 Dan 11, Akta Makanan 1983 iaitu Kuasa Penutupan Premis Makanan, kuasa permohonan akan diturunkan kepada PPKP Gred U32 dan ke atas sahaja.

**Jadual 4.117: Permohonan Kad Kuasa**

BIL	PERKARA	TAHUN 2019
1.	Kad Pengenalan Penguatkuasaan Kesihatan	26
2.	Sijil Perakuan Kuasa Di Bawah Subseksyen 3(1) A PPPB 1988	27
3.	Sijil Perakuan Kuasa Di Bawah Subseksyen 3(2) AM 1983	40
4.	Sijil Penurunan Kuasa Mengkompaun Di Bawah Subseksyen 33(1)	29
5.	Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 10 Dan 11, Akta Makanan 1983	10
6.	Sijil Penurunan Kuasa Mengkompaun Seksyen 25, A PPPB 1988	5

Permohonan yang diterima akan disemak dan direkod oleh Cawangan Inspektorat Dan Perundangan Negeri (CIPN) sebelum dihantar kepada Sektor Perundangan Dan Inspektorat (SIP), Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk proses permohonan.

#### **Pemohonan Kad Perwakilan Kuasa Dibawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Bagi Pembantu Kesihatan Awam (PKA)**

Bermula pada tahun 2016, permohonan untuk kad Perwakilan Kuasa Dibawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 telah dibuat oleh PKA melalui Cawangan Inspektorat Dan Perundangan Negeri (CIPN), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang kepada Sektor Perundangan Dan Inspektorat (SIP), Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 68 permohonan telah dimohon oleh PKA pada tahun 2018 dan sebanyak 27 permohonan pada tahun 2019.

Cawangan Inspektorat dan Perundangan akan menerima borang permohonan dari PKA di daerah dan seterusnya akan membuat semakan dan merekod sebelum dihantar ke Sektor Perundangan Dan Inspektorat, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **PROGRAM CAWANGAN KEJURUTERAAN BAHAGIAN KESIHATAN AWAM**

Cawangan Kejuruteraan Bahagian Kesihatan Awam terbahagi kepada enam program iaitu:

- I. Projek
- II. Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK)
- III. Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)
- IV. Pengurusan Aset Tak Alih (PATA)
- V. Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)
- VI. Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

## PROJEK PEMBAIKAN KECIL

Aktiviti Pengurusan Projek Pembaikan Kecil dilaksanakan bagi semua fasiliti kesihatan dan pergigian di Pulau Pinang. Jadual 4.117 menunjukkan senarai projek pembaikan kecil yang telah dilaksanakan bagi Tahun 2019 meliputi pelbagai jenis peruntukan.

Terdapat satu projek yang telah ditamatkan kontrak di bawah Peruntukan BP006 lanjutan prestasi kemajuan yang tidak memberansangkan oleh kontraktor bagi projek `Kerja-kerja Menaiktaraf Dua Blok Kuarters Sedia ada Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Sungai Bakap, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang' di bawah Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan. Walaubagaimanapun, melalui persetujuan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, projek ini akan dilaksanakan semula melalui peruntukan BP6 Tahun 2020 bagi memastikan perkhidmatan Klinik Kesihatan Sungai Bakap dapat beroperasi. Butiran senarai projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**Jadual 4.118: Senarai Projek Pembaikan Kecil Fasiliti Tahun 2019**

<b>PERUNTUKAN BP0060: Pembaikan Kecil Fasiliti</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN</b>
1.	PPDTL	Tukarfungsi Kuarters Kerajaan No. Jkr 1959(I) Kepada Klinik Pergigian Sungai Dua Daerah Timur Laut.	420,020.00
2.	PKDSPS	Kerja Naiktaraf Sistem Perpaipan Bekalan Air Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Klinik Desa Tasek, Daerah Seberang Perai Selatan.	<b>29,505.00</b>
3.	PKDTL	Kerja Naiktaraf Rekabentuk Bumbung di Klinik Kesihatan Jalan Perak termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut.	286,252.82
4.	PKDSPT	Kerja Naiktaraf Bekalan Elektrik Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Blok Pejabat Pentadbiran Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah.	290,855.00
5.	JKNPP PKDSPS	Kerja-kerja Menaiktaraf dan Pembaikan Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Makmal Keselamatan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang.	398,991.00
		Kerja-kerja Menaiktaraf Dua Blok Kuarters Sedia ada Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Sungai Bakap, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	446,144.80 (Penamatan Kontraktor)
6.	PPDBD	Kerja-kerja Menaiktaraf Klinik Pergigian Bayan Lepas (Re-Wiring & Pemasangan Split Unit)	54,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>1,925,768.62</b>

**Jadual 4.119: Senarai Projek Pembaikan Kecil (Pemagaran) Tahun 2019**

<b>PERUNTUKAN BP007: PEMAGARAN</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPU	Kerja-Kerja Pemagaran dan Pengukuran Semula Kawasan Tanah Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di KD Pdg. Menora	<b>57,400.00</b>
2	PKDSPT	Kerja-Kerja Membaiki Pagar Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah.	<b>57,135.00</b>
3	PKDSPT	Kerja-Kerja Membaiki Pagar Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di (Tanah Kosong Sg. Rambai)	<b>18,850.00</b>
4	PKDSPT	Kerja-Kerja Membaiki Pagar Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di (Tanah Kosong Lot 1887, Perkampungan Berapit)	<b>28,778.00</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>162,163.00</b>

**Jadual 4.120: Senarai Projek Pembaikan Kecil (Pembaikan Kuarters) Tahun 2019**

<b>PERUNTUKAN: BP0009 ( PEMBAIKAN KUARTERS)</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPT	Pembaikan Tiga Unit Kuarters Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Kuarters Klinik Kesihatan Berapit, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	<b>202,400.00</b>
2	PKDBD	Pembaikan Tiga Unit Kuarters Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Kuarters Klinik Kesihatan Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	<b>153,242.00</b>
3	PKDSPA	Pembaikan Kuarters Kesihatan di Bawah Selian PKDSPA: - KD Tanjung Berembang - KD Matang Tok Mahat - KKIA Sg Bakap - KK Nibong Tebal - KK Bukit Panchor	<b>19,322.00</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>374,964.00</b>

**Jadual 4.121: Senarai Projek Pembaikan Kecil ( ) Tahun 2019**

<b>PERUNTUKAN BP203: PENJENAMAAN KLINIK 1 MALAYSIA</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDBD	Penjenamaan Klinik Komuniti Tahun 2019 bagi: - Klinik 1 Malaysia Sungai Ara.	<b>3,300.00</b>
2	PKDTL	Penjenamaan Klinik Komuniti Tahun 2019 bagi: - K1M Jelutong - K1M Gelugor (Upgrade to KK)	<b>7,300.00</b>
3	PKDSPU	Penjenamaan Klinik Komuniti Tahun 2019 bagi: - K1M Telok Air Tawar - K1M Bandar Putra Bertam - K1M Pinang Tunggal	<b>9,858.40</b>
4	PKDSPT	Penjenamaan Klinik Komuniti Tahun 2019 bagi: - K1M Taman Seri Delima - K1M Bandar Perda - K1M Bukit Tengah (Upgrade to KK) - K1M Permatang Tinggi	<b>12,220.00</b>
5	PKDSPS	Penjenamaan Klinik Komuniti Tahun 2019 bagi: - K1M Batu Kawan - K1M Bandar Tasek Mutiara - K1M Valdor (Upgrade to KK)	<b>7,470.00</b>
6	PKDBD	Papan Penunjuk Arah Klinik Komuniti	<b>2,130.00</b>
7	PKDTL	Papan Penunjuk Arah Klinik Komuniti	<b>970.00</b>
8	PKDSPU	Papan Penunjuk Arah Klinik Komuniti	<b>6,000.00</b>
9	PKDSPT	Papan Penunjuk Arah Klinik Komuniti	<b>8,970.00</b>
10	PKDSPS	Papan Penunjuk Arah Klinik Komuniti	<b>5,000.00</b>
11	PKDSPT	Papan Tanda Makluman Klinik Komuniti.	<b>1,781.60</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>65,000.00</b>

**Jadual 4.122: Senarai Projek Pembaikan Kecil ( ) Tahun 2019**

<b>PERUNTUKAN RP4-RMK 11: PEMASANGAN SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPU	Kerja-kerja Penambahan Baru Sistem Panel Fire Alarm,Smoke Detector,Break Glass,Sistem Co2 di bilik Msb dan Heat Detector Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Butterworth.	<b>464,400.00</b>
2	PKDTL	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Kerja Berkaitan Di Klinik Kesihatan Jalan Macalister.	<b>65,500.00</b>
3	PKDSPU	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Naik Taraf Fire Supression System (Fm200 System) di Klinik Kesihatan Penaga.	<b>129,256.75</b>
4	PKDSPU	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Naik Taraf Fire Supression System (Fm200 System) di Klinik Kesihatan Sungai Dua.	<b>134,778.25</b>
5	PKDSPS	Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Sungai Acheh.	<b>44,980.00</b>
6	PKDTL	Kerja-Kerja Pendawaian Semula Dan Kerja Berkaitan Sungai Dua	<b>46,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>884,915.00</b>

**Jadual 4.123: Senarai Projek Pembaikan Kecil Tahun 2019 (Peruntukan PFI)**

<b>PERUNTUKAN PFI</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPU	Kerja-Kerja Pendawaian Semula Dan Pembaikan Berkaitan Di Klinik Desa Padang Menora,Seberang Perai Utara	<b>31,500.00</b>
2	PKDSPU	Kerja-kerja Pembaikan Pendawaian Elektrik dan Lain-lain Kerja Berkaitan di K1M Bagan Dalam.	<b>3,000.00</b>
3	PKDSPS	Kerja-kerja Pembaikan Lampu di Klinik Kesihatan Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan.	<b>10,663.00</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>45,163.00</b>

**Jadual 4.124: Senarai Projek Pembaikan Kecil Tahun 2019 (Perolehan Penyaman Udara)**

<b>PERUNTUKAN 35000: PEROLEHAN PENYAMAN UDARA</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPU	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>340,500.00</b>
2	PKDSPA	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>143,550.00</b>
3	PKDSPT	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>147,800.00</b>
4	PKDTL	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>96,500.00</b>
5	PKDBD	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>64,800.00</b>
6	PPDSPU	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>40,600.00</b>
7	PPDSPA	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>38,900.00</b>
8	PPDSPT	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>9,500.00</b>
9	PPDTL	Perlaksanaan Pengantian Alat Pendingin Udara Untuk Klinik Kesihatan Tahun 2019.	<b>71,100.00</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>953,250.00</b>

**Jadual 4.125: Senarai Projek Pembaikan Kecil Tahun 2019 (Program Metadon)**

<b>PERUNTUKAN OS28000: PROGRAM METADON</b>			
<b>BIL.</b>	<b>PTJ</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>HARGA TAWARAN (RM)</b>
1	PKDSPU	Kerja-Kerja Pembaikan Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan di Blok Metadon, Klinik Kesihatan Penaga, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<b>51,000.00</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>51,000.00</b>

**PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)**

Aktiviti Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) adalah merupakan perjanjian kontrak antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan syarikat kontraktor yang terpilih melalui tatacara perolehan tender selama tiga (3) tahun. Bagi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, syarikat AN Maintenance Services Sdn. Bhd. telah berjaya mendapatkan tender PSK tersebut. Tempoh tawaran kontrak bermula dari 1.7.2015 sehingga 31.10.2018. Jumlah keseluruhan nilai kontrak bagi tiga (3) tahun adalah sebanyak RM22,861,764.09

**Jadual 4.126 : Ringkasan Perkhidmatan Sokongan Klinik**

<b>AKTIVITI</b>	<b>PENCAPAIAN</b>	<b>JANGKA MASA</b>
Menjalankan pemantauan perkhidmatan penyelenggaraan fasiliti (FEMS), perkhidmatan pembersihan (CLS) dan perkhidmatan sisa klinikal (CWMS) yang dijalankan oleh kontraktor	Bilangan klinik : 9 Daerah : 4  Peruntukan : RM 22,217,156.41	3 tahun ( 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020)

Klinik-klinik yang terlibat di dalam Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) adalah:

1. Klinik Kesihatan Jalan Perak – PKD Timur Laut
2. Klinik Kesihatan Bandar Baru Air Itam – PKD Timur Laut
3. Klinik Kesihatan Bayan Baru – PKD Barat Daya
4. Klinik Kesihatan Seberang Jaya – PKD Seberang Perai Tengah
5. Klinik Kesihatan Butterworth – PKD Seberang Perai Utara
6. Klinik Kesihatan Sungai Dua – PKD Seberang Perai Utara
7. Klinik Kesihatan Tasek Gelugor – PKD Seberang Perai Utara
8. Klinik Kesihatan Kepala Batas – PKD Seberang Perai Utara
9. Klinik Kesihatan Penaga – PKD Seberang Perai Utara

Antara perkhidmatan yang diberikan bagi Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) adalah seperti *Facility Engineering Management System (FEMS)*, *Cleansing Services (CLS)* dan *Clinical Waste Management System (CWMS)*. Bagi setiap perkhidmatan yang diberikan, telah terdapat Pegawai Liason (LO) yang telah dilantik di setiap klinik untuk memastikan skop kerja yang perlu dijalankan oleh Syarikat dipatuhi dan dilaksanakan bagi setiap bulan. **Jadual 4.126** menunjukkan Laporan Kewangan bagi Januari 2018 sehingga Oktober 2018 untuk PSK.

**Jadual 4.127: Laporan Kewangan PSK Januari 2018 – Oktober 2018**

<b>Item</b>	<b>Peruntukan 2019 (RM)</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>	<b>% Perbelanjaan</b>
<i>Facility Engineering Management System (FEMS)</i>	4,243,836.52	4,199,348.37	98.95
<i>Cleansing Services (CLS)</i>	1,444,898.05	1,355,054.80	93.78
<i>Clinical Waste Management System (CWMS)</i>	325,500.00	286,021.71	87.87
Corrective Maintenance	1,018,453.50	917,409.93	90.08
Preliminaries	67,466.67	43,429.86	64.37
<b>Jumlah</b>	<b>7,100,154.74</b>	<b>6,801,264.67</b>	<b>95.79</b>

## **MEDICAL EQUIPMENT ENHANCEMENT TENURE (MEET)**

### ***Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)***

*Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)* adalah satu perkhidmatan untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara peralatan biomedical di klinik-klinik kerajaan oleh Syarikat Quantum Medical Solution (QMS) Sdn. Bhd.. Perkhidmatan ini telah bermula dari 17 Disember 2014 sehingga 17 Disember 2027. Tempoh kontrak yang ditawarkan adalah selama 13 tahun. Antara skop kerja Syarikat QMS adalah:

1. Membekal dan memasang aset perubatan di Klinik Kerajaan
  - *Purchased Biomedical Equipment (PBE)*
  - aset baru yang dibekalkan dan menjadi hakmilik Kerajaan serta berharga RM2,000 ke bawah
  - Rujuk Schedule A02 untuk Kategori BE
2. Sewaan (rental) kepada Kerajaan semasa tempoh sewaan
  - *New Biomedical Equipment (NBE)*

- aset baru yang dibekalkan secara sewaan kepada Kerajaan dan berharga RM2,000 ke atas
  - Tempoh sewaan adalah selama 8 tahun dan akan menjadi hakmilik kerajaan
  - Rujuk Schedule A01 untuk Kategori BE
3. Melaksanakan penyelenggaraan berjadual (PPM) peralatan perubatan di Klinik Kerajaan
  4. Pembaikan peralatan perubatan (*Corrective Maintenance*)


### **Pindaan Kontrak Program MEET**

1. *Supplementary Agreement* (S.A) Pertama
  - Tandatangan dan kuatkuasa pada 18 Februari 2015
  - Pindaan tempoh tender 1
2. *Supplementary Agreement* (S.A) Kedua
  - Tandatangan dan kuatkuasa 6 Ogos 2015
  - Pindaan tempoh tender 2
3. *Supplementary Agreement* (S.A) Ketiga
  - Tandatangan dan kuatkuasa 3 November 2015
  - Pindaan tempoh tender 3
4. *Supplementary Agreement* (S.A) Keempat
  - Tandatangan dan kuatkuasa 22 Disember 2015
  - Pindaan tempoh tender 4
5. *Supplementary Agreement* (S.A) Kelima
  - Tandatangan dan kuatkuasa 23 Disember 2015
  - Pindaan kepada Apendix B1 dan B2
6. *Supplementary Agreement* (S.A) Keenam
  - Kuatkuasa 17 Disember 2014
  - Tandatangan 24 Mac 2014
  - Pindaan kepada Roll Out Plan dan spesifikasi peralatan biomedical
7. *Supplementary Agreement* (S.A) Ketujuh
  - Kuatkuasa 17 Disember 2014
  - Pindaan kepada tempoh mobilisasi, KPI Working Day (Kuatkuasa 1 Feb 2017); penalty dental chair
  - Membenarkan perubahan senarai klinik dan penambahan peralatan

**Jadual 4.128: Jumlah Bilangan Klinik Yang Terlibat di Negeri Pulau Pinang**

Daerah	Klinik Kesihatan	Klinik Pergigian	Jumlah
Barat Daya	17	8	25
Timur Laut	17	27	44
Seberang Perai Utara	29	18	47
Seberang Perai tengah	22	24	46
Seberang Perai Selatan	17	9	26
<b>Jumlah</b>	<b>102</b>	<b>86</b>	<b>188</b>

**Rajah 4.41: Kronologi Program MEET**



Ringkasan *Supplementary Agreement (SA)* MEET

Pada asalnya, sebanyak 4,931 peralatan biomedikal (BE) telah dimasukkan di dalam kontrak MEET. Ini adalah jumlah aset yang telah disenaraikan pada tahun 2011. Namun begitu, terdapat penambahan dan pengurangan peralatan biomedikal dari tahun 2011 sehingga tahun 2018. Sehingga kini, jumlah peralatan yang berada di bawah penyelenggaraan kontrak MEET adalah 7,082. Ini termasuklah peralatan GAP iaitu NBE dan PBE.


**Jadual 4.129: Jumlah Penalti Pada Tahun 2019**

Daerah	2019		
	KESIHATAN	PERGIGIAN	TOTAL
BARAT DAYA	3.90%	6.70%	5.50%
SEPERANG PERAI SELATAN	5.00%	6.00%	5.50%
SEBERANG PERAI TENGAH	3.40%	1.90%	2.60%
SEBERANG PERAI UTARA	2.60%	12.00%	8.30%
TIMUR LAUT	6.20%	6.90%	6.60%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>4.20%</b>	<b>7.10%</b>	<b>5.90%</b>


**Jadual 4.129** menunjukkan peratus penalti yang dikenakan terhadap pihak syarikat pada tahun 2019. Keseluruhan penalti yang dikenakan adalah 5.9%. Bahagian Pergigian mencatatkan sebanyak 7.1% manakala Bahagian Kesihatan Awam mencatatkan sebanyak 4.2%. Bahagian Pergigian mencatatkan jumlah penalti yang tinggi adalah disebabkan nilai kategori peralatan yang dikenakan untuk penalti adalah tinggi seperti yang terdapat di dalam kontrak MEET.

Berikut adalah pencapaian dan perbandingan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk tiga (3) KPI iaitu *Response Time*, *Repair Time* dan *Schedule Maintenance* bagi Negeri Pulau Pinang.


**Rajah 4.42 : KPI Response Time JKN Pulau Pinang**



**Rajah 4. 43: KPI Repair Time JKN Pulau Pinang**



**Rajah 4.44 : KPI Schedule Maintenance JKN Pulau Pinang**



**PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA)**

Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) bertujuan membantu setiap PTJ menguruskan aset-aset yang bersifat kekal seperti Bangunan, Tanah dan sistem-sistem yang terdapat di dalam premis agar pengurusan aset-aset tersebut dilaksanakan dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

Sehingga Tahun 2018 aktiviti PATA melibatkan proses pendaftaran Premis, Blok, Aras dan Ruang. **Jadual 4.130** di bawah menunjukkan status pendaftaran bagi PTJ-PTJ yang terdapat di pemantauan Bahagian Kesihatan Awam.

**Jadual 4. 130 : Laporan Pendaftaran DPA dan DAK Tahun 2019**

Bil.	PTJ	Laporan Pendaftaran			Jumlah
		DPA	DAK(Blok)	DAK (Ruang)	
1.	PKDSPU	38	115	2946	<b>3099</b>
2.	PKDSPT	26	72	904	<b>1002</b>
3.	PKDSPA	22	70	1253	<b>1345</b>
4.	PKDTL	21	90	1044	<b>1155</b>
5.	PKDBD	23	82	1043	<b>1148</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>130</b>	<b>492</b>	<b>7190</b>	<b>7749</b>

Kementerian turut mengeluarkan arahan kepada jabatan di bawahnya agar melaksanakan aktiviti pendaftaran komponen utama yang melibatkan 3 jenis sistem di setiap PTJ. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang memantau aktiviti pendaftaran komponen melalui reten bulanan yang dihantar oleh setiap PTJ. Prestasi pendaftaran komponen utama sehingga bulan Disember 2019 adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 4.130** di bawah:

**Jadual 4.131: Prestasi Pendaftaran Komponen Sehingga Disember 2019**

Bil.	PTJ	Laporan Pendaftaran		Jumlah (%)
		Bilangan Komponen	Komponen Berdaftar	
1.	PKDSPU	8,729	8,729	100.00
2.	PKDSPT	2,528	2,519	99.64
3.	PKDSPA	3,034	2,803	92.39
4.	PKDTL	5,472	3,787	69.30
5.	PKDBD	2,858	2,858	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>22,651</b>	<b>20,696</b>	<b>91.36</b>

## PROGRAM BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

Negeri Pulau Pinang yang terletak di Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia mempunyai keluasan tanah 1,048 km persegi. Negeri ini mempunyai lima daerah, iaitu daerah Timur Laut dan Barat Daya, yang terletak di bahagian pulau manakala daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan yang terletak di bahagian Seberang Perai. Walaubagaimanapun, Daerah Timur Laut tidak termasuk dalam Kawasan operasi BAKAS kerana telah dikategorikan sebagai daerah yang maju.

Pada akhir tahun 2019 Negeri Pulau Pinang mempunyai **292,712** buah rumah dengan penduduk seramai **1,024,342** orang. Jumlah rumah di kawasan luar bandar ialah **62,800** dengan penduduk sebanyak **223,154**. Bilangan rumah dan jumlah penduduk bagi Negeri Pulau Pinang dan pembahagian bagi setiap daerah adalah seperti di **Jadual 4.132**.

**Jadual 4.132: Bilangan Rumah dan Jumlah Penduduk bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**

DAERAH	JUMLAH SELURUH NEGERI		KAWASAN BANDAR*		KAWASAN LUAR BANDAR**		PERATUS DI LUAR BANDAR	
	RUMAH	PEN	RUMAH	PEN	RUMAH	PEN.	RUMAH	%
BD	58,803	199,262	51,835	172,073	6,968	27,189	11.85%	13.64%
SPU	83,886	289,117	59,294	210,862	24,592	78,255	29.32%	27.07%
SPT	106,685	363,033	87,746	272,860	18,939	90,173	17.75%	24.84%
SPS	43,138	172,930	32,166	138,892	10,972	34,038	25.43%	19.68%
<b>NEGERI</b>	<b>292,512</b>	<b>1,024,342</b>	<b>231,041</b>	<b>794,687</b>	<b>61,471</b>	<b>229,655</b>	<b>21.01%</b>	<b>22.42%</b>

Punca: Bah Perk. Kejuruteraan KKM RES212&213

\* Jabatan Perangkaan Malaysia

\*\* Data asas Bancian Luarbandar Oleh Kakitangan BAKAS

### Objektif Program

Objektif Program BAKAS ialah untuk meningkatkan kebersihan alam sekeliling dan mutu bekalan air di kawasan luar bandar bagi mencegah atau mengurangkan kejadian wabak penyakit bawaan air.

### Pencapaian Program BAKAS 2019

#### Pencapaian Fizikal

Spesifikasi output program BAKAS telah ditetapkan melalui persetujuan bersama oleh setiap daerah. Spesifikasi output tahun 2019 bagi setiap daerah adalah seperti di **Jadual 4.133**.

**Jadual 4.133 : Spesifikasi output tahun 2019**

DAERAH	TANDAS CURAH			SISTEM PELUPUSAN AIR LIMBAH			SISTEM PELUPUSAN SISA PEPEJAL			RAWATAN BASMI KUMAN			PERCONTOHAN AIR BAKAS (Bilangan sampel diambil)			
	Baru	Ganti	[ B ] Peruntukan (RM)	Baru	Ganti	[ C ] Peruntukan (RM)	Baru	Ganti	[ D ] Peruntukan (RM)	Bilangan Projek	Bilangan Rumah	[ E ] Peruntukan (RM)	Fizikal	Bakteria	Kima	Jumlah Bilangan
SEBERANG PERAI UTARA	11	0	25,300.00	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0	0	0
SEBERANG PERAI TENGAH	4	0	6,000.00	19	0	19,000.00	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0	0	0
SEBERANG PERAI SELATAN	0	0	0.00	3	0	3,000.00	45	0	11,600.00	0	0	0.00	0	0	0	0
BARAT DAYA	4	0	9,200.00	0	0	0.00	60	0	900.00	0	0	0.00	56	56	728	840
<b>NEGERI</b>	<b>19</b>	<b>0</b>	<b>40,500.00</b>	<b>22</b>	<b>0</b>	<b>22,000.00</b>	<b>105</b>	<b>0</b>	<b>12,500.00</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>56</b>	<b>56</b>	<b>728</b>	<b>840</b>

Berdasarkan spesifikasi output tersebut, penilaian pencapaian fizikal dibuat pada akhir tahun seperti berikut:

**Pembinaan Tandas**

Pada Tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan subsidi sebanyak RM40,500.00 di bawah Program BAKAS untuk pembinaan tandas sempurna (baru/ gantian). 19 buah tandas telah dibina untuk kegunaan 61 orang penduduk luar bandar di Negeri Pulau Pinang. Pencapaian dan penggunaan tandas sempurna di kawasan luar bandar tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.134**.

**Jadual 4.134: Pencapaian dan penggunaan tandas sempurna di kawasan luar bandar tahun 2019**

PENCAPAIAN DAN PENGGUNAAN TANDAS SEMPURNA DI KAWASAN LUAR BANDAR TAHUN : 2019					
DAERAH	SASARAN ** (BILANGAN RUMAH)	JUMLAH DIBINA (BILANGAN RUMAH)	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN
SEBERANG PERAI UTARA	11	11	100.00%	11	39
SEBERANG PERAI TENGAH	4	4	100.00%	4	11
SEBERANG PERAI SELATAN	0	0	0.00%	0	0
BARAT DAYA	4	4	100.00%	4	11
<b>NEGERI</b>	<b>19</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>	<b>19</b>	<b>61</b>

Punca: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM RES222 & 223  
 \* Peratus pencapaian pembinaan tandas adalah untuk projek KKM sahaja  
 \*\*Sasaran dan pembinaan adalah termasuk projek baru dan gantian

**Sistem Pelupusan Air Limbah (SPAL)**

Pada Tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan subsidi sebanyak RM22,000.00 di bawah Program BAKAS untuk pembinaan sistem pelupusan air limbah. 22 buah sistem pelupusan air limbah telah dibina untuk kegunaan 110 orang penduduk luar bandar di Negeri Pulau Pinang. Pencapaian dan penggunaan sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal di kawasan luar bandar tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.135**.

### Sistem Pelupusan Sisa Pepejal (SPSP)

Pada Tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan subsidi sebanyak RM12,500.00 di bawah Program BAKAS untuk pembinaan sistem pelupusan sisa pepejal. 19 buah sistem pelupusan sisa pepejal telah dibina untuk kegunaan 61 orang penduduk luar bandar di Negeri Pulau Pinang. Pencapaian dan penggunaan penggunaan sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal di kawasan luar bandar tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.135**.

**Jadual 4.135 : Pencapaian dan penggunaan penggunaan sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal di kawasan luar bandar tahun 2019**

PENCAPAIAN DAN PENGGUNAAN SISTEM PELUPUSAN AIR LIMBAH DAN SISTEM PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI LUAR BANDAR TAHUN : 2019										
DAERAH	SISA PEPEJAL					AIR LIMBAH				
	SASARAN ** (BILANGAN RUMAH)	JUMLAH DIBINA (BILANGAN RUMAH)	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN	SASARAN ** (BILANGAN RUMAH)	JUMLAH DIBINA (BILANGAN RUMAH)	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN
SEBERANG PERAI UTARA	0	0	0.00%	0	0	0	0	0.00%	0	0
SEBERANG PERAI TENGAH	0	0	0.00%	0	0	19	19	100.00%	19	88
SEBERANG PERAI SELATAN	45	45	100.00%	45	209	3	3	100.00%	3	22
BARAT DAYA	60	60	100.00%	60	250	0	0	0.00%	0	0
<b>NEGERI</b>	<b>105</b>	<b>105</b>	<b>100.00%</b>	<b>105</b>	<b>459</b>	<b>22</b>	<b>22</b>	<b>100.00%</b>	<b>22</b>	<b>110</b>

Punca: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM RES222 & 223  
 \* Peratus pencapaian pembinaan tandas adalah untuk projek KKM sahaja  
 \*\*Sasaran dan pembinaan adalah termasuk projek baru dan gantian

### Bekalan Air Minum di Kawasan Luar Bandar

Pada Tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan subsidi sebanyak RM14,000.00 di bawah Program BAKAS untuk pembinaan sistem bekalan air minum (sistem paip air gravity). Dua (2) buah sistem paip air graviti telah dibina yang disalurkan kepada 12 buah rumah untuk kegunaan 40 orang penduduk luar bandar di daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang. Pencapaian dan penggunaan sistem bekalan air di kawasan luar bandar yang dibina oleh KKM pada tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.136**.

**Jadual 4.136: Pencapaian dan penggunaan sistem bekalan air di kawasan luar bandar yang dibina oleh KKM pada tahun 2019**

PENCAPAIAN DAN PENGGUNAAN SISTEM BEKALAN AIR DI LUAR BANDAR YANG DIBINA OLEH KKM  
TAHUN : 2019

DAERAH	TELAGA TERKAWAL				TELAGA TERKAWAL DENGAN SAMBUNGAN KE				SISTEM GRAVITI FEED			
	SASARAN ** (BIL. RUMAH)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN	SASARAN ** (BIL. RUMAH)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN	SASARAN ** (BIL. RUMAH)	BILANGAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN	PRESTASI PEMBINAAN * (%)	BILANGAN PENDUDUK MENDAPAT KEMUDAHAN
SEBERANG PERAI UTARA	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0
SEBERANG PERAI TENGAH	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0
SEBERANG PERAI SELATAN	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0
BARAT DAYA	0	0	0.00%	0	0	0	0.00%	0	12	12	100.00%	40
<b>NEGERI</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>12</b>	<b>100.00%</b>	<b>40</b>

Punca: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM RES222 & 223

\* Peratus pencapaian pembinaan tandas adalah untuk projek KKM sahaja

\*\*Sasaran dan pembinaan adalah termasuk projek baru dan gantian

**Persampelan Air Luar Bandar di Bawah Program BAKAS**

Bagi tahun 2019, persampelan air luar bandar telah dijalankan di **14 stesen persampelan** dimana sebanyak 840 (100%) sasaran sampel telah dianalisa. Analisa air mendapati **terdapat** pelanggaran ujian **Fizikal (8.93%), Bakteria (96.43%) dan Kimia (3.85%)**. Prestasi percontohan air untuk sistem bekalan air Projek BAKAS, KKM pada tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.137**.

**Jadual 4.137: Prestasi percontohan air untuk sistem bekalan air Projek BAKAS pada tahun 2019**

PRESTASI PERCONTOHAN AIR UNTUK SISTEM BEKALAN AIR PROJEK BAKAS, KKM															
TAHUN : 2019															
Daerah	Sasaran Sampel				Sampel Dianalisa				% Pencapaian	Kualiti					
										Bil. Pelanggaran			% Pelanggaran		
	F (A)	B (B)	K (C)	Jumlah (D)	F (E)	B (F)	K (G)	Jumlah (H)		F (J)	B (K)	K (L)	F (M)	B (N)	K (O)
BARAT DAYA	56	56	728	840	56	56	728	840	100.00%	5	54	28	8.93%	96.43%	3.85%
<b>Negeri</b>	<b>56</b>	<b>56</b>	<b>728</b>	<b>840</b>	<b>56</b>	<b>56</b>	<b>728</b>	<b>840</b>	<b>100.00%</b>	<b>5</b>	<b>54</b>	<b>28</b>	<b>8.93%</b>	<b>96.43%</b>	<b>3.85%</b>
Nota:	F = Fizikal		(D) = (C) + (B) + (A)		(M) = (J)/(E) x 100										
	B = Bakteria		(H) = (G) + (F) + (E)		(N) = (K)/(F) x 100										
	K = Kimia		(I) = (H)/(D) x 100		(O) = (L)/(G) x 100										

## Pencapaian Kewangan

Peruntukan yang diluluskan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bagi Program BAKAS dalam tahun 2019 ialah **RM89,000.00** dan daripada ini sejumlah **RM88,299.90** iaitu 99.21% telah dibelanjakan. **Jadual 4.138** menunjukkan agihan peruntukan dan perbelanjaan Program BAKAS bagi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019.

### Jadual 4.138 : Agihan peruntukan dan perbelanjaan Program BAKAS bagi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM BAKAS TAHUN : 2019					
Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	(%) Perbelanjaan
1	Telaga Terkawal	0.00	0.00	0.00	0.00%
2	Telaga Terkawal Dengan Sambungan	0.00	0.00	0.00	0.00%
3	Sistem Graviti Feed	14,000.00	13,999.90	0.10	100.00%
4	Sistem Tadahan Air Hujan	0.00	0.00	0.00	0.00%
5	Sambungan Paip Air PBA/KKM	0.00	0.00	0.00	0.00%
6	Tandas Sempurna	40,500.00	39,800.00	700.00	98.27%
7	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal	12,500.00	12,500.00	0.00	100.00%
8	Sistem Pelupusan Air Limbah	22,000.00	22,000.00	0.00	100.00%
9	Lain-lain	0.00	0.00	0.00	0.00%
10	Lain-lain Sistem (Oleh KKM)	0.00	0.00	0.00	0.00%
11	JKN	0.00	0.00	0.00	0.00%
	<b>NEGERI</b>	<b>89,000.00</b>	<b>88,299.90</b>	<b>700.10</b>	<b>99.21%</b>

Punca : RES677 Negeri - Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM  
PBA - Pihak Berkuasa Air  
KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia  
SPAL - Sistem Pelupusan Air Limbah  
SPSP - Sistem pelupusan Sisa Pepejal

## Pencapaian Liputan Kemudahan BAKAS

### Tandas

Peratus liputan tandas bagi Negeri Pulau Pinang sehingga akhir tahun 2019 adalah sebanyak **93.47%**. Sehingga hujung tahun 2019 sebanyak **58,699** buah rumah didapati di Pulau Pinang telah mempunyai kemudahan tandas yang sempurna. Liputan rumah mendapat kemudahan tandas yang sempurna sehingga akhir tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.139**.

### Bekalan Air bersih

Negeri Pulau Pinang yang pesat membangun telah mencapai satu tahap liputan bekalan air paip yang amat meluas di seluruh negeri termasuk kawasan luar bandar. Peratus liputan bekalan air bersih bagi Negeri Pulau Pinang sehingga akhir 2019 telah mencapai sebanyak **95.40%** di mana sejumlah **59,913** buah rumah telah mendapat kemudahan. Manakala baki **4.54%** merupakan rumah yang mempunyai sistem air tidak terkawal. Liputan rumah mendapat kemudahan bekalan air terkawal sehingga akhir tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.139**.

### Sistem Pelupusan Air Limbah (SPAL)

Peratus liputan SPAL bagi Negeri Pulau Pinang sehingga akhir tahun 2019 adalah sebanyak **51.29%**. Sehingga hujung tahun 2019 sebanyak **32,210** buah rumah didapati di Pulau Pinang telah mempunyai kemudahan sistem pelupusan air limbah yang sempurna. Liputan rumah mendapat kemudahan sistem pelupusan air limbah yang sempurna sehingga akhir tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.139**.

### Sistem Pelupusan Sisa Pepejal (SPSP)

Bagi Negeri Pulau Pinang, peratus liputan rumah luar bandar yang mendapat kemudahan bagi SPSP sehingga akhir tahun 2019 ialah **85.57%**. Sila rujuk **Jadual 4.139**. Sehingga hujung tahun 2019 sebanyak **53,738** buah rumah didapati di Pulau Pinang telah mempunyai kemudahan sistem pelupusan sisa pepejal. Liputan rumah mendapat kemudahan sistem pelupusan sisa pepejal yang sempurna sehingga akhir tahun 2019 merujuk kepada **Jadual 4.139**.

**Jadual 4.139 : Liputan rumah mendapat kemudahan sistem pelupusan sisa pepejal yang sempurna sehingga akhir tahun 2019**

LIPUTAN RUMAH MENDAPAT KEMUDAHAN TANDAS, BEKALAN AIR, SISTEM PELUPUSAN AIR LIMBAH DAN SISTEM PELUPUSAN SISA PEPEJAL YANG SEMPURNA SEHINGGA AKHIR TAHUN TAHUN : 2019 _____									
DAERAH	BILANGAN DAN LIPUTAN RUMAH								
	JUMLAH RUMAH LUAR BANDAR	TANDAS		BEKALAN AIR		AIR LIMBAH		SISA PEPEJAL	
		LIPUTAN RUMAH	%	LIPUTAN RUMAH	%	LIPUTAN RUMAH	%	LIPUTAN RUMAH	%
SEBERANG PERAI UTARA	25,730	24,611	95.65%	25,160	97.78%	73	0.28%	19,919	77.42%
SEBERANG PERAI TENGAH	18,740	16,973	90.57%	16,970	90.55%	16,973	90.57%	16,973	90.57%
SEBERANG PERAI SELATAN	11,188	11,167	99.81%	10,792	96.46%	9,994	89.33%	11,087	99.10%
BARAT DAYA	7,142	5,948	83.28%	6,991	97.89%	5,170	72.39%	5,759	80.64%
<b>NEGERI</b>	<b>62,800</b>	<b>58,699</b>	<b>93.47%</b>	<b>59,913</b>	<b>95.40%</b>	<b>32,210</b>	<b>51.29%</b>	<b>53,738</b>	<b>85.57%</b>

Punca: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM RES222 & 223

### Isu Dan Masalah Pelaksanaan Program BAKAS

#### Bekalan Air Minum

Bekalan air minum dibagikan kepada dua (2) kategori iaitu terkawal dan tidak terkawal. Di antara faktor yang menyebabkan yang menyumbang kepada peratus rumah dengan bekalan tidak terkawal termasuk tuan tanah tidak memberi kebenaran untuk memasang sambungan paip air ke rumah, rumah terletak di kawasan yang berbukit tinggi dan jauh terpencil secara individu dimana tiada paip utama ke kawasan tersebut. Perkongsian paip juga merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada peratus bekalan air tidak terkawal. Hal ini kerana, rumah terbabit sebenarnya telah menerima bekalan air terkawal secara tidak langsung dengan cara berkongsi paip dengan rumah terdekat. Walaubagaimanapun, mengikut definisi bekalan air terkawal setiap rumah perlu menerima sambungan paip air masing-masing dari

pihak pembekal air. Jumlah dan peratusan rumah di luar bandar yang tidak mempunyai bekalan air terkawal pada tahun 2019 seperti di **Jadual 4.140**.

### Tandas

Kemudahan tandas dibahagikan kepada dua(2) kategori iaitu terkawal dan tidak terkawal. Secara keseluruhan, liputan rumah dengan tandas sempurna agak baik. Walaubagaimanapun, masih terdapat rumah tanpa tandas sempurna. Keadaan ini boleh mengundang pelbagai penyakit bawaan air. Daripada jumlah ini kebanyakan rumah merupakan rumah di atas air (persisiran pantai dan tepi sungai) di mana kebanyakan mereka mempunyai tandas curah yang disalurkan terus ke laut dan sungai. Jumlah dan peratusan rumah di luar bandar yang tidak mempunyai tandas tidak sempurna pada tahun 2019 seperti di **Jadual 4.140**.

**Jadual 4.140 : Jumlah dan peratusan rumah di luar bandar yang tidak mempunyai bekalan air terkawal dan tandas sempurna**

JUMLAH DAN PERATUSAN RUMAH DI LUAR BANDAR YANG TIDAK MEMPUNYAI BEKALAN AIR BERSIH DAN TANDAS SEMPERNA TAHUN : 2019							
Daerah	Jumlah Rumah						
	Luar Bandar	Dengan Air Bersih	Tanpa Air Bersih	(%) Tanpa Kemudahan	Dengan Tandas Sempurna	Tanpa Tandas Sempurna	(%) Tanpa Kemudahan
SEBERANG PERAI UTARA	25,730	25,160	570	2.22%	24,611	1,119	4.35%
SEBERANG PERAI TENGAH	18,740	16,970	1,770	9.45%	16,973	1,767	9.43%
SEBERANG PERAI SELATAN	11,188	10,792	396	3.54%	11,167	21	0.19%
BARAT DAYA	7,142	6,991	151	2.11%	5,948	1,194	16.72%
<b>Negeri</b>	<b>62,800</b>	<b>59,913</b>	<b>2,887</b>	<b>4.60%</b>	<b>58,699</b>	<b>4,101</b>	<b>6.53%</b>

Punca : RES223 Negeri - Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

### Sistem Pelupusan Air Limbah

Kemudahan sistem pelupusan air limbah dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu memuaskan dan tidak memuaskan. Secara keseluruhan, peratus liputan rumah dengan sistem pelupusan air limbah memuaskan di kawasan luar bandar masih rendah. Air limbah bertakung menyebabkan berlaku penyakit bawaan air dan vektor. Semua rumah perlu mempunyai sistem pelupusan air limbah memuaskan bagi memastikan kebersihan alam sekeliling secara menyeluruh tercapai.

Sistem SPAL sempurna (sedia ada) tidak diselenggara dengan baik menyebabkan jangka hayat sistem sedia ada menjadi lebih pendek dan sistem cepat rosak. Sistem sempurna hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kotak tapisan makanan & lubang resapan. Kotak tapisan berfungsi bagi menapis sisa makan pepejal sebelum masuk ke dalam resapan. Ini bagi memastikan proses penguraian berlaku dengan sempurna dan jangka hayat lubang resapan dapat lebih panjang. Jumlah dan peratusan rumah di luar

bandar yang tidak mempunyai sistem pelupusan air limbah memuaskan pada tahun 2019 seperti di **Jadual 4.141**.

### Liputan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal

Kemudahan sistem pelupusan sisa pepejal dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu memuaskan dan tidak memuaskan. Secara keseluruhan, peratus liputan sistem pelupusan sisa pepejal memuaskan di kawasan luar bandar masih rendah. Kawasan luar bandar di Negeri Pulau Pinang masih belum mendapat perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sepenuhnya dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terdapat tong komunal yang diletakkan di tepi jalan besar dimana sisa pepejal isi rumah perlu di bawa ke tong komunal. Walaubagaimapun, di sesetengah kawasan operasi, tong komunal yang disediakan oleh PBT agak jauh dari rumah menyebabkan sisa pepejal isi rumah ini dilonggokkan di kawasan kampung. Keadaan ini mengundang pelbagai bawaan vektor & roden seperti demam denggi dan leptospirosis (kencing tikus).

Sisa pepejal ini juga dilupuskan dengan pelbagai cara lain oleh penduduk luar bandar termasuk kaedah pembakaran dan tanam. Penggunaan kaedah kompos masih rendah. Pengetahuan mengenai pengasingan di punca mengikut jenis sisa pepejal juga masih rendah menyebabkan jumlah sisa pepejal yang dijana per isi rumah tinggi berbanding kemudahan tong sampah komunal yg disediakan. Limpahan sisa pepejal dapat dilihat di kebanyakan kawasan pengumpulan sisa pepejal. Jumlah dan peratusan rumah di luar bandar yang tidak mempunyai sistem pelupusan sisa pepejal memuaskan pada tahun 2019 seperti di **Jadual 4.141**.





**Jadual 4.141 :Jumlah dan peratusan rumah di luar bandar yang tidak mempunyai sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal memuaskan pada tahun 2019**

JUMLAH DAN PERATUSAN RUMAH DI LUAR BANDAR YANG TIDAK MEMPUNYAI SISTEM PELUPUSAN AIR LIMBAH DAN SISTEM PELUPUSAN SISA PEPEJAL SEMPURNA TAHUN : 2019							
Daerah	Jumlah Rumah						
	Luar Bandar	Dgn Sistem air Limbah Sempurna	Tanpa Sistem Air Limbah Sempurna	(%) Tanpa Kemudahan	Dgn Sistem Sisa Pepejal Sempurna	Tanpa Sistem Sisa Pepejal Sempurna	(%) Tanpa Kemudahan
SEBERANG PERAI UTARA	25,730	73	25,657	99.72%	19,919	5,811	22.58%
SEBERANG PERAI TENGAH	18,740	16,973	1,767	9.43%	16,973	1,767	9.43%
SEBERANG PERAI SELATAN	11,188	9,994	1,194	10.67%	11,087	101	0.90%
BARAT DAYA	7,142	5,170	1,972	27.61%	5,759	1,383	19.36%
<b>Negeri</b>	<b>62,800</b>	<b>32,210</b>	<b>30,590</b>	<b>48.71%</b>	<b>53,738</b>	<b>9,062</b>	<b>14.43%</b>
Punca : RES223 Negeri - Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM							

## Pertukaran Anggota BAKAS

Salah satu cabaran pelaksanaan Program BAKAS di Pulau Pinang adalah pertukaran anggota BAKAS di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Daerah. Hal ini sedikit sebanyak mengganggu pelaksanaan Program BAKAS memandangkan Program ini sangat bergantung kepada data kampung yang menjadi tunjang utama program ini. Sejak tahun 2012, data kampung telah dimasukkan secara berperingkat ke dalam sistem e-BAKAS. Pada tahun 2018, keseluruhan data telah berjaya dimasukkan ke dalam sistem e-BAKAS dan kualiti data ini sedang diverifikasi dari semasa ke semasa bagi memastikan data ini dapat digunakan sepenuhnya untuk rujukan. Pada tahun 2019, data e-BAKAS telah dijadikan baseline bagi penyediaan Laporan Kemajuan & Pencapaian BAKAS. Berikut adalah status kualiti data e-BAKAS mengikut Negeri Sehingga 9 Januari 2020.

**Jadual 4.142 : Status Kualiti Data e-Bakas**

STATUS KUALITI DATA e-BAKAS MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 9 JANUARI 2020							TARIKH ANALISIS: 2 - 9 JANUARI 2020			
Negeri: Pulau Pinang										
Bil.	Daerah	Jumlah Rumah dalam e-BAKAS	Bilangan Rumah yang ada Maklumat				Peratusan Rumah yang ada Maklumat			
			Bekalan Air	Tandas	SPSP	SPAL	Bekalan Air	Tandas	SPSP	SPAL
1	Barat Daya	7,022	6,807	6,764	6,745	6,697	96.9%	96.3%	96.1%	95.4%
2	SPS	11,215	10,466	10,438	10,464	10,448	93.3%	93.1%	93.3%	93.2%
3	SPT	20,476	15,091	16,529	16,417	16,366	73.7%	80.7%	80.2%	79.9%
4	SPU	25,809	22,454	23,189	23,100	23,139	87.0%	89.8%	89.5%	89.7%
<b>Jumlah</b>		<b>64,522</b>	<b>54,818</b>	<b>56,920</b>	<b>56,726</b>	<b>56,650</b>	<b>85.0%</b>	<b>88.2%</b>	<b>87.9%</b>	<b>87.8%</b>
		-64,522						≥ 90%		
								70% - 89%		
								50% - 69%		
								< 50%		

## Cadangan dan Masalah Pelaksanaan Program BAKAS

Aktiviti promosi kesihatan yang telah diperkenalkan semula di bawah Program BAKAS perlu diperkemaskan lagi. Penduduk luar bandar perlu memahami tanggungjawab masing-masing bagi memastikan keadaan sekeliling bersih untuk mengelakkan penyakit bawaan air dan vektor di kawasan kampung. Kesedaran untuk menyelenggara sistem SPAL dan tandas secara berkala perlu dipertingkatkan. Selain itu, aktiviti promosi kesihatan berkaitan pengasingan di punca juga perlu dilaksanakan. Pengetahuan mengenai jenis-jenis sisa pepejal yang boleh dikompos, dikitar semula, diguna semula dan dibakar perlu diterapkan bagi mengurangkan beban tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada di Pulau Burung, Pulau Pinang.

Kekerapan pertukaran Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam perlu dikaji semula bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan pelaksanaan Program BAKAS. Penyerahan tugas perlu dilaksanakan secara sempurna oleh anggota BAKAS yang akan berpindah keluar termasuk penyerahan fail kampung, reten, peta, borang kajian kampung dan lain-lain dokumen berkaitan. Hal ini bagi memastikan anggota yang mengambil alih mendapat maklumat lengkap berkaitan kawasan operasi BAKAS yang terlibat.

## Rumusan

Program BAKAS di Negeri Pulau Pinang sedang giat berjalan menuju matlamat 100% liputan bagi tandas sempurna dan bekalan air terkawal di kawasan luar bandar. Selain itu, sistem pelupusan air limbah dan sisa

pepejal juga diberi tumpuan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan alam sekeliling di kawasan luar bandar supaya masyarakat luar bandar dapat menikmati cara hidup yang sihat.

Program BAKAS telah memainkan peranan yang penting di Negeri Pulau Pinang di mana ianya dapat mengawal dan mencegah wabak penyakit berjangkit di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, Program BAKAS perlu dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

## **KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM)**

### **Pengenalan**

Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) telah dijalankan dengan matlamat untuk memastikan bekalan air terawat yang dibekalkan kepada pengguna di seluruh negeri Pulau Pinang adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan iaitu Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Program Kawalan mutu air minum adalah untuk memantau secara berkesan mutu air yang dibekalkan oleh pihak pembekalan air adalah mengikut piawaian air minum yang telah ditetapkan dan merancang aktiviti - aktiviti termasuk pengumpulan, pemprosesan, penganalisaan data/maklumat mutu air minum daripada sistem - sistem bekalan air awam serta menggunakan maklumat yang berguna untuk tindakan segera atau perancangan jangkamasa panjang dalam melindungi mutu air minum.

Program ini mula dilaksanakan di Pulau Pinang sejak tahun 1987 dan turut melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kimia, Jabatan Alam Sekitar, pihak pembekal air dan juga Badan Kawal Selia Air Negeri. Pihak Berkuasa Air telah pun diswastakan dengan sepenuhnya pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sendirian Berhad (PBAPP). Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) merupakan pembekal air terawat tunggal di negeri Pulau Pinang. Bagi daerah pemantauan di Timur Laut, nama bagi LRA Guillemard + Air Itam di tukarkan kepada LRA Guillemard + Batu Feringghi berikutan terdapat percampuran air daripada LRA Batu Feringghi.

### **Objektif Program**

Objektif Program Kawalan Mutu Air Minum adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan orang ramai menerusi bekalan air minum yang bersih, selamat dan mencukupi. Untuk mencapai objektif ini semua, bekalan air awam mestilah dikawal supaya semua kekurangan dan kelemahan dapat dikenalpasti dan dibetulkan sebelum berlaku wabak penyakit dan keracunan. Sehingga tahun 2019, terdapat 9 Loji Rawatan Air di bawah seliaan PBAPP iaitu :

**Jadual 4.143: Senarai Loji Rawatan Air negeri Pulau Pinang**

<b>Bil.</b>	<b>LRA</b>	<b>Daerah Pemantauan</b>
1	LRA Sungai Dua	Seberang Perai Utara
2	LRA Bukit Toh Allang	

3	LRA Bukit Panchor	Seberang Perai Selatan
4	LRA Batu Feringghi	Timur Laut
5	LRA Air Itam Filter	
6	LRA Guillemard	
7	LRA Water Fall	
8	LRA Tiger Hill	
9	LRA Sungai Pinang	Barat Daya

**Jadual 4.144: Pengelasan Rangkaian bagi tahun 2019**

<b>Bil.</b>	<b>Daerah Pemantauan</b>	<b>Tahun 2019</b>
1	Seberang Perai Tengah	Course 1: LRA Sungai Dua Course 2: LRA Bukit Toh Allang
2	Seberang Perai Utara	Course 1: LRA Bukit Toh Allang Course 2: LRA Sungai Dua
3	Seberang Perai Selatan	Course 1: LRA Sungai Dua Course 2: LRA Bukit Panchor
4	Timur Laut	Course 1: LRA Sungai Dua Course 2: LRA Batu Ferringhi Course 3: LRA Air Itam Course 4: LRA Guillemard Course 5: LRA Water Fall Course 6: LRA Tiger Hill 7. LRA Guillemard + LRA Batu Feringghi
5	Barat Daya	Course 1: LRA Sungai Dua Course 2: LRA Batu Ferringhi Course 3: LRA Sungai Pinang
6	MPPP	Course 1: LRA Sungai Dua Course 2: LRA Air Itam Course 3: LRA Guillemard Course 4: LRA Water Fall

## ELEMEN-ELEMEN PROGRAM

Elemen-elemen penting program seksyen KMAM adalah pengawasan, kajian kebersihan, pemprosesan dan analisis data, tindakan pemulihan dan pemeriksaan institusi.

### Pengawasan

Sampel air diambil pada setiap minggu di stesen-stesen persampelan yang telah dikenalpasti. Kekerapan pengambilan sampel adalah berdasarkan *National Standard for Drinking Water Quality* (NSDWQ), Edisi 2, 2004 yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemantauan dijalankan di sepanjang rangkaian air iaitu daripada muka sauk sehinggalah kepada pengguna.

Terdapat sebanyak 210 buah stesen persampelan di negeri Pulau Pinang bagi melaksanakan aktiviti pengawasan. Namun, didapati bilangan stesen persampelan tersebut adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan kadar pengeluaran kapasiti air terawat daripada 9 buah loji tersebut. Berikut merupakan pecahan bilangan stesen persampelan mengikut jenis stesen persampelan.

**Jadual 4.145 : Jenis – jenis dan bilangan stesen**

Daerah	Jenis Stesen				Jumlah
	Intake	TPO	SRO	Aux.	
SPT	-	-	-	35	35
SPU	2	3	4	41	50
SPS	2	1	1	20	24
TL	6	3	3	30	42
BD	1	-	2	30	33
MPPP	-	-	2	24	26
<b>Jumlah Besar</b>					<b>210</b>

### Kajian Kebersihan

Selain daripada pemantauan bekalan air awam, kajian kebersihan adalah satu elemen penting dalam program KMAM. Kajian kebersihan adalah satu aktiviti untuk mengenalpasti risiko-risiko pencemaran di kawasan tadahan, loji rawatan air dan sepanjang rangkaian paip pengguna yang boleh mengakibatkan kemerosotan kualiti air terawat seterusnya secara tidak langsung memberi kesan kepada kesihatan pengguna. Walau bagaimanapun aktiviti Kajian kebersihan tidak dapat dijalankan kerana pegawai yang bertugas belum menerima latihan bagi aktiviti tersebut.

**Jadual 4.146: Tarikh Kajian Kebersihan**

Bil	Daerah	Loji Rawatan Air	Tarikh Kajian Kebersihan
1.	SPT	LRA Sungai Dua	26 hingga 28 Ogos 2019
2.	SPU	LRA Toh Allang	09 hingga 10 April 2019
3.	SPS	LRA Bukit Panchor	10 hingga 12 Julai 2019
4.	T. Laut	LRA Tiger Hill	07 hingga 08 Ogos 2019
5.		LRA Air Itam	26 hingga 28 Mac 2019
6.	B.Daya	LRA Sg Pinang	22 hingga 23 & 26 Ogos 2019

**Jadual 4.147: Tarikh Health Risk Assessment (HRA) 2019**

Bil	Daerah	Loji	Tarikh HRA
1.	T. Laut	LRA Guillemard	13 April 2019
2.		LRA Batu Feringghi	28 Februari 2019
3.		LRA Water fall	19 Mac 2019

## Pemprosesan dan Analisis Data

Data-data pengawasan kualiti air disimpan pada peringkat daerah yang juga peringkat negeri. Pengurusan data kualiti air pada masa ini dilakukan dengan menggunakan perisian Water Quality Software (WQS) bermula tahun 2008 menggantikan perisian lama sebelum ini. Pengisian data dijalankan di peringkat daerah juga merupakan data peringkat negeri. Data-data disemak jika terdapat sebarang kesilapan dan pembetulan sebelum dimuat turun ke server Seksyen KMAM, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM.

## Tindakan Pemulihan

Apabila pelanggaran kualiti air dikesan, tindakan pemulihan akan dilakukan dengan segera. Pihak pembekal air akan dimaklumkan agar tindakan pemulihan dapat dijalankan untuk memastikan kualiti air di tahap yang dibenarkan oleh KKM.

## RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN

Ringkasan aktiviti-aktiviti di bawah program KMAM yang dijalankan di peringkat negeri merangkumi semua daerah di negeri terbabit bagi sepanjang tahun 2019 ialah:

**Jadual 4.148: Aktiviti-Aktiviti Tahunan**

Bil	Latihan/Kursus/Bengkel	Tarikh
1	Bengkel Penyediaan Kajian Kebersihan	31 Januari 2019
2	Mesyuarat Teknikal KMAM/BAKAS	12 Februari 2019
3	Team Building KMAM/BAKAS	18-19 Mac 2019
4	Kursus Instrumentasi alat KMAM ,Arachem	22-24 April 2019
5	Mesyuarat hands on dan bengkel kalibrasi peralatan KMAM	2 Mei 2019
6	Audit teknikal PKDSPT	9 Mei 2019
7	Audit teknikal PKDTL	17 Mei 2019
8	Audit teknikal PKDBD	21 Mei 2019
9	Audit teknikal PKDSPU	23 Mei 2019
10	Audit teknikal PKDSPS	24 Mei 2019
11	Bengkel Kalibrasi	1 & 2 Ogos 2019
12	Mesyuarat Teknikal KMAM bersama EXCO	16 Ogos 2019

13	Bengkel Kalibrasi Bil 4/2019	10 Oktober 2019
14	Bengkel Myportfolio Unit KMAM/BAKAS	18 Oktober 2019
15	Mesyuarat Bersama PBA dan Jabatan Kimia	1 November 2019
16	Program Kecergasan & Minda Sihat	13-15 November 2019
17	Bengkel Piano Chart KMAM	20-21 November 2019
18	Mesyuarat Penyelaarsan Jadual Persampelan KMAM EU dan Takwim 2020	20 Disember 2019

### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Jumlah peruntukan yang diterima pada awal tahun 2019 ialah sebanyak RM150, 000. Walaubagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut tidak mencukupi berikutan peruntukan tersebut digunakan dibawah program PEKA dan KMAM. Kos peruntukan dibelanjakan termasuk pembelian bahan ujikaji dan reagen serta botol. Selain itu, kos peruntukan juga termasuk didalam kos pembaikan dan kalibrasi peralatan KMAM. Reten bagi perbelanjaan telah dihantar kepada pihak KKM pada setiap bulan.

**Jadual 4.149: Prestasi Persampelan 2019**

Bil	Kumpulan	Cadangan	Pencapaian	Peratusan (%)
1.	Kumpulan 1	3702	3702	100
2.	Kumpulan 2	812	812	100
3.	Kumpulan 3	458	458	100
4.	Kumpulan 4	265	265	100

### Quality Assurance Programme (QAP)

**Jadual 4.150 : QAP 2019**

Daerah	E-Coli & Baki Klorin			E-Coli			Kekeruhan			Baki Klorin			Aluminium		
	(QAP < 0.05)			(QAP < 0.15)			(QAP < 2.00)			(QAP < 1.85)			(QAP < 10.20)		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Seberang Perai	420	0	0.00%	420	0	0.00%	420	0	0.00%	420	1	0.24%	90	0	0.00%

Tengah															
Seberang Perai Utara	849	0	0.00%	849	0	0.00%	849	0	0.00%	849	0	0.00%	166	0	0.00%
Seberang Perai Selatan	342	0	0.00%	342	0	0.00%	342	0	0.00%	342	0	0.00%	74	0	0.00%
Timur Laut	666	0	0.00%	666	0	0.00%	666	0	0.00%	666	0	0.00%	145	4	2.76%
Barat Daya	473	0	0.00%	474	0	0.00%	474	0	0.00%	473	0	0.00%	95	0	0.00%
MPPP	390	0	0.00%	390	0	0.00%	390	0	0.00%	390	0	0.00%	93	3	3.23%
<b>TOTAL</b>	<b>3140</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>3141</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>3141</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>3140</b>	<b>1</b>	<b>0.03%</b>	<b>663</b>	<b>7</b>	<b>1.06%</b>

### Senarai Aset Peralatan Ujian Mutu Air Dan Statusnya

**Jadual 4.151: Bilangan Alat KMAM**

Daerah	HACH Spectrophotometer DR 890 / DR 2000 / DR 2010	pH Meter	Pocket pH Tester (pH Scan 1)	pH / Chlorine Comparator	Colour Comparator	Pocket Colorimeter (Chlorine)	Conductivity / TDS Meter	Turbidimeter	DO Meter	
									YSI	HANNA
Jab Kesihatan Negeri	1	1	0	0	0	1	1	0	1	0
Seberang Perai Tengah	0	2	0	0	0	2	1	2	1	0
Seberang Perai Utara	0	2	0	0	0	1	2	2	2	0
Seberang Perai Selatan	0	2	0	0	0	3	2	2	1	0
Timur Laut	0	3	0	0	1	2	2	2	2	0
Barat Daya	1	3	0	0	0	3	1	3	1	0
MPPP	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>13</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>12</b>	<b>9</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>0</b>

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

### **Pemprosesan dan Penganalisan Data.**

Program komputer WQS digunakan untuk mengumpul keputusan analisa contoh air dan seterusnya menganalisa data-data dan kualiti air mentah dan air terawat. Dengan adanya maklumat berkomputer penelitian keatas pelanggaran piawaian dan kawalan berisiko dapat dikenalpasti dan diawasi. Walaubagaimanapun program yang telah digunakan semenjak tahun 2008 telah berusia dan tidak selari dengan perkembangan zaman. Seharusnya program WQS ini ditambah baik dan dapat menghasilkan laporan yang diperlukan oleh pengguna selari dengan teknologi terkini. Peralatan ujikaji di lapangan juga telah berusia melebihi 10 tahun dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi serta alat ganti sudah tidak dapat diperolehi.

### **Rumusan**

Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan yang telah dilaksanakan setakat ini adalah berjalan dengan lancar dan bersistematik. Walau bagaimanapun dengan pembangunan perumahan dan industri yang pesat, bilangan stesen persampelan perlu ditambah supaya dapat mewakili keadaan sebenar kualiti air di sesuatu lokasi . Skop program KMAM perlu diperluaskan selari dengan perkembangan semasa khasnya daripada segi tindakan susulan ke atas pelanggaran parameter kimia iaitu Kumpulan 2. Pembangunan modal insan juga perlu diberi perhatian supaya komunikasi, kemahiran dan inovasi dapat dipertingkatkan untuk membantu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Dengan bermulanya era penswastan sistem bekalan air di Negeri Pulau Pinang , adalah diharapkan mutu air minum dalam bekalan air awam adalah semakin meningkat dan mematuhi piawaian air minum kebangsaan bagi menjamin bekalan air minum awam selamat dan mencukupi.


## **PROGRAM CAWANGAN PEMAKANAN**

### **PERKHIDMATAN PROGRAM PEMAKANAN**

#### **Amalan Penyusuan Susu Ibu Eksklusif**

Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia menyatakan "Semua ibu digalakkan menyusukan bayinya dengan susu ibu sahaja (eksklusif) dari lahir sehingga berusia enam bulan dan meneruskan penyusuan susu ibu sehingga bayi berumur 2 tahun. Makanan pelengkap perlu dimulakan apabila bayi berusia 6 bulan"


**Rajah 4.45: Amalan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Sehingga 6 Bulan Bagi Negeri Pulau Pinang**



Sumber: Reten PSI 201B

**Rajah 4.45** menunjukkan peningkatan peratus yang memuaskan bagi amalan penyusuan susu ibu secara eksklusif sehingga berumur enam bulan di kalangan bayi yang hadir ke klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga tahun 2019. Pencapaian pada tahun 2019 ialah 64.2% iaitu meningkat dari tahun 2018. Namun pencapaian tahun 2019 adalah rendah dari sasaran KPI yang telah ditetapkan iaitu 68%. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi memperkukuhkan pendidikan serta sokongan kepada ibu menyusu adalah melalui pelaksanaan Klinik Rakan Bayi dan aktiviti kumpulan sokongan penyusuan susu ibu di peringkat komuniti.

**Rajah 4.46 : Amalan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Sehingga 6 Bulan Mengikut Daerah Bagi Negeri Pulau Pinang**




Sumber: Reten PSI 201B

**Rajah 4.46** menunjukkan tren peningkatan peratus bagi amalan penyusuan susu ibu secara eksklusif sehingga bayi berumur enam bulan bagi semua daerah di Pulau Pinang. Namun, kesemua daerah tidak berjaya mencapai sasaran KPI bagi tahun 2019 iaitu 68%. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan sedang digiatkan melalui advokasi dan sokongan yang diberikan oleh anggota kesihatan di peringkat klinik kesihatan, klinik desa serta hospital bagi mencapai sasaran KPI tahunan.

### **Amalan Pengenalan Makanan Pelengkap Bayi Pada Usia 6 Bulan**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengesyorkan pemberian makanan pelengkap kepada bayi perlu diperkenalkan apabila bayi telah mencapai umur 6 bulan. Ini selaras dengan Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia yang menggalakkan bayi diberi susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur 6 bulan dan makanan pelengkap perlu dimulakan apabila bayi berumur 6 bulan. Melalui pendidikan pemakanan di peringkat klinik, ibu-ibu telah diajar tentang cara-cara pemberian makanan pelengkap yang betul dan tepat pada waktunya untuk bayi mereka.

**Rajah 4.47 : Peratus Amalan Pengenalan Makanan Pelengkap Bayi Pada Usia 6 bulan**



*Sumber: Reten AMP 201*


**Rajah 4.47** menunjukkan pada tahun 2019, sebanyak 97.8% bayi diperkenalkan makanan pelengkap pada usia 6 bulan. Pencapaian tahun 2019 adalah melebihi dari sasaran Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan III, 2016-2015 bagi negeri Pulau Pinang iaitu 95%.

### **Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah 5 tahun**

Pada tahun 2019, seramai 20,676 orang kanak-kanak di bawah umur 5 tahun bagi kedatangan baru yang hadir ke klinik kesihatan disaring bagi menentukan taraf pemakanan mereka dengan menggunakan rujukan Carta Pertumbuhan Bayi dan Kanak-Kanak, WHO 2006. Hasil saringan menunjukkan 98.8% kanak-kanak bawah umur 5

tahun ini mempunyai berat badan normal berdasarkan carta berat untuk umur, 99.4% mempunyai Tinggi-untuk-Umur yang normal dan 98.6% mempunyai BMI-untuk-Umur yang normal.


**Rajah 4.48: Peratus Kanak-Kanak Bawah Umur 5 tahun Yang Mengalami Kurang Berat Badan (KBB), Berat untuk Umur <-2SD, Mengikut Daerah**



Sumber: Reten KKK 201A

**Rajah 4.48** menunjukkan peratus pencapaian masalah kurang berat badan (KBB) iaitu berat untuk umur kurang daripada -2SD di kalangan kanak-kanak bawah umur 5 tahun bagi negeri Pulau Pinang. Bagi tahun 2019, peratus kanak-kanak yang kurang berat badan adalah sebanyak 1.2%. Pencapaian ini adalah lebih baik berbanding tahun 2018 dan mencapai sasaran Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan III, 2016-2015 iaitu bawah 2.5%. Begitu juga untuk semua daerah di Pulau Pinang yang mencapai sasaran yang ditetapkan.


**Rajah 4.49: Peratus Kanak-Kanak Bawah Umur 5 tahun Yang Mengalami Bantut (Panjang/tinggi untuk Umur <-2SD) Mengikut Daerah**



Sumber: Reten KKK 210 B

**Rajah 4.49** menunjukkan peratus kanak-kanak bawah 5 tahun pada kedatangan baru ke klinik kesihatan dan mengalami masalah bantut iaitu Panjang/Tinggi Untuk Umur <-2SD mengikut daerah bagi tahun 2016-2019. Sebanyak 0.6% kanak-kanak yang disaring mengalami masalah bantut, kekal sama dengan tahun 2018. Daerah Seberang Perai Selatan juga menunjukkan peratus tertinggi berbanding dengan daerah-daerah lain dengan 0.9% kanak-kanak mengalami bantut. Di peringkat komuniti, dianggarkan 1 dalam 5 kanak-kanak bawah 5 tahun dianggarkan mengalami masalah bantut (NHMS 2015).

**Rajah 4.50 Peratus Kanak-Kanak Bawah Umur 5 tahun Yang Mengalami Susut (BMI untuk Umur <-2SD) Mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang**




Sumber : KKK 210C

**Rajah 4.50** menunjukkan peratus kanak-kanak bawah 5 tahun pada kedatangan baru ke klinik kesihatan dan yang mengalami masalah susut iaitu BMI Untuk Umur <-2SD mengikut daerah. Sebanyak 1.3% kanak-kanak yang disaring mengalami masalah susut, dengan sedikit peningkatan peratus berbanding tahun 2018. Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Utara menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 1.9% berbanding daerah-daerah lain dan juga meningkat dari tahun sebelumnya.

### Anemia Di Kalangan Ibu Hamil

**Rajah 4.51: Peratus Ibu Hamil Yang Mengalami Anemia Pada Minggu ke 36 Kehamilan Bagi Negeri Pulau Pinang, Tahun 2013-2019**




Sumber : Reten KIB201B

**Rajah 4.51** menunjukkan tren penurunan peratus masalah Anemia (paras Hb < 11gm%) di kalangan ibu hamil pada minggu ke 36 kehamilan bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2019. Pada tahun 2019, daripada seramai 13,130 ibu hamil pada minggu ke 36 kehamilan disaring dan sebanyak 3.8% daripada mereka mengalami anemia. Peratus ini mencapai sasaran KPI tahunan iaitu kurang dari 7.0%.

Penurunan masalah anemia ini hasil daripada pelbagai strategi dan aktiviti pencegahan serta pengurusan kes yang efektif yang telah dilaksanakan di peringkat klinik. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah pengesanan awal, nasihat dan rundingcara pemakanan serta ibu dipastikan mengambil hematinik/ suplemen secara betul dan berterusan.

**Rajah 4.52 : Peratus Anaemia Di Kalangan Ibu Hamil Mengikut Daerah, Tahun 2013 - 2019**




*Sumber: Reten KIB 201B*

**Rajah 4.52** menunjukkan pencapaian anemia di kalangan ibu hamil pada minggu ke 36 kehamilan mengikut daerah. Pencapaian bagi negeri Pulau Pinang menunjukkan tren penurunan setiap tahun sejak tahun 2013. Daerah Seberang Perai Utara adalah mencapai peratus tertinggi dengan 6.2%, manakala daerah Barat Daya menunjukkan peratus anemia paling rendah 2019 iaitu sebanyak 1.5%. Semua daerah mencapai sasaran KPI bagi tahun 2019 iaitu kurang dari 7.0%.


### Bayi Berat Lahir Rendah (< 2.5 Kg)

**Rajah 4.53: Peratus Bayi Lahir Dgn Berat Rendah (< 2.5 kg) Negeri Pulau Pinang**



**Rajah 4.53** menunjukkan sebanyak 7.2% bayi dari kelahiran hidup tahun 2019 lahir dengan berat lahir yang rendah (<2.5 kg). Pencapaian ini menunjukkan tren peningkatan dari tahun-tahun sebelumnya. Namun ianya masih di bawah sasaran Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan iaitu kurang 8%.


**Rajah 4.54: Peratus Bayi Lahir Dgn Berat Rendah (< 2.5 kg) Mengikut Daerah**



**Rajah 4.54** menunjukkan peratus bayi berat lahir rendah disebabkan lahir pra masa (*premature*) iaitu 3.6%, lebih tinggi dari peratus bayi yang lahir dengan *Small Gestation Age* (SGA) iaitu 1.8%. Peratus tertinggi bayi dengan berat lahir rendah adalah di daerah Seberang Perai Tengah iaitu sebanyak 7.5%.

## Taraf Pemakanan Murid/Pelajar Sekolah (Tahun 1, Tahun 6 Dan Tingkatan 1)

**Rajah 4.55: Taraf Pemakanan Di Kalangan Kanak-Kanak Sekolah (Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3) Bagi Negeri Pulau Pinang 2019**



Sumber : Reten KSK 201A

**Rajah 4.55** menunjukkan peratus kanak-kanak sekolah bagi Tahun 1, Tahun 6, dan Tingkatan 3 yang telah disaring pada tahun 2019 yang mempunyai berat badan normal, susut,berlebihan berat badan dan obes.

Peratus susut di kalangan murid Tahun 1 (berumur 7 tahun) adalah 7.8%. Manakala peratus susut di kalangan murid Tahun 6 (berumur 12 tahun) adalah 7.5% dan Tingkatan 3 (berumur 15 tahun) adalah 5%.

Peratus berlebihan berat badan di kalangan murid Tahun 1 (berumur 7 tahun) dan Tahun 6 (berumur 12 tahun) masing-masing adalah 9.3% dan 17.8%. Bagi pelajar Tingkatan 3 (berumur 15 tahun) peratus berlebihan berat badan adalah 14.7%.

Peratus obes di kalangan murid Tahun 1 (berumur 7 tahun) adalah 6.8% dan peratus obes di kalangan murid Tahun 6 (berumur 12 tahun) adalah 10.2%. Bagi pelajar Tingkatan 3 (berumur 15 tahun) peratus pelajar yang mengalami obes adalah 5.2%.

### **Aktiviti Advokasi Pemakanan dan Pemulihan Pemakanan**

Bagi tujuan meningkatkan status pemakanan penduduk negeri Pulau Pinang, pelbagai aktiviti pencegahan, advokasi serta pemulihan pemakanan telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Di antara pencapaian aktiviti pada tahun 2019 adalah seperti :-

### **Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)**

Pada tahun 2019, seramai 78 orang kanak-kanak kurang zat makanan dari keluarga miskin tegar, miskin dan mudah miskin menerima bantuan bakul makanan yang berharga di antara RM180.00 hingga RM200.00 setiap bulan. Mereka ini menerima Bakul Makanan Pakej 13 yang mengandungi susu formula khas untuk berat badan dan multivitamin. Bilangan penerima semasa sehingga bulan Disember 2019 adalah seramai 47 kes iaitu Timur Laut (1 kes), Barat Daya (4 kes), SPU (12 kes), SPT (18 kes) dan SPS (12 kes). Pencapaian KPI PPKZM iaitu peratus kanak-kanak yang meningkat berat badan setelah menerima  $\leq 6$  bakul makanan bagi tahun 2019 adalah 75% dan ini mencapai sasaran KPI iaitu melebihi atau sama dengan 60%.

### **Advokasi Pemakanan Sihat Di Pasaraya**

Promosi Pemakanan Sihat di Pasaraya di negeri Pulau Pinang melibatkan 3 pasaraya besar iaitu Giant Bayan Baru di Daerah Barat Daya, Mydin Prai di Daerah Seberang Perai Tengah dan Mydin Bertam di Daerah Seberang Perai Utara. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 13 aktiviti kembara pemakanan sihat telah dijalankan dengan 5 aktiviti di Giant Bayan Baru, 5 aktiviti di Mydin Prai dan 3 aktiviti di Mydin Bertam. Ianya melibatkan seramai 242 orang peserta yang terdiri daripada peserta KOSPEN dan juga anggota kesihatan. Peserta diajar mengenai pilihan produk makanan yang lebih sihat berdasarkan kumpulan makanan dalam Piramid Makanan Malaysia, cara membaca label serta maklumat pemakanan pada pembungkusan produk, pilihan makanan yang segar dan selamat serta pengambilan makanan mengikut Pinggan Sihat Malaysia. Aktiviti ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat atau individu dengan pengetahuan pemilihan makanan yang lebih sihat semasa membeli belah.

### **Pemantauan Penjualan Makanan & Minuman Sihat di Kantin Sekolah**

Pemantauan ini dilaksana bertujuan untuk memastikan kantin sekolah menjual makanan dan minuman yang dibenarkan seperti termaktub di dalam Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah. Ini memastikan murid-murid memperoleh makanan dan minuman yang sihat dan pengendali kantin tidak menjual makanan dan minuman yang dilarang.

Pada tahun 2019, sebanyak 223 buah daripada 253 buah sekolah rendah (88.1%) dan 107 buah daripada 121 buah sekolah menengah (88.4%) di negeri Pulau Pinang telah dipantau oleh Pegawai Pemakanan dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

Daripada 223 buah sekolah rendah yang dipantau, 115 buah sekolah rendah (51.6%) mendapat markah 'sangat memuaskan' (80 - 100%), 34 buah sekolah rendah (15.2%) mendapat markah 'memuaskan' (61% - 79%) dan 74 buah sekolah rendah (33.2%) mendapat markah yang 'tidak memuaskan' (0% - 60.0%),

Daripada 107 buah sekolah menengah yang dipantau, 42 buah sekolah menengah (39.3%) mendapat markah yang 'tidak memuaskan', 34 buah sekolah menengah (31.8%) mendapat markah 'memuaskan' dan 31 buah sekolah menengah (29%) mendapat markah 'sangat memuaskan'.

Secara keseluruhannya, masih terdapat banyak kantin sekolah yang tidak mencapai marakah yang sangat memuaskan dari segi penjualan makanan dan minuman yang sihat di kantin sekolah. Kebanyakan kesalahan yang dilakukan adalah tidak mempamerkan kalori makanan, tidak menjual buah dan sayur serta menjual makanan terproses seperti daging burger, sosej dan *nugget*.

Peratus liputan sekolah yang telah dipantau penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah pada tahun 2019 adalah 88.2% dan ini mencapai sasaran KPI tahunan iaitu >65.0%.

### **Latihan Katering Sihat**

Latihan Katering Sihat diberikan kepada pengendali makanan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan makanan yang sihat kepada pengguna. Sebanyak 14 sesi latihan diadakan pada tahun 2019 dengan melibatkan 819 pengendali makanan terdiri daripada katerer di fasiliti KKM, kantin sekolah berasrama dan harian serta lain-lain pengusaha makanan seperti katerer di kafetaria. Semua daerah mencapai sasaran KPI dengan sekurang-kurangnya 2 latihan per daerah dijalankan.

### **Pelaksanaan Hospital Rakan bayi**

Semua enam buah hospital kerajaan dan tiga buah hospital swasta di Negeri Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan sebagai Hospital Rakan Bayi. Pelaksanaan ini terus dikekalkan dengan proses penilaian semula Hospital Rakan Bayi setiap tiga tahun dan pengawasan Hospital Rakan Bayi setiap Jun dan Disember setiap tahun. Pada tahun 2019, terdapat hanya sebuah Hospital Rakan Bayi yang tamat tempoh dan perlu dinilai semula iaitu Hospital Lam Wah Ee dan telah mencapai status lulus dalam penilaian tersebut.

### **Sambutan Bulan Pemakanan**

Sambutan Bulan Pemakanan pada tahun 2019 telah diadakan pada 4 Mei 2019 bertempat di Ruang Legar Pasaraya Mydin Bukit Mertajam. Tema sambutan bagi tahun 2019 adalah Luangkan Masa: Makan Secara Sihat & Hidup Aktif. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) yang mewakili Pengarah Kesihatan Negeri. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pameran kesihatan dan pemakanan, pertandingan *plating* Suku Suku Separuh, pertandingan ukiran buah, Aktiviti *Nutri Fun*, kuiz, pertandingan mewarna dan persembahan busker kesihatan. Dianggarkan 500 orang telah hadir dalam sambutan ini. Sambutan ini bertujuan untuk memberi advokasi berkaitan kepentingan amalan makan secara sihat untuk pencegahan penyakit serta kesihatan sepanjang hayat.

## **Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu**

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu yang dijalankan setiap 1 hingga 8 Ogos setiap tahun seluruh dunia diteruskan pada tahun 2019. Pada Tahun 2019, sambutan peringkat negeri telah diadakan dengan gabungan bersama pelbagai *stakeholder* di bawah *Making Penang Breastfeeding Committee* (MPBF) pada 4 Ogos 2019 bertempat di All Season Place, Lebuhraya Thean Teik, Ayer Itam. Di antara aktiviti yang telah dijalankan adalah aktiviti seminit penyusuan susu ibu secara serentak, forum tempat kerja mesra penyusuan susu ibu, pameran penyusuan susu ibu dan aktiviti kanak-kanak. Tema sambutan adalah "Caknakan Iububapa, Jayakan Penyusuan - Bertindak Sekarang Demi Masa Depan" (*Empower Parents, Enable Breastfeeding – Now and For The Future!*). Anggaran kehadiran adalah seramai 300 orang telah menghadiri sambutan ini.

## **CAWANGAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM**

### **PENGENALAN**

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam mula ditubuhkan pada Jun 2015. Cawangan ini bermula dengan penubuhan Unit Kualiti Kesihatan Awam yang telah dinaiktaraf kepada Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam. Tugas utama Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam adalah menyelaras aktiviti yang berkaitan dengan Kesihatan Awam. Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam terdiri daripada 3 unit seperti di bawah.

### **Unit Perlaksanaan Polisi KA**

Antara skop tugas unit ini adalah memantau

1. KPI (KPI PKN/ TPKN (KA)/ PKD)
2. QAP/NIA
3. MYCPD
4. EKSA
5. *Qualitative Initiative* (QA DSA/ Inovasi)

### **Unit Pembangunan Profesyen KA**

Peranan unit ini adalah menyelaras program di bawah ini:

1. Latihan Dalam Perkhidmatan
2. Public Health Research Circle
3. Profesyen KA
4. Latihan Pra Kepakaran

## Unit Pengurusan

Unit ini bertanggungjawab dalam menyelaras program-program seperti:

1. Penggunaan fasiliti kesihatan oleh IPTS/IPTA
2. Pelan Tindakan
3. Mesyuarat Teknikal
4. Myportfolio dan *JD HRMIS*

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

### NIA (NATIONAL INDICATOR APPROACH & KPI (KEY PERFORMANCE INDICATOR))

#### Pengenalan Kepada NIA

- ▶ *National Indicator Approach (NIA)* merupakan satu daripada pendekatan yang diterapkan dalam *Program Quality Assurance*, Kementerian Kesihatan Malaysia di mana indikator dan piawai diwujudkan untuk mengukur dan memantau tahap kualiti beberapa aspek perkhidmatan. Indikator ini dipantau di peringkat kebangsaan dan sekiranya berlakunya *shortfall in quality (SIQ)*, siasatan akan dilakukan di peringkat daerah dan negeri untuk mengenalpasti punca berlakunya SIQ tersebut.
- ▶ Jumlah Indikator NIA yang dipantau bagi tahun 2019 masih sama iaitu 13 indikator. 6 indikator bagi setengah tahun (Jan-Jun) dan 13 indikator bagi sepanjang tahun (Jan-Disember)
- ▶ Pelaporan dari setiap cawangan/unit dan juga daerah dikumpul setiap 6 bulan iaitu pada bulan Julai dan bulan Januari tahun berikutnya.

#### Pengenalan Kepada KPI

- ▶ *Key Performance Indicator (KPI)* juga merupakan salah satu daripada pendekatan yang diterapkan dalam Program *Quality Assurance*, Kementerian Kesihatan Malaysia di mana indikator dan piawai diperluaskan untuk mengukur dan memantau tahap kualiti beberapa aspek perkhidmatan termasuk aspek *Non-Clinical* seperti produktiviti dan pengurusan kewangan. Ia adalah salah satu faktor yang penting dalam pencapaian sesuatu organisasi. Indikator ini juga dipantau di peringkat kebangsaan.
- ▶ Dari bulan Januari sehingga Disember 2019, sebanyak **13 indikator** dipantau di peringkat negeri oleh Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam. Ini merupakan pecahan indikator-indikator YBMK/KPK/TKPK/PKN/TPKN (KA).

- ▶ Semua KPI akan dikumpul setiap suku tahun iaitu pada bulan Mac bagi suku pertama, bulan Julai bagi setengah tahun, bulan September bagi suku ketiga tahun dan bulan Januari tahun berikutnya untuk KPI sepanjang tahun. Manakala audit KPI peringkat negeri dilakukan bagi pelaporan KPI setengah tahun. Dilanjutkan dengan audit KPI dari KKM sekitar bulan Julai hingga Ogos.
- ▶ Pada 9 Ogos 2019, telah diadakan Mesyuarat Semakan Pencapaian Setengah Tahun Petunjuk Prestasi. Audit ini merupakan audit silang antara bahagian di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.



Aktiviti Audit KPI PKN oleh Sekretariat KPI JKNPP

- ▶ Pada 28 Ogos 2019 telah dilaksanakan Mesyuarat Semakan Pencapaian (Audit) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengarah Kesihatan Negeri 2019 oleh Sekretariat KPI (CPSU) Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam mesyuarat ini, pencapaian KPI PKN setengah tahun iaitu Jan - Jun 2019 telah dibentangkan.



Audit yang dijalankan oleh CPSU KKM

- Mesyuarat Pencapaian dan Semakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Januari-Disember 2019 peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 8 hingga 9 Januari 2020.
- Tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan pencapaian Indeks Pematuhan Keseluruhan Audit iaitu **Fully Compliant (FC)** bagi Audit Pencapaian Setengah Tahun Prestasi Petunjuk Utama (KPI) Pengarah Kesihatan Negeri.



Mesyuarat Pencapaian dan Semakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Januari- Disember 2019

### Auditee KPI PKN dan TPKN (KA)

- ▶ Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam juga merupakan auditee kepada 1 KPI Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) iaitu; **Pencapaian Penyelesaian Aduan Program Kesihatan Awam** dan 2 KPI Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) iaitu KPI **Pembudayaan Inovasi (Program Kesihatan Awam) Pereplikasian/Pengamalan Inovasi Klinik Kesihatan KKM – yang dibangunkan dalam tempoh dua (02) tahun** dan **Peratus perbelanjaan peruntukan LDP (Dalam negara) program Kesihatan Awam.**
- ▶ Pencapaian ketiga-tiga indikator KPI Jan-Dis 2019 tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 4.152: Pencapaian indikator KPI Jan-Dis 2019**

<b>Indikator</b>	<b>KPI</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Pencapaian Jan- Disember 2019</b>	<b>SIQ (Ada/Tidak)</b>
Pencapaian Penyelesaian Aduan Program Kesihatan Awam	PKN	≥ 85%	96.67% (290/300)	Tidak
Pembudayaan Inovasi (Program Kesihatan Awam) Pereplikasian/Pengamalan Inovasi Klinik Kesihatan KKM – yang dibangunkan dalam tempoh dua (02) tahun	TPKN (KA)	≥ 80%	100% (32/32)	Tidak
Peratus perbelanjaan peruntukan LDP (Dalam negara) program Kesihatan Awam	TPKN (KA)	99%	99.96%	Tidak

### KPI Pencapaian Penyelesaian Aduan Program Kesihatan Awam

- KPI ini adalah bertujuan untuk memantau setiap aduan yang diterima dan yang direkodkan dalam SisPAA, dikategorikan sama ada mudah, sederhana atau kompleks. Aduan kategori mudah perlu diselesaikan dalam masa 5 hari bekerja manakala kategori sederhana perlu diselesaikan dalam masa 15 hari bekerja sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Prosedur Pengurusan Aduan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mesyuarat penyelarasan aduan SisPAA bersama penyelarasan daerah telah diadakan bagi menyemak data aduan SisPAA setiap daerah. Tentatif mesyuarat sepanjang tahun 2019 adalah seperti dibawah.



Bil 1 pada 5 April 2019



Bil 2 pada 5 November 2019



Bil 3 pada 3 Jan 2020


**KPI TPKN (KA) Pembudayaan Inovasi (Program Kesihatan Awam) Pereplikasian/Pengamalan Inovasi Klinik Kesihatan KKM – yang dibangunkan dalam tempoh dua (02) tahun**

- KPI ini merujuk kepada keperluan pembudayaan inovasi yang dilaksanakan di peringkat klinik kesihatan KKM. Bagi klinik kesihatan KKM pencapaian dicadangkan adalah pereplikasian atau pengamalan inovasi dan amalan inovasi yang telah dibangunkan dalam tempoh dua tahun pada tahun semasa.
- KPI ini akan menggalakkan penghasilan inovasi bagi menyumbangkan nilai tambah kepada perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Pembudayaan inovasi adalah satu inisiatif pengamalan idea-idea yang kreatif bagi membantu meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan.
- Sasaran yang telah ditetapkan bagi KPI ini adalah  $\geq 80\%$  tahunan.



## Carta alir proses kerja KPI preplikasian projek inovasi

Projek carta QRMEC yang telah dibangunkan oleh kumpulan East Eagle dari PKD Timur Laut telah dipilih sebagai projek yang direplikasikan keseluruh klinik kesihatan negeri Pulau Pinang.



### Kronologi pelaksanaan KPI pereplikasian projek inovasi carta QRMEC

- Lawatan pemantauan pasca pelaksanaan pereplikasian projek QRMEC telah dilaksanakan bagi memantau keberkesanan projek ini dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan. Kami telah hadir ke satu klinik bagi setiap daerah dan menilai pemahaman anggota kesihatan di klinik terbabit.



KK Bayan Lepas, BD: 21  
November 2019



KK Mc Calister, TL: 26  
November 2019



KK Perai, SPT: 28  
November 2019



KK Sungai Dua, SPU: 20  
November 2019



KK Bandar Tasek Mutiara,  
SPS: 24 Disember 2019

---

### **Aktiviti lawatan pemantauan di klinik kesihatan**

#### **KPI Peratus perbelanjaan peruntukan LDP (Dalam negara) program Kesihatan Awam**

- KPI ini mengukur prestasi perbelanjaan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (Dalam Negara) yang telah diperuntukan kepada Program Kesihatan Awam. Sasaran yang ditetapkan adalah  $\geq 99\%$ .
- Bagi KPI ini, pelaporan adalah suku tahunan. Sehingga bukan Disember 2019, pencapaian bagi KPI adalah menepati sasaran yang ditetapkan. Tiada SIQ bagi tahun 2019.
- Pelaporan diperolehi dari setiap cawangan/unit dan juga dari setiap daerah. Seterusnya, pelaporan disediakan oleh Pembantu Tadbir Kewangan Bahagian Kesihatan Awam. Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan laporan yang diterima sebelum ditandatangani oleh TPKN (KA).

#### **INISIATIF KUALITI BAHAGIAN KESIHATAN AWAM**

##### **Pengenalan Dan Latar Belakang**

- ▶ Kualiti Kesihatan bermaksud peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan yang berterusan bertepatan dengan perkembangan profesionalisme ilmu kesihatan semasa. Setiap fasiliti kesihatan amat digalakkan supaya sentiasa mengkaji dan mengenalpasti kekangan dalam mutu perkhidmatan masing-masing.

Mengukur pencapaian adalah amat penting dalam menentukan kualiti perkhidmatan. Suatu projek kualiti haruslah sentiasa dipantau dan diperbaiki mutu dari masa ke masa bagi menjamin mutu yang berterusan. *Quality Assurance* bermaksud suatu proses atau aktiviti yang melibatkan merancang kualiti, selaraskan *standard*, mengukur dan memantau kepatuhan terhadap standard. *QA* merupakan satu *process-centered approach* yang bertujuan memastikan suatu organisasi memberi perkhidmatan atau menghasilkan produk terbaik.

- ▶ Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam merupakan penyelar *Quality Assurance Project* bagi *District Specific Approach*. Tugas utama Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam adalah mengenalpasti projek-projek QA terbaru atau yang sedang berlangsung dari setiap fasiliti kesihatan di daerah. Penyelarasan secara berkala dilakukan bagi membimbing setiap projek sehingga menampakkan hasil yang bermutu.

### **Bengkel QA DSA Bahagian Kesihatan Awam**

- ▶ Pada tahun 2019, Bahagian Kesihatan Awam telah mengenalpasti beberapa projek QA/DSA yang berpotensi untuk pertandingan Konvesyen QA DSA/HSA Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.
- ▶ Senarai projek QA DSA dari Pejabat Kesihatan Daerah adalah seperti berikut:
  1. Meningkatkan aktiviti penyusuan susu ibu di kalangan anggota bagi klinik kesihatan – **PKD SPT**
  2. To create awareness on annual screening for previously diagnose GDM mother – **PKD SPT**
  3. Prevalence of Factor Affecting Diabetic Control On Improvement in HbA1C Using Diabetic Education Tool – **PKS SPS**
  4. Improving Anonymous HIV Screening Process at KK Bukit Panchor – **PKD SPS**
  5. Improving diabetic wound healing via modern dressing at KK Butterworth – **PKD SPU**





### **Bengkel QA DSA Bahagian Kesihatan**

Awam

- ▶ Sesi perbincangan dibimbing oleh mantan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (KA), Dato' Dr Noorlia bt Yahaya dan berlangsung di Klinik Kesihatan Sungai Dua, Seberang Perai Utara

## **MYCPD 2.0**

### **Pengenalan Kepada Program MYCPD**

- ▶ MyCPD iaitu *Continuous Profesional Development* merupakan salah satu program yang telah diperkenalkan pada awal tahun 80-an lagi. *Pilot project* MYCPD Kementerian Kesihatan Malaysia telah berkuatkuasa pada tahun 2007, iaitu melibatkan 3 skim terawal. Pada tahun 2010, MyCPD telah diperluaskan kepada skim lain antara Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan Sains Bersekutu. MyCPD telah diwajibkan untuk skim yang terlibat sebagai medium pemantauan keperluan dasar 7 hari latihan dalam perkhidmatan dan menjadi keperluan pembaharuan APC bagi skim tertentu.
- ▶ Pada tahun 2017, MyCPD telah dinaik taraf kepada MyCPD 2.0 iaitu versi baru yang lebih mudah diakses oleh pegawai dan juga penyelia masing-masing.

## **Aktiviti Tahun 2019**


### **Audit MyCPD 2.0**

- Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam telah melaksanakan audit MyCPD 2.0 secara atas talian bagi Bahagian Kesihatan Awam. Audit melibatkan anggota kesihatan di cawangan/unit Bahagian


Kesihatan Awam dan juga anggota kesihatan di Pejabat Kesihatan daerah/Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa.

- Sebanyak 20% dari jumlah keseluruhan anggota kesihatan di setiap fasiliti kesihatan telah diaudit. Laporan audit MyCPD 2.0 ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan MyCPD 2.0 Bahagian Kesihatan Awam. Berikut merupakan laporan yang telah dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan.


**Rajah 4.56 : Pegawai yang diaudit verifikasi mengikut daerah (secara online)**




**Rajah 4.57 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Nama Penyelia yang dinyatakan (secara online)**




**Rajah 4.58 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Gred yang dinyatakan (secara online)**




**Rajah 4.59 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Jawatan yang dinyatakan (secara online)**




**Rajah 4.60 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Pusat Tanggungjawab yang dinyatakan (secara online)**




**Rajah 4.61 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Kategori Aktiviti CPD yang direkodkan oleh auditee (secara online)**




**Rajah 4.62 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Tuntutan Mata Kredit yang direkodkan (tiada multiple entry) oleh auditee (secara online)**



**Rajah 4.63 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Tuntutan Mata Kredit (tiada tuntutan mata kredit tugas hakiki/tugas harian) yang direkodkan oleh auditee (secara online)**



**Rajah 4.64 : Pencapaian audit verifikasi berdasarkan ketepatan Dokumen Sokongan Mengikut Kesesuaian Kategori (tiada tuntutan mata kredit tugas hakiki/tugas harian) yang direkodkan oleh auditee (secara online)**



### Mesyuarat Penyelarasan MyCPD

- ▶ Pada 20 Jun 2019, Cawangan Perkembangan KA telah menganjurkan Mesyuarat Penyelarasan MyCPD yang bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 37, KOMTAR.
- ▶ Dalam mesyuarat ini, pegawai yang hadir telah didedahkan dengan program MYCPD 2.0 dengan lebih terperinci, tatacara penghantaran laporan CPD dan kriteria tuntutan mata kredit serta pengenalan kepada audit verifikasi CPD yang baru iaitu secara atas talian.



Mesyuarat Penyelarasan MyCPD

## MESYUARAT TEKNIKAL BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

### Pengenalan

- ▶ Cawangan Perkembangan KA merupakan penyelaras bagi pelaksanaan Mesyuarat Teknikal Bahagian Kesihatan Awam. Pada tahun 2019 , mesyuarat ini telah dilaksanakan tiga kali iaitu pada bulan Februari, September dan juga pada bulan November.
- ▶ Mesyuarat ini bertujuan membincangkan pencapaian setiap daerah dan cawangan/unit yang berkaitan. Setiap daerah dan cawangan/unit juga akan membentangkan isu-isu berbangkit dalam mesyuarat ini.
- ▶ Mesyuarat Teknikal Bil 1/2019 telah diadakan pada 11 Februari 2019 di Bilik Mesyuarat Tingkat 37, KOMTAR. Manakala Mesyuarat Teknikal Bil 2/2019 diadakan pada 4 September 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Kesihatan Sungai Dua, SPU. Sebagai penutup tahun, Mesyuarat Teknikal Bil 3/2019 telah diadakan pada 25 November 2019 di Bilik Mesyuarat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, SPS.



11  
Februari  
2019



4  
September  
2019



25  
November  
2019

## PELAN TINDAKAN

### Pengenalan

- ▶ Cawangan Perkembangan KA merupakan penyelaras bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Bahagian Kesihatan Awam. Pelan Tindakan ini direncanakan sekali setahun iaitu pada penghujung tahun.
- ▶ Tujuan diadakan Pelan Tindakan ini adalah sebagai salah satu platform pembentangan pencapaian setiap cawangan dan juga pembincangan rencana pelan tindakan bagi tahun berikutnya.
- ▶ Pelan Tindakan ini melibatkan wakil dari setiap cawangan dan unit serta anggota dari setiap Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan PMA.
- ▶ Setiap daerah diminta menghasilkan satu pelan tindakan bagi setiap program Kesihatan Awam yang akan diguna pakai sebagai petunjuk pelaksanaan aktiviti Kesihatan Awam.

### Pelan Tindakan 2019/2020

- ▶ Pelan Tindakan 2019/2020 telah dilaksanakan pada 21 hingga 23 Oktober 2019 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh Perak.
- ▶ Selama 3 hari program berlangsung, wakil anggota dari setiap cawangan dan juga daerah telah membentangkan pelan tindakan masing-masing.
- ▶ Pelan Tindakan yang dihasilkan akan dijadikan petunjuk pelaksanaan program-program Kesihatan Awam.





Sesi pembentangan Pelan Tindakan 2019/2020



Sesi perbincangan setiap daerah dan cawangan/unit



Pelan Tindakan 2019/2020 Bahagian Kesihatan Awam  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

## MYPORTFOLIO DAN JD HRMIS

### Pengenalan

- MyPortfolio merupakan fail meja yang dinamakan semula sebagai MyPortfolio bagi memberikan gambaran menyeluruh terhadap bidang tugas serta tanggungjawab sesuatu jawatan dan agensi.
- Merupakan satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi berpembelajaran
- Merupakan dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan
  - i) maklumat pewujudan jawatan
  - ii) proses kerja
  - iii) panduan menjalankan tugas bagi jawatan dalam sesebuah organisasi
- Bermula dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 4 Tahun 2018 MyPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dikeluarkan pada 12 Julai 2018
- Dalam pekeliling ini mengandungi 10 komponen termasuk 1 komponen baru: *Job Description (JD)*.  
Lain-lain dokumen adalah:
  - Carta organisasi
  - Carta fungsi

- Aktiviti bagi fungsi
  - Proses kerja
  - Carta alir (mengikut tempoh masa)
  - Senarai semak
  - Senarai undang-undang,peraturan dan punca kuasa
  - Senarai borang
  - Senarai jawatankuasa yang dianggotai (mengikut jawatan)
- Pelaksanaan untuk mewujudkan dan pengemasinian Deskripsi Tugas (*JD*) pada Jawatan Sebenar hanya boleh diakses di persekitaran HRMIS 2.0 sahaja.
  - *JD* yang perlu diwujudkan dalam HRMIS ini adalah terhad kepada Jawatan Sebenar atau Jawatan berwaran sahaja. Jawatan yang tidak berwaran adalah terkecuali.
  - Menu *JD* dalam HRMIS boleh diakses oleh semua Pemilik Kompetensi (CO) yang mempunyai
  - Pelaksanaan JD HRMIS di Bahagian Kesihatan Awam dipantau bersama Bahagian Pengurusan (Unit Komunikasi Korporat & Cawangan Teknologi Maklumat) melalui sistem HRMIS.

### Gantt Chart Pelaksanaan Myportfolio

BIL	PERKARA	TEMPOH	TARIKH	2018					2019					
				Oktober					November					
				M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5	
1	Sesi Familiarisasi dan Pembangunan Kapasiti PKPA Bil. 4 Tahun 2018 Bagi JKN	3 hari	10 - 12 Oktober 2018											
2	Taklimat /Bengkel di Peringkat Bahagian/PKD/Hospital /Agensi di bawah Negeri oleh Penyelaras Bahagian	1/2 hari	17-26 Oktober 2018											



## Aktiviti Naziran dan Taklimat Penyelaras Myportfolio Bahagian Kesihatan Awam

- Matron Nadzriyah binti Bakar dari Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam telah dilantik sebagai penyelaras negeri MyPortfolio dan *JD HRMIS*.
- Beliau telah hadir Bengkel Panduan Kerja Sektor Awam Bagi Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) KKM telah di jalankan pada 10/10/18 – 12/10/18 di Hotel Seri Malaysia Sepang bersama wakil dari Bahagian Pengurusan.
- Naziran dan taklimat MyPortfolio telah diadakan bersama wakil dari Bahagian Pengurusan. Rentetan aktiviti adalah seperti di bawah.

### Taklimat MyPortfolio

Bil	Tarikh	Masa	Tempat	Kumpulan Sasar	Pemberi Taklimat
1	19/10/18	9.00 am – 1.00 pm	Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Mara	i) PKN ii) TPKN (semua bahagian) iii) Anggota pengurusan (MARA)	i) En Sanjeetharan
2	23/10/18	2.00 pm - 5.00 pm	Bilik Mesyuarat Tingkat 37,Komtar	i) KPPK Cawangan/Unit ii) PKD iii) Penyelia Cawangan/Unit dan Daerah	i) En Sanjeetharan
3	13/11/18	9.00 am – 5.30 pm	Bilik Mesyuarat PKDSPU	i) Pegawai Perubatan ii) Penyelia iii) Anggota Pengurusan iv) Wakil-wakil mengikut jawatan	i) En Sanjeetharan ii) PJK Nadzriyah bt Bakar
4	16/11/18	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Seminar KK Sg Dua,SPU	i) Pegawai Sains Pemakanan JKN dan daerah	i) PJK Nadzriyah bt Bakar

5	23/11/18	9.00 am – 12.15 pm	Bilik Mesyuarat Tingkat 37,Komtar	i) TPKN (KA) ii) KPPK /KPP Cawangan dan Unit di KA	i) PJK Nadzriyah bt Bakar
---	----------	-----------------------	--------------------------------------------	----------------------------------------------------------	------------------------------

### Naziran MyPortfolio

Bil	Tarikh	Masa	Tempat	Kumpulan Sasar	Pegawai Pemantau
1	13/03/19	3.00 pm – 5.20 pm	KD Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah	i) KJK ii) JT iii) JM	i) En Sanjeetharan ii) PJK Nadzriyah bt Bakar
2	13/03/19	6.00 pm - 8.21 pm	Klinik 1 Malaysia Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara	i) Pegawai Perubatan ii) PPPP ii) PPP v) JT v) PPK	i) En Sanjeetharan ii) PJK Nadzriyah bt Bakar
3	15/03/19	9.00 am – 1.30 pm	KK Jalan Mechalister, Timur Laut	i) Pegawai Perubatan ii) Penyelia Jururawat iii) Penolong Pegawai Perubatan iv) Pegawai Farmasi v) Ketua Jururawat vi) Jururawat Terlatih vii) Jururawat Masyarakat	i) En Sanjeetharan ii) PJK Nadzriyah bt Bakar



## **BENKEL ANJURAN CAWANGAN KESIHATAN AWAM**

### **Seminar Pementapan Jati Diri dan Profesyen Bahagian Kesihatan Awam**

- Seminar ini telah diadakan pada 23 Ogos 2019 bertempat di Auditorium F, KOMTAR.
- Penglibatan anggota kesihatan yang terdiri dari pelabgai kategori skim perkhidmatan dari daerah dan juga cawangan/unit di Bahagian Kesihatan Awam.
- Tujuan utama diadakan program sedemikian adalah untuk meningkatkan semangat kerja di kalangan anggota kesihatan Bahagian Kesihatan Awam sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan.
- Seminar ini telah dikoordinasikan bersama penceramah jemputan (kaunselor) dari Unit Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang tampil dengan modul bimbingan yang menarik dan interaktif.
- Program yang berlangsung selama satu hari ni diharapkan memberi manfaat kepada peserta yang hadir.



### ***Kursus Introduction to Research Conduction in Malaysia***

- Kursus ini telah diadakan pada 1 November 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 37, KOMTAR.
- Penceramah jemputan dari CRC Hospital Pulau Pinang dijemput untuk memberikan ceramah berkaitan penyelidikan.
- Tujuan kursus ini diadakan adalah memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota kesihatan mengenai proses kerja yang tepat dalam merancang dan menjalankan penyelidikan.



## **BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN**

Bahagian Kesihatan Pergigian Pulau Pinang merupakan salah satu daripada enam program di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Ianya terletak di Aras 7, Bangunan Persekutuan Jalan Anson, Pulau Pinang. Dengan keluasan 114,945.52 km persegi dan kepadatan penduduk sejumlah 1,837,638 orang, Bahagian Kesihatan Pergigian Pulau Pinang berusaha memberi perkhidmatan pergigian yang komprehensif kepada kumpulan sasaran utama iaitu:-

- ✿ Toddlers
- ✿ Kanak-kanak Prasekolah
- ✿ Murid-murid Sekolah Rendah
- ✿ Murid-murid Sekolah Menengah
- ✿ Ibu Mengandung
- ✿ Warga Emas
- ✿ Kanak-kanak Istimewa/Warga Berkeperluan Khas, dan
- ✿ Orang Dewasa

Rawatan yang diberikan merangkumi rawatan asas dan rawatan kepakaran. Perkhidmatan kepakaran pergigian diberi kepada kes-kes rujukan daripada pegawai-pegawai pergigian dan pegawai-pegawai perubatan. Rawatan Incremental diberikan kepada murid-murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

### **VISI**

Supaya masyarakat kita akan mendapat satu perkhidmatan yang berkualiti dan mudah diperolehi dari segi kos dan "accessibility" dengan keutamaan diberikan kepada pencegahan penyakit.

### **MISI**

Mencapai satu tahap kesihatan pergigian yang membanggakan untuk semua lapisan masyarakat :-

- ✿ Dengan memotivasikan penjagaan kesihatan mulut sendiri ;
- ✿ Melalui peningkatan kesedaran tentang kesihatan pergigian sebagai salah satu aspek penting dalam kesihatan keseluruhannya ;
- ✿ Menyediakan perkhidmatan pergigian yang sesuai ;
- ✿ Untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

## **OBJEKTIF**

Untuk memberi satu perkhidmatan pergigian yang berkualiti dari segi *Total Quality Management* dalam suasana penyayang supaya mencapai kepuasan pelanggan. Meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia dengan memberi perkhidmatan pencegahan, pemulihan dengan pemeliharaan yang berkualiti dan berkesan disamping menggalakkan personel meningkatkan pengetahuan sejajar dengan perkembangan semasa di bidang pergigian.

## **PENTADBIRAN**

Bahagian Kesihatan Pergigian Pulau Pinang ditadbir oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan juga Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau dibantu oleh empat (4) orang Ketua Penolong Pengarah Kanan, satu (1) Ketua Penolong Pengarah dan lima orang Pegawai Pergigian Daerah di peringkat daerah iaitu:

- Timur Laut
- Barat Daya
- Seberang Perai Utara
- Seberang Perai Tengah
- Seberang Perai Selatan

Bahagian Pengurusan bertanggungjawab dalam hal-hal pengurusan personel, pengurusan kewangan, perolehan dan pembelian jabatan, pengesanan dan penyeliaan projek-projek pembangunan serta penyelarasan aktiviti-aktiviti latihan di peringkat negeri.

## KEMUDAHAN KLINIK PERGIGIAN KEPAKARAN DI NEGERI PULAU PINANG



## KEMUDAHAN KLINIK PERGIGIAN PRIMER DI NEGERI PULAU PINANG



## TABURAN KEMUDAHAN PERGIGIAN

Kesihatan pergigian disampaikan dalam pelbagai kemudahan fasiliti yang ditempatkan di klinik-klinik kesihatan, hospital, klinik statik, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi tertentu. Pada tahun 2019, kemudahan fasiliti pergigian adalah 148 yang dilengkapi dengan 234 unit pergigian.

**Jadual 6.1: Kemudahan Fasiliti Dan Unit Pergigian 2019**

Daerah Fasiliti	Daerah Timar Laut		Daerah Barat Daya		Daerah SPU		Daerah SPT		Daerah SPS	
	Bil.	Unit	Bil.	Unit	Bil.	Unit	Bil.	Unit	Bil.	Unit
<b>Klinik Pergigian Pakar</b>	5	7	0	0	4	9	5	5	0	0
<b>Klinik Pergigian Klinik Kesihatan</b>	7	25	4	9	6	21	6	15	4	10
<b>Klinik Pergigian Sekolah Rendah</b>	18	17	4	5	10	11	15	12	3	1
<b>Klinik Pergigian Sekolah Menengah</b>	3	0	1	1	2	1	4	2	2	1
<b>Pusat Pergigian Sekolah</b>	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0
<b>Klinik Pergigian Bergerak</b>	1	1	1	1	1	2	0	0	0	0
<b>Pasukan Pergigian Bergerak</b>	7	11	4	0	6	25	5	8	5	13
<b>Pasukan Pergigian Bergerak Pra Sekolah</b>	3	4	2	0	4	7	3	7	2	5
<b>Klinik Pergigian KKIA</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

<b>Klinik-klinik Lain</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>65</b>	<b>16</b>	<b>16</b>	<b>34</b>	<b>76</b>	<b>38</b>	<b>49</b>	<b>16</b>	<b>28</b>

### RINGKASAN PERJAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT PROGRAM

Kekuatan sumber manusia Bahagian Kesihatan Pergigian dalam tahun 2019 adalah 896 orang (94.01%) daripada 953 perjawatan yang ada manakala 57 (5.98%) kekosongan adalah daripada kumpulan pelaksana.

**Jadual 6.2: Ringkasan Perjawatan Dan Pengisian Mengikut Program Sehingga 31 Disember 2019**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GREED</b>	<b>PERJAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>
<b>A. PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	UG56	1	1	0
2.	Pakar Pergigian Kesihatan Awam	UG48/UG52/ UG54/UG56	3	2	1
3.	Pakar Pergigian Ortodontik, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	4	4	0
4.	Pakar Pergigian Bedah Mulut, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	4	4	0

5.	Pakar Pergigian Pediatrik, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	1	1	0
6.	Pakar pergigian Periodontik, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	3	2	1
7.	Pakar Pergigian Restoratif Dentistry, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	1	1	0
8.	Pakar Pergigian Keperluan Khas, Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	1	1	0
9.	Pakar Pergigian Patologi Mulut & Perubatan Mulut Pegawai Pergigian	UG44/UG48/ UG52/UG54/ UG56	1	1	0
10.	Pegawai Pergigian	UG41/UG44/ UG48/UG52/ UG54	179	164	15
10.	Pegawai Pergigian	UG41 UG44/ UG48	19	19	0
<b>JUMLAH</b>			<b>217</b>	<b>200</b>	<b>17</b>
<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GREED</b>	<b>PERJAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>

<b>B. PARAMEDIK &amp; AUKSILIARI</b>					
1.	Juruterapi Pergigian	U40	1	1	0
2.	Juruterapi Pergigian	U38	1	1	0
3.	Juruterapi Pergigian	U36	5	5	0
4.	Juruterapi Pergigian	U32	24	24	0
5.	Juruterapi Pergigian	U29/U32	151	144	7
6.	Juruteknologi Pergigian	U38	1	1	0
7.	Juruteknologi Pergigian	U36	4	4	0
8.	Juruteknologi Pergigian	U32	8	8	0
9.	Juruteknologi Pergigian	U29/U32	30	27	3
10.	Pembantu Pembedahan Pergigian (Kanan)	U26	1	1	0
11.	Pembantu Pembedahan Pergigian (Kanan)	U24	24	23	1
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian	U19/U24	241	232	9
13.	Pembantu Perawatan Kesehatan	U16	1	0	1
14.	Pembantu Perawatan Kesehatan	U14	2	2	0
15.	Pembantu Perawatan Kesehatan (TBK 13 Tahun)	U3/U12	5	5	0
16.	Pembantu Perawatan	U11/U14	120	113	7

	Kesihatan (TBK 13 Tahun)				
<b>JUMLAH</b>			<b>619</b>	<b>591</b>	<b>28</b>
<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>PERJAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>
<b>C. GUNASAMA &amp; SOKONGAN</b>					
1.	Penolong Akauntan (KUP)	W29/ W32	6	6	0
2.	Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan)	W22	1	1	0
3.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
4.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	39	38	1
5.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	4	3	1
6.	Setiausaha Pejabat	N29/N30	1	1	0
7.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/N22	1	1	0
8.	Pemandu Kenderaan	H11/H14	53	47	6
9.	Pembantu Operasi	N11/N14	8	7	1
10	Pembantu Awam	H11/H14	3	3	0

	<b>JUMLAH</b>		<b>117</b>	<b>108</b>	<b>9</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>953</b>	<b>899</b>	<b>54</b>

## **AKTIVITI DAN PENCAPAIAN PROGRAM PERGIGIAN**

### **A. PENGGALAKAN KESIHATAN PERGIGIAN**

#### **1. PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN**

Promosi Kesihatan Pergigian merupakan aktiviti penting yang diserapkan ke dalam kehidupan harian semua golongan masyarakat dengan harapan ia akan mengurangkan keperluan untuk rawatan di masa akan datang.

Aktiviti yang dijalankan termasuk kempen kesihatan pergigian, ceramah kesihatan pergigian dan latihan memberus gigi. Disamping itu pertunjukan boneka dan "role play" turut dijalankan bagi kanak-kanak tadika/pra sekolah.

Sebanyak 524 tadika kerajaan dan 213 tadika swasta telah dilawati sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan menjalankan aktiviti di atas.

#### **1.1. CERAMAH KESIHATAN PERGIGIAN**

Pada tahun 2019, ceramah kesihatan pergigian telah diberikan kepada lima kumpulan utama iaitu kanak-kanak pra sekolah, murid sekolah rendah, murid sekolah menengah, ibu mengandung dan orang dewasa. Pencapaian kehadiran ceramah adalah seperti di Jadual 6.3.

**Jadual 6.3 : Kehadiran Untuk Ceramah Di Pulau Pinang 2015 - 2019**


<b>KATEGORI PESAKIT</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
<b>PRA SEKOLAH</b>	46946	47218	47279	48692	47154
<b>SEKOLAH RENDAH</b>	124544	124221	121687	126652	124596
<b>SEKOLAH MENENGAH</b>	53659	56743	74221	76612	69197
<b>IBU MENGANDUNG</b>	9559	10755	18547	12521	12611
<b>ORANG DEWASA</b>	28647	37768	57249	78265	85478

Terdapat peningkatan kehadiran ceramah bagi kategori pesakit Ibu Mengandung dan Orang Dewasa sahaja manakala katogeri lain didapati ada penurunan bagi tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.

## **1.2. LATIHAN MEMBERUS GIGI**

Latihan memberus gigi (LMG) juga merupakan salah satu aktiviti utama yang dijalankan untuk kanak-kanak tadika/pra sekolah dan murid sekolah rendah. Seramai 46,664 orang kanak-kanak tadika/pra sekolah dan 128,502 orang murid sekolah rendah telah melibatkan diri dalam tahun 2019.

**Rajah 6.1: Kehadiran Untuk Latihan memberus Gigi Pulau Pinang 2015 – 2019**



## **2. PEMFLUORIDAN BEKALAN AIR MINUM**

Pemfluoridaan bekalan air minum merupakan program pencegahan yang berkesan untuk mencegah kejadian karies gigi. Terdapat empat buah loji yang beroperasi di Daerah Timur laut, sebuah di daerah Barat Daya, dua buah di daerah Seberang Perai Utara, dan sebuah di daerah Seberang Perai Selatan di mana tahap bacaan fluorida yang ditetapkan di loji dan di retikulasi adalah 0.4 ppm – 0.6 ppm. Agensi yang terlibat dalam program ini adalah Bahagian Pergigian, Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Kesihatan Awam KKM, Bahagian Kimia dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Terdapat kerjasama yang baik di antara agensi-agensi yang terlibat dengan program pemfluoridaan bekalan air minum awam ini. Dengan itu masalah yang dihadapi dari segi pencapaian tahap fluorida pada 0.4 ppm – 0.6 ppm dapat dibincang bersama.


**Jadual 6.4: Loji Bekalan Air Pulau Pinang**

DAERAH	LOJI AIR	FLUORIDA FEEDER	
		ADA	TIADA
DAERAH TIMUR LAUT	Loji Pembersihan Air Itam	✓	
	Loji Pembersihan Air Terjun	✓	
	Loji Pembersihan Guillemard	✓	
	Loji Batu Feringghi	✓	
DAERAH BARAT DAYA	Loi Pembersihan Sungai Pinang	✓	
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	Loji Sungai Dua	✓	
	Loji Bukit To' Alang	✓	
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	Loji Bukit Panchor	✓	
<b>JUMLAH LOJI DENGAN FLUORIDE FEEDER DI PULAU PINANG = 8 BUAH</b>			

**3. RAWATAN SEALAN FISUR**

Rawatan sealan fisur bertujuan untuk mencegah kejadian karies pada gigi kekal di peringkat umur yang muda terutamanya gigi molar kekal pertama yang tumbuh dalam lingkungan umur 6-8 tahun. Rawatan sealan fisur diberikan kepada mereka yang mempunyai tahap kesihatan mulut yang kurang baik. Program ini dilaksanakan serentak dengan aktiviti perkhidmatan pergigian sekolah. Bagi tahun 2019 jumlah murid yang menerima rawatan sealan fisur adalah seramai 7594 orang dengan jumlah gigi yang dibuat fisur sealan sebanyak 14324 batang gigi.


**Rajah 6.2: Pencapaian Rawatan Fisur Sealant Tahun 2015 – 2019**




## **B. PENJAGAAN PERGIGIAN PRIMER**

Penjagaan pergigian primer diberi kepada masyarakat mengikut kumpulan utama yang ditentukan iaitu kanak-kanak pra sekolah, murid sekolah rendah dan menengah, ibu mengandung, kanak-kanak istimewa, warga emas dan orang dewasa. Di negeri Pulau Pinang, seramai 435783 (23.71%) penduduk telah mendapatkan penjagaan kesihatan pergigian. Daripada jumlah kedatangan, kumpulan yang terbanyak sekali menerima perkhidmatan pergigian melalui penjagaan kesihatan primer iaitu murid sekolah rendah (32.6%), diikuti kedatangan baru orang dewasa (23.8%) dan seterusnya murid sekolah menengah (23.6%) seperti ditunjukkan di Rajah 6.3.

Rajah 6.3: Penjagaan Kesihatan Primer Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2019.



**Rajah 6.4: Pesakit Yang Menerima Penjagaan Pergigian Primer Tahun 2015 - 2019**




Perbandingan dari tahun 2018, menunjukkan bilangan pesakit yang menerima penjagaan kesihatan pergigian primer meningkat bagi majoriti kategori pesakit kecuali murid sekolah menengah berikutan penurunan enrolmen murid dan juga Ibu Mengandung.

### **(I). KANAK-KANAK PRA SEKOLAH**

Program bagi kanak-kanak pra sekolah lebih menumpukan kepada aktiviti promosi dan pencegahan. Antaranya ialah lawatan sekurang-kurangnya dua kali oleh Jururawat Pergigian dengan menjalankan aktiviti latihan memberus gigi, memberi ceramah, permainan *role-play*, persembahan boneka dan aktiviti interaktif yang lain.

Objektif program ini ialah menimbulkan kesedaran kepada kanak-kanak pra sekolah dan penjaga mereka tentang pentingnya penjagaan kesihatan pergigian. Kanak-kanak ini juga dididik menghargai penjagaan kesihatan pergigian sendiri. Sebanyak 524 buah tadika kerajaan dan 213 buah tadika swasta telah diberi latihan memberus gigi serta ceramah kesihatan pergigian sebanyak dua kali lawatan dan seramai 24,975 orang dari 25,169 (99.2%) orang kanak-kanak tadika telah diberi pemeriksaan pergigian.

**Rajah 6.5: Pencapaian Rawatan Kanak-Kanak Pra Sekolah Bagi Tahun 2015 - 2019**




## **(II). MURID-MURID SEKOLAH**

Sebahagian besar perkhidmatan pergigian yang diberikan kepada murid-murid sekolah ialah melalui "outreach programme". Perkhidmatan yang diberikan adalah melalui klinik pergigian sekolah, klinik pergigian di klinik kesihatan, klinik pergigian bergerak dan pasukan pergigian bergerak. Program kesihatan pergigian sekolah yang dibuat secara "incremental" telah berjaya memberikan kesihatan pergigian intensif kepada sebahagian besar murid sekolah di bandar dan di luar bandar.

Pada tahun 2019, liputan sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Pulau Pinang adalah 100%. Daripada 125,578 orang murid sekolah rendah seramai 123,349 (98.2%) murid adalah disahkan *orally-fit*. Bagi murid sekolah menengah pula daripada 96,259 orang murid seramai 93,538 (97.17%) adalah *orally-fit*.


**Rajah 6.6: Pencapaian Murid Sekolah 'Orally Fit' Tahun 2015 - 2019**



### III) INDIKATOR IMPAK BAGI PERKHIDMATAN PERGIGIAN SEKOLAH

Semua indikator impak bagi perkhidmatan pergigian sekolah iaitu peratus murid berumur 12 tahun dengan Bebas karies (DMFX=0), peratus murid berumur 6 tahun dengan mulut bebas Karies (MBK) dan peratus murid berumur 12 tahun yang mengalami kerosakan gigi kurang daripada 3 batang gigi (DMFX<3) iaitu indikator impak bagi perkhidmatan pergigian sekolah rendah telah menunjukkan peningkatan bagi tahun 2019. Manakala Indikator impak bagi perkhidmatan pergigian sekolah menengah iaitu peratus murid berumur 16 tahun dengan Bebas karies (DMFX=0) menunjukkan sedikit penurunan berbanding dengan tahun 2018 seperti di Rajah 6.7.


**Rajah 6.7: Pencapaian Indikator Impak Perkhidmatan Pergigian Sekolah Tahun 2015 - 2019**



### C. PENJAGAAN PERGIGIAN KEPAKARAN

Pada tahun 2019, negeri Pulau Pinang mempunyai 14 orang pakar pergigian klinikal. Mereka terdiri daripada empat orang Pakar Pergigian Ortodontik, seorang Pakar Pergigian Pediatrik, empat orang Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial, dua orang Pakar Pergigian Periodontik, seorang Pakar Pergigian Restoratif, seorang Pakar Pergigian Keperluan Khas, seorang pakar Perubatan Mulut dan Patologi dan seorang pakar Pergigian Forensik. Kadar penggunaan klinik pergigian pakar dapat dilihat daripada kes kedatangan baru dan jumlah kedatangan pesakit iaitu kedatangan baru dan ulangan seperti di Rajah 6.8


**Rajah 6.8: Kehadiran di Klinik Pakar Pergigian Bagi Tahun 2019**



### (I). KLINIK PAKAR PERGIGIAN BEDAH MULUT

Terdapat dua buah Klinik Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial, iaitu Klinik Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Seberang Jaya dan Klinik Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Pulau Pinang. Bagi tahun 2019 terdapat peningkatan kes kedatangan pesakit baru dan jumlah kedatangan berbanding tahun 2018.


**Rajah 6.9: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial Tahun 2015 – 2019**



### (II). KLINIK PAKAR PERGIGIAN ORTODONTIK

Terdapat tiga buah Klinik Pakar Pergigian Ortodontik iaitu di Klinik Pergigian Mak Mandin, Klinik Pergigian Jalan Perak dan Klinik Pergigian Kepala Batas. Pencapaian kedatangan pesakit baru dan jumlah kedatangan telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2019


**Rajah 6.10: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Pergigian Ortodontik Tahun 2015-2019**



**(III). KLINIK PAKAR PERGIGIAN PERIODONTIK**

Terdapat dua buah Klinik Pakar Pergigian Periodontik iaitu, Klinik Pergigian Periodontik KP Jalan Perak di daerah Timur Laut dan Klinik Pergigian Periodontik KP Mak Mandin di daerah Seberang Perai Utara dengan seorang pakar yang bertugas sepenuh masa di setiap klinik. Terdapat peningkatan kedatangan pesakit pada tahun 2019 berbanding 2018 seperti di Rajah 6.11.


**Rajah 6.11: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Pergigian Periodontik Tahun 2015-2019**



**(iv). KLINIK PAKAR PERGIGIAN PEDIATRIK**

Klinik Pakar Pergigian Pediatrik terletak di Hospital Pulau Pinang dan merupakan satu-satunya klinik yang memberi penjagaan kesihatan pergigian kepada kanak-kanak 16 tahun ke bawah yang dirujuk. Pada tahun 2019 terdapat peningkatan dari jumlah kedatangan berbanding tahun 2018.


**Rajah 6.12: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Pergigian Pediatrik Tahun 2015-2019**



**(V). KLINIK PAKAR PERGIGIAN RESTORATIF**

Klinik Pakar Pergigian Restoratif terletak di Klinik Pergigian Mak Mandin dan di Klinik Pergigian Bandar Baru Air Itam. Ia di kendalikan oleh dua orang pakar yang bertugas di kedua-dua buah klinik secara berjadual. Ia menjalankan rawatan bagi kes-kes yang dirujuk dari klinik-klinik pergigian lain di Pulau Pinang. Terdapat peningkatan pada Jumlah Kedatangan pesakit baru tahun 2019 berbanding tahun 2018 berikutan Jumlah kedatangan seperti di rajah 6.13.


**Rajah 6.13: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Pergigian Restoratif Tahun 2015-2019**



**(vi). Klinik Pakar Pergigian Keperluan Khas**

Klinik Pakar Pergigian Keperluan Khas telah beroperasi sejak tahun 2014 di Klinik Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Seberang Jaya oleh seorang **Pakar Pergigian Keperluan Khas**. Lawatan ke KP Pakar Hospital Pulau Pinang dibuat seminggu sekali. Kedatangan pesakit menunjukkan peningkatan seperti di Rajah 6.14.


**Rajah 6.14: Pencapaian Hasil Kerja Pakar Pergigian Keperluan Khas Tahun 2015-2019**



**(vii). Klinik Pakar Pergigian Patologi Dan Perubatan Mulut**

Klinik Pakar Patologi dan Perubatan Mulut telah beroperasi sejak tahun 2017 di Unit OPOM Hospital Seberang Jaya oleh seorang **Pakar Pergigian Patologi dan Perubatan Mulut**. Kedatangan pesakit menunjukkan peningkatan seperti di Rajah 6.15.

**Rajah 6.15 : Pencapaian Hasil Kerja Pakar Patologi dan Perubatan Mulut 2017-2019**



**(viii). Klinik Pakar Pergigian Forensik**

Klinik Pakar Pergigian Forensik telah mula beroperasi pada Ogos tahun 2019. Unit ini ditempatkan sementara di Klinik Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Pulau Pinang dengan seorang **Pakar Pergigian Forensik** . Kedatangan pesakit di klinik tersebut bagi tahun 2019 adalah seramai 10 orang.

**D. INISIATIF PENINGKATAN KUALITI**

**(i). Program Kepastian Kualiti (QAP) National Indikator Approach (NIA)**

Maklumat bagi indicator NIA digabungkan di peringkat negeri melalui format HIMS di mana ia dianalisis dan dibentangkan dalam format QAP.

Pencapaian kualiti (NIA) Tahun 2015 – 2019 ditunjukkan seperti di jadual 6.5.

**Jadual 6.5 : Pencapaian Kualiti (NIA) Tahun 2015-2019**

BIL	INDIKATOR	PIAWAI	PENCAPAIAN				
			2015	2016	2017	2018	2019
1.	Percentage of schoolchildren maintaining orally fit status						
	a) Primary schoolchildren	≥ 65%	59.9%	58.5%	59.3	62.3	63.8
	b) Secondary schoolchildren	≥ 80%	76.1%	76.2%	76.3	76.2	77.5
2.	Percentage of non-conformance of optimal fluoride level at reticulation points						
	a) Levels < 0.4 ppm	≤ 25%	4.6%	1.3%	0.0	0.0	0.0
	b) Level > 0.6 ppm	≤ 7 %	0.3%	0.0%	0.0	0.0	0.0

**Jadual 6.6: Pencapaian Kualiti (DSA) Tahun 2019.**

Pada tahun 2019 *Indicator* untuk pencapaian kualiti DSA telah diseragamkan bagi semua daerah. Pencapaian negeri adalah seperti berikut:

BIL.	INDICATOR	STANDARD (%)	ACHIVEMENT (%)
1.	Coverrage of Toddlers	35%	42.1%
2.	Number of Incident "Sharp Injury"	0	7
3.	Percentage of Rejection X-Ray Taken	≤ 10%	2.17%

Segala pengenalpastian masalah, pemantauan dan tindakan penambahbaikan/susulan telah dilaksanakan.

**Jadual 6.7: Bidang Keberhasilan Utama (Kra) Dan Petunjuk Prestasi Utama (Kpi) Program Kesihatan Pergigian, KKM Tahun 2019**

KPI	MONITORING INDICATORS	SASARAN	2016	2017	2018	2019
1. Peratus klinik pergigian (KP) yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	Bil. KP yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari.	>84%	<u>28</u> 28 100%	<u>28</u> 28 100%	<u>28</u> 28 100%	<u>28</u> 28 100%

2. Peratus Klinik Kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	Bil. KK yang mempunyai komponen fasiliti pergigian (KK Jenis 1-5, yang ada kemudahan pergigian yang lengkap iaitu sekurang-kurangnya ada bilik rawatan, kerusi dan unit pergigian)	$\geq 75\%$	<u>25</u> 26 96.2%	<u>25</u> 26 96.2%	<u>25</u> 26 96.2%	<u>25</u> 26 96.2%
3. Peratus Liputan Ibu Mengandung	Bilangan pesakit baru Ibu Mengandung yang di periksa.	$\geq 60\%$	-	-	<u>13,641</u> 20,147 67.7%	<u>13,316</u> 20,649 64.5%
4. Peratus murid sekolah rendah mencapai status orally-fit (liputan)	Bilangan murid sekolah rendah yang telah selesai rawatan	$\geq 96.5\%$	<u>123,467</u> 125,213 98.6%	<u>120,33</u> 7 123,64 9 97.3%	<u>121,89</u> 0 124,14 5 98.2%	<u>123,349</u> 125,578 98.2%
5. Peratus murid sekolah menengah mencapai status orally-fit (liputan)	Bilangan murid sekolah menengah yang telah selesai rawatan	$\geq 85\%$	<u>103,031</u> 105,413 97.7%	<u>97,709</u> 101,59 6 96.2%	<u>95,865</u> 98,569 97.3%	<u>93,538</u> 96,259 97.2%
6. Peratus murid sekolah rendah dengan status <i>maintaining orally – fit</i>	Bil murid sekolah rendah yang tidak perlu rawatan.	$\geq 65\%$	-	-	-	<u>79,946</u> 125,357 63.8%

7. Peratus murid sekolah menengah dengan status <i>maintaining orally – fit</i>	Bil murid sekolah menengah yang tidak perlu rawatan.	$\geq 70\%$	-	-	<u>74,737</u> 98,106 76.2%	<u>74,287</u> 95,823 77.5%
8. Peratus murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi	Bilangan murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi (dft=0 & DMFT=0)	$\geq 50\%$	-	-	-	<u>10071</u> 21835 46.1%
9. Peratus murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi	Bilangan murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi ( DMFT=0)	$\geq 70\%$	-	-	<u>15,663</u> 19,963 78.46%	<u>16082</u> 20256 79.39%
10. Peratus murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi	Bilangan murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi ( DMFT=0)	$\geq 50\%$	-	-	-	<u>11680</u> 18821 62.06%
11. Peratus murid Sekolah Rendah yang perlu sealant fisur mendapat rawatan sealan fisur	Bilangan murid diberi rawatan sealan fisur.	$\geq 96\%$	-	-	<u>9864</u> 9889 99.8%	<u>7594</u> 7623 99.6%

12. Peratus murid Sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui program KOTAK	Bil. Murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah yang telah menjalani sekurang – kurangnya 3 kali intervensi lanjutan	$\geq 51\%$	-	-	<u>942</u> 1,173 80.3%	<u>748</u> 936 79.9%
13. Peratus ibu mengandung mencapai status orally fit	Bilangan pesakit ibu mengandung yang selesai rawatan	$\geq 45\%$	-	-	-	<u>5788</u> 13488 42.91%
14. Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai 20 batang gigi atau lebih.	Bilangan pesakit baru warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai 20 batang gigi atau lebih.	$\geq 60\%$	-	-	<u>701</u> 1611 43.5%	<u>816</u> 1720 47.4%
15. Peratus pesakit mendapat dentur	Bil. Pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3	$\geq 64\%$	<u>3,494</u> 4,019	<u>3,263</u> 4,001	<u>3,262</u> 3,592	<u>3,389</u> 3,879

dalam tempoh 3 bulan.	bulan dari tarikh permintaan untuk dentur dan didapati sesuai untuk menerima rawatan dentur.		86.9%	81.6%	90.8%	87.4%
16. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	Bil. Pesakit 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu dari tarikh permintaan untuk dentur dan didapati sesuai untuk menerima rawatan dentur.	$\geq 50\%$	<u>1,071</u> 1,647 65.0%	<u>1407</u> 2131 66%	<u>1472</u> 1954 75%	<u>1756</u> 2259 77.7%
17. Peratus ikon gigi (iGG) yang menjalankan aktiviti sekurang- kurangnya 1 kali sebulan.	Bilangan Ikon gigi yang menjalankan sekurang – kurangnya 1 aktiviti sebulan.	$\geq 61\%$	-	-	-	Z 16 43.75%
18. Peratus Peruntukan Tahunan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia selesai dibelanja pada minggu pertama Disember tahun semasa.	Jumlah peruntukan LDP yang dibelanjakan pada tahun semasa	100%	-	-	-	<u>99,301.</u> <u>83</u> 99,305. 00 100%

19. Peratus klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 2015	Bilangan klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015	≥85%	<u>24</u> 28 85.7%	<u>24</u> 28 85.7%	0 0 0%	<u>28</u> 28 100%
20. Peratus Fasiliti Pergigian KKM yang mencapai ≥ 80% pematuhan semasa Audit Keselamatan Dan Kesihatan	Bilangan fasiliti yang diaudit yang mencapai ≥ 80% pematuhan.	≥95%	-	-	-	<u>51</u> 51 100%
21. Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas Klinik Pergigian Swasta (KPS) yang dikenalpasti	Bil. Klinik Pergigian Swasta yang dijalankan pemeriksaan pemantauan	100%	<i>63/69</i> <i>91.3%</i>	<i>70/72</i> <i>97.2%</i>	<i>73/73</i> 100%	80/80 100%
22. Peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit	Bilangan pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit	≥86%	-	-	-	<u>231477</u> 239063 96.83%

<p>23.Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima</p>	<p>Bilangan pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima</p>	<p>≥95%</p>	<p><u>663</u> 685 96.8%</p>	<p><u>493</u> 500 98.6%</p>	<p><u>296</u> 300 98.7%</p>	<p><u>6005</u> 6052 99.2%</p>
<p>24.Pembudayaan Inovasi Replikasi/ Pengamalan Inovasi Klinik Pergigian yang dibangunkan dalam tempoh 2 (dua) tahun.</p>	<p>Jumlah Klinik Pergigian yang melaksanakan replikasi/ amalan inovasi</p>	<p>≥80%</p>	<p>-</p>	<p>-</p>	<p><u>26</u> 28 92.9%</p>	<p><u>28</u> 28 100%</p>
<p>25.Pencapaian Penyelesaian Aduan</p>	<p>Jumlah aduan mudah dan sederhana yang diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut garis panduan semasa</p>	<p>≥85%</p>	<p>-</p>	<p>-</p>	<p><u>13</u> 13 100%</p>	<p><u>24</u> 25 96.0%</p>

## **PERLAKSANAAN AKTIVITI**

### **I. AKTIVITI LATIHAN**

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 iaitu mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, telah menetapkan bahawa setiap anggota dikehendaki untuk menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Sepanjang tahun 2019, Bahagian Pegigian Kesihatan Pulau Pinang telah melaksanakan 34 kursus dengan peratus prestasi pebelanjaan adalah 100%. Selain itu terdapat kursus dan CDE yang dilaksanakan di peringkat Pejabat Pegigian Daerah dan Klinik. Seramai 706 (78.8%) anggota pergigian telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari.

### **KESIMPULAN**

Pada keseluruhannya, pencapaian perkhidmatan pergigian Negeri Pulau Pinang amat menggalakkan. Untuk memastikan kepuasan pelanggan dalaman dan luaran tercapai, pelbagai usaha peningkatan kualiti dijalankan. Tumpuan adalah pembangunan dan pembaikan fasiliti dan kelengkapan dengan teknologi terkini di mana boleh.

Penekanan kepada pembangunan anggota pergigian juga diberikan. Ini untuk melahirkan anggota yang lebih kompeten, berkemahiran dan efisien melalui pendidikan professional berterusan dari masa kesemasa.



## 4. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### 4.1 PENGURUSAN FARMASI NEGERI

#### A. Perjawatan

Secara amnya, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri adalah bertanggungjawab ke atas perancangan dan pengurusan sumber manusia bagi tiga (3) kategori perjawatan utama iaitu Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi dan Pembantu Tadbir di samping beberapa jawatan anggota sokongan. Jadual di bawah menunjukkan maklumat pengisian jawatan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Pulau Pinang.

**Jadual 7.1: Pengisian Jawatan Perkhidmatan Farmasi Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**

<b>GREJ JAWATAN</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>PENGISIAN</b>	<b>KEKOSONGAN</b>	<b>% PENGISIAN</b>
<b>Pegawai Farmasi</b>				
Gred UF41/44/48/52/54	568	549	19	97
<b>Penolong Pegawai Farmasi</b>				
Gred U40	1	1	0	100
Gred U38	2	2	0	100
Gred U36	10	4	6	40
Gred U32	22	21	1	95
Gred U29	155	153	2	99
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>190</b>	<b>181</b>	<b>9</b>	<b>95</b>
<b>Penolong Pegawai/Pembantu Tadbir</b>				
Gred N32	2	2	0	100
Gred N29	6	5	1	83
Gred N26	1	1	0	100
Gred N22	8	8	0	100
Gred N19	30	26	4	87
SUP N29	1	1	0	100
PKP N19	1	1	0	100
Gred W19	3	3	0	100
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>52</b>	<b>47</b>	<b>5</b>	<b>90</b>

<b>Jawatan-jawatan Sokongan Lain</b>				
PPK U11	16	12	4	75
Pemandu R3	3	3	0	100
PRA R4	5	1	4	20
PA H11	28	25	3	89
PO N11	2	1	1	50
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>54</b>	<b>42</b>	<b>12</b>	<b>78</b>
<b>Jumlah Negeri</b>	<b>864</b>	<b>819</b>	<b>45</b>	<b>95</b>

## **B. Sumber Kewangan**

Pada tahun 2019, sejumlah RM 7,282,160 peruntukan telah diterima dengan kenaikan sebanyak 14.8% daripada peruntukan yang diterima pada tahun 2018. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2015 - 2019 ditunjukkan di dalam jadual berikut.

**Jadual 7.2: Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Sebenar BPF Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 - 2019**

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>	<b>% Perbelanjaan</b>
2015	5,160,500	5,682,956	110.12
2016	6,420,538	6,579,546	102.48
2017	5,591,480	7,151,551	127.90
2018	6,342,976	6,841,178	107.85
2019	7,282,160	7,622,748	104.68

Peruntukan mengurus yang diterima pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 660 760. Kedudukan peruntukan mengurus dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2019 ditunjukkan di dalam jadual berikut.

**Jadual 7.3: Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Sebenar Peruntukan Mengurus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan (OS20000) BPF Negeri Pulau Pinang Tahun 2019**

Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
660,760	626,622	94.83

### C. Latihan

Bahagian Farmasi Negeri bertanggungjawab menganjurkan latihan berbentuk bengkel, kursus, seminar dan program CPD (Continuing Professional Development) di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Farmasi Hospital/Kesihatan secara sistematik dan berterusan untuk anggota-anggota farmasi seluruh negeri Pulau Pinang. Dengan perbelanjaan RM 37,788.40 di bawah Peruntukan Belanja Pembangunan RMK-11 (Latihan Dalam Perkhidmatan), sebanyak 21 program latihan telah dianjurkan seperti di dalam jadual di bawah.

**Jadual 7.4: Latihan Yang Dianjurkan oleh BPF Negeri Tahun 2019**

Bil	Nama Latihan	Tarikh	Jumlah Peserta
<b>PENGURUSAN FARMASI</b>			
1	Bengkel Sistem ePerolehan Baharu - Perolehan Secara Sebutharga	31/01/2019	15
2	Bengkel KIK Fasa I Tahun 2019	27/02/19	41
3	Bengkel QA Fasa 3	20-21/03/2019	53
4	Bengkel Audit Klinikal Farmasi Negeri Pulau Pinang	27/03/2019	39
5	Bengkel Inovasi 2019	28-29/03/2019	33
6	Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan	16-17/04/2019	50
7	Bengkel KIK Fasa 2	25/06/2019	48
8	Bengkel QA Fasa 1	18-19/09/2019	54
<b>JUMLAH</b>			<b>333</b>
<b>PENGUATKUASAAN FARMASI</b>			
1	Kursus Pembangunan dan Pementapan Diri Pegawai Penguatkuasa Farmasi	25-27/03/19	45
2	Taklimat Penggunaan Sistem I-Tres	20-21/06/19	40
<b>JUMLAH</b>			<b>85</b>

Bil	Nama Latihan	Tarikh	Jumlah Peserta
<b>AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI</b>			
1	Kursus Pengenalan Kepada Research Metodologi Bagi Penolong Pegawai Farmasi	28/02/19	25
2	Program Pembelajaran Profesional Berterusan CPD (Anjuran Bersama PKD SPU)	09/03/2019	91
3	Kursus Methadone Bagi Pegawai Farmasi Tahun 2019	13-14/03/19	32
4	Bengkel Training of Trainers Penggunaan Ubat Secara Berkualiti - Pengguna	20-21/03/2019	40
5	Program Pembelajaran Profesional Berterusan CPD (Anjuran Bersama PKD BD)	23/03/2019	97
6	Program Pembelajaran Profesional Berterusan CPD (Anjuran Bersama PKD SPS)	06/04/2019	91
7	Scientific Report and Manuscript Writing Workshop	10-11/04/2019	45
8	Kursus TOT Aktiviti Perlindungan dan Pendidikan Pengguna	15/04/19	30
9	Kursus Pengukuhan Pengurusan Stor Farmasi	23-24/04/19	50
10	Bengkel TOT <i>Peer Review</i> Kaunseling dan Komunikasi Berkesan	29-30/04/2019	50
11	Bengkel Penulisan Manuskrip (R&D) Fasa 2	15-16/05/2019	27
<b>JUMLAH</b>			<b>578</b>
<b>LAIN-LAIN</b>			
1	Yuran Pendaftaran Konvensyen / Kursus	Sepanjang 2019	33
<b>JUMLAH</b>			<b>33</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>1029</b>

## D. Aktiviti Kualiti

**Jadual 7.5: Aktiviti Kualiti Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri 2019**

<b>Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Farmasi Negeri – 2 kali / tahun</b>	
Bil 1 / 2019	17 Jun 2019
Bil 2 / 2019	14 November 2019

### *Aktiviti Kualiti Farmasi Negeri Sepanjang Tahun 2019*

<b>Aktiviti</b>	
<b>1. Bengkel QA Tahun 2019 Fasa 3 &amp; Fasa 1</b>	
Tempat :	Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, Pulau Pinang
Tarikh :	20 - 21 Mac 2019 & 18-19 September 2019
<b>2. Bengkel Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif (KIK) Tahun 2018 Fasa 1 &amp; Fasa 2</b>	
Tempat :	Dewan Nilai, Hospital Kepala Batas
Tarikh :	27 Feb 2019 & 25 Jun 2019
<b>3. Kursus Inovasi</b>	
Tempat :	Dewan Seminar KK Seberang Jaya, SPT
Tarikh :	28 – 29 Mac 2019
<b>4. Bengkel Audit Klinikal</b>	
Tempat :	Bilik Seminar KK Bukit Minyak, SPT
Tarikh :	27 Mac 2019
<b>5. Pembentangan Kajian Audit Klinikal</b>	
Tempat :	Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, Pulau Pinang
Tarikh :	24 September 2019



**Gambar: Mesyuarat Pelan Tindakan Tahun 2019**

## **4.2. AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI**

### **A. Pengenalan**


Cawangan Amalan Dan Perkembangan (A&P) Farmasi berfungsi untuk memastikan keperolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui Amalan Farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Negeri Pulau Pinang supaya seiring dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Cawangan ini terdiri daripada Unit Penjagaan Farmaseutikal dan Unit Farmasi Logistik yang bertanggungjawab untuk memantau aktiviti farmasi di semua hospital dan klinik kesihatan kerajaan di Negeri Pulau Pinang.


### **B. Perbelanjaan Ubat dan Bukan Ubat**

Jabatan Farmasi di hospital dan klinik kesihatan menguruskan perolehan ubat, vaksin, bukan ubat, reagen dan gas perubatan.


**PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : UBAT (OL27401)**




**PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : BUKAN UBAT (OL27499)**




**PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : VAKSIN (OL27404)**



**PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : REAGEN UNTUK KESIHATAN (OL27403)**




## PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : GAS PERUBATAN (OL27402)




### C. Perkhidmatan Farmasi Ambulatori

#### i. Preskripsi pesakit luar yang diterima



**ii. Kaunseling Ubat-ubatan untuk Pesakit Di Farmasi Pesakit Luar di hospital dan klinik kesihatan**



**iii. Perkhidmatan Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)**

Perkhidmatan MTAC melibatkan kolaborasi di antara pegawai farmasi dan pegawai perubatan di dalam memberi penjagaan farmaseutikal kepada pesakit. MTAC dilaksanakan oleh pegawai farmasi dengan menjalankan pemantauan terapi ubat-ubatan dan pemberian maklumat kepada pesakit yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pesakit tentang rawatan farmakoterapi dan memberikan motivasi agar pesakit mempunyai persepsi yang positif tentang penyakit dan rawatan yang diterima. Sebanyak 11 jenis perkhidmatan MTAC dijalankan di hospital dan klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang.

**Bilangan pesakit yang menyertai perkhidmatan MTAC**


Bil	Jenis MTAC	2016	2017	2018	2019
1.	Diabetes Mellitus	7,576	8,691	9,934	11,061
2.	Retroviral Disease	1,696	1,598	2,407	3,043
3.	Respiratory	614	521	591	725
4.	Warfarin	15,068	15,275	15,587	15,095
5.	Chronic Kidney Disease	192	376	416	367
6.	Renal Transplant	38	26	52	61
7.	Rheumatology	202	196	240	239
8.	Psoriasis	120	137	153	277
9.	Heart Failure	282	401	804	753
10.	Psychiatric	368	646	667	746

11.	Hemodialisis/ CAPD	-	-	17	49
<b>Jumlah</b>		<b>24,507</b>	<b>26,156</b>	<b>30,868</b>	<b>32,416</b>


#### iv. Rawatan Terapi Gantian Methadone

Terdapat sebanyak 26 pusat pendispensan methadone di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Pulau Pinang melibatkan 2 hospital, 16 klinik kesihatan, 4 AADK, 2 penjara dan 2 klinik swasta.

#### Aktiviti Kaunseling Methadone oleh Pegawai Farmasi



#### Aktiviti Intervensi dalam perkhidmatan Methadone oleh Pegawai Farmasi



#### v. Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (*Value Added Service-VAS*)


Hospital dan klinik kesihatan Negeri Pulau Pinang menyediakan Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi seperti Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu, Sistem Temujanji (seperti kad, telefon, Pusat Pungutan Ubat Susulan Setempat – *Medilock*, dan sebagainya), Farmasi Pandu Lalu dan Ubat Melalui Pos (UMP).

2018		2019	
BIL. PRESKRIPSI SUSULAN	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPEN SECARA VAS	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPEN SECARA VAS
<b>1,314,230</b>	<b>238,406 (18.1%)</b>	<b>1,371,416</b>	<b>317,135 (23.1%)</b>


#### D. Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam

##### i. Preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital

Pada tahun 2018, kaedah pelaporan preskripsi pesakit dalam yang telah diberi secara Unit Dos disemak semula agar selaras dengan matlamat Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia. Oleh itu, bermula tahun 2018 data preskripsi pesakit dalam telah menunjukkan jumlah penurunan.



## ii. Kaunseling ubat-ubatan untuk pesakit dalam di hospital



### E. Penggunaan Ubat Secara Berkualiti

Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) merupakan satu daripada komponen Dasar Ubat Nasional (DUNas). Komponen ini menekankan peranan utama ahli farmasi untuk memastikan ubat-ubatan digunakan secara bijak, sesuai, selamat dan kos efektif ke arah menggalakkan hasil kesihatan (*health outcomes*) yang lebih baik.

Program Duta Kenali Ubat Anda (KUA) merupakan program *community empowerment* bertujuan untuk memperkasa komuniti berkenaan penggunaan ubat secara berkualiti. Duta Kenali Ubat Anda yang merupakan wakil komuniti, bertindak sebagai pemudah cara dalam menyalurkan informasi secara lebih berkesan kepada masyarakat setempat. Melalui program ini, pegawai farmasi menjalankan program-program pendidikan berkaitan ubat-ubatan kepada masyarakat bersama-sama dengan Duta KUA. Sehingga tahun 2019, seramai 47 orang duta KUA telah dilantik bagi Negeri Pulau Pinang.

### Bilangan aktiviti Kenali Ubat Anda

Aktiviti	2017	2018	2019
1) Pameran	72	65	70
2) Ceramah	78	58	71
3) Aktiviti Duta Kenali Ubat Anda	34	47	64
4) Penerbitan Artikel Kesihatan	-	-	2
5) Lain-lain (wawancara radio, sembang santai dll.)	-	-	8
<b>Jumlah</b>	<b>184</b>	<b>170</b>	<b>215</b>

## F. Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*) Bagi Tahun 2019

Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
1.	Peratus fasiliti KKM yang berjaya mencapai paras simpanan stok ubat yang optimum (1-3 bulan)	≥90%	100% (11 fasiliti)
2.	Peratus preskripsi susulan yang didispens melalui perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima	≥20%	23.1% (317,135/ 1,371,416)
3.	Peratus pencapaian aktiviti kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit seperti yang ditetapkan	100%	104.9% (103,830/99,000)
4.	Peratus klinik kesihatan yang mencapai kepatuhan penuh bagi kriteria amalan keselamatan pengubatan yang ditetapkan	≥80%	100% 10 klinik kesihatan
5.	Peratus pencapaian pengambilan sejarah pengubatan pesakit semasa kemasukan ke wad seperti yang ditetapkan	100%	106.3% (32,942/31,000)
6.	Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik (80-100%)	≥80%	100% 15 fasiliti

## G. Aktiviti Amalan dan Perkembangan Farmasi Tahun 2019

### 1. Minggu Konsultasi Ubat-Ubatan Sempena Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2019

Minggu Konsultasi Ubat-Ubatan Sempena Sambutan Hari Farmasi Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 telah diadakan pada 23 hingga 29 September 2019 di 12 lokasi terpilih di luar premis Kementerian Kesihatan Malaysia dan melibatkan semua fasiliti di negeri Pulau Pinang.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat-ubatan. Selain itu, ianya bertepatan dengan inisiatif Program Perkhidmatan Farmasi KKM iaitu *Delivering Healthcare to the Community* sebagai salah satu inovasi dalam perkhidmatan kesihatan seiring dengan konsep *Uberization in Healthcare*.



**Gambar: Minggu Konsultasi Ubat-Ubatan Sempena Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2019**

## **2. Program Duta Prihatin Masyarakat (DPM)**

Program Duta Prihatin Masyarakat (DPM) merupakan salah satu inisiatif bagi memastikan pengurusan ubat-ubatan di rumah pesakit adalah dengan cara yang betul dan selamat. Program ini melibatkan kolaborasi Duta Kenali Ubat Anda dan pegawai farmasi dari PKD Seberang Perai Selatan ke rumah pesakit yang terpilih. DPM juga merupakan usaha untuk memperluaskan peranan Duta Kenali Ubat Anda dalam aktiviti pendidikan dan kesedaran pengguna.



**Gambar: Program Duta Prihatin Masyarakat**

### **3. Penang Pharmacy Research Day (PPRD)**

*Penang Pharmacy Research Day* (PPRD) diadakan pada 5 September 2019 bertemakan “Frontiers to Elite Pharmaceutical Services” di Auditorium A, KOMTAR. Sebanyak 12 kajian penyelidikan telah dibentangkan oleh anggota farmasi dari fasiliti-fasiliti di negeri Pulau Pinang.



**Gambar: Penang Pharmacy Research Day**

### **4.3 PENGUATKUASAAN FARMASI**

#### **A. Pengenalan**

Aktiviti penguatkuasaan bertujuan untuk memastikan bahawa pengilangan, pengimportan, penjualan, pengedaran, pengurusan dan penggunaan keluaran farmaseutikal, keluaran pemeliharaan kesihatan, keluaran tradisional dan kosmetik dilaksanakan mengikut undang-undang.

Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Cawangan ini ialah :

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951

Akta Racun 1952 (disemak 1989) dan Peraturan-peraturan

Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-peraturan

Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan

Kosmetik 1984

Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturan

Aktiviti Cawangan Penguatkuasa Farmasi merangkumi 7 aktiviti utama iaitu:

- 1) Pelesenan
- 2) Pemeriksaan Premis
- 3) Penyaringan Pengimportan dan Pemeriksaan di Pintu Masuk Kastam
- 4) Operasi dan Risikan
- 5) Penyiasatan dan Pendakwaan
- 6) Saringan Iklan dan Kualiti
- 7) Kawalan Farmaseutikal dan Pendidikan Pengguna.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti penguatkuasaan oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang.

**Jadual 7.6: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Dan Perlesenan Farmasi Bagi Tahun 2015-2019**


AKTIVITI	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah Lesen/ Permit Yang Dikeluarkan	<b>971</b>	<b>1,001</b>	<b>1,041</b>	<b>1169</b>	1160
Pemeriksaan Klinik	<b>203</b>	<b>229</b>	<b>239</b>	<b>244</b>	239
Pemeriksaan Premis Berlesen	<b>609</b>	<b>799</b>	<b>917</b>	<b>875</b>	934
Pemeriksaan Rutin Atas Premis Yang Tidak Berlesen	<b>585</b>	<b>567</b>	<b>527</b>	<b>526</b>	518
Pemeriksaan untuk Lesen PBKD	<b>62</b>	<b>61</b>	<b>63</b>	<b>46</b>	76
Bil. Konsainmen Diperiksa Dipintu Masuk	<b>21,387</b>	<b>23,330</b>	<b>22,164</b>	<b>25,939</b>	23,988
Bil. Item Diperiksa Dipintu Masuk	<b>58,428</b>	<b>53,753</b>	<b>58,422</b>	<b>62,786</b>	42,965
Bil. bagasi Diperiksa Dari Bagasi Penumpang	<b>66,703</b>	<b>119,750</b>	<b>134,078</b>	<b>130,045</b>	185,433
Operasi Serbuan Terancang Negeri	<b>107</b>	<b>98</b>	<b>109</b>	<b>119</b>	115
Bil. Item Dirampas	<b>2977</b>	<b>1864</b>	<b>1388</b>	<b>2079</b>	2865
	<b>3,047,983</b>	<b>883,971</b>	<b>417,280</b>	<b>10,488,406</b>	5,166,566
Nilai Rampasan (RM)					
Siasatan Aduan / Maklumat	<b>90</b>	<b>103</b>	<b>91</b>	<b>112</b>	73
Bil. Kes Siasatan Yang Selesai (Selain Dari Kes Iklan)	<b>122</b>	<b>100</b>	<b>107</b>	<b>95</b>	114

Siasatan Kes Di Bawah Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	7
Pendakwaan Kes Baru	<b>93</b>	<b>98</b>	<b>100</b>	<b>98</b>	93
Bil. Kehadiran Di Mahkamah	<b>165</b>	<b>186</b>	<b>205</b>	<b>179</b>	143
Bil. Aktiviti Pendidikan Dan Perlindungan Pengguna	84	13	15	10	14


## B. Pelesenan

Pelesenan melibatkan aktiviti pemprosesan lesen dan permit ke atas permohonan Lesen Racun Jenis A, Lesen Racun Jenis B, Permit Natrium Hidroksida dan Permit Bahan Psikotropik yang dikeluarkan dibawah keperluan peruntukan Seksyen 26(1) Akta Racun 1952, peruntukan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Racun (Natrium Hidroksida) 1962 dan peruntukan peraturan 15 Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989.

Berikut ialah statistik perbandingan pengeluaran lesen dan permit bagi tahun 2015 hingga 2019.



**Rajah 7.1: Perbandingan Pengeluaran Lesen dan Permit Tahun 2015-2019**



**Rajah 7.2: Pencapaian Aktiviti Pelesenan Tahun 2015-2019**

Tempoh pengeluaran Lesen atau permit baru merupakan salah satu daripada Piagam Pelanggan Cawangan Penguatkuasa Farmasi Pulau Pinang iaitu pengeluaran lesen atau permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja. Mulai November 2016, semua pembaharuan lesen atau permit dan lesen/permit baru dibuat secara atas talian melalui sistem MyPharmaC. Sistem ini telah dibangunkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memudahkan permohonan pembaharuan dan permohonan baru lesen atau permit selaras dengan perkembangan teknologi terkini.


**C. Pemeriksaan Premis**

Pengkelasan Premis	Pengkelasan Jenis Premis
Premis Berlesen	Premis yang mempunyai Lesen Racun Jenis A, B, dan Permit Natrium Hidroksida, Premis yang mempunyai Lesen Pengimport dan Pemborong Keluaran Berdaftar - (Farmasi Komuniti, Pengimport, Pemborong dan Pengilang Keluaran Farmaseutikal, Hospital Swasta, Pengimport dan Pemborong Bahan Kimia)
Premis Berdaftar	Klinik Perubatan, Klinik Pergigian, Klinik Veterinar dan Hospital Swasta

Premis Tidak Berlesen	Kedai Runcit/Ubat /Pasar Mini, Pengamal Perubatan Tradisional, Rumah Kediaman, Pasar Malam/Pagi, Kenderaan, Kaki Lima, Jualan Langsung, Ladang Ternakan, Kilang Makanan, Stor/Gudang, Salun Kecantikan/Spa/Aromatherapy/ Saloon atau Pusat Kecergasan/ Pusat Rawatan Rambut dan lain-lain.
-----------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Di bawah aktiviti ini, pemeriksaan premis berlesen dijalankan bagi tujuan pengeluaran lesen baru atau pembaharuan lesen dan pemeriksaan komplians untuk memastikan pemegang lesen dan premis yang dilesenkan mematuhi syarat dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan. Pemeriksaan juga dilakukan ke atas klinik dan hospital swasta bagi memastikan pembekalan ubat-ubatan adalah untuk tujuan rawatan dan kepatuhan terhadap keperluan peruntukan undang-undang berkaitan.

Pemeriksaan rutin dijalankan ke atas premis tidak berlesen yang menjual ubat-ubatan/ kosmetik / produk suplemen kesihatan bagi memastikan tiada penjualan produk racun berjadual dan produk yang dijual adalah produk yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut ialah statistik pencapaian aktiviti pemeriksaan premis bagi tahun 2015 sehingga 2019.



**Rajah 7.3 : Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Tahun 2015-2019**



**Gambar : Pemeriksaan premis berlesen oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang**



**Gambar: Pemeriksaan premis berlesen oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang**




**Gambar: Pemeriksaan Premis Tidak Berlesen**

#### **D. Saringan & Pemeriksaan Pengimportan Di Pintu Masuk**

Saringan & pemeriksaan pengimportan di pintu masuk dilakukan terhadap semua konsaimen yang dirujuk oleh pihak kastam melibatkan saringan konsaimen melalui kapal atau kargo udara, bungkusan melalui pos/mel/kurier udara dan bagasi penumpang. Saringan tersebut dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi yang ditempatkan di Pelabuhan Butterworth Utara (NBCT), Pejabat Pos Butterworth dan Kompleks Kargo Udara Kedua, Batu Maung termasuk saringan bagasi penumpang kapal terbang daripada penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

Pemeriksaan dan saringan ke atas bagasi penumpang bagi tahun 2019 sebanyak 185,433 bagasi. Secara keseluruhannya, pada tahun 2019, sejumlah 23,988 konsaimen telah diperiksa melibatkan saringan terhadap 42,965 perkara dan daripada itu sebanyak 3331 perkara dirampas dianggarkan bernilai RM 80,491.

Satu Operasi Bersepadu Seaport Interdiction Task Force (SITF) Pulau Pinang yang diketuai oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan melibatkan perlbagai agensi telah dilaksanakan bermula pada 4 November 2019 sehingga 22 November 2019. Hasil rampasan sepanjang OPS SITF melibatkan sebanyak 275 perkara dirampas dan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM 23,539.



**Rajah 7.4 : Pencapaian Aktiviti Saringan Pengimportan Di Pintu Masuk Tahun 2015-2019**





**Gambar: Pemeriksaan di Gudang BWTC oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang bersama-sama agensi penguatkuasaan yang terlibat.**


### **E. Risikan Dan Operasi**

Operasi serbuan dijalankan selepas risikan yang teliti dilakukan terhadap sasaran atau individu yang disyaki terlibat di dalam aktiviti yang melanggar peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan. Ini adalah untuk menjamin kejayaan sesuatu tindakan operasi tersebut.

Pada tahun 2019 sebanyak 115 serbuan dilakukan melibatkan rampasan 2865 perkara bernilai RM 5,166,566. Pada tahun 2016, Bahagian Penguatkuasa Farmasi KKM telah menubuhkan CYFORS untuk menangani isu-isu penjualan ubat/ kosmetik terlarang secara atas talian. Setiap negeri perlu menyediakan laporan profiling daripada inteligens siber yang dijalankan dan bagi tahun 2019, CPF Pulau Pinang telah melaporkan sebanyak 25 profiling. 6 kes siasatan telah dibuka melibatkan 15 jenis rampasan digital seperti telefon, Komputer peribadi dan tablet. Kerjasama dengan pihak TELCO, E-Commerce, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cyber Security Malaysia (CSM) telah dijalankan di dalam memantapkan tindakan penguatkuasaan.



**Rajah 7.5 : Pencapaian Aktiviti Operasi Tahun 2015 – 2019**



Rajah 7.6 : Pencapaian Aktiviti Operasi melibatkan Nilai Rampasan Tahun 2015 - 2019



**BH**  
ONLINE

BERITA » Kes  
Rabu, 10 April 2019 | 8:45pm

SEBANYAK 16 tan produk kesihatan dan ubat-ubatan bernilai RM2.9 juta yang tidak berdaftar dirampas Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. - NSTP/Ihsan Jabatan Kesihatan Negeri

## 16 tan produk perubatan tradisional Cina dirampas

470 dibaca

Share Tweet


g+ Share

Gambar: Kenyataan akhbar telah dilakukan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang pada 10 April 2019

## F. Penyiasatan Dan Pendakwaan

Bagi semua kes yang melibatkan kesalahan dan pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan, siasatan akan di jalankan oleh pegawai penguatkuasa farmasi yang telah diberi kuasa di bawah undang-undang tersebut. Penyiasatan melibatkan proses pengumpulan bukti fizikal, penganalisaan barang kes oleh Jabatan Kimia atau pengesahan status pendaftaran oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, pengambilan keterangan saksi dan pengesahan dokumen yang melibatkan agensi lain bertujuan bagi menyokong fakta kes agar tertuduh dapat disabitkan ke mahkamah. Selanjutnya, permohonan sanksi atau arahan pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya diperlukan sebelum sesuatu kes siasatan dapat didaftarkan di mahkamah untuk pendakwaan.


Pada tahun 2019 sebanyak 118 kes telah selesai disiasat melibatkan 3 kes tahun 2017, 91 kes tahun 2018 dan 24 kes tahun 2019. Jika dilihat kepada tempoh masa penyelesaian kes, Cawangan ini telah berjaya mencapai standard QAP siasatan ditetapkan di mana peratus kes siasatan selesai dalam tempoh 4 bulan dicapai ialah 99.05 % (standard QAP6: 85%).



### Rajah 7.7 : Pencapaian Aktiviti Penyiasatan 2015-2019

Pendakwaan kes di Mahkamah juga dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi dari cawangan ini meliputi pendakwaan sebutan kes baru dan kes bicara. Jumlah pendakwaan kes baru pada tahun 2019 ialah sebanyak 93 kes manakala kehadiran pegawai pendakwa ke mahkamah sepanjang tahun 2019 ialah 143 kehadiran.

Daripada 100 kes didakwa (93 kes tahun 2019, 7 kes dibawa dari tahun 2018) sebanyak 88 kes sebutan mengaku bersalah, 2 kes ditarik balik, dan 10 kes dibawa ke tahun 2020. Sebanyak 10 kes telah dibicarakan di mahkamah, 7 kes mengaku bersalah semasa perbicaraan, 1 kes menang dalam perbicaraan dan 2 kes dibawa ke tahun 2020 untuk meneruskan perbicaraan. Jumlah denda yang dikutip untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM410,000.00.



### Rajah 7.8: Pencapaian Aktiviti Pendakwaan Tahun 2015-2019

#### G. Saringan Iklan Dan Kualiti

Saringan pengiklanan juga merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di Cawangan ini di mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan untuk menyaring akhbar Sinar Harian Edisi Utara, Utusan Pengguna dan Kwang Wah Yit Poh selain saringan terhadap siaran iklan melalui radio tempatan iaitu Mutiara FM dan Melody FM. Saringan terhadap iklan ini adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Bagi tahun 2019 sebanyak 815 iklan telah disaring.

Pada tahun ini, aktiviti tinjauan papan iklan luar di Lebuhraya E1 Plus Utara, mulai Plaza Toll Selatan Sungai Petani sehingga Plaza Toll Bandar Bharu Pulau Pinang telah dijalankan pada bulan Mac, Ogos dan November 2019 bagi memastikan iklan-iklan tersebut mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan. Sebanyak 30 billboard telah disaring dan didapati sebanyak 3 billboard yang melanggar peruntukan yang dikuatkuasakan. Tindakan telah diambil terhadap 3 billboard tersebut. Secara keseluruhannya, aktiviti tinjauan papan iklan adalah memuaskan iaitu mencapai sebanyak 90% iklan yang mematuhi undang-undang.



**Gambar: Aktiviti Tinjauan Papan Iklan Luar Di Lebuhraya Pulau Pinang**

Dalam pengurusan kualiti, terdapat lima (6) indikator yang telah dimuktamadkan sebagai Petunjuk Prestasi (KPI) bagi Cawangan Penguatkuasa Farmasi dan 4 indikator bagi Program Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Programme*) (QAP). Jadual berikut menunjukkan pencapaian KPI dan QAP untuk CPF Pulau Pinang bagi tahun 2019. Secara keseluruhannya, Cawangan Penguatkuasa Farmasi Pulau Pinang telah Berjaya mencapai sasaran untuk semua indikator KPI & QAP bagi tahun 2019.

Bil.	KPI	Sasaran 2019	Pencapaian 2019
1	Peratus pengeluaran lesen/ permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja	90%	<b>100%</b> <b>(312/312)</b>
2	Peratus serbuan yang berjaya untuk diambil tindakan penguatkuasaan daripada jumlah serbuan yang dijalankan	100%	<b>100%</b> <b>(115/115)</b>
3	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa di mahkamah	100%	<b>100%</b> <b>(88/88)</b>
4	Peratus kertas siasatan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya (TPR) selepas menerima Laporan Analisa dalam tempoh satu (1) bulan	90%	<b>99.07%</b> <b>(107/108)</b>
5	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang dipantau mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan	70%	<b>95.98%</b> <b>(406/423)</b>
6.	Peratus Laporan Pemprofilan yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	70%	<b>100%</b> <b>(25/25)</b>

No.	QAP Indicator	Standard 2019	Pencapaian 2019
1.	Complaint Related To Infringement of Pharmacy Laws Verified And Responded Within 2 Weeks	100%	<b>100%</b> <b>(73/73)</b>
2.	Tactical Intelligence completed with operation order within 2 months	95%	<b>100%</b> <b>(3/3)</b>

3.	Completion of investigation paper within 4 months	85%	<b>99.05%</b> <b>(104/105)</b>
4.	Follow-up actions taken within 3 months after inspection of premises	98%	<b>100%</b> <b>(113/113)</b>

## H. Pendidikan Dan Kesedaran Pengguna

Pada tahun 2019, Bahagian Penguatkuasa Farmasi KKM mensasarkan aktiviti kesedaran pengguna kepada pembekal iaitu terdiri daripada pengimport, pemborong, pengilang, pengedar dan peruncit ubat-ubatan serta pihak berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pemegang lesen dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, pembekal perlu didedahkan dengan maklumat mengenai aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan, kawalan undang-undang terhadap pengedaran dan pengiklanan ubat-ubatan, bahan kimia dan kosmetik serta pengetahuan bagaimana mengenalpasti ubat-ubatan yang berdaftar di pasaran yang telah disahkan sebagai berkualiti, selamat dan berkesan.

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 14 aktiviti pendidikan dan kesedaran pengguna telah dijalankan melibatkan aktiviti pameran, ceramah dan dialog. Ianya meliputi 8 ceramah, 2 pameran dan 4 dialog dengan agensi kerajaan/swasta.





**Gambar: Sesi Dialog Bersama Pemegang Lesen B (Borong) & pemegang Permit NaOH  
16 April 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Georgetown Penang**



**Gambar: Sesi Dialog Bersama Pengamal Perubatan 5 Mei 2019 di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR,  
Georgetown Penang**

## I. Kejayaan Dan Pencapaian Cpf Pulau Pinang Sepanjang 2019

Pada 5-7 Ogos 2019 telah diadakan Konvensyen Inovasi & Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF 2019) yang berlangsung di Berjaya Waterfront, Johor Bharu. Pada konvensyen tersebut, CPF Pulau Pinang telah memenangi **Johan Anugerah Pengurusan Pemeriksaan Premis Berlesen (MaLPI) 2019** dan **Johan Anugerah Perisikan Taktikal Penguatkuasaan Farmasi 2019**. Justeru itu, CPF Pulau Pinang telah berjaya merangkul **Pemenang Piala Pusingan Penguatkuasaan Farmasi 2019**.



Gambar: Johan Anugerah Pengurusan Pemeriksaan Premis Berlesen (MaLPI) 2019



**Gambar: Johan Anugerah Perisikan Taktikal Penguatkuasaan Farmasi 2019**

Tambahan pula, Kajian R&D yang bertajuk "Public Perceived Seriousness of Pharmacy Related Offences in Penang" telah memenangi **Naib Johan** pada Penang Pharmacy Research Day 2019 yang diadakan pada 5 September 2019 yang berlangsung di Auditorium ACC Hospital Pulau Pinang.



**Gambar: Naib Johan pada Penang Pharmacy Research Day 2019**

## **BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**

### **PENGENALAN**

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu program perkhidmatan kesihatan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. BKMM berperanan dalam memastikan rantaian bekalan makanan dari ladang ke meja makan adalah selamat melalui punca kuasa berikut:

- Akta Makanan 1983
  - Peraturan - Peraturan Makanan 1985
  - Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) 2009
  - Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
  - Peraturan-Peraturan Iradiasai Makanan 2011
  - Peraturan-Peraturan Makanan (Fi Analisis Makanan) 2016
- Akta Juruanalisis Makanan 2011
  - Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013

BKMM Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan), Gred C54 dan mempunyai empat (4) cawangan utama iaitu Cawangan Pengurusan dan Pentadbiran, Cawangan Pematuhan Industri Makanan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM). Pelaksanaan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan sepanjang tahun 2019 di lapangan dilaksanakan oleh anggota Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan di Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut (TL), Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya (BD), Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), dan tiga (3) pintu masuk utama iaitu, Pintu Masuk Pelabuhan Pulau Pinang, Pintu Masuk Pelabuhan Butterworth dan Pintu Masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Sehingga Disember 2019, jumlah perjawatan di BKMM JKNPP, MKKM Pulau Pinang, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa adalah seperti berikut:

<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>	<b>LOKASI</b>
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan & Kualiti Makanan)	C54	1	1	0	BKMM
Pegawai Teknologi Makanan	C52	1	1	0	BKMM
Pegawai Teknologi Makanan	C52	1	1	0	MKKM

Pegawai Teknologi Makanan	C48	3	3	0	BKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C48	1	1	0	MKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C44	2	2	0	BKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C44	1	1	0	MKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C44	1	1	0	PKD SPT
Pegawai Kesehatan Persekitaran	U44	1	1	0	BKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	4	4	0	BKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	7	7	0	MKKM
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	2	2	0	PKD SPU
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	3	3	0	PKD SPT
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	2	2	0	PKD SPS
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	3	3	0	PKD TL
Pegawai Teknologi Makanan	C41/C44	2	2	0	PKD BD
Pegawai Kesehatan Persekitaran	U41/U42	2	1	1	BKKM
Pegawai Kesehatan Persekitaran	U41/U42	1	1	0	PMA
Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C38	1	0	1	MKKM
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U36	1	1	0	PKD SPT
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U36	1	1	0	PKD SPS
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U36	1	1	0	PKD BD
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U32	1	1	0	PMA
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U32	1	1	0	PKD SPS
Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C32	2	2	0	MKKM
Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C29/C32	1	1	0	BKKM
Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C29/C32	9	8	1	MKKM
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U29/U32	2	2	0	BKKM
Penolong Pegawai Kesehatan Persekitaran	U29/U32	20	18	2	PMA

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29/U32	10	8	2	PKD SPU
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29/U32	9	8	1	PKD SPT
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29/U32	5	5	0	PKD SPS
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29/U32	5	5	0	PKD TL
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29/U32	5	5	0	PKD BD
Pembantu Kesihatan Awam	U24	1	1	0	PMA
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	4	4	0	PMA
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	1	1	0	PKD SPU
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	1	1	0	PKD SPT
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	1	1	0	PKD SPS
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	1	1	0	PKD TL
Pembantu Kesihatan Awam	U19/U22	1	1	0	PKD BD
Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi)	N19/N22	1	1	0	BKKM
Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi)	N19/N22	3	3	0	MKKM
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	1	0	1	BKKM
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	1	1	0	MKKM
Pembantu Setiausaha Pejabat	N19/N22	1	1	0	BKKM
Pembantu Operasi	N11/N14	2	2	0	MKKM
Pembantu Perawatan Kesihatan	U11/U14	2	2	0	MKKM
Pemandu Kenderaan	H11/H14	1	1	0	PKD TL
<b>Jumlah</b>		<b>134</b>	<b>125</b>	<b>9</b>	

Jumlah Perjawatan BKKM, JKNPP adalah sebanyak 134 di mana 126 jawatan telah di isi dan 8 jawatan masih kosong. Daripada 134 perjawatan ini 20 perjawatan ditempatkan di BKKM JKNPP, 30 perjawatan di Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan, 13 perjawatan di PKD Seberang Perai Utara, 15 perjawatan di PKD Seberang Perai Tengah, 10 perjawatan di PKD Seberang Perai Selatan, 10 perjawatan di PKD Timur Laut, 9 perjawatan di PKD Barat Daya dan 27 perjawatan di Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa.

## **MISI**

Mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan mereka, menghargai kesihatan sebagai satu aset yang bernilai dan mengambil langkah positif bagi meningkatkan lagi dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

## **VISI**

Memastikan keselamatan makanan dan mempertingkatkan Integriti Negara dalam keselamatan dan kualiti makanan melalui tanggungjawab dan akauntabiliti bersama berasaskan sistem pengurusan *tripartite* iaitu Pengguna, Industri dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkesan.

## **OBJEKTIF AM**

BKKM ditubuhkan bagi pelaksanaan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan melalui aktiviti merancang, melaksana, memantau dan menilai untuk melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan negara melalui aktiviti eksport dan import makanan.

## **OBJEKTIF KHUSUS**

1. Untuk memastikan makanan yang diproses, disimpan dan dikendalikan dalam keadaan Bersih dan Selamat.
2. Untuk memastikan makanan yang dijual bebas daripada pencemaran dan aditif makanan yang tidak dibenarkan, mematuhi standard yang ditetapkan oleh perundangan dan dilabel dan diiklankan secara betul, mencukupi serta tidak mengelirukan.
3. Untuk memastikan makanan yang diimport ke dalam negara ini selamat dan mematuhi Perundangan Negara yang telah ditentukan.
4. Untuk memastikan makanan yang dieksport mematuhi standard yang dikehendaki oleh Negara Pengimport.
5. Untuk memastikan pengguna menerima maklumat yang mencukupi mengenai aspek Kesihatan dan Keselamatan Makanan.

## **CAWANGAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

Pada keseluruhannya, **Cawangan Pengurusan dan Pentadbiran** Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri dan dibantu oleh pegawai teknikal iaitu Ketua Penolong Pengarah Negeri C48 Unit Kawalan Makanan Eksport dan Pelesenan dan Penolong Pegawai Teknologi Makanan Negeri C29/C32. Secara amnya, tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran BKKM dijalankan oleh Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) gred N19/22 dan Pembantu Operasi gred N11/N14.

Secara umumnya, fungsi utama cawangan adalah merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti Pentadbiran Am iaitu Pentadbiran BKKM, Kewangan, Perjawatan, Pengurusan Aset, Keselamatan Pejabat, Latihan, Tatatertib Perkhidmatan Awam dan lain-lain yang berkaitan.

## **AKTIVITI DAN PENCAPAIAN**

### **1) Pelaksanaan Audit Teknikal Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM) Di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Dan Pintu Masuk (PM)**

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Negeri telah melaksanakan audit teknikal di Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah (UKKM, PKD) dan Pintu Masuk (PM) Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019. Objektif pengauditan adalah untuk menilai samada pengurusan aktiviti di bawah PKKM di peringkat PKD dan PM dilaksanakan dengan cekap, teratur, dan mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pasukan audit diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pematuhan Industri Makanan dan wakil dari setiap cawangan/unit di BKKM Negeri. Antara perkara yang di verifikasi semasa audit adalah pengurusan data primer bagi indikator KPI PKKM, kutipan hasil di bawah PKKM, pengurusan data berkaitan aktiviti di PKD dan Pintu Masuk, pengurusan Sijil Eksport dan lain-lain perkara berkaitan. Segala teguran yang diberi semasa audit telah diambil tindakan pembaikan oleh semua PKD dan PM. Sasaran audit adalah satu (1) kali/tahun bagi PKD dan dua (2) kali/tahun bagi kawalan keselamatan makanan di PM.

Beberapa kelemahan yang ditemui oleh Juruaudit yang perlu diambil tindakan oleh PKD/PM, telah pun dilaksanakan.

**Jadual 1: Pelaksanaan Audit Teknikal Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan Di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Dan Pintu Masuk (PM) Bagi Tahun 2019**

<b>BIL.</b>	<b>PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD) DAN PINTU MASUK (PM)</b>	<b>TARIKH AUDIT TEKNIKAL</b>
1.	PKD Seberang Perai Tengah & Klinik Kesihatan Seberang Jaya (Pejabat PTM)	1-2 Julai 2019
2.	PKD Seberang Perai Utara	4 Julai 2019
3.	PKD Barat Daya	6 Ogos 2019
4.	PKD Seberang Perai Selatan	8 Ogos 2019
5.	PKD Timur Laut	14 Ogos 2019
6.	PM LTA Pulau Pinang	Fasa 1 : 25 Mac 2019 Fasa 2 : 31 Julai 2019
7.	PM Pelabuhan Pulau Pinang	Fasa 1 : 26 April 2019 Fasa 2 : 20 September 2019
8.	PM Pelabuhan Butterworth	Fasa 1 : 27 Mac 2019 Fasa 2 : 9 Julai 2019

**2) Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Pengarah Kesihatan Negeri Bagi Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM)**

Pada tahun 2019, terdapat enam (6) KPI peringkat KKM yang diletakkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan satu (1) daripada KPI tersebut yang berkaitan dengan pensampelan makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (AM 1983 & PPM 1985) telah diletakkan sebagai KPI bagi Ketua Pengarah Kesihatan, KKM. Berikut adalah pencapaian KPI PKKM yang perlu dipantau dan dinilai pelaksanaan diperingkat lapangan.

**Jadual 2: Ringkasan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengarah Kesihatan Negeri Bagi Tahun 2017-2019**

BI L	INDIKATOR	TAHUN					
		2017		2018		2019	
		SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI
1.	Bilangan premis pengilangan makanan berdaftar dalam sistem FoSIM Domestik mendapat pensijilan MeSTI	105	115	155	165	127	127
2.	Bilangan premis outlet makanan yang mendapat pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat" (BeSS)	53	57	340	418		
	Peratus Premis Makanan di Fasilitas Kerajaan Yang Mendapat Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)					70%	93.10% [27/29] * 7 fasiliti kesihatan
3.	Peratus episod keracunan makanan di sekolah di bawah KPM	≤1.60%	1.00% [4/399]	≤1.60%	2.00% [8/399]	≤1.50%	1.25% [5/399]
4.	Peratus premis outlet makanan berdaftar diperiksa yang didapati bersih * (penilaian kebersihan >75%)	≥80%	96.3% [6536/6789]	≥85%	87.9% [1539/1753]		
5.	Peratus produk makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985			>95%	95.35% [123/129]	≥96%	96.32% [131/136]
6.	Peratus verifikasi kilang makanan berdasarkan sasaran yang ditetapkan			≥85%	115.8% [1328/1152]		
7.	Peratus kepatuhan pelabelan makanan import berbungkus ( <i>Packed Food, Finished Product/PFFP</i> ) di bawah AM 1983 dan PPM 1985					≥98%	100% [1072/1072]
8.	Peratus penolakan produk makanan eksport yang dikeluarkan Sijil Kesihatan					≤1.0%	0.03% [2/5880]

Bagi KPI Peratus Produk Makanan Yang Dipantau Mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (AM 1983 dan PPM 1985), terdapat empat (4) sampel yang tidak mematuhi AM 1983 dan PPM 1985 bagi parameter sisa baki racun perosak dan satu (1) sampel bagi kandungan asid propionik.

**Jadual 3: Senarai Premis Makanan di Fasiliti KKM Yang Mendapat Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)**

BIL.	NAMA PREMIS *
1.	Kafeteria KK Seberang Jaya
2.	Kantin Hospital Bukit Mertajam
3.	Kafeteria Klinik Kesihatan Jalan Perak
4.	Kafeteria ILKKM (Kejururawatan), Jalan Residensi
5.	Kafeteria Hospital Kepala Batas
6.	Kafeteria Hospital Seberang Jaya
7.	Hospi Café, Hospital Seberang Jaya

Lima (5) sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengalami episod keracunan makanan berbanding lapan (8) pada tahun 2018 dan empat (4) sekolah pada tahun 2017. Sekolah yang terlibat adalah seperti berikut:

**Jadual 4: Senarai Sekolah KPM Yang Terlibat Dengan Episod Keracunan Makanan Bagi Tahun 2019**

BIL.	NAMA PREMIS	DAERAH
1.	Dapur Asrama Sekolah Pendidikan Khas Alma	Seberang Perai Tengah
2.	Kantin SMK Kepala Batas	Seberang Perai Utara
3.	Kantin SJK (T) Ladang Krian	Seberang Perai Selatan
4.	Dapur Asrama SMK Datuk Haji Abdul Kadir	Seberang Perai Utara
5.	Sek.Men Islam Al-Masriyah	Seberang Perai Tengah

### 3) Kutipan Hasil Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan

Secara keseluruhannya, peningkatan kutipan hasil sebanyak 40.32% adalah direkod bagi tahun 2019 berbanding kutipan hasil pada tahun 2018. Kutipan paling tinggi ialah daripada aktiviti Pengeluaran Kompaun yang dilaksanakan oleh Cawangan Penguatkuasaan, diikuti dengan aktiviti Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas. Bagi aktiviti Pengeluaran Lesen bagi Permohonan Air Mineral Semulajadi tiada kutipan hasil memandangkan tiada premis memproses Air Minuman Semulajadi di Pulau Pinang.

**Jadual 5: Kutipan Hasil di bawah Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2017-2019**

PERKHIDMATAN	JUMLAH KUTPAN HASIL		
	2017	2018	2019
Sijil Penjualan Bebas	52,700.00	70,000.00	54,200.00
Sijil Kesihatan	608,930.00	557,000.00	735,850.00
Surveilan Sistem HACCP, KKM	27,000.00	32,400.00	23,400.00
Surveilan Sistem GMP, KKM	4,000.00	7,200.00	1,600.00
Permohonan Pelesenan Mesin Jual Air (MJA) - Fi Proses	702.00	1,300.00	3,120.00
Permohonan Pelesenan Ais (Fi Proses)	860.00	650.00	150.00
Permohonan Air Mineral Semulajadi (Fi Proses)	0.00	0.00	0.00
Permohonan Air Minuman Berbungkus (Fi Proses)	0.00	130.00	130.00
Kompaun	479,854.00	604,257.00	978,895.00
Fi Analisis Makanan (TUL)	41,100.00	23,850.00	22,250.00
<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL KESELURUHAN</b>	<b>1,215,146.00</b>	<b>1,296,787.00</b>	<b>1,819,595.00</b>

## A. UNIT KAWALAN MAKANAN DOMESTIK, PEMANTAUAN, PENYELIDIKAN DAN STANDARD

Secara umumnya, fungsi utama Unit Kawalan Makanan Domestik, Pemantauan, Penyelidikan dan Standard adalah merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan:

- a) Aktiviti keselamatan makanan di sepanjang rantai makanan bagi memastikan makanan domestik mematuhi perundangan makanan Malaysia
- b) Aktiviti Latihan Pengendali Makanan bagi memastikan pengendali mengamalkan amalan pengendalian makanan yang bersih dan selamat
- c) Aktiviti berkaitan pencegahan keracunan makanan di sekolah dan institusi bagi memastikan makanan yang dihasilkan adalah selamat dan berkualiti


### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### 1) Keselamatan Makanan di Sekolah / Institusi


##### (a) Penggredan dan Penutupan Kantin Sekolah (KS) dan Dapur Asrama Sekolah (DAS)

Pemantauan keselamatan dan kebersihan makanan dipantau melalui pemeriksaan kebersihan KS dan DAS yang dijalankan secara dua fasa setahun iaitu Fasa-1 (Januari - Mei) dan Fasa-2 (Jun - November). Pemeriksaan dijalankan berdasarkan penilaian terhadap risiko keselamatan makanan di KS/DAS tersebut iaitu semakin tinggi peratusan penilaian, semakin kurang risiko dan keselamatan makanan di KS/DAS tersebut adalah terjamin. Hasil dari pemeriksaan berdasarkan penilaian risiko diterjemahkan kepada gred iaitu gred A (>90%), gred B (80% - 89%), gred C (71% - 79%) dan juga KS/DAS yang memperoleh kurang daripada 70%. KS/DAS dengan peratusan kurang daripada 70% boleh diberhentikan operasi melalui arahan penutupan di bawah Seksyen 10 atau Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Carta 5.1 menunjukkan gred yang diperolehi semasa pemeriksaan Fasa-1 dan Fasa-2 untuk KS pada tahun 2019 dan Carta 5.2 menunjukkan gred yang diperolehi semasa pemeriksaan Fasa-1 dan Fasa-2 untuk DAS pada tahun 2019.

**Carta 5.1: Gred Kantin Sekolah Fasa 1 dan Fasa 2 Bagi Pemeriksaan Tahun 2019**




**Carta 5.2: Gred Dapur Asrama Sekolah Fasa 1 dan Fasa 2 Bagi Pemeriksaan Tahun 2019**




Carta 5.3 menunjukkan perbandingan gred dan penutupan kantin sekolah dari tahun 2014 hingga tahun 2019. Manakala perbandingan gred dapur asrama sekolah tahun 2014 hingga tahun 2019 ditunjukkan dalam Carta 5.4.

**Carta 5.3: Perbandingan Gred Kantin Sekolah Bagi Pemeriksaan Tahun 2014 - 2019**



Berdasarkan Carta 5.3, Perbandingan Gred Kantin Sekolah Bagi Pemeriksaan Tahun 2014 - 2019 menunjukkan bahawa kebanyakan KS berada pada gred B dengan markah penilaian 80% - 89%. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan untuk gred KS pada tahun pada 2019, iaitu terdapat pertambahan untuk gred A pada fasa-2 2019 dan bilangan KS yang mendapat <70% dan gred C pada tahun 2019 adalah menurun jika dibandingkan dengan tahun 2018.

**Carta 5.4: Perbandingan Gred Dapur Asrama Sekolah bagi Pemeriksaan Tahun 2014 - 2019**



Carta 5.4 menunjukkan bahawa pada tahun 2014-2019, kebanyakan DAS berada pada gred A (> 90%) dan gred B (80% - 89%) dengan pencapaian gred B adalah lebih tinggi berbanding gred A. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 terdapat peningkatan dalam bilangan DAS yang mendapat markah penilaian gred A dan tiada DAS yang mendapat penilaian gred C (70% - 79%) dan tiada DAS yang mendapat penilaian < 70%.

## (b) Aktiviti Pemeriksaan Secara Sendiri (KENDIRI)

KENDIRI merupakan salah satu kaedah yang digunapakai dalam aktiviti pencegahan kejadian keracunan makanan melalui kawalan keselamatan sepanjang penyediaan dan penghidangan makanan yang selamat di KS/DAS di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Aktiviti KENDIRI ini melibatkan kerjasama pengusaha KS, Kontraktor DAS dan pihak sekolah sebagai "first line of defense" dalam memastikan amalan pengendalian makanan secara bersih dan selamat sentiasa dipraktikkan sepanjang masa penyediaan makanan.

Setiap tahun, taklimat KENDIRI dan Keselamatan Makanan akan diberikan kepada guru kantin atau pihak pengurusan sekolah, pengusaha KS dan DAS dan institusi yang lain bagi memperkasakan semua pihak dalam kawalan keselamatan dan kualiti makanan.

Pegawai Teknologi Makanan Daerah akan menjalankan verifikasi ke atas program KENDIRI yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah dan institusi bagi menilai keberkesanan taklimat yang telah diberikan. Pada tahun 2019, sasaran untuk verifikasi KENDIRI adalah sebanyak 10% dari bilangan sekolah di bawah KPM bagi setiap daerah, 100% untuk sekolah-sekolah di bawah MARA, 100% untuk ILKMM dan satu (1) sekolah di bawah JHEAIPP per daerah. Jadual 1 menunjukkan pencapaian verifikasi KENDIRI pada tahun 2019.

**Jadual 1: Pencapaian Verifikasi KENDIRI Bagi Tahun 2017 - 2019**

KATEGORI	TAHUN					
	2017		2018		2019	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
<b>Sekolah KPM</b>	20	34 (170%)	20	24 (120%)	20	33 (165%)
<b>Sekolah MARA</b>	3	3 (100%)	3	3 (100%)	3	3 (100%)
<b>ILKMM</b>	3	3 (100%)	3	3 (100%)	2	2 (100%)
<b>Sekolah JHEAIPP</b>	-	-	5	5 (100%)	5	6 (120%)

**Gambar Aktiviti Taklimat Keselamatan Makanan (KENDIRI) kepada Kumpulan Sasaran:**

**i. Penyelia & Kontraktor Dapur Asrama Sekolah di bawah KPM Negeri Pulau Pinang**



**ii. Guru & Pengusaha Kantin Sekolah di bawah KPM Negeri Pulau Pinang**



**iii. Guru & Pengusaha Kantin Sekolah di bawah JHEAIPP**



### **(a) Program Keselamatan Makanan (ProKEM)**

ProKEM merupakan program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan murid yang tinggal di asrama harian terjamin. ProKEM merupakan satu program berkaitan keselamatan makanan di asrama yang memberikan penekanan kepada prosedur yang lebih ringkas dan amalan yang lebih mantap agar makanan yang disediakan di asrama adalah bersih, selamat dengan meminimalkan risiko berlakunya keracunan makanan.

Mekanisma pelaksanaan ProKEM ini adalah melalui bimbingan Pegawai Teknologi Makanan terhadap dapur asrama sekolah harian yang dicalonkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Bimbingan tersebut bertujuan untuk menambahbaik sistem keselamatan makanan sedia ada selari dengan keperluan yang digariskan dalam Manual ProKEM. Audit pematuhan akan dijalankan oleh Pegawai Teknologi Makanan untuk melihat kepatuhan terhadap elemen keselamatan makanan dan Laporan Audit Pematuhan akan dikeluarkan dan dihantar ke BPSH, KPM. BPSH melalui Jawatankuasa ProKEM akan mengeluarkan Sijil Pengiktirafan ProKEM yang tempoh sah lakunya selama 3 tahun.

Terdapat empat sekolah di Negeri Pulau Pinang yang telah berjaya mendapat pengiktirafan ProKEM. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al Mashoor di daerah Timur Laut, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad di daerah Seberang Perai Utara, Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir di daerah Seberang Perai Tengah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nibong di daerah Seberang Perai Selatan. Berikut merupakan rangkuman gambar audit pematuhan ProKEM di dapur asrama sekolah yang terlibat untuk tahun 2019.

#### **Gambar Audit Pematuhan ProKEM di Dapur Asrama Sekolah Harian Tahun 2019**


##### **i. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al Mashoor**




**ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad**



**iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir**



**iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nibong**



## 2. Program Promosi Keselamatan Makanan

### a) Aktiviti Promosi Keselamatan Makanan di Sekolah

Promosi keselamatan makanan di sekolah melalui pendidikan kesihatan merupakan elemen yang penting dan dititikberatkan dalam mendidik warga sekolah mengenai kebersihan diri, kebersihan kantin sekolah dan simptom keracunan makanan. Pendidikan kesihatan berkaitan keselamatan makanan ini disampaikan melalui ceramah, pameran juga melalui permainan bercorak pendidikan iaitu *Germ Buster* agar keselamatan makanan dapat dibudayakan oleh warga sekolah khususnya para pelajar serta guru.

Pada tahun 2019, Program *Germ Buster Challenge* Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 24 Julai 2019 di Mydin Mall Bukit Mertajam melibatkan 25 buah sekolah rendah dari semua daerah di Negeri Pulau Pinang. Program ini melibatkan dua aktiviti iaitu kuiz keselamatan makanan dan juga *explorace* yang lebih interaktif dengan disertai pameran pendidikan berkaitan keselamatan makanan. Matlamat utama program ini adalah untuk memupuk dan memperkukuh budaya keselamatan makanan di kalangan warga sekolah.

**Gambar Aktiviti *Penang Germ Buster Challenge* 2019 yang diadakan di Mydin Mall Bukit Mertajam**





## b) Aktiviti Promosi Keselamatan Makanan Kepada Orang Awam

Saban tahun BKKM terus komited dalam melaksanakan promosi keselamatan makanan kepada orang awam samada melalui sesi ceramah serta taklimat, pameran, *radiotalk*, *roadshow* serta melalui jemputan forum. Promosi keselamatan makanan ini sangat penting iaitu sebagai medium penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai aspek keselamatan makanan yang perlu difahami serta diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan keselamatan makanan adalah terjamin dan keracunan makanan dapat dielakkan.

Berikut merupakan rangkuman gambar promosi keselamatan makanan pada tahun 2019.

### i. *Walkabout* Promosi Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan bersama YB Exco Kesihatan dan Adun Kawasan



**Bazar Ramadan Bertam Putra**  
VIP: YB Dato' Ir. Hj. Ahmad  
Zakiyuddin bin Abdul Rahman



**Bazar Ramadan Jalan Todak, Seberang Jaya**  
VIP: YB Dr Afif bin Bahardin



**Bazar Ramadan Simpang Ampat**  
VIP: YB Goh Choon Aik



**Bazar Ramadan Taman Tun Sardon**  
VIP: YB Syerleena bt Abdul Rashid



**Bazar Ramadan Masjid Daerah Barat Daya**  
VIP: YB Hj. Mohd Tuah bin Ismail

**ii. Pameran Keselamatan Makanan**



iii. Jemputan Forum Pendidikan Kesihatan Anjuran Bahagian Kesihatan Awam



iv. Slot *Radiotalk* di Mutiara FM dengan tajuk 'Keselamatan Makanan di bulan Ramadan



c) Sambutan *World Food Safety Day*



Pada tahun 2019, keselamatan makanan terus diperhebat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melancarkan Hari Keselamatan Makanan Sedunia iaitu pada 7 hribulan Jun setiap tahun bermula tahun 2019. Tema Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun 2019 adalah *Food Safety, Everyone's Business* atau Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Setiap Individu dan WHO turut melancarkan kempen penghasilan video *we support* dengan *hashtag #WorldFoodSafetyDay* iaitu tanda sokongan seluruh masyarakat dunia terhadap kepentingan keselamatan makanan.

Warga KKM di Pulau Pinang merupakan pendokong utama kempen video *we support* ini iaitu pihak BKKM telah menjalankan *roadshow* promosi *we support* ke Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, semua Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, semua Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa bagi penghasilan rakaman video *we support*. *Roadshow* ini memfokuskan kepada warga KKM terlebih dahulu sebagai kesedaran dan pendedahan kerana sambutan *World Food Safety Day* tahun 2019 merupakan sambutan kali pertama di Malaysia dan di seluruh dunia. BKKM Negeri Pulau Pinang juga telah mengadakan *roadshow* untuk rakaman video *we support* ke pejabat YB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan pejabat YB Dr Afif bin Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang iaitu sebagai tanda sokongan pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Negeri Pulau Pinang terhadap kepentingan keselamatan makanan khususnya untuk rakyat di Negeri Pulau Mutiara ini.


7 Jun 2019 adalah bersamaan dengan Hari Raya Ketiga dalam bulan Syawal bagi umat Islam di Malaysia. Sambutan *World Food Safety Day* Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 22 Jun 2019 iaitu bertempat di Design Village Outlet Mall, Batu Kawan Pulau Pinang yang telah dirasmikan oleh YB Dr Afif bin Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Aktiviti yang diadakan semasa *World Food Safety Day* tersebut ialah pameran daripada setiap Pejabat Kesihatan Daerah serta Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Pulau Pinang, kuiz serta permainan dan promosi rakaman video *we support World Food Safety Day* untuk pengunjung di tapak pameran tersebut. Berikut merupakan rangkuman gambar untuk *roadshow* rakaman video *we support World Food Safety Day* dan Sambutan *World Food Safety Day* Tahun 2019 peringkat Negeri Pulau Pinang.



### 3. Pemantauan Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) dan Tenaga Pengajar


Bahagian ini bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan ke atas Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) dan tenaga pengajar yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pihak SLPM mematuhi terma dan syarat akreditasi yang dinyatakan dalam Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan. Sehingga 31 Disember 2019, terdapat 14 buah SLPM di Negeri Pulau Pinang telah berdaftar dan diiktiraf oleh KKM untuk menjalankan latihan kepada pengendali makanan. Bilangan pengendali makanan yang dilatih oleh SLPM yang diiktiraf di Negeri Pulau Pinang adalah meningkat setiap tahun seperti yang ditunjukkan dalam Carta 5.5 iaitu bilangan pengendali makanan yang dilatih di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2014 hingga tahun 2019. Taburan pengendali makanan yang telah dilatih di Negeri Pulau Pinang mengikut kategori premis makanan bagi tahun 2019 ditunjukkan dalam Carta 5.6.

**Carta 5.5: Bilangan Pengendali Makanan Dilatih di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2014 - 2019**



Terdapat peningkatan 8.8% dalam bilangan pengendali makanan yang dilatih pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Manakala peningkatan 1.4% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Bilangan pengendali makanan yang paling ramai dilatih adalah pengendali makanan dari kategori restoran/kedai makan/cafeteria.

**Carta 5.6: Taburan Pengendali Makanan Yang Dilatih di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2019 Mengikut Kategori Premis**



#### 4. Pemeriksaan Makmal Swasta Yang Menjalankan Analisis Makanan

Akta Juruanalisis Makanan 2011 mewajibkan juruanalisis makanan untuk berdaftar dengan KKM bagi pengeluaran laporan analisis makanan yang berkualiti untuk mengelakkan sebarang keraguan dan pertikaian. Pemeriksaan makmal swasta yang menjalankan analisis makanan telah dilakukan oleh Pegawai Berkuasa di bawah Akta berkaitan bagi memastikan keperluan akta tersebut dipatuhi bermula dari tahun 2016 hingga tahun 2019 adalah seperti Jadual 2.

**Jadual 2: Pemeriksaan Makmal Di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2014 Di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2016 - 2019**

PERKARA/AKTIVITI	TAHUN			
	2016	2017	2018	2019
Jumlah Makmal Yang Menjalankan Analisis Makanan	22	22	22	26
Bilangan Makmal Yang Diperiksa	15 (68%)	21 (95%)	22 (100%)	26 100%


## 5. Pendaftaran Premis Makanan

Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 mewajibkan semua premis makanan mendaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kategori premis yang wajib didaftarkan adalah:

- a) Premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan
- b) Premis makanan yang terlibat dalam katering atau katering makanan besar-besaran
- c) Premis dimana makanan disediakan, diproses, disimpan dan dihidangkan untuk jualan
- d) Semua kenderaan yang menjual makanan sedia dimakan

Pendaftaran adalah percuma dan boleh dilakukan secara *online* melalui laman web <http://fosimdomestic.moh.gov.my> (Sistem FoSIM Domestik) atau mengisi borang pendaftaran premis dan hantar ke Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri. Perbandingan pendaftaran premis bermula tahun 2014 hingga tahun 2019 ditunjukkan di dalam Carta 7.

**Carta 5.7: Pendaftaran Premis Makanan Dalam Sistem FoSIM Domestik Bagi Tahun 2014 - 2019**




Berdasarkan carta di atas, pendaftaran premis makanan daripada kategori P3 iaitu premis menjual makanan merupakan kategori pendaftaran premis tertinggi dan meningkat setiap tahun daripada tahun 2014 hingga 2019. Ini memberikan gambaran bilangan premis makanan yang menjual makanan adalah semakin meningkat pada setiap tahun demi memenuhi keperluan serta permintaan pengguna.

## 6. Aduan Keselamatan Makanan

Jumlah aduan yang diterima dan disiasat mengikut kategori bagi tahun 2014 hingga tahun 2019 ditunjukkan dalam Carta 8 dan jumlah aduan yang diterima adalah meningkat dengan ketara bermula daripada tahun 2018 hingga tahun 2019. Bagi tahun 2019, sebanyak 274 aduan telah diterima dan disiasat di mana aduan tertinggi adalah berkaitan dengan kebersihan premis makanan (136 aduan) dan kedua tertinggi adalah berkaitan pencemaran makanan (42 aduan). Peningkatan aduan adalah sebagai petunjuk bahawa pengguna sudah prihatin kepada aspek Keselamatan Makanan.

**Carta 5.8: Bilangan Aduan yang Diterima dan Disiasat Mengikut Kategori Bagi Tahun 2014 - 2019**



**B. UNIT KAWALAN MAKANAN EKSPORT & PELESENAN**

Secara umumnya, fungsi utama unit adalah merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan:

- a) Aktiviti kawalan pengeksportan makanan dalam memastikan pengeksport mematuhi keperluan negara pengimport bagi memelihara imej negara sebagai negara pengeksport
- b) Merancang dan menilai pelaksanaan aktiviti pelesenan bagi memastikan kepatuhan ke atas perundangan makanan Malaysia.

## Aktiviti dan Pencapaian

### 1) Kawalan Makanan Eksport Ke Kesatuan Eropah (EU)

#### (a) Verifikasi Kepatuhan Premis Pengeksportan Ikan dan Hasil Ikan Ke EU

Pada tahun 2019, terdapat empat (4) premis pemprosesan ikan dan hasil ikan yang masih mengekalkan nombor kelulusan EU bagi mengeksport ikan dan hasil ikan ke negara Kesatuan Eropah. Premis yang masih kekal dalam senarai adalah Golden Fresh Sdn. Bhd. (SPU), Butterworth Iceworks Sdn. Bhd. (SPU), Jeenuat Foodstuffs Sdn.Bhd. (SPT) dan Goh Siong Tee Marine Product Sdn. Bhd. (SPS). Verifikasi ke atas premis pemprosesan dijalankan sebanyak dua (2) kali setiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh KKM. Verifikasi status kepatuhan fasiliti adalah dijalankan berdasarkan kepada *Official Verification Protocol* yang dikeluarkan oleh KKM. Pencapaian seperti berikut:

**Jadual 5.9: Pencapaian Verifikasi Kemudahan Ikan Dan Hasil Ikan Ke Kesatuan Eropah Bagi Tahun 2017-2019**

JENIS FASILITI IKAN DAN HASIL IKAN DI NEGERI PULAU PINANG	BILANGAN	BILANGAN VERIFIKASI YANG DIJALANKAN		% PENCAPAIAN
		Sasaran	Pencapaian	
<b>TAHUN 2017</b>				
Premis Eksport	5	10	10	100%
Kenderaan Pengangkutan	5	10	10	100%
Sumber Ais	4	8	8	100%
<b>TAHUN 2018</b>				
Premis Eksport	4	8	8	100%
Kenderaan Pengangkutan	4	8	8	100%
Sumber Ais	4	8	8	100%
<b>TAHUN 2019</b>				
Premis Eksport	4	8	8	100%

Kenderaan Pengangkutan	4	8	8	100%
Sumber Ais	4	8	8	100%

**(b) Program Pemantauan Ikan dan Hasil Ikan Ke EU**

Terdapat tiga (3) jenis program pemantauan dilaksanakan ke atas premis pemprosesan iaitu *Capture Fishery Monitoring Programme*, *Fishery End Product Monitoring Programme* dan *Water & Ice Monitoring Programme*. Aktiviti pensampelan dilaksanakan oleh Pegawai Teknologi Makanan dari Pejabat Kesihatan Daerah di mana premis pemprosesan berada. Pencapaian aktiviti adalah seperti berikut:

**Jadual 5.10: Pencapaian Program Pemantauan Ikan Dan Hasil Ikan Ke Kesatuan Eropah Bagi Tahun 2018-2019**

JENIS PROGRAM PEMANTAUAN	JENIS SAMPEL	TAHUN			
		2018		2019	
		SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI
<i>Capture Fishery Monitoring Programme</i>	Bahan Mentah Hasil Tangkapan Laut	26	15 (58.0%)	26	26 (100%)
			***		
<i>Fishery End Product Monitoring Programme</i>	Produk Akhir Jenis Akuakultur Dan Hasil Tangkapan Laut	80	76 (95.0%) ##	80	80 (100%)
<i>Water &amp; Ice Monitoring Programme</i>	Punca Air Dan Ais Yang Digunakan Di Premis Pemprosesan Dan Sumber Ais.	32	32 (100%)	24	24 (100%)

\*\*\* Syarikat tidak dapat membekalkan bahan mentah bagi pensampelan

## tidak menjalankan analisis Dioxin, PCB dan PAH kerana kekurangan peruntukan susulan daripada kenaikan kos analisis.

**(b) Sijil Kesihatan Bagi Pengeksportan Ikan Dan Hasilan Ikan Ke EU**

Pemprosesan Sijil dilaksanakan di peringkat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Negeri, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang. Sijil akan diverifikasi dan ditandatangani oleh *Certifying Officer* di Jabatan Kesihatan Negeri yang dilantik oleh Menteri Kesihatan Malaysia. Secara keseluruhan Pengeluaran Sijil Kesihatan Ikan dan Hasilan Ikan ke Kesatuan Eropah bagi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019 adalah sebanyak **379 sijil** dan bernilai **RM 37,900.00**.

**2) Pengeksportan Makanan ke Lain-Lain Negara Melalui *Compliance Listing***

Bagi premis pemprosesan yang tersenarai dalam program *compliance listing*, audit pengawasan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun telah dijalankan bagi memastikan kilang pemprosesan yang berkenaan mengekalkan tahap kebersihan dan mematuhi keperluan pengimport.

**Jadual 5.11: Bilangan Premis Pemprosesan Yang Terlibat dalam Kawalan Rasmi *Compliance Listing*, KKM Bagi Tahun 2019**

<b>NEGARA PENGIMPORT</b>	<b>KATEGORI PRODUK</b>	<b>BILANGAN PREMIS PEMROSESAN YANG DIDAFTARKAN</b>
Amerika Syarikat	Ikan Dan Hasilan Ikan (Udang Akuakultur )	2
Singapura	Ready To Eat (RTE)	5
Vietnam	Ikan & Hasilan Ikan	6
	Makanan Berasaskan Haiwan	1
China	Ikan Dan Hasilan Ikan,)	15
	Susu Dan Hasilan Tenusu	1
	Sarang Burung Walit	3
<b>JUMLAH PREMIS PEMROSESAN TERSENARAI COMPLIANCE LISTING</b>		<b>33</b>

Pensampelan pemantauan spesifik akan dijalankan bagi program *compliance listing* ke Amerika Syarikat dan Singapura. Semua sampel yang dianalisis adalah mematuhi standard yang ditetapkan.

**Jadual 5.12: Bilangan Sampel Yang Terlibat Dalam Program Pemantauan ke Amerika dan Singapura Bagi Tahun 2019**

NEGARA	BILANGAN SAMPEL	
	SASAR	CAPAI
Amerika Syarikat	36	0 (0%) ***
Singapura	5	5 (100%)

\*\*\* ketiadaan bahan mentah

### 3) Pengeluaran Sijil Eksport


#### (a) Pengeluaran Sijil Kesihatan

Secara keseluruhannya, sejumlah 5877 Sijil Kesihatan bagi pengesportan makanan ke luar negara termasuk ke Kesatuan Eropah (EU) telah diproses dan dikeluarkan oleh semua Pejabat Kesihatan Daerah dan BKKM Negeri Pulau Pinang (Sijil Kesihatan Ikan dan hasilan Ikan ke EU) bagi tahun 2019 dengan kutipan fi Sijil Kesihatan sebanyak RM 735,850.00.

#### (b) Pengeluaran Sijil Penjualan Bebas

Sijil Penjualan Bebas menjadi keperluan sesetengah negara pengimport bagi tujuan pendaftaran produk oleh pihak berkuasa. Ia juga untuk memastikan sesuatu makanan tersebut bebas dijual di Malaysia dan mematuhi kehendak-kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Oleh itu bagi membantu dan merangsangkan pengeksportan makanan tempatan ke luar negara, aktiviti pengeluaran Sijil Penjualan Bebas telah diperluaskan dari peringkat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ke Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah bermula pada tahun 2006. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 537 Sijil Penjualan Bebas telah dikeluarkan bagi tujuan pengeksportan produk makanan dengan kutipan sebanyak RM 54,200.00 sebagai bayaran fi sijil. Pencapaian pengeluaran Sijil Penjualan Bebas pada tahun 2017 - 2019 di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut :

**Carta 5.9 : Pengeluaran Sijil Eksport (Sijil Kesihatan dan Sijil Eksport Penjualan Bebas) Bagi Tahun 2017 – 2019**



**4) Lawatan Pemeriksaan Oleh Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Luar Negara (*Foreign Audit*)**

Sepanjang tahun 2019, pihak berkuasa dari negara-negara pengimport telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Malaysia termasuk di negeri Pulau Pinang. Siri lawatan tersebut dijalankan bagi maksud verifikasi pematuhan produk mengikut keperluan negara pengimport ke atas premis eksport dan juga verifikasi bagi pendaftaran premis dengan pihak berkuasa negara pengimport. Berikut adalah senarai siri lawatan oleh pihak berkuasa negara-negara pengimport sepanjang tahun 2019 :

**TARIKH**

**MISI PEMERIKSAAN PIHAK BERKUASA NEGARA PENGIMPORT**

28 Mac 2019	Department of Agriculture & Water Resources (DAWR) Australia  di Pintu Masuk
20 -27 Jun 2019	Misi lawatan Audit verifikasi USFDA



**Department of Agriculture & Water Resources (DAWR) Australia  
di Pintu Masuk Antarabangsa**



**Gambar Aktiviti Pemeriksaan Auditor CFIA di Premis Pemprosesan  
Pengetinan Jeenuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd @ Jefe , Pulau Pinang**



Gambar Aktiviti Misi Pemeriksaan USFDA Pulau Pinang

5) **Kursus /Taklimat /Mesyuarat**



*BTSF Workshop on the use of TRACES NT* di Bangalore, India pada 3-6 Dis 2019 bagi pengeluaran sijil kesihatan ikan dan hasilan ikan ke EU secara atas talian



**Kursus Memperkasakan Kawalan Makanan Eksport di Hotel Ixora, 25-26 Ogos 2019**

**6) Aktiviti Pelesenan Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB), Ais dan Mesin Jual Air (MJA) di Bawah Peraturan - Peraturan Makanan 1985.**

Perundangan makanan Malaysia mewajibkan pelesenan bagi AMB di bawah Peraturan 360B, Ais di bawah Peraturan 394A dan MJA di bawah Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Dalam tahun 2019 terdapat dua belas (12) kilang pemprosesan Air Minuman Berbungkus (AMB), empat belas (14) kilang pemprosesan ais dan 111 Mesin Jual Air (MJA) di Pulau Pinang yang telah dilesenkan oleh KKM. Jaminan Keselamatan AMB, Ais dan MJA yang dilesenkan adalah berdasarkan aktiviti pensampelan air yang berjadual dan pemeriksaan kebersihan premis yang dilaksanakan oleh pihak pemegang lesen dan Pejabat Kesihatan Daerah. Pemegang lesen juga perlu mematuhi syarat-syarat pengeluaran lesen yang telah ditetapkan oleh KKM. Pemilik lesen juga bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan sendiri (*own-check*). Tempoh sahlaku bagi lesen ais adalah satu (1) tahun pelesenan dan dua (2) tahun bagi Mesin Jual Air.

### C. UNIT KAWALAN MAKANAN IMPORT & PENSIJILAN

#### **Pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” (BeSS)**

Program pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” (BeSS) ini merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada premis outlet makanan bagi menggalakkan pengusaha mengekalkan premis outlet makanan yang bersih, menyediakan makanan yang selamat dan mengadakan pilihan makanan yang lebih sihat kepada pelanggan. Pengiktirafan ini juga berkaitan dengan pematuhan keperluan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Setiap pemegang pengiktirafan BeSS dibenarkan mempamerkan logo BeSS dan sijil yang diberikan di premis masing-masing sebagai promosi dan seterusnya menambah keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan makanan yang ditawarkan. Program pengiktirafan ini melibatkan 2 komponen iaitu komponen Keselamatan Makanan dan komponen Pemakanan. Pengusaha premis outlet makanan akan diberikan bimbingan secara teknikal berkaitan keselamatan makanan dan pemakanan sihat secara percuma. Secara umumnya, terdapat empat (4) kriteria utama yang perlu dipatuhi oleh premis outlet makanan sebelum mendapat pengiktirafan iaitu:


- mengekalkan premis yang bersih
- menyediakan makanan selamat
- menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat
- menyediakan dan mempromosikan saiz hidangan yang sesuai mengikut keperluan individu

Kategori premis makanan yang boleh memohon program ini adalah seperti:

- Kantin
- Gerai/Penjaja
- Restoran/Kedai Makan
- Kafetaria
- Dapur asrama
- Semua kenderaan yang terlibat dalam penjualan makanan sedia dimakan

Pengiktirafan ini diberikan secara **PERCUMA** kepada premis outlet makanan yang berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam garis panduan. Tempoh pengiktirafan adalah 3 tahun dan premis yang masih berminat untuk menyambung pengiktirafan ini perlu memohon untuk pembaharuan.

**Carta 5.11: Perbandingan pencapaian pengiktirafan BeSS bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017, 2018 & 2019.**



Berdasarkan kepada carta di atas didapati terdapat peningkatan pengiktirafan BeSS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 berbanding 2013 dan 2014. Peningkatan ini selaras dengan pemilihan pengiktirafan BeSS sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Kesihatan Negeri bermula pada tahun 2015 sehingga kini. Pada tahun 2018, Ibu pejabat Program ini telah menetapkan sasaran pencapaian pengiktirafan BeSS mengikut bilangan perjawatan Pegawai Teknologi Makanan (PTM) Gred C41 dan C44 yang bertugas di dalam sesebuah negeri dan beberapa keperluan pengiktirafan BeSS telah dipermudahkan seperti elemen pemakanan, keperluan dokumen dan lain-lain, faktor-faktor ini telah membawa kepada peningkatan yang drastik bagi pencapaian pengiktirafan BeSS bagi tahun tersebut. Tambahan pula bermula pada tahun 2018, kiraan pencapaian ini termasuk premis pengiktirafan BeSS yang telah memperbaharui pengiktirafan ini pada tahun semasa. Pada tahun 2019, terdapat penurunan pencapaian sebanyak 83.7% berbanding tahun 2018, keadaan ini berlaku kerana sasaran Program ini pada tahun 2019 adalah kepada premis-premis makanan yang beroperasi di fasiliti kerajaan terutamanya di fasiliti kesihatan. Seperti yang sedia maklum, pengusaha-pengusaha pemis makanan yang beroperasi di medan-medan selera, kantin-kantin sekolah, R n R adalah berdasarkan penyewaan atau kontrak, salah satu faktor yang menyebabkan penurunan ini juga adalah disebabkan oleh kontrak telah tamat, telah berhenti operasi dan pengusaha premis makanan telah berpindah.

Walaupun bagaimanapun, pelbagai aktiviti yang telah dirancang dan dijalankan diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah dan Negeri bagi memastikan Program Pengiktirafan BeSS ini dikenali dikalangan pengusaha premis dan orang awam.

Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>
1	Majlis Penyampaian Sijil pengiktirafan BeSS kepada Pengusaha Restoran Nasi Kandar peringkat Negeri Pulau Pinang 2019	14/3/2019
2	Promosi Pengiktirafan BeSS Sempena Karnival Agrofest Utara 2019 anjuran FAMA	26-28/4/2019
3	Promosi Pengiktirafan BeSS sempena Sambutan Bulan pemakanan Peringkat Negeri Pulau Pinang di Mydin mall Bukit Mertajam	4/5/2019
4	Promosi Pengiktirafan BeSS sempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di Design Village Mall, Batu Kawan	22/6/2019
5	Majlis Penyampaian sijil Pengiktirafan BeSS sempena Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang	25/7/2019
6	Promosi Pengiktirafan BeSS sempena Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Negeri Pulau Pinang	24-28/7/2019
7	Taklimat Pengiktirafan BeSS kepada Pengusaha Hotel dan premis di Fasiliti Kerajaan Peringkat Daerah Timur Laut	24/9/2019
8	Majlis Pengiktirafan BeSS kepada kafeteria kilang-Barat Daya	26/8/2019
9	Taklimat Pengiktirafan BeSS kepada pengusaha premis di tempat tumpuan pelancong dan premis di Fasiliti Kerajaan Peringkat Daerah Barat Daya	26/8/2019
10	Seberang Perai Fiesta 2019	25-29/9/2019
11	Promosi Sijil Pengiktirafan BeSS sempena Kursus Pemeriksaan Dapur Hospital Swasta dan akta-Akta Berkaitan Kebersihan Dapur di Pusat latihan MBPP, Bangunan Letak Kereta Lebu Pantai	29/8/2019
12	Promosi Pengiktirafan BeSS kepada pengusaha makanan di R n R anjuran PLUS MALAYSIA BERHAD	29/10/2019

Berikut adalah gambar-gambar aktiviti-aktiviti promosi yang telah dijalankan pada tahun 2019:



Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan BeSS kepada pengusaha premis Restoran Nasi Kandar Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019



Promosi Pengiktirafan BeSS kepada Pengusaha premis makanan di R n R anjuran PLUS Malaysia (Zon Utara)



Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan BeSS kepada pengusaha premis sempena Majlis Perasmian Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 25hb Julai 2019



Sekitar Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Bess kepada katerer kantin kilang Peringkat Daerah Barat Daya yang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan.

### **SKIM-SKIM PENSIJILAN DI BAWAH PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN (PJKM)**

Program Jaminan Keselamatan Makanan merupakan salah satu Program yang diperkenalkan oleh Bahagian ini bagi memastikan makanan adalah selamat di sepanjang rantaiannya. Program ini telah termaktub di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang telah mewajibkan semua premis pengilangan makanan melaksanakan PJKM. Pelbagai skim pensijilan seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP), *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri atau MeSTI telah diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan bagi memenuhi keperluan Program Jaminan Keselamatan Makanan.

#### **Pensijilan Amalan Pengilangan Yang Baik / *Good Manufacturing Practice* (GMP) / *Hazards Analysis Critical Point* (HACCP)**

Sistem HACCP adalah satu sistem yang berasaskan sains dan bersistematik yang mengenalpasti punca-punca bahaya makanan dan mengadakan sistem pengawasan. Selain itu, ia juga menumpukan kepada langkah-langkah pencegahan dalam setiap peringkat pemprosesan makanan dan bukannya analisis pada produk akhir. Pensijilan HACCP, KKM telah diperkenalkan pada tahun 1998 bagi memenuhi keperluan Negara pengimport terutamanya Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Seiring dengan keperluan global, sistem ini telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam memastikan pengeluaran makanan yang selamat dan berkualiti di sepanjang rantaiannya. Bagi memastikan sistem HACCP yang efektif dan efisien, pelaksanaan HACCP perlu disokong dengan kukuh oleh amalan pengilangan yang baik. Oleh itu, KKM telah memperkenalkan Pensijilan GMP, KKM pada tahun 2007 bagi menambahbaik sistem HACCP Malaysia sedia ada dan memenuhi keperluan antarabangsa. GMP merupakan langkah-langkah universal yang mengawal operasi sesebuah premis pengilangan makanan bagi memastikan makanan yang selamat. Ianya merangkumi amalan, prosedur dan persekitaran yang diperlukan untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat.

## **Skim Pensijilan untuk Jabatan/Unit Dietetik Dan Sajian di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Negeri Pulau Pinang**

Program pensijilan GMP / HACCP Jabatan /Unit Dietetik Dan Sajian di hospital ini telah diperkenalkan sejak tahun 2006 untuk dilaksanakan di semua dapur hospital kerajaan di Malaysia. Program ini dicetus atas kepekaan dan keprihatinan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap tahap keselamatan makanan yang dihidangkan kepada pesakit di hospital di mana pesakit merupakan kategori yang berisiko tinggi (*vulnerable*).

Program pensijilan GMP / HACCP di Jabatan / Unit Dietetik hospital ini dapat memberikan jaminan kepada orang ramai terutamanya kepada para pesakit mengenai status keselamatan dan kebersihan makanan yang disediakan di Jabatan / Unit Dietetik dan Sajian hospital kerajaan seluruh Malaysia. Pelaksanaan program ini membuktikan komitmen pihak pengurusan hospital ke atas perkhidmatan yang diberikan melalui tindakan penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan ke atas kualiti perkhidmatan makanan yang disediakan untuk pesakit-pesakit dalam wad. **Semua Jabatan/Unit Dietetik dan Sajian hospital di Pulau Pinang telah mendapat Pensijilan GMP pada tahun 2015.**

Berikut adalah status pensijilan HACCP tersebut:

### **Status Pencapaian Pensijilan HACCP Di Dapur Hospital Negeri Pulau Pinang**

<b>BIL.</b>	<b>HOSPITAL</b>	<b>STATUS GMP</b>	<b>STATUS HACCP</b>
1.	Hospital Sungai Bakap	22/8/2017-21/8/2020	22/8/2017-21/8/2020
2.	Hospital Seberang Jaya	17/11/2017-16/11/2020	17/11/2017-16/11/2020
3.	Hospital Kepala Batas	16/6/2019-15/6/2022	Sedang membangunkan manual HACCP
4.	Hospital Bukit Mertajam	9/4/2018-8/4/2021	9/4/2018-8/4/2021
5.	Hospital Balik Pulau	8/2/2018-7/2/2021	8/2/2018-7/2/2021
6.	Hospital Pulau Pinang	19/6/2015 - 18/6/2018	1/12/2016-30/11/2019

**Pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP) Dan *Good Manufacturing Practice* (GMP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Premis Pengilangan Makanan di Pulau Pinang.**

Bagi memastikan implementasi keperluan GMP/HACCP dilaksanakan secara konsisten dan berkesan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Negeri bertanggungjawab dalam memastikan audit pengawasan dijalankan ke atas semua premis pengilangan makanan yang telah mendapatkan pengiktirafan GMP/HACCP, KKM. Pengauditan ini dilaksanakan oleh pasukan juruaudit yang berkecualan dan dilantik oleh KKM dengan berpandukan kepada Manual Prosedur Kerja Pengauditan (HACCP) dan Manual Prosedur Kerja Pengauditan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Status Pensijilan GMP dan HACCP Premis Pengilangan Makanan di Pulau Pinang sehingga Disember 2019**

Jenis Pensijilan		Bilangan Syarikat	Bilangan Sijil
GMP	GMP SAHAJA	12	12
	GMP MELALUI <i>FAST TRACK</i> HACCP	59	59
	JUMLAH	71	71
HACCP	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)	59	65
	KKM DAN SIRIM	6	6

Merujuk kepada jadual di atas, secara keseluruhannya 71 buah syarikat di Pulau Pinang merupakan pemegang pensijilan GMP yang masih aktif dan 65 buah syarikat merupakan pemegang pensijilan HACCP yang masih aktif. Bagi tahun 2019, sebanyak 6 buah syarikat atau premis iaitu PGEO Edible oils Sdn. Bhd, Rinda Food Industries Sdn. Bhd., Nutrisanne Food Sdn. Bhd., Federal Oats mills Sdn. Bhd., Haliza Industries Sdn. Bhd. Dan Everbest Vege Sdn. Bhd. telah berjaya mendapatkan pensijilan HACCP, KKM dan *fast track* pensijilan GMP, KKM Sehingga kini, terdapat 6 buah syarikat yang telah mendapat pensijilan HACCP KKM melalui *fast track* SIRIM iaitu Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd., IOI Acidchem Sdn. Bhd., IOI Esterchem (M) Sdn. Bhd., dan Fuciphagus Agritech


Sdn. Bhd. dan bagi tahun 2019 terdapat penambahan terdapat 2 premis yang telah mendapat *fast track* pensijilan HACCP, KKM melalui SIRIM iaitu Haliza Industries Sdn. Bhd dan Nutrisanne Food Sdn. Bhd. Manakala bagi pensijilan GMP 2 syarikat telah mendapat pensijilan GMP, KKM secara terus iaitu Sky Thomas Food Industries Sdn. Bhd. dan Besta Corporation Sdn. Bhd. Daripada Jumlah keseluruhan pensijilan GMP, terdapat 5 buah syarikat yang telah berjaya mengekalkan Pensijilan GMP iaitu Unit Dietetik dan Sajian Hospital Kepala Batas, Zhulian Industries Sdn. Bhd., Sayen Industries Sdn. Bhd., Miami Food Product Sdn. Bhd., dan Cap Keluarga Sales & Services Sdn. Bhd. Sebanyak 16 syarikat pemegang sijil HACCP, KKM masih berminat mengekalkan pensijilan HACCP, KKM dan daripada jumlah ini sebanyak 9 sijil yang melibatkan 6 buah syarikat masih belum mendapat pensijilan semula HACCP, KKM tetapi telah dijalankan audit pembaharuan dan jumlah ini masih dikira sebagai aktif kerana pihak syarikat telah memohon pembaharuan tetapi belum mendapat pensijilan semula. Walau bagaimanapun terdapat 2 syarikat telah memohon supaya pensijilan HACCP bagi syarikat dikombinasi dari 2 sijil kepada 1 sijil dan telah diluluskan oleh Ibupejabat Program ini iaitu The Only One Beverages Sdn. Bhd. dan Willpack Food Services Sdn. Bhd (Dahulu dikenali sebagai Seamaster (Malaysia) Sdn. Bhd.)

### **Pencapaian Audit Pengawasan HACCP dan GMP**

Berdasarkan Pelan Tindakan Cawangan Pre Market Approval 2019, audit pengawasan skim pensijilan HACCP dan GMP telah ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pensijilan. Maka audit pengawasan HACCP dan GMP ini bagi tahun 2019 hanya melibatkan 13 pensijilan HACCP berbayar dan 4 premis dapur hospital dibawah kelolaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tanpa bayaran fi audit pengawasan, manakala bagi pensijilan GMP hanya melibatkan 1 syarikat sahaja ini adalah kerana kebanyakan syarikat-syarikat pemegang skim Pensijilan GMP dan HACCP telah diaudit pengawasan pada tahun sebelumnya.

Bermula 1 Januari 2019, bayaran fi audit pengawasan ini telah kembali kepada asal iaitu RM 1800.00 bagi setiap Sijil HACCP, KKM dan RM 1600.00 bagi setiap pensijilan GMP, KKM. Oleh yang demikian, secara kumulatifnya jumlah kutipan fi audit pengawasan ini bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM23,400.00 bagi pensijilan HACCP, KKM dan RM1,600.00 bagi pensijilan GMP, KKM.

Berikut adalah graf Perbandingan pencapaian audit pengawasan GMP dan HACCP bagi tahun 2018 dan 2019.



Merujuk kepada Carta di atas, terdapat penurunan yang agak drastik bagi sasaran audit pengawasan HACCP dan GMP pada tahun 2019 disebabkan oleh perubahan pada Pelan Tindakan seperti yang dinyatakan di atas. Terdapat penurunan sasaran audit pengawasan HACCP sebanyak 46% dan sebanyak 88.9% bagi pensijilan GMP berbanding sasaran tahun 2018 memandangkan kebanyakan syarikat-syarikat ini telah dijalankan audit pengawasan pada tahun sebelum ini. Bagi tahun 2019, terdapat 2 syarikat yang telah disasarkan untuk audit pengawasan HACCP tidak dapat dijalankan kerana pihak syarikat memohon penangguhan audit setelah pembayaran audit pengawasan dilaksanakan disebabkan syarikat sedang menjalankan penambahbaikan pada infrastruktur premis iaitu Keko Manufacturing Sdn. Bhd. dan manakala Syarikat Seng Enterprise telah memaklumkan tiada pemprosesan berkaitan produk HACCP dijalankan dan pihak syarikat tidak membayar fi audit pengawasan HACCP. Manakala bagi pensijilan GMP pencapaian audit pengawasan adalah 100%.

**Status Juruaudit Pensijilan GMP dan HACCP di Pulau Pinang sehingga Disember 2019.**

Jenis Pensijilan	Juruaudit*	Juruaudit Pelatih
GMP	24	0
HACCP	23	0

**Nota: \*Tidak termasuk TPKN**

Setelah menghadiri beberapa siri kursus juruaudit skim Pensijilan *Hazard Analisis Critical Control Point* (HACCP) dan *Good Manufacturing Practice* (GMP) telah dianjurkan oleh Ibupejabat Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Putrajaya. Sasaran lantikan sebagai juruaudit pensijilan HACCP adalah meliputi semua Pegawai Teknologi Makanan yang bertugas di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) tidak termasuk Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TKPN) dan sasaran bagi lantikan sebagai juruaudit GMP adalah kepada semua PTM di JKN dan PKD dan Penolong Pegawai Teknologi Makanan (PPTM) yang bertugas di JKN dan PKD.

Sehingga kini, seorang PPTM di JKN telah dilantik sebagai juruaudit GMP. Bagi tahun 2019, seramai 5 orang Pegawai Teknologi Makanan (PTM) yang telah dilantik sebagai Juruaudit Pelatih bagi Pensijilan HACCP dan GMP telah mengikuti beberapa audit pematuhan/audit pembaharuan/audit pengawasan GMP dan HACCP telah dilantik secara rasminya sebagai Juruaudit Skim Pensijilan GMP dan HACCP, KKM. Berdasarkan lantikan ini, secara rasminya kesemua Pegawai Teknologi Makanan di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah di Pulau Pinang berjumlah 23 orang telah dilantik sebagai juruaudit pensijilan GMP dan HACCP, KKM. Ini melayakkan para pegawai ini untuk ditugaskan menjalankan audit pengawasan/audit pembaharuan dan audit pematuhan pensijilan GMP dan HACCP.

### **Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)**


Skim Pensijilan MeSTI telah diperkenalkan pada tahun 2012 oleh KKM hasil daripada penjenamaan semula daripada Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Ini bagi memastikan premis pengilangan makanan skala kecil dan sederhana mematuhi keperluan perundangan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 yang mewajibkan setiap empunya dan penghuni premis pengilangan makanan menyediakan dan mengadakan satu Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM). Skim Pensijilan MeSTI merupakan salah satu Program Jaminan Keselamatan Makanan yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dibawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan selain Skim Pensijilan HACCP dan Skim Pensijilan GMP yang telah dikenakan bayaran. Skim ini diperkenalkan setelah mengambilkira keupayaan premis pengilangan makanan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam melaksanakan sistem keselamatan makanan yang lebih terkehadapan seperti sistem GMP dan HACCP.

Bermula tahun 2014, Skim Pensijilan MeSTI telah dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Kesihatan. Berdasarkan kepentingan Program pensijilan MeSTI, ia masih dikekalkan sebagai KPI bagi Menteri Kesihatan bagi tahun 2017.

Skim Pensijilan MeSTI hanya sah untuk tempoh 3 tahun dan selepas itu, pemegang skim pensijilan ini perlu memohon pembaharuan bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan ini berterusan dan seterusnya

mendapatkan semula skim pensijilan ini. Bermula pada tahun 2015, kiraan data KPI ini meliputi premis yang baru memohon dan yang akan memperbaharui skim pensijilan MeSTI ini. Secara kumulatif dari tahun 2012 hingga 2019 sebanyak 719 skim pensijilan MeSTI telah diberikan kepada premis yang berkelayakan termasuk yang masih dapat mengekalkan Skim Pensijilan ini dengan jayanya. Butiran taburan mengikut tahun adalah seperti yang tertera dalam graf dibawah.

**Statistik Pengiktirafan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)  
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Di Pulau Pinang**



**Statistik perbandingan pecahan pemegang pensijilan MeSTI mengikut tahun**

<b>STATUS PENSIJILAN/PREMIS</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
<b>Baru</b>	51	91	37
<b>Pembaharuan</b>	64	74	90
<b>Pembatalan: (Penutupan/Perpindahan/Tidak beroperasi)*</b>	0	0	68

\* Pengiraan berdasarkan pembatalan yang telah dikeluarkan oleh Jawatan kuasa Peringkat Ibupejabat.

Bagi memastikan implementasi skim pensijilan MeSTI keselamatan makanan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan konsisten, aktiviti audit pengawasan perlu dilaksanakan kepada premis yang telah mendapat pensijilan ini. Bagi tahun 2017, sebanyak 176 premis telah disasarkan bagi pelaksanaan audit pengawasan ini. Secara keseluruhannya pencapaian audit pengawasan ini hanya 107 premis (58.8%). Ketidapcaian ini adalah disebabkan oleh anggota dilapangan memberikan lebih keutamaan kepada aktiviti bimbingan MeSTI kepada premis bagi mencapai sasaran KPI. Peningkatan jumlah premis yang telah mendapat pensijilan MeSTI berbanding tahun 2016 yang tinggi (132.33%) juga memberikan kesan kepada pencapaian audit pengawasan bagi tahun 2017.

Walau bagaimanapun pada tahun 2017, premis yang berisiko tinggi dan premis yang mengeluarkan makanan yang berisiko tinggi telah diberikan keutamaan dalam menjalankan audit pengawasan. Terdapat peningkatan pencapaian audit pengawasan pensijilan MeSTI bagi tahun 2018 berbanding tahun-tahun sebelumnya disebabkan oleh penetapan sasaran audit verifikasi premis pengilangan makanan yang ditetapkan oleh ibu pejabat dimana setiap Pegawai Teknologi Makanan di lapangan (Pejabat Kesihatan Daerah) telah diberikan norma audit verifikasi premis pengilangan makanan sebanyak 3 premis setiap minggu dan dibantu oleh Pegawai Teknologi Makanan sambilan yang ambilannya setiap 3 bulan. Merujuk kepada tahun 2019, walau pun secara peratusannya, terdapat penurunan peratus pengauditan pensijilan MeSTI tetapi sekiranya perbandingan secara bilangan, pencapaian audit pengawasan pensijilan MeSTI adalah yang paling tertinggi (206 Syarikat) bagi tahun 2019 berbanding tahun-tahun sebelumnya disebabkan oleh pihak syarikat telah memahami kepentingan skim pensijilan MeSTI dan telah membuka minda bahawa pengauditan ini membantu pihak industry dalam memantapkan dan meningkatkan lagi kebersihan premis melalui teguran yang diberikan bagi memastikan produk yang dihasilkan adalah bersih dan selamat. Ringkasan pencapaian audit pengawasan adalah seperti jadual berikut:

#### **Status Audit Pengawasan / Pemantauan Skim Pensijilan MeSTI**

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. SASARAN SYARIKAT YANG PERLU DIAUDIT</b>	<b>BIL. SYARIKAT YANG TELAH DIAUDIT PENGAWASAN MeSTI</b>	<b>PERATUS PENCAPAIAN (%)</b>
2016	133 SYARIKAT	108 SYARIKAT	81.2%
2017	176 SYARIKAT	107 SYARIKAT	58.8%
2018	195 SYARIKAT	187 SYARIKAT	95.9%
2019	233 SYARIKAT	206 SYARIKAT	88.4%


### **Kerjasama antara Agensi-agensi Kerajaan bagi memantapkan Skim Pensijilan MeSTI**

Bagi memastikan Program Pensijilan MeSTI ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai, kerjasama dengan pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dengan PKS telah dilaksanakan melalui kolaborasi agensi pembimbing di negeri Pulau Pinang. Antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat adalah seperti Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Penjara Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), *Hypermarket* dan sebagainya. Kerjasama ini diteruskan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 seperti berikut:

### **Senarai Aktiviti Kerjasama Bersama Agensi Pembimbing Dalam Skim Pensijilan MeSTI Di Negeri Pulau Pinang**




<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>
1	Pameran anjuran FAMA di tapak Seberang Perai Fiesta Seberang Jaya	26-28/4/2019
2	Promosi Pensijilan MeSTI sempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di Design Village Mall, Batu Kawan	22/6/2019
3	Taklimat Pensijilan MeSTI kepada Syarikat Pengilang dan Pembungkus Minyak Masak di Bawah Skim Penstabilan Harga Mintak Masak (COSS) mengikut Zon	10/7/2019
4	Promosi MeSTI sempena Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang	24-28/7/2019
5	Majlis Penyampaian sijil Pensijilan MeSTI dan Anugerah Khas Skim Pensijilan MeSTI sempena Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang	25/7/2019
6	Promosi Pensijilan MeSTI sempena Kursus Pemeriksaan Dapur Hospital Swasta dan akta-Akta Berkaitan Kebersihan Dapur	29/8/2019
7	Seberang Perai Fiesta 2019	25-29/9/2019
8	Lawatan rasmi Exco Kerajaan Negeri dan ahli Jawatankuasa Kempen Pulau Pinang Bersih ke Majlis Perbandaran taiping	1/10/2019

**Gambar-gambar sekitar Majlis Perasmian Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 25 hb Julai 2019 bertempat di Mydin Mall Jalan Baru, Pulau Pinang**



Sempena Majlis Perasmian ini, turut diraikan penerima-penerima skim pensijilan HACCP, GMP, MeSTI, Trust MyCatering, Makanan Autentik, Pengiktirafan BeSS, Pendaftaran My FoodTag di Pulau Pinang

**Gambar-gambar aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 25 hingga 28 hb Julai 2019 bertempat di Mydin Mall Jalan Baru, Pulau Pinang**



## **PELAKSANAAN KAWALAN KESELAMATAN MAKANAN IMPORT**

Aktiviti kawalan keselamatan makanan import tertumpu di pintu masuk yang meliputi pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal konsainan dan persampelan makanan import sebelum makanan tersebut dibenarkan diimport.

Ianya melibatkan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang bertujuan untuk melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Pelaksanaan aktiviti kawalan keselamatan makanan import di pintu masuk berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Pemeriksaan dokumen konsainan makanan import di semua pintu masuk: 100%
- b. Menjalankan aktiviti pemeriksaan pelabelan keatas semua konsainan makanan import Packed food: Finished product (PFFP) disemua pintu masuk (100% PFFP diperiksa label)
- c. Menjalankan aktiviti Pensampelan berdasarkan 'high risk food' dan kriteria lain yang telah ditetapkan bagi ANMPIF disemua pintu masuk: (1% daripada konsainan yang masuk)

Di samping mencapai sasaran yang ditetapkan, aktiviti kawalan keselamatan makanan import di pintu masuk menggunakan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) yang telah dibangunkan untuk memantau dan mengawal keselamatan makanan yang diimport. Terdapat enam tahap pemeriksaan bagi menentukan risiko makanan tersebut. Bermula pada tahun 2017, Food Import System Of Malaysia atau singkatannya FISSoM telah diperkenalkan dan digunakan sepenuhnya untuk menyimpan maklumat-maklumat berkaitan aktiviti persampelan yang dijalankan di lapangan.

### **Tahap pemeriksaan tersebut adalah seperti berikut:**

- Tahap 1 (Pelepasan Secara Automatik), di mana konsainan makanan diberi pelepasan secara automatik.
- Tahap 2 (Pemeriksaan Dokumen), Pegawai Berkuasa di pintu masuk perlu meneliti kesemua dokumen yang berkaitan sebelum memberi pelepasan.
- Tahap 3 (Pemantauan), di mana pemeriksaan wajib dilakukan dan sampel makanan mungkin diambil untuk analisis makmal.
- Tahap 4 (Surveilan), di mana pemeriksaan dan pensampelan wajib dilakukan. Konsainan dilepaskan setelah pensampelan dijalankan.
- Tahap 5 (Tahan, Uji dan Lepas), pemeriksaan dan pensampelan wajib dilakukan. Konsainan ditahan setelah pensampelan dijalankan dan ianya akan dilepaskan setelah keputusan analisa mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Bermula Mac 2017, bayaran Fi bagi analisa sampel

Tahan Uji dan Lepas (TUL) telah dikuatkuasakan kepada semua pengimport yang telah dikenakan TUL ke atas konsainmen yang dibawa masuk. Setiap parameter bayarannya adalah berbeza.

- Tahap 6 (Penolakan Secara Automatik), di mana sistem secara automatik menolak konsainan produk makanan yang terlibat.

**Kursus yang telah dijalankan bagi memantapkan pengetahuan Pegawai-Pegawai dilapangan khususnya di Pintu Masuk :**


- Kursus Pemantapan *Standard Operation Procedures (SOP)* Kawalan Makanan Import pada 3 & 4 April 2019 di Bilik Seminar, Malaysian Productivity Corporation (MPC), Kepala Batas, Pulau Pinang- Kursus ini melibatkan Pegawai Teknologi Makanan di PKD, Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) yang bertugas di PKD dan Pintu Masuk Masuk Pulau Pinang. Kursus ini dilaksanakan selaras dengan penambahbaikan yang telah dijalankan oleh Cawangan Import, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Putrajaya terhadap SOP Kawalan Makanan Import.

Berikut gambar-gambar di sepanjang kursus berlangsung:



Selain daripada itu, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang juga telah menganjurkan Taklimat (Awareness) kepada Pengimport Makanan dan Agen Penghantaran (Forwarding Agent) berkaitan syarat Pengimportan Makanan selaras keperluan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-

Peraturan dibawahnya Peringkat Zon Utara pada 3 Oktober 2019 di Seminar Hall, Allied Health Centre of Excellence. Taklimat ini melibatkan Para Pegawai dilapangan, Pengimport dan Agen Pengimport dari Negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Para Penceramah adalah dari Pegawai Teknologi Makanan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dari Cawangan Import, Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Putrajaya. Taklimat ini juga melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Kastam Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Sesi Taklimat ini ditutup dengan sesi bual bicara yang melibatkan ahli panel dari Pelbagai agensi yang terlibat dengan aktiviti Kawalan Makanan Import di Pintu Masuk seperti KASTAM, MAQIS, Pegawai Kesihatan Pintu Masuk, Penceramah-penceramah dari Cawangan Import BKKM Putrajaya, Pegawai Berkuasa, BKKM Pulau Pinang dan telah diPengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Berikut adalah gambar-gambar aktiviti sepanjang Taklimat berlangsung:



Aktiviti kawalan keselamatan makanan import tertumpu di pintu masuk yang meliputi pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal konsainan dan persampelan makanan import sebelum makanan tersebut dibenarkan diimport.

Ianya melibatkan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang bertujuan untuk melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Pelaksanaan aktiviti kawalan keselamatan makanan import di pintu masuk berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Pemeriksaan dokumen konsainan makanan import di semua pintu masuk: 100%
- b. Pemeriksaan fizikal dan Label "*Packaged Food: Finish Product*" (PFFP): 100%
- c. Pensampelan "*Annual National Monitoring Programme For Imported Foods*" (ANMPIF) bagi tujuan analisa kimia, mikrobiologi dan fizikal di semua pintu masuk:
  - 1% *targeted sample* daripada jumlah konsainan yang diimport masuk ke negara ini.

Di samping mencapai sasaran yang ditetapkan, aktiviti kawalan keselamatan makanan import di pintu masuk menggunakan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) yang telah dibangunkan untuk memantau dan mengawal keselamatan makanan yang diimport. Terdapat enam tahap pemeriksaan bagi menentukan risiko makanan tersebut.

Tahap pemeriksaan tersebut adalah seperti berikut:

- Tahap 1 (Pelepasan Hijau), di mana konsainan makanan diberi pelepasan dengan syarat-syarat tertentu.
- Tahap 2 (Pelepasan Dengan Dokumen Spesifik), Pegawai Berkuasa di pintu masuk perlu menjalankan pemeriksaan dokumen dan pelabelan secara 100% bagi produk import dengan niat jualan.
- Tahap 3 (Pelepasan Dengan Pemantauan), di mana pemeriksaan wajib dilakukan dan sampel makanan mungkin diambil untuk analisis makmal.
- Tahap 4 (Pelepasan Dengan Pengawasan), di mana pemeriksaan dan pensampelan wajib dilakukan. Konsainan dilepaskan setelah pensampelan dijalankan.
- Tahap 5 (Tahan, Uji dan Lepas), pemeriksaan dan pensampelan wajib dilakukan. Konsainan ditahan setelah pensampelan dijalankan dan ianya akan dilepaskan setelah keputusan analisa mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Bermula Mac 2017, bayaran Fi bagi analisa sampel Tahan Uji dan Lepas (TUL) telah dikuatkuasakan kepada semua pengimport yang telah dikenakan TUL ke atas konsainmen yang dibawa masuk. Setiap parameter bayarannya adalah berbeza.
- Tahap 6 (Penolakan Secara Automatik), di mana sistem secara automatik menolak konsainan produk makanan yang terlibat.

## Aktiviti Penguatkuasaan Kawalan Import Makanan Di Pintu Masuk Pada Tahun 2019

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA						
RINGKASAN AKTIVITI KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN IMPORT DI PINTU MASUK						
				NO.BORANG	BKMM - 215	
NEGERI	<b>PULAU PINANG</b>			TAHUN	2019	
PINTU MASUK	PULAU PINANG			BULAN	JANUARI-DISEMBER	
Nama Pintu Masuk		PELABUHAN PULAU PINANG	PELABUHAN BUTTERWORTH	LTAB PULAU PINANG	JUMLAH	
KONSAINAN DIIMPORT	BILANGAN	0	17,861	5,208	23,069	
	KUANTITI (MT)	0	2,495,666	560	2,496,226.05	
	NILAI (RM)	RM -	RM 4,952,799,897.26	RM 11,162,762.14	RM4,963,962,659.40	
KONSAINAN DIPERIKSA	BILANGAN	18	7,096	2,398	9,512.00	
	KUANTITI (MT)	172	349,360	116	349,647.48	
	NILAI (RM)	RM430,360.56	RM1,202,024,837.01	RM3,853,014.37	RM1,206,308,211.94	
KONSAINAN DI SAMPEL	BILANGAN	27	351	33	411.00	
	KUANTITI (MT)	192	50,516	14	50,721.98	
	NILAI (RM)	RM599,493.76	RM74,905,573.61	RM955,361.86	RM76,460,429.23	
KONSAINAN MELANGGAR	JUMLAH PELANGGARAN	0	2	0	2.00	
	KUANTITI (MT)	0	38	0	38.00	
	NILAI (RM)	RM0.00	RM224,197.99	RM0.00	RM224,197.99	
SAMPEL DIANALISIS	FIZIKAL	0	62	0	62.00	
	KIMIA	24	286	32	342.00	
	MIKROBIOLOGI	0	3	0	3.00	
	BIOTEKNOLOGI	0	0	0	0.00	
	IRADIASI	0	0	0	0.00	
KEPUTUSAN ANALISA	FIZIKAL	0	44	0	44.00	
	JUMLAH PELANGGARAN	0	0	0	0.00	
	KIMIA	4	280	17	301.00	
	JUMLAH PELANGGARAN	0	3	0	3.00	
	MIKROBIOLOGI	0	3	0	3.00	
	JUMLAH PELANGGARAN	0	0	0	0.00	
	BIOTEKNOLOGI	0	0	0	0.00	
	JUMLAH PELANGGARAN	0	0	0	0.00	
	IRADIASI	0	0	0	0.00	
	JUMLAH PELANGGARAN	0	0	0	0.00	
TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP KONSAINAN YANG TIDAK MEMATUHI	DITOLAK	BILANGAN	0	0	0	
		KUANTITI (MT)	0	0	0	
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	
	DILEPASKAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
	RE EKSPORT	BILANGAN	0	1	0	1.00
		KUANTITI (MT)	0	19	0	19.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM137,887.64	RM0.00	RM137,887.64
	DIMUSNAH	BILANGAN	0	1	0	1.00
		KUANTITI (MT)	0	1	0	1.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM53,496.08	RM0.00	RM53,496.08
	PROSES SEMULA	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
	NOTIFIKASI FOOD ALERT	BILANGAN	0	3	0	3.00
		KUANTITI (MT)	0	58	0	57.50
		NILAI (RM)	RM0.00	RM358,668.63	RM0.00	RM358,668.63
	SURAT MAKLUMAN PELANGGARAN	BILANGAN	0	3	0	3.00
		KUANTITI (MT)	0	58	0	57.50
NILAI (RM)		RM0.00	RM358,668.63	RM0.00	RM358,668.63	

RETURN GOODS	BILANGAN		0	1	0	1.00
	KUANTITI (MT)		0	10	0	10.00
	NILAI (RM)		RM0.00	RM53,496.08	RM0.00	RM53,496.08
TAHAN UJULEPAS	BILANGAN		2	105	1	108.00
	KUANTITI (MT)		1	2,128	0	2,129.88
	NILAI (RM)		RM13,664.01	RM26,075,837.72	RM5,542.48	RM26,095,044.21
UNDERTAKING	BILANGAN		13	0	3	16.00
	KUANTITI (MT)		167	0	3	169.31
	NILAI (RM)		RM399,902.76	RM0.00	RM65,343.97	RM465,246.73
PEMERIKSAAN LABEL "PACKAGED FOOD: FINISH PRODUCT" (PFFP)	BILANGAN PFFP YANG DIIMPORT	BILANGAN	13	1,061	0	1,074.00
		KUANTITI (MT)	196	73,958	0	74,153.55
		NILAI (RM)	RM496,325.50	RM151,870,902.08	RM0.00	RM152,367,227.58
	BILANGAN PFFP DIPERIKSA LABEL		13	1,061	0	1,074.00
	BILANGAN PFFP MEMA TUHI LABEL		13	1,061	0	1,074.00
	PERATUS (%) PFFP MEMA TUHI LABEL		100%	100%	0%	100%
	BILANGAN PFFP MENJALANI PROSES PELABELAN SEMULA		0	0	0	0.00
PENSAMPELAN "ANNUAL NATIONAL MONITORING PROGRAMME FOR IMPORTED FOODS" (ANMPIF)	SASARAN PENSAMPELAN BULANAN		0	192	60	252.00
	BILANGAN SAMPEL YANG TELAH DIAMBIL PADA BULAN SEMASA		0	195	28	223.00
	PERATUS (%) PENCA PAIAN PENSAMPELAN BULANAN		0	102%	47%	89%
	SASARAN PENSAMPELAN TAHUNAN		0	2,304	708	3,012.00
	BILANGAN SAMPEL KUMULATIF YANG TELAH DIAMBIL		0	1,345	237	1,582.00
	PERATUS (%) PENCA PAIAN PENSAMPELAN TAHUNAN		0	58%	33%	53%
PEMERIKSAAN SUJIL KESIHATAN(HC)	BIL KONSAINAN YANG MEMERLUKAN HC DIIMPORT	BILANGAN	0	423	4	427.00
		KUANTITI (MT)	0	13,645	5	13,650.01
		NILAI (RM)	RM0.00	RM158,098,096.52	RM210,764.98	RM158,308,861.50
	BIL SUJIL DIPERIKSA		0	423	4	427.00
BIL SUJIL SAH		0	423	4	427.00	
PEMERIKSAAN SUJIL KESIHATAN(HC) DAN SUJIL ANALISA (CoA)	BIL KONSAINAN YANG MEMERLUKAN HC DAN CoA DIIMPORT	BILANGAN	2	27	1	30.00
		KUANTITI (MT)	20	537	0	557.54
		NILAI (RM)	RM172,802.14	RM5,013,775.00	RM5,542.48	RM5,192,119.62
	BIL SUJIL DIPERIKSA		2	27	0	29.00
BIL SUJIL SAH		2	26	0	28.00	
PEMERIKSAAN SUJIL ANALISA (CoA)	BIL KONSAINAN YANG MEMERLUKAN CoA DIIMPORT	BILANGAN	0	5	0	5.00
		KUANTITI (MT)	0	11	0	11.30
		NILAI (RM)	RM0.00	RM237,832.78	RM0.00	RM237,832.78
	BIL SUJIL DIPERIKSA		0	5	0	5.00
BIL SUJIL SAH		0	5	0	5.00	


HVP / FOOD CONTAINING HVP	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
MEAT	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	200	4	204.00
		KUANTITI (MT)	0	5,240	5	5,244.46
		NILAI (RM)	RM0.00	RM87,149,005.53	RM210,764.98	RM87,359,770.51
EDIBLE MEAT OFFAL	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	5	0	5.00
		KUANTITI (MT)	0	125	0	125.23
		NILAI (RM)	RM0.00	RM1,750,556.55	RM0.00	RM1,750,556.55
POULTRY	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
EDIBLE POULTRY OFFAL	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
SHRIMPS	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	186	0	186.00
		KUANTITI (MT)	0	3,548	0	3,547.73
		NILAI (RM)	RM0.00	RM95,036,168.75	RM0.00	RM95,036,168.75
PRAWNS	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	4	0	4.00
		KUANTITI (MT)	0	62	0	62.13
		NILAI (RM)	RM0.00	RM1,833,128.04	RM0.00	RM1,833,128.04

CRAB	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	15	0	15.00
		KUANTITI (MT)	0	198	0	198.33
		NILAI (RM)	RM0.00	RM3,490,592.44	RM0.00	RM3,490,592.44
CHEESE (UNPASTEURIZED, SOFT AND SEMI SOFT CHEESE)	SUJIL ANALISA MAKANAN	BILANGAN	0	2	0	2.00
		KUANTITI (MT)	0	100	0	100.40
		NILAI (RM)	RM0.00	RM1,841,174.66	RM0.00	RM1,841,174.66
SEAWEED AND SEAWEED PRODUCT	SUJIL ANALISA MAKANAN	BILANGAN	0	4	0	4.00
		KUANTITI (MT)	0	11	0	10.80
		NILAI (RM)	RM0.00	RM214,603.18	RM0.00	RM214,603.18
PEANUT BUTTER	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
	SUJIL ANALISA MAKANAN	BILANGAN	0	0	0	0.00
		KUANTITI (MT)	0	0	0	0.00
		NILAI (RM)	RM0.00	RM0.00	RM0.00	RM0.00
HONEY	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	2	12	0	14.00
		KUANTITI (MT)	20	182	0	202.78
		NILAI (RM)	RM172,802.14	RM1,468,200.85	RM0.00	RM1,641,002.99
	SUJIL ANALISA MAKANAN	BILANGAN	2	12	0	14.00
		KUANTITI (MT)	20	182	0	202.78
		NILAI (RM)	RM172,802.14	RM1,468,200.85	RM0.00	RM1,641,002.99
GROUNDNUT	SIJIL KESIHATAN	BILANGAN	0	21	0	21.00
		KUANTITI (MT)	0	419	0	418.80
		NILAI (RM)	RM0.00	RM2,510,966.10	RM0.00	RM2,510,966.10
	SUJIL ANALISA MAKANAN	BILANGAN	0	21	0	21.00
		KUANTITI (MT)	0	419	0	418.80
		NILAI (RM)	RM0.00	RM2,510,966.10	RM0.00	RM2,510,966.10

### Aktiviti Pelupusan Konsainan Makanan *Nutmeg Powder*



### Aktiviti Pensampelan Di Pintu Masuk



## CAWANGAN PENGUATKUASAAN

### PENGENALAN

#### Aktiviti Dan Pencapaian

#### Cawangan Penguatkuasaan

- Penubuhan Cawangan Penguatkuasaan di Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Negeri adalah bertujuan untuk mewujudkan satu struktur yang lebih teratur dan lebih mantap lagi dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- Selain berperanan sebagai pelaksana dan penguatkuasa undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan, cawangan ini juga berperanan untuk menjalankan aktiviti pemeriksaan premis makanan, pensampelan makanan, penguatkuasaan berkaitan pelesenan premis pemprosesan Air Minuman Berbungkus (AMB), Air Mineral Semulajadi (AMS), Ais dan Mesin Jual Air (MJA), Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM), menjalankan siasatan terhadap aduan iklan produk makanan serta krisis dan alert makanan dan menjalankan promosi berkaitan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

### UNIT DOMESTIK

#### (a) Pemeriksaan Premis Makanan

